



PROSIDING SEMINAR

Penyelidikan Tindakan
Bahasa Melayu Ambilan Jun 2013

"Penyelidikan Tindakan:
Pencetus Minda
Kreatif dan Inovatif"

Jabatan Pengajian Melayu
IPG Kampus Sarawak, Miri

PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN

BAHASA MELAYU AMBILAN JUN 2013
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN
DENGAN KEPUJIAN

(BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH)

Panel Penyunting

**Ling Anak Snelus Angking
Ainal Bt. Julhee
Zainal Bin Kassan
Selina Bt. Hj. Ahmad
Magdeline Anak Nor
Norainah Bt. Mohd. Saleh**

**Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
2017**

Panel Penyunting : Ling Anak Snelus Angking (Ketua)
Ainal Bt. Julhee
Zainal Bin Kassan
Selina Bt. Hj. Ahmad
Magdeline Anak Nor
Norainah Bt. Mohd. Saleh

Reka Bentuk Kulit : Ainal Bt. Julhee
Beatrice Anak Terry
Lieu Wei Ing
Pauline Hii
Ting Mee Wee

Dicetak oleh : Lensin Printing & Trading Sdn. Bhd.

Cetakan Pertama 2017

q

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis dari Ketua Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

© Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Sarawak 2017

ISBN 978-967-0162-57-7

**Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam
98009 Miri
Sarawak
Tel: (6)085-421201
Faks:(6)085-424178**

PRAKATA

Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017) dihasilkan khusus untuk menjadi bahan rujukan bagi para pelatih guru yang mengambil kursus-kursus BMM3133: Penyelidikan Tindakan I – Kaedah (Bahasa Melayu Pendidikan Rendah), dan BMM3153: Pelaksanaan dan Pelaporan. Kedua-dua kursus ini mengkehendakkan pelatih guru mempelajari cara menyediakan kertas cadangan seterusnya melaksanakan penyelidikan tindakan di dalam bilik darjah. Fokus/Isu penyelidikan tindakan yang dicadangkan dan dilaksanakan berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran atau pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu dalam bilik darjah dengan harapan penyelidikan tindakan akan dijadikan satu budaya yang dihayati dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan, dan dalam usaha untuk menghasilkan inovasi-inovasi berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017) ini mengandungi 28 kertas seminar yang telah dibentangkan oleh pelatih guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP) yang mengikuti program Bahasa Melayu Pendidikan Rendah ambilan Jun 2013 pada 11 April 2017.

Kesemua kertas seminar ini menjurus kepada penyelidikan tindakan yang memerihalkan pelbagai kaedah, teknik, dan rumus untuk membantu pembelajaran Bahasa Melayu dari segi aspek kemahiran lisan, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan sistem Bahasa Melayu (khasnya morfologi, dan sintaksis).

Saya mengucapkan syabas kepada semua pelatih guru PISMP Bahasa Melayu Pendidikan Rendah kerana telah berusaha gigih untuk menerbitkan *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)* ini. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada semua pensyarah Jabatan Pengajian Melayu yang telah memberi bimbingan yang amat membina kepada kumpulan pelatih guru ini. Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengarah yang telah memberi segala kemudahan dan sokongan ke arah penerbitan prosiding ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga sehingga prosiding ini berjaya diterbitkan.

LING ANAK SNELUS ANGKING
Ketua Jabatan,
Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
TEKNIK GARIS TIGA BERBANTUKAN WARNA: APLIKASI DALAM PENULISAN HURUF ‘S’ PADA PANGKAL PERKATAAN DALAM AYAT Beatrice Terry & Ainah Julhee	1
PENGGUNAAN KAD BERWARNA BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT PASIF DALAM KALANGAN MURID TAHUN 4 Bibilla Agai & Magdeline Nor	10
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BERDASARKAN GAMBAR MENGGUNAKAN RUMUS “PAL” DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3 Chin Mui Fong & Selina Ahmad	19
PENGGUNAAN TEKNIK 6S DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN BAHASA MELAYU BAGI MURID TAHUN TIGA Daisy Daniel Dian & Norainah Mohd. Saleh	28
“PETA POKOK” APLIKASI DALAM KEMAHIRAN MENULIS AYAT BERPANDUKAN GAMBAR Damia Luhi & Ainah Julhee	38
PENGGUNAAN TEKNIK CAP JARI; APLIKASI DALAM KEMAHIRAN MENULIS PERENGGAN KARANGAN BAGI MURID TAHUN 3 Dayangku Norasdiana Awangku Hassan & Ainah Julhee	48
KEBERKESANAN BUKU LATIHAN EMPAT GARISAN DALAM PENULISAN HURUF BESAR DAN HURUF KECIL MURID TAHUN 3 Dayang Rostia Awang Arni & Selina Ahmad	57
PENGGUNAAN TEKNIK “PAM” MENGGUNAKAN BUKU LATIHAN BERGARIS EMPAT UNTUK MENCANTIKKAN TULISAN MURID TAHUN 2 Jassica Thomas & Norainah Mohd Saleh	67

PENGGUNAAN PETA BULATAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHAGIAN C BAHASA MELAYU MURID TAHUN 5	79
Khairul Nurhidayah Mahran & Zainal Kassan	
PENGGUNAAN TEKNIK PEMBELAJARAN KOPERATIF B-G-B MEMBANTU MURID-MURID TAHUN 4 MENGUASAI PENGGUNAAN HURUF BESAR DALAM PENULISAN	88
Larry Limin & Zainal Kassan	
MENINGKATKAN PENGGUNAAN PETA BUIH DALAM MENGUASAI SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) BAGI MURID TAHUN LIMA	96
Lieu Wei Ing & Magdeline Nor	
TEKNIK CERAKINAN AYAT UNTUK MEMBANTU MURID MENGENAL PASTI AYAT TUNGGAL DAN AYAT MAJMUK	105
Loo Siaw Hui & Magdeline Nor	
PENGAPLIKASIAN KAEDAH IMLAK MEMBANTU MENINGKATKAN PENGUASAAN PENGGUNAAN IMBUHAN AWALAN, AKHIRAN DAN APITAN DALAM KALANGAN MURID	113
Mahani Razali @ Lapok & Zainal Kassan	
MENULIS KARANGAN JENIS PENGUMUMAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 3	122
Mariani Hapeni & Ainah Julhee	
PENGGUNAAN TEKNIK JADUAL PELAN MAKLUMAT DALAM MENULIS ULASAN BAHAN GRAFIK MURID TAHUN LIMA	133
Mises Depol & Ling Snelus Angking	
PENGGUNAAN JADUAL 4 JALUR DENGAN KATA TANYA DALAM MENINGKATKAN PENULISAN PENDAHULUAN KARANGAN MURID TAHUN 5	146
Mohammad Nazri Pol & Norainah Mohd. Saleh	
PENGGUNAAN KAEDAH KOPERATIF “STAD” DALAM MENU LIS AYAT MAJMUK GABUNGAN BERPANDUKAN GAMBAR MURID TAHUN LIMA	157
Noormuizzah Jahawi & Ling Snelus Angking	
APLIKASI KAEDAH KENAL DAN WARNA (KENA) DALAM MEMBINA AYAT TUNGGAL MENGGUNAKAN KATA PEMERI MURID TAHUN 5	169
Norajeerah Masri & Ainah Julhee	

RUMUS “subjek + kata kerja + keterangan + objek (SKKetO)”	179
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BERWACANA MURID TAHUN EMPAT	
Nuraini Alia Abdullah & Zainal Kassan	
PENGGUNAAN TEKNIK PENYOALAN “SiBuDAM”	191
MENINGKATKAN PENGUASAAN MEMBINA AYAT YANG GRAMATIS DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3	
Nurshaidatul Afina Yusof & Selina Ahmad	
PENGGUNAAN CARTA ALIR DAN KATA TANYA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGHURAI ISI KARANGAN MURID TAHUN 4	202
Nurul Dalila Sabran & Norainah Mohd. Saleh	
TEKNIK GARIS TIGA DAN TIGA WARNA: MENINGKATKAN PENGUASAAN HURUF BESAR DAN TANDA NOKTAH MURID TAHUN 2	212
Pauline Hii & Norainah Mohd. Saleh	
KAEDAH MANIPULASI AYAT BERBANTUKAN CARTA POHON DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT PASIF DI-	222
Shereene Tuah & Zainal Kassan	
PENGGUNAAN KAEDAH IMEJ VISUAL “JARI PINTAR” DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT MAJMUK GABUNGAN MURID TAHUN TIGA	232
Siti Kartini Jemat & Selina Ahmad	
PENGGUNAAN “SET KEMAS” MEMBANTU MURID TAHUN DUA MENULIS DENGAN KEMAS	243
Siti Normarni Adzmi & Ainah Julhee	
PENGGUNAAN KAD PERKATAAN UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 2 DALAM MEMBACA PERKATAAN BERIMBUHAN	254
Ting Mee Wee & Selina Ahmad	
MENINGKATKAN PENGUASAAN KATA SENDI NAMA ‘DI’ DAN IMBUHAN AWALAN ‘DI-’ DENGAN MENGGUNAKAN JADUAL	263
Wong Siew Wei & Magdalene Nor	
PENGGUNAAN KATA TANYA MENINGKATKAN HURAIAN ISI KARANGAN JENIS FAKTA MURID TAHUN 4	272
Yeo Gek Chieng & Magdalene Nor	

TEKNIK GARIS TIGA BERBANTUKAN WARNA: APLIKASI DALAM PENULISANHURUF ‘S’ PADA PANGKAL PERKATAAN DALAM AYAT

BEATRICE TERRY¹
AINAH JULHEE²

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam menulis huruf ‘S’ besar dan huruf ‘S’ kecil pada pangkal perkataan dalam ayat. Penulisan huruf ‘S’ ini diperbaiki dengan menggunakan teknik garis tiga berbantukan warna. Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang murid kelas 3 Cemerlang Sekolah Kebangsaan Indah Desa dengan menggunakan model Kurt Lewin (1946). Teknik ini dilaksanakan secara ansur maju iaitu latihan bagi melihat tahap penguasaan murid adalah secara berperingkat. Dua kaedah pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini iaitu analisis dokumen dan pemerhatian. Dokumen yang dianalisis ialah lembaran kerja murid manakala pemerhatian dilakukan secara tidak berstruktur menggunakan catatan pemerhatian. Data yang diperoleh disemak menggunakan triangulasi kaedah. Hasil analisis menunjukkan teknik garis tiga berbantukan warna dapat meningkatkan tahap penguasaan dua daripada tiga orang murid dalam penulisan huruf ‘S’ pada pangkal perkataan dalam ayat. Kajian ini dapat dilanjutkan dengan mewujudkan latihan menulis perkataan yang mengandungi huruf-huruf lain yang sama bentuk. Selain itu, kajian ini dapat diperluaskan iaitu dengan menulis petikan pendek dan menjawab soalan pemahaman.

Kata kunci: huruf ‘S’, dalam ayat, teknik garis tiga, warna, ansur maju

ABSTRACT

The research was conducted to increase the level of pupils mastery based on writing of the capital letter ‘S’ and small letter ‘S’ in based word inthe sentences. The writing of the letter ‘S’ from the sentences were improved by using the three-lined technique which was supported by colours as well. The research was conducted with Year 3 pupils of Sekolah Kebangsaan Indah Desabased on Kurt Lewin (1946) model. This technique was implemented with the progression method to analyse the achievement level of the pupils. Two data collections method used in this research were document analysis and observation. The document analysis was implemented based on pupils worksheetswhere by the observation was implemented by observations record. The data as well was checked by using method triangulation. The analysis showed that three-lined technique supported by colours had helped the pupils to increase their achievement level in writing the letter ‘S’ in the sentences. This study could be extended by writing words which contain another type of

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

letter that have the same shape as well as writing a short passage and answering comprehension.

Keywords: letter 'S', in the sentences, three-line technique, colours, progression

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih ambilan Jun 2013 di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri dalam opsyen Bahasa Melayu. Saya telah menjalani praktikum Fasa III di Sekolah Kebangsaan Indah Desa selama tiga bulan. Sekolah Kebangsaan Desa Indah merupakan sebuah sekolah yang terletak di sebuah kawasan perkampungan kira-kira 2 kilometer daripada institut. Kajian yang telah saya jalankan adalah berkaitan dengan kemahiran menulis huruf dalam ayat.

Menurut Maridah Alias, Faiziah Hj. Shamsudin dan Khairuddin Mohamad (2013), tulisan adalah berfungsi untuk mendirikan asas yang kukuh supaya seseorang kanak-kanak itu dapat melahirkan idea, fikiran dan perasaan dengan baik, pantas dan cekap. Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Modul Teras Asas Bahasa Malaysia Tahap Satu (2012), kemahiran menulis perlu diberi penekanan terhadap aspek penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Sekiranya murid tidak mempraktikkan cara penulisan ayat yang betul maka penulisan yang dihasilkan itu akan mengandungi kesilapan.

Masalah penulisan huruf dalam kalangan murid yang saya kaji adalah berdasarkan penulisan huruf dalam ayat terutamanya bagi huruf yang sama bentuk jika ditulis dalam huruf besar atau huruf kecil. Oleh itu, saya telah mendapati beberapa orang murid menulis huruf 'S' pada pangkal perkataan dalam ayat secara tidak konsisten dan menyebabkan ayat yang ditulis mengandungi kesilapan.

1. Frasa Nama + Frasa Nama Dia <u>orang</u> yang berani.	1
2. Frasa Nama + Frasa Kerja Abang <u>sedang</u> membaki keretanya.	2
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif <u>Saya</u> gembira kerana mendapat <u>gul</u> , piata dan pingat.	1
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama Ayah <u>Saya</u> baru sahaja pulang daripada Kuala Lumpur.	1

Rajah 1. Hasil kerja murid A

1. Frasa Nama + Frasa Nama Hairil <u>orang</u> guru.	1
2. Frasa Nama + Frasa Kerja Barial <u>bawa</u> <u>badminton</u> .	1
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif <u>Saya</u> gembira.	1
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama Saya di <u>taman</u> .	2

Rajah 2. Hasil kerja murid F

1. Frasa Nama + Frasa Nama	<i>Ali jiran Ongku.</i>	1
2. Frasa Nama + Frasa Kerja	<i>Saya bermain di padang sekolah.</i>	1
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif	<i>Saya sedin.</i>	2
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama	<i>Saya ke Sekolah.</i>	1

Rajah 3. Hasil kerja murid H

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah berkaitan dengan penulisan huruf 'S' pada pangkal perkataan dalam ayat. Sehubungan itu, saya ingin membantu murid dalam menulis huruf 'S' besar dan huruf 'S' kecil pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul bagi mengelakkan murid melakukan kesilapan dalam ayat yang ditulis. Sekiranya murid tidak dilatih untuk menulis huruf 'S' dalam ayat dengan betul, perkara ini akan menjelaskan pencapaian murid.

Saya mendapati tiga orang murid memerlukan bimbingan untuk menulis huruf 'S' pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul. Tiga orang murid tersebut telah dikesan melalui data awal yang diperoleh daripada pemerhatian dan hasil kerja murid yang menunjukkan murid menulis huruf 'S' dalam ayat secara tidak konsisten dari segi saiz.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif:

- i. Murid dapat menulis huruf 'S' besar pada pangkal perkataan di awal ayat dengan betul menggunakan teknik garis tiga berbantuan warna.
- ii. Murid dapat menulis huruf 'S' kecil pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul menggunakan teknik garis tiga berbantuan warna.

Kajian yang telah saya laksanakan ini dapat menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- i. Adakah teknik garis tiga berbantuan warna dapat membantu murid dalam menulis huruf 'S' besar pada pangkal perkataan di awal ayat dengan betul?
- ii. Adakah teknik garis tiga berbantuan warna dapat membantu murid dalam penulisan huruf 'S' pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul?


PESERTA KAJIAN

Bilangan peserta kajian saya adalah seramai 3 daripada 32orang murid 3 Cemerlang yang mengalami masalah dari segi penulisan huruf 'S' dalam ayat. Ketiga-tiga peserta kajian ini adalah terdiri daripada murid lelaki. Murid A, F dan H merupakan murid yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Murid A mempunyai tulisan yang mudah dibaca tetapi terdapat huruf yang ditulis dengan tidak konsisten dari segi penggunaan hurufbesar dan hurufkecil. Murid F mempunyai masalah dari segi tingkah laku seperti mengganggu rakan dan kurang memberi tumpuan kepada aktiviti yang dijalankan dalam bilik darjah. Murid tersebut leka semasa menulis ayat tanpa menitikberatkan penulisan huruf yang betul. Murid H pula menulis agak lambat dan penulisan huruf dalam ayat khususnya huruf juga tidak sekata.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model yang digunakan dalam kajian ini ialah model Kurt Lewin (1946). Tindakan yang saya jalankan terhadap masalah ini adalah berbincang dengan guru pembimbing, iaitu Puan N. Saya telah membuat satu perancangan bagi membantu murid dengan menyediakan pelan perancangan berbentuk latihan secara berperingkat berdasarkan kaedah ansur maju dan teknik garis tiga berbantukan warna.

Sehubungan itu, saya telah menyediakan sebuah 'Kit Tulisan Kemas' sebagai kemudahan untuk murid melakukan latihan yang diberikan yang mengandungi set alat tulis, kad huruf dan kertas bergaris tiga, kertas bergaris biasa dan ayat-ayat yang perlu ditulis oleh murid.



Rajah 4. Kit Tulisan Kemas

Kertas bergaris tiga digunakan untuk mengawal penulisan huruf 'S' murid dalam ayat dari segi saiz. Kertas bergaris biasa pula adalah bertujuan untuk menilai sama ada murid dapat menulis huruf 'S' dalam ayat dengan betul sama ada sebelum dan selepas penggunaan teknik garis tiga. Penggunaan warna dapat membantu murid untuk membezakan saiz huruf secara imej visual. Murid memilih dua jenis warna kegemaran masing-masing dan menetapkan warna bagi penulisan huruf 'S' besar dan huruf 'S' kecil. Kad huruf digunakan sebagai bantu mengajar dalam memberi penerangan

tentang penulisan huruf ‘S’ besar dan kecil yang betul serta untuk membezakan kedua-dua saiz huruf ‘S’.

Kaedah ansur majudapat membantu murid-murid memahami dan menguasai kemahiran menulis (Zaharin bin Liam, 2012:271). Oleh itu, saya telah menggunakan latihan secara berperingkatini dijalankan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Pelaksanaan latihan secara berperingkat

Latihan	Perkara	Tarikh
1	Latihan imlak lima baris ayat.	6 Oktober 2016
2	Latihan penulisan ayat menggunakan teknik garis tiga berbantuan warna.	9 Oktober 2016
3	Latihan penulisan ayat menggunakan garis biasa berbantuan warna.	13 Oktober 2016
4	Latihan menulis ayat menggunakan garis biasa secara imlak.	19 Oktober 2016

Latihan secara berperingkat ini digunakan untuk mengukur kebolehan murid dalam menulis huruf ‘S’ dalam ayat dengan betul. Tahap penguasaan murid akan diukur melalui perbandingan pencapaian murid dalam latihan 1 dan latihan 4. Latihan 2 adalah merujuk kepada penggunaan teknik garis tiga dan warna manakala latihan 3 merujuk kepada penggunaan garis teknik warna tanpa garis tiga.

Kaedah mengumpul data

Dua kaedah mengumpul data digunakan dalam kajian ini iaitu analisis dokumen dan pemerhatian. Analisis dokumen merupakan kaedah utama dalam kajian ini iaitu, lembaran kerja. Kaedah pemerhatian pula adalah secara tidak berstruktur dengan mencatat setiap peristiwa yang berlaku di dalam ruangan catatan pemerhatian.

Kaedah menganalisis data

Analisis data dilakukan secara deskriptif. Penganalisisan dilakukan setelah semua data kajian diperoleh. Data daripada analisis dokumen adalah berbentuk markah dan peratus manakala data pemerhatian di analisis menggunakan jumlah bilangan murid yang menunjukkan tingkah laku positif dan negatif semasa latihan dijalankan.

Kaedah menyemak data

Saya menggunakan triangulasi kaedah untuk menyemak data yang diperoleh dari analisis dokumen dan pemerhatian.

DAPATAN KAJIAN

Murid dapat menulis huruf ‘S’ besar pada pangkal perkataan di awal ayat dengan betul menggunakan teknik garis tiga berbantuan warna.

Hasil dapatan melalui analisis dokumen menunjukkan bahawa teknik garis tiga berbantuan warna telah dapat membantu murid untuk menulis huruf ‘S’ besar pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul. Jadual 2 merupakan data yang telah diperoleh:

Jadual 2
Analisis dokumen

Murid	Sebelum		Semasa Aplikasi Teknik				Selepas	
	L.1		L.2		L.3		L.4	
	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)
A	6	60	10	100	10	100	10	100
F	6	60	10	100	10	100	6	60
H	6	60	10	100	10	100	10	100

Nota: M-Markah, L-Latihan

Analisis dapatan pada Jadual 2 menunjukkan murid A dan H menunjukkan peningkatan daripada 60% pada latihan 1 kepada 100% pada latihan 4 setelah menggunakan teknik garis tiga dan warna pada latihan 2 dan latihan 3. Murid F pula memperoleh pencapaian yang mendatar.

Dapatan melalui analisis dokumen ini turut disokong melalui hasil dapatan melalui pemerhatian yang telah dijalankan semasa pelaksanaan latihan 1 dan latihan 4. Pemerhatian 1 dijalankan semasa murid menjalani latihan 1 manakala pemerhatian 2 pula dijalankan semasa latihan 4. Jadual 3 menunjukkan data yang diperoleh melalui pemerhatian.

Jadual 3
Analisis pemerhatian tingkah laku

Aspek Tingkah Laku	Pemerhatian 1		Pemerhatian 2	
	Bilangan Murid	Peratus (%)	Bilangan Murid	Peratus (%)
Menunjukkan tumpuan terhadap latihan yang dijalankan.	1	33.3	2	66.7
Postur badan yang betul semasa menulis.	2	66.7	2	66.7
Dapat menyiapkan latihan dalam masa yang ditetapkan.	1	33.3	2	66.7
Mengganggu rakan.	1	33.3	1	33.3

Dapatan pemerhatian pada Jadual 3 menunjukkan perbandingan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid pada sebelum dan selepas teknik garis tiga berbantuan warna diperkenalkan kepada murid. Bilangan murid

yang menunjukkan tingkah laku positif meningkat pada pemerhatian yang kedua. Namun, hanya seorang murid sahaja yang masih menunjukkan tingkah laku negatif iaitu mengganggu rakan kerana sifat tersebut memang sudah menjadi kebiasaan murid dalam bilik darjah.

Kedua-dua dapatan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknik garis tiga berbantukan warna dapat membantu dua daripada tiga orang murid untuk menulis huruf 'S' besar pada pangkal perkataan di awal ayat dengan baik.

Murid dapat menulis huruf 'S' kecil pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul menggunakan teknik garis tiga berbantukan warna.

Hasil dapatan melalui analisis dokumen menunjukkan bahawa teknik garis tiga berbantukan warna telah dapat membantu murid untuk menulis huruf 'S' kecil pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul. Jadual 4 merupakan data yang telah diperoleh:

Jadual 4
Analisis dokument

Murid	Sebelum Aplikasi Teknik				Selepas			
	L.1		L.2		L.3		L.4	
	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)	M	Peratus (%)
A	7	70	10	100	10	100	10	100
F	7	70	10	100	5	50	6	60
H	6	60	9	90	10	100	8	80

Nota: M-Markah, L- Latihan

Dapatan analisis dokument pada Jadual 4 menunjukkan pencapaian murid A meningkat dari 70% pada latihan 1 kepada 100% pada latihan 4 manakala murid H turut menunjukkan peningkatan daripada 60% pada latihan 1 kepada 100% pada latihan 4 setelah menggunakan teknik garis tiga dan warna pada latihan 2 dan latihan 3. Murid F pula memperoleh pencapaian yang menurun iaitu, dari 70% pada latihan 1 dan menurun kepada 60% pada latihan 4 setelah menggunakan teknik garis tiga berbantukan warna.

Dapatan melalui analisis dokument ini turut disokong melalui hasil dapatan melalui pemerhatian yang telah dijalankan semasa pelaksanaan latihan 1 dan latihan 4. Pemerhatian 1 dijalankan semasa murid menjalani latihan 1 manakala pemerhatian 2 pula dijalankan semasa latihan 4. Jadual 5 menunjukkan data yang diperoleh melalui pemerhatian.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 5

Analisis pemerhatian tingkah laku

Aspek Tingkah Laku	Pemerhatian 1		Pemerhatian 2	
	Bilangan Murid	Peratus (%)	Bilangan Murid	Peratus (%)
Menunjukkan tumpuan terhadap latihan yang dijalankan.	1	33.3	2	66.7
Postur badan yang betul semasa menulis.	2	66.7	2	66.7
Dapat menyiapkan latihan dalam masa yang ditetapkan.	1	33.3	2	66.7
Menganggu rakan.	1	33.3	1	33.3

Dapatan pemerhatian pada Jadual 5 menunjukkan perbandingan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid pada sebelum dan selepas teknik garis tiga berbantukan warna diperkenalkan kepada murid. Bilangan murid yang menunjukkan tingkah laku positif meningkat pada pemerhatian yang kedua. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa teknik garis tiga berbantukan warna telah berjaya menarik tumpuan dan meningkatkan komitmen murid terhadap penulisan huruf 'S' dalam ayat.

Kedua-dua dapatan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknik garis tiga berbantukan warna dapat membantu dua daripada tiga orang murid untuk menulis huruf 'S' kecil pada pangkal perkataan dalam ayat dengan baik.

REFLEKSI

Teknik garis tiga berbantukan warna telah memberi kesan yang positif dalam membantu murid terhadap penulisan huruf 'S' pada pangkal perkataan di dalam ayat. Keberkesanan teknik ini turut disokong oleh Hapni Abang (2012) yang menyatakan bahawa penggunaan latihan garis tiga telah memberikan impak yang positif dan telah menunjukkan peningkatan prestasi murid dalam kemahiran menulis dengan kemas.

Selain itu, penggunaan warna turut membantu murid dalam menulis huruf 'S' pada pangkal perkataan di dalam ayat dengan betul. Hal ini turut disokong oleh Siti Anizan binti Moyang (2012) yang menyatakan bahawa teknik garis tiga berbantukan ton warna telah berjaya meningkatkan amalan pengajaran dan memperbaiki penulisan huruf murid.

Kaedah ansur maju secara latihan berperingkat yang telah dilaksanakan juga telah memberi kesan yang positif dalam membantu murid meningkatkan pencapaian. Hal ini turut disokong melalui hasil dapatan kajian Zaharin bin Liam (2012) yang menunjukkan impak positif dalam meningkatkan prestasi penguasaan kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil dalam Bahasa Melayu.

Beatrice Terry & Ainah Julhee

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mencadangkan agar kajian ini dapat diubahsuai dengan mengaplikasikan teknik garis tiga berbantuan warna dalam membantu murid menulis huruf-huruf yang lain seperti huruf ‘C’ dan ‘O’. Selain itu, kajian ini dapat diperluaskan ke peringkat kemahiran menulis yang lebih tinggi seperti menulis petikan pendek dan mempelbagaikan lembaran kerja seperti menjawab soalan pemahaman.

PENUTUP

Pelaksanaan kajian ini menunjukkan bahawa teknik garis tiga berbantuan warnatelah berjaya membantu dua daripada tiga orang murid dalam menulis huruf ‘S’ pada pangkal perkataan dalam ayat dengan betul.

RUJUKAN

- Hapni Abang. (2012). Kesan penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi terhadap murid tahun empat semasa menulis huruf besar. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. Kuching: Institut Pendidikan Guru kampus Batu Lintang. 139-151.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Modul Teras Asas Bahasa Malaysia Tahap Satu*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Maridah Alias, Faiziah Shamsudin & Khairuddin Mohamad. (2013). *Bahasa Melayu pemulihian*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Siti Anizan Moyang. (2012). Penggunaan teknik garis tiga berbantuan ton warna dalam memperbaiki penulisan huruf ‘G’, ‘J’ dan ‘Y’ murid tahun lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. Kuching: Institut Pendidikan Guru kampus Batu Lintang. 234-246.
- Zaharin Liam. (2012). Kesan kaedah ansur maju dalam membetulkan tulisan huruf besar dan huruf kecil murid tahun empat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. Kuching: Institut Pendidikan Guru kampus Batu Lintang. 260-273.

PENGGUNAAN KAD BERWARNA BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT PASIF DALAM KALANGAN MURID TAHUN 4

**BIBILLA AGAI¹
MAGDELINE NOR²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis binaan ayat pasif dengan menggunakan kad berwarna dalam kalangan murid Tahun 4. Model yang digunakan dalam kajian tindakan ini ialah Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946). Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dalam kalangan murid-murid tahun empat menggunakan kad berwarna dan menghuraikan cara murid menguasai kemahiran membina ayat pasif menggunakan kad berwarna. 10 orang murid telah dipilih untuk dijadikan responden dalam kajian. Pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah digunakan untuk mengumpul data di dalam kajian ini. Hasil daripada analisis data telah menunjukkan peningkatan dalam binaan ayat pasif yang lebih gramatis dalam kalangan responden. Penggunaan kad berwarna bukan sahaja dapat mengatasi masalah murid dalam binaan ayat pasif malahan dapat membantu memperbaiki amalan pengajaran guru. Cadangan kajian lanjut adalah dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi binaan ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama serta kedua.

Kata kunci : Kemahiran Menulis, Ayat Pasif, Kad Berwarna, Tahun 4, Model Kurt Lewin

ABSTRACT

This research was carried out to improve the passive voice sentence writing skills with the use of colourful cards among Year 4 pupils. The model that had been used in this research was Kurt Lewin Action Research Model (1946). There were two objectives in this research such as to improve the passive voice sentence writing skills among Year 4 pupils with the use of colourful cards and described how the pupils acquire the passive voice sentence writing skills with the use of colourful cards. 10 pupils had been chosen to become the respondent for the research. Observations, interview and document analysis had been used to collect data in this research. The result from the data analysis had shown the improvement in the passive voice sentence writing. The use of colourful cards were not only able to overcome the pupil's problems in the passive voice sentence writing instead able to help to improve teacher's teaching practices. Further research suggestion is to use the Information Technology in teaching and learning for the construction of passive voice with pronouns.

Keywords: Writing Skills, Passive Voice, Colourful Cards, Year 4, Kurt Lewin's Model


PENGENALAN

Seiring dengan peredaran dan kehendak dunia pada masa kini, pendidikan terus menjadi fokus utama dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, satu proses transformasi pendidikan telah diperkenalkan bagi menggantikan kurikulum pendidikan yang lama, iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada kurikulum baharu, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Transformasi Kurikulum ini diperkenalkan bertujuan untuk menambah baik kurikulum sedia ada dan memastikan agar semua murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa. Kurikulum baharu ini mengetengahkan pendekatan modular dan didik hibur dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan nilai kepada murid.

Berpandukan Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Menyedari tentang kepentingan ini, saya telah memilih untuk melaksanakan kajian dalam aspek tatabahasa bagi membantu murid menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih baik di peringkat sekolah rendah. Saya telah menjalani praktikum fasa ketiga di salah sebuah sekolah luar bandar di bahagian Miri, Sarawak bermula pada 25 Julai 2016.

Pada minggu pertama saya di sekolah luar bandar tersebut, iaitu hari Jumaat bertarikh 29 Julai 2016 saya telah masuk ke kelas Tahun 4 untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia. Aspek yang diajar oleh saya pada ketika itu ialah aspek tatabahasa bertajuk ayat pasif yang merujuk kepada Standard Kandungan (5.3), iaitu memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi dan Standard Pembelajaran (5.3.2), iaitu memahami dan membina ayat aktif dan ayat pasif dengan betul dalam pelbagai situasi. Manakala objektif pembelajaran yang ingin saya capai pada hari tersebut ialah murid dapat mengkategorikan ayat aktif dan ayat pasif dengan betul dalam pelbagai situasi serta murid dapat membina sekurang-kurangnya empat jenis ayat pasif daripada ayat aktif. Oleh itu, melalui hasil pemerhatian dan hasil kerja murid yang diperoleh saya dapat bahawa ramai murid tidak dapat membina ayat pasif KGND1 dan KGND2. Rajah 1 menunjukkan beberapa kesalahan yang dilakukan oleh murid berhubung dengan ayat pasif dengan KGND1 dan KGND2:

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)



Rajah 1. Kesalahan murid membina ayat pasif menggunakan KGND1 dan KGND2

FOKUS KAJIAN

Aspek tatabahasa terbahagi kepada dua bidang utama, iaitu Morfologi dan Sintaksis. Dalam bidang sintaksis, murid didedahkan dengan hukum atau rumus tatabahasa yang berkaitan dengan binaan ayat. Di peringkat sekolah rendah, murid telah didedahkan lebih awal tentang cara menulis ayat yang betul dan gramatis. Hal ini bertepatan dengan objektif aspek tatabahasa yang telah digubal dalam KSSR.

Melihat kepada keperluan ini, saya dapat bahawa aspek tatabahasa sangat penting kepada semua murid untuk membantu mereka menguasai mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan baik. Di samping itu, bertujuan membantu pihak sekolah mendapatkan keputusan yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Meskipun kajian tindakan ini dilaksanakan ke atas murid tahun 4 namun begitu saya berharap supaya masalah ini dapat diatasi sebelum murid menduduki ujian penilaian sekolah rendah iaitu UPSR. Tambahan pula, dalam format ujian UPSR Kertas Pemahaman Bahasa Malaysia yang terbaru, pengetahuan dan kefahaman murid diuji pada soalan 22, iaitu sama ada menukar ayat aktif kepada ayat pasif ataupun sebaliknya.

Melalui tinjauan hasil kajian yang lepas berhubung dengan ayat pasif, saya dapat bahawa isu ini bukan hanya berlaku kepada murid yang berada di sekolah rendah tetapi turut berlaku pada individu yang berada di pengajian tinggi awam. Wong Shia Ho (2011), dalam kajiannya mendapati seramai 19 orang guru pelatih yang menulis refleksi tentang Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) telah melakukan kesilapan ketika menulis ragam ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga. Normaizam Binti Hamid (2016) pula, telah melakukan kajian ke atas 16 orang murid yang terdiri daripada 10 murid perempuan dan 6 orang murid lelaki berhubung

dengan masalah menukar ayat aktif kepada pasif sama ada menggunakan kata ganti nama diri orang pertama, kedua atau ketiga. Kartini Abd.Wahab (2011), juga dalam kajiannya turut menyentuh tentang penggunaan ragam ayat pasif yang mengikut konteks bahasa Melayu.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua objektif dan soalan kajian.

Objektif Kajian

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif utama, iaitu:

- (a) meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dalam kalangan murid-murid tahun empat menggunakan kad berwarna.
- (b) menghuraikan cara murid menguasai kemahiran membina ayat pasif menggunakan kad berwarna.

Soalan Kajian

Soalan untuk kajian tindakan ini pula ialah:

- (a) Bagaimakah penggunaan kad berwarna dapat membantu murid-murid tahun empat dalam meningkatkan kemahiran membina ayat pasif?
- (b) Bagaimana murid tahun empat menguasai kemahiran membina ayat pasif menggunakan kad berwarna?

PESERTA KAJIAN

Saya telah memilih 10 orang murid tahun 4 yang mempunyai masalah yang sama, iaitu tidak dapat menukar ayat pasif dengan betul menggunakan KGND1 dan KGND2. Selain itu, melalui temu bual bersama guru pembimbing Bahasa Malaysia yang mengajar kelas ini saya dapat bahawa kesemua mereka merupakan murid yang mempunyai tahap sederhana dan boleh dibantu dari segi pencapaian akademik. Di samping itu, pemilihan ini juga berdasarkan kepada hasil lembaran kerja yang dilakukan oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang lepas serta beberapa ciri-ciri tertentu yang terdapat pada 10 murid tersebut.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Dalam kajian tindakan ini, saya memilih untuk menggunakan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) yang melibatkan lima proses dalam satu kitaran, iaitu mengenal pasti aspek amalan, merancang, tindakan, menentukan kesan tindakan dan refleksi.

Pada langkah pertama, saya telah meneliti semula kelemahan amalan pengajaran yang lepas. Kemudian, langkah kedua ialah saya telah merancang untuk mengubah strategi pengajaran yang lepas kepada penggunaan kad berwarna dalam binaan ayat pasif. Kad berwarna tersebut terdiri daripada tiga jenis warna iaitu warna merah jambu untuk KGND1, warna kuning pula merujuk kepada KGND2 dan warna hijau muda bagi perkataan lain dalam ayat. Seterusnya langkah ketiga, saya telah melaksanakan aktiviti. Langkah

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

keempat dalam kitaran ini ialah mengumpul data. Antara kaedah pengumpulan data yang telah saya gunakan ialah menggunakan pemerhatian tidak berstruktur, iaitu menggunakan nota lapangan. Kedua ialah menggunakan temu bual separa berstruktur. Menurut Ho Ho Tong dan rakan-rakannya (2014) temu bual adalah kaedah yang penting dan berkesan untuk menjana dan mengumpul maklumat. Kaedah ketiga ialah analisis dokumen. Langkah terakhir ialah membuat refleksi terhadap amalan pengajaran yang telah diaplikasikan oleh saya di sepanjang tempoh kajian.

Dalam kajian tindakan ini saya telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis dapatan data dari kaedah pemerhatian tidak berstruktur dan kaedah temu bual separa berstruktur. Seterusnya analisis data bagi kaedah analisis dokumen pula menggunakan dapatan data daripada hasil latihan murid. Untuk cara menyemak data pula saya telah menggunakan lebih daripada satu kaedah untuk mengumpul data iaitu menggunakan kaedah triangulasi masa dan triangulasi sumber.

DAPATAN KAJIAN

Meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dalam kalangan murid-murid tahun empat menggunakan kad berwarna.

Hasil daripada data yang diperoleh melalui pemerhatian, saya dapat bahawa penggunaan kad berwarna mampu meningkatkan lagi kemahiran membina ayat pasif murid. Jadual 1 merupakan data pemerhatian yang diperoleh:

Jadual 1

Dapatan analisis data pemerhatian

LATIHAN	TINGKAH LAKU	BILANGAN (N)
1	Membuat latihan sendiri	5
	Meminta bantuan rakan	2
	Meniru latihan rakan	3
2	Membuat latihan sendiri	6
	Meminta bantuan rakan	2
	Meniru latihan rakan	2

Nota. Jumlah Bilangan=10

Dapatan melalui pemerhatian ini juga turut disokong dengan hasil data yang diperoleh melalui analisis dokumen pada latihan 1 dan latihan 2 yang telah diberikan kepada murid. Perbandingan data dapat dilihat melalui data yang dikumpul sebelum dan selepas penggunaan kad berwarna ini diperkenalkan kepada murid seperti pada Jadual 2.

Jadual 2
Dapatan analisis dokumen

SEBELUM		
LATIHAN	SKOR	BILANGAN (N)
1	0 sehingga 2	9
	3 sehingga 4	1
	5 sehingga 6	0
SELEPAS		
LATIHAN	SKOR	BILANGAN (N)
1	0 sehingga 2	0
	3 sehingga 4	0
	5 sehingga 6	10
2	0 sehingga 2	0
	3 sehingga 4	5
	5 sehingga 6	5

Berpandukan kepada kedua-dua dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kad berwarna dapat meningkatkan lagi kemahiran membina ayat pasif murid. Ini jelas dibuktikan melalui hasil skor pada latihan murid iaitu, sebelum kad berwarna diperkenalkan 90% murid menunjukkan penguasaan yang sangat lemah dalam binaan ayat pasif. Walau bagaimanapun, setelah murid didedahkan dan diperkenalkan dengan penggunaan kad berwarna ini dalam kemahiran membina ayat pasif, skor latihan yang diperoleh meningkat kepada 5 sehingga 6 pada latihan 1. Manakala data untuk skor 0 sehingga 2 dan 3 sehingga 4 menunjukkan 0%. Hal ini juga dikukuhkan lagi melalui temu bual yang telah saya laksanakan saya dapat bahawa kesemua murid berpendapat bahawa penggunaan kad berwarna dalam kemahiran membina ayat pasif lebih mudah.

Namun begitu, pada latihan kedua terdapat sedikit penurunan pada jumlah skor yang diperoleh daripada data pada latihan 1. Tetapi skor yang murid peroleh masih berada pada tahap yang sederhana dan baik. Meskipun berlaku penurunan namun melalui hasil pemerhatian yang dijalankan saya dapat kesemua murid ini menunjukkan perubahan yang positif pada latihan 2, iaitu mereka membuat sendiri latihan tanpa meniru ataupun meminta bantuan rakan.

Menghuraikan cara murid menguasai kemahiran membina ayat pasif menggunakan kad berwarna.

Untuk mencapai objektif kedua pula, saya telah menggunakan analisis dokumen dan kaedah temu bual untuk memperoleh dapatan bagi mencapai objektif kedua. Berpandukan kepada dapatan data daripada analisis dokumen iaitu latihan yang dihasilkan oleh murid pada latihan 1 dan 2, secara keseluruhannya penggunaan kad berwarna dalam binaan ayat pasif dengan KGND1 dan KGND2 dapat membantu murid menguasai kemahiran. Jadual 3 merupakan rumusan data analisis dokumen yang menjelaskan penggunaan kad berwarna dalam binaan ayat pasif dapat membantu murid menguasai kemahiran.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 3

Rumusan data analisis dokumen

Cara menguasai kemahiran	Sebelum Penggunaan Kad Berwarna (Bilangan)	Selepas Penggunaan Kad Berwarna (Bilangan)
Kenal pasti KGND1 dan KGND2	0	10
Dapat menukar perkataan imbuhan meN- (kata kerja) kepada kata dasar	10	10
Penggunaan penomboran	0	10
Binaan ayat pasif yang betul	0	10

Seterusnya data rumusan analisis dokumen ini juga turut disokong oleh hasil daripada rumusan data temu bual yang telah saya jalankan. Oleh itu, Jadual 4 adalah rumusan hasil data temu bual yang dijalankan bersama murid.

Jadual 4

Rumusan data temu bual

SOALAN	BILANGAN	
	YA	TIDAK
1	4	6
2	4	6
3	6	4
4	10	0

Nota. Jumlah Bilangan=10

Berpandukan kepada Jadual 4, iaitu hasil rumusan temu bual, saya dapati faktor utama murid tidak menguasai kemahiran membina ayat pasif adalah kerana mereka tidak tahu jenis-jenis ayat pasif. Hal ini dibuktikan dalam temu bual pertama saya iaitu "Adakah anda tahu apa itu jenis ayat pasif?" dan daripada 10 orang murid hanya 4 orang sahaja yang menjawab YA manakala selebihnya menjawab TIDAK. Seterusnya soalan kedua yang saya ajukan semasa temu bual ialah "Adakah anda tahu bagaimana cara membezakan ayat aktif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua?". Keputusan yang sama juga saya peroleh daripada murid apabila saya menerima 6 orang murid memberi respons TIDAK dan 4 orang menjawab YA. Kemudian bagi soalan temu bual yang ketiga pula, ialah untuk mengetahui sama ada murid sukar membina ayat pasif berpandukan ayat aktif atau sebaliknya. Dalam soalan ini juga, saya turut meminta murid menyatakan alasan kepada jawapan yang diberikan. Oleh demikian, di dapati 6 orang murid mengalami kesukaran membina ayat pasif manakala 4 orang murid pula menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kesukaran. Antara alasan yang diberikan ialah kerana mereka tidak tahu, keliru, susah dan ayat aktif lain daripada ayat pasif. Seterusnya soalan keempat yang saya ajukan adalah untuk mengetahui respons daripada murid sama ada penggunaan kad berwarna yang diperkenalkan dapat membantu murid menguasai kemahiran

membina ayat pasif ataupun sebaliknya. Oleh itu, hasil temu bual yang telah diadakan saya mendapati kesemua murid menjawab YA dan memberikan jawapan yang positif kepada soalan yang diajukan. Maka berpandukan kepada hasil temu bual untuk soalan keempat ini saya dapat bahawa penggunaan kad berwarna dalam kemahiran membina ayat pasif sangat membantu murid menguasai kemahiran. Pernyataan ini dikukuhkan lagi melalui dapatan data keseluruhan pada Jadual 5 yang menjelaskan bahawa tahap penguasaan murid membina ayat pasif menggunakan kad berwarna masih berada pada tahap sederhana dan baik.

Jadual 5

Data keseluruhan

Nama Murid	Sebelum Penggunaan		Selepas Penggunaan		Tahap Penguasaan
	Lat	Lat 1	Lat 2		
Murid 1	2/6	6/6	4/6	sederhana	
Murid 2	2/6	6/6	6/6	baik	
Murid 3	2/6	6/6	3/6	sederhana	
Murid 4	3/6	5/6	6/6	baik	
Murid 5	2/6	5/6	4/6	sederhana	
Murid 6	2/6	5/6	5/6	baik	
Murid 7	2/6	5/6	5/6	baik	
Murid 8	1/6	6/6	6/6	baik	
Murid 9	2/6	6/6	4/6	sederhana	
Murid 10	2/6	5/6	4/6	sederhana	

Nota. Lat= Latihan

Sebagai kesimpulannya, objektif kedua saya dalam kajian ini tercapai, iaitu murid dapat menguasai kemahiran membina ayat pasif dengan baik menggunakan kad berwarna.

REFLEKSI

Menurut Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof dan Zaridah Ramli (2014), refleksi merupakan proses mengingat kembali pengalaman yang lalu, memikirkannya, mempertimbangkannya lalu membuat penilaian terhadap pengalaman tersebut. Sebelum penggunaan kad berwarna ini diperkenalkan kepada murid dalam menguasai kemahiran membina ayat pasif, saya mendapati bahawa salah satu punca utama murid tidak menguasai adalah kerana strategi yang saya gunakan tidak sesuai dengan tahap murid. Berhubung dengan masalah yang dihadapi saya merasakan adalah perlu bagi seseorang guru untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini bukan sahaja dapat membantu murid meningkatkan lagi kemahiran mereka membina ayat pasif malahan banyak membantu saya memperbaiki kelemahan diri dalam amalan pengajaran.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Terdapat tiga cadangan yang boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain pada masa akan datang, iaitu pertama ialah menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran ayat pasif dengan KGND1 dan KGND2. Cadangan kedua ialah mengaplikasikan strategi penggunaan kad berwarna dalam mata pelajaran lain selain daripada bahasa Malaysia. Cadangan ketiga ialah dengan mengaplikasikan strategi penggunaan kad berwarna dalam kemahiran membina ayat pasif dengan KGND1 dan KGND2 ini kepada murid-murid yang berada pada tahun 5 dan 6.

PENUTUP

Sebagai rumusan, penggunaan kad berwarna bagi meningkatkan lagi kemahiran membina ayat pasif terbukti mampu membantu murid menguasai kemahiran tatabahasa dengan lebih baik. Penggunaan kad berwarna ini bukan sahaja sesuai untuk murid yang mempunyai tahap kecerdasan sederhana, malahan juga sesuai untuk murid yang lemah. Di samping dapat meningkatkan amalan pengajaran guru.

RUJUKAN

- Ho, H.T, Rahmah Murshidi, Gan, W.L, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H, John Brodi, Sapiee Saidi & Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan*. Sarawak: Silverich Printing Supplier.
- Kartini Abd.Wahab. (2011). *Persidangan linguistik. Morfem Kena dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Draf Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia: Bahagian Pembangunan Pendidikan.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli. (2014). *Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Normaizam Hamid. (2016). Penggunaan APKA untuk meningkatkan kemahiran menukar ayat aktif kepada ayat pasif. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru 2016*. 27 April. Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Besut, hlm 17- 23.
- Wong S.H. (2011). Ragam Ayat Dalam Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) Oleh Guru Pelatih PISMP Ambilan Januari 2009. *Jurnal Pendidikan*. 10:1-1

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BERDASARKAN GAMBAR MENGGUNAKAN RUMUS “PAL” DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3

CHIN MUI FONG¹
SELINA AHMAD²

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid tahun tiga meningkatkan kemahiran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan rumus “PAL”. Kajian ini juga bertujuan untuk menambah baik amalan saya dari segi pengajaran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan rumus “PAL”. Model kajian yang telah digunakan ialah Model Kurt Lewin (1946). Empat orang murid tahun tiga telah dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan peserta kajian lemah dalam pembinaan ayat. Latihan telah diberi berdasarkan teknik latih tubi. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Traingulasi sumber juga digunakan untuk menyemak data bagi mendapatkan kesahan data. Hasil analisis telah menunjukkan bahawa rumus “PAL” berkesan dalam membantu murid membina ayat berdasarkan gambar dan menambah baik amalan kendiri saya dalam pengajaran dan pembelajaran pembinaan ayat berdasarkan gambar. Cadangan kajian seterusnya dalam kemahiran membina ayat boleh boleh disertakan dengan penggunaan kata tanya apa, di mana, bagaimana dan mengapa untuk membantu murid dalam pembinaan ayat.

Kata kunci: rumus “PAL”, kemahiran membina ayat, teknik latih tubi, penggunaan kata tanya

ABSTRACT

This action research is conducted to help year 3 pupils to improve their skills of constructing sentences based on picture by using ‘PAL’ technique. This research is also intended to improve my practice of teaching how to construct sentences based on picture by using the ‘PAL’ technique. The research model used is Kurt Lewin Model (1946). Four year three pupils were chosen as research participants based on teaching and learning reflection which indicates that the research participants are weak in constructing sentences. Exercise has been given based on drill technique. Data are gathered through observation, interviews and documents analysis. Triangulation of resources is also used to ensure data authentication. Analysis result shows that the ‘PAL’ technique is effective in helping pupils to construct sentences based on pictures as well as improve my teaching practices on constructing sentences based on pictures. Next research suggestion in constructing sentences skill can use of WH

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

questions such as ‘what’, ‘where’, ‘how’, and ‘why’ to help pupils in constructing sentences.


Key words: ‘PAL’ technique, constructing sentence skills, drill technique, used of WH question.

PENGENALAN

Menurut Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) dalam kajiannya mengatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan merupakan tugas yang mencabar bagi guru dan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pembinaan ayat merupakan salah satu komponen dalam kemahiran menulis yang paling asas yang perlu dipupuk dalam diri murid sejak tahap 1 lagi. Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap 1 (2012), ternyata bahawa kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Justeru, penekanan juga perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Berdasarkan pernyataan ini, murid-murid tahun 3 Cekal perlu membina ayat yang gramatis. Oleh itu, saya telah menggunakan rumus “PAL” iaitu ‘pelaku + aktiviti + lokasi’ membantu murid dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membina ayat.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah untuk membantu murid membina ayat berdasarkan gambar menggunakan rumus “PAL”. Berdasarkan gambar rajah 1, peserta-peserta kajian didapati tidak dapat menulis ayat yang gramatis dalam pembinaan ayat. Berdasarkan lembaran kerja tersebut didapati bahawa ayat yang dibina oleh murid tidak betul dan tidak lengkap. Ini menyebabkan ayat yang dibina tidak gramatis. Melalui latihan ini, peserta-peserta kajian didapati menyalin semula maklumat yang terdapat dalam gambar. Ini bermakna peserta-peserta kajian tidak dapat mengembangkan idea sendiri dalam pembinaan ayat. Oleh itu, saya akan menggunakan rumus “PAL” untuk membantu peserta-peserta kajian meningkatkan kemahiran membina ayat.



Rajah 1: Dapatan awal

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian:

- Meningkatkan kemahiran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan rumus “PAL”.
- Menambah baik amalan pengajaran untuk memastikan murid dapat menguasai kemahiran membina ayat dengan betul dan lengkap.

Soalan Kajian

- Adakah rumus “PAL” membantu murid meningkatkan kemahiran membina ayat berdasarkan gambar?
- Adakah rumus “PAL” membantu menambah baik amalan kendiri dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu?

PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini, saya telah melibatkan sebanyak empat orang peserta kajian. Mereka terdiri daripada dua orang murid perempuan dan dua orang murid lelaki. Mereka berumur 9 tahun. Keempat-empat peserta kajian ini dipilih kerana mereka lemah dan tidak boleh mengembangkan idea dalam pembinaan ayat.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Dalam kajian ini, saya telah memilih Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1948) yang dipetik daripada Buku Asas Penyelidikan Tindakan Teori dan Amalan (2004). Model ini menyarankan empat peringkat dalam satu lingkaran iaitu perancangan (*planning*), tindakan (*action*), pemerhatian (*observation*) dan refleksi (*reflection*). Bagi membantu murid dalam meningkatkan kemahiran membina ayat, saya telah memperkenalkan penggunaan rumus “PAL” kepada peserta kajian saya terlebih dahulu. Penyelidik Adrian

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Stewart Ngau (2007) dalam kajiannya mengatakan bahawa penggunaan rumus-rumus seperti dalam hukum pembinaan ayat merangkumi subjek dan predikat yang terdiri daripada empat pola ayat sukar difahami oleh murid-murid kerana murid tidak dapat membezakan subjek dan predikat mahupun kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Oleh itu, saya telah menggunakan rumus “PAL” iaitu ‘pelaku + aktiviti + lokasi’ membantu murid dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membina ayat. Pada langkah 1, saya memperkenalkan teknik ‘PAL’ kepada peserta kajian. ‘P’ merujuk kepada ‘Pelaku’, ‘A’ merujuk kepada ‘Aktiviti’ dan ‘L’ merujuk kepada ‘Lokasi’. Setelah peserta-peserta kajian memahami maksud ‘PAL’, saya memberi satu contoh dan membimbing murid membina ayat menggunakan rumus “PAL”. Tujuannya adalah untuk membiasakan diri peserta kajian untuk menggunakan rumus “PAL”. Pada langkah ketiga pula, peserta kajian diberi lembaran kerja tanpa bimbingan guru untuk melihat penguasaan murid.

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan teknik ‘PAL’.

Berdasarkan kajian ini, rumus “PAL” dapat membantu peserta kajian dalam membina ayat berdasarkan gambar. Di bawah menunjukkan hasil daptan melalui analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Hasil lembaran kerja telah menunjukkan terdapat peningkatan dalam pembinaan ayat oleh peserta kajian setelah rumus “PAL” diaplikasikan. Jadual 1 menunjukkan analisis perbandingan hasil kerja bagi latihan 1 dan latihan 5.

Jadual 1

Analisis perbandingan hasil kerja peserta kajian

Gambar	Aktiviti 1			Aktiviti 5		
	P	A	L	P	A	L
1	4	3	2	4	3	4
2	4	1	3	4	4	4
3	4	3	1	4	4	4

Berdasarkan Jadual 1 merupakan perbandingan hasil kerja peserta kajian yang menunjukkan peningkatan. Pada aktiviti 1, peserta kajian masih belum menguasai penggunaan rumus “PAL”. Pada aktiviti 5 telah jelas menunjukkan peningkatan penguasaan rumus “PAL” tetapi masih terdapat peserta kajian yang belum menguasainya kerana terdapat penggunaan bahasa inggeris dalam pembinaan ayat.

Jadual 2
Perubahan tingkah laku peserta kajian

Aspek	Bilangan	
	Aktiviti 1	Aktiviti 5
Kurang tumpuan	3	0
Bertanya mengenai tugas.	3	0
Mengganggu rakan lain secara fizikal.	2	0
Berjalan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.	3	0
Bercakap sambil menulis (Berbual perkara yang tidak berkaitan dengan tugas yang diberikan).	2	0

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam jadual 2 bagi pelaksanaan aktiviti menggunakan rumus ini pada aktiviti 1 dan aktiviti 5 dijalankan, didapati bahawa tingkah laku peserta kajian telah menurun dan menunjukkan kesan yang positif. Ini tela menunjukkan bahawa rumus "PAL" yang telah diaplikasikan dapat membantu meningkatkan penguasaan pembinaan ayat berdasarkan gambar. Perkara ini juga telah dibuktikan dengan pencapaian peserta kajian setelah analisis dokumen dilakukan. Ini telah membuktikan bahawa rumus "PAL" bukan sahaja mampu membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran membina ayat malah dapat membantu peserta kajian membentuk tingkah laku positif.

Melalui hasil dapatan temu bual, didapati peserta kajian dapat membina ayat berdasarkan rumus "PAL" yang telah dipelajari. Mereka dapat mengenal pasti orang yang melakukan aktiviti, aktiviti yang dilakukan oleh pelaku dan tempat pelaku melakukan aktiviti. mereka berasa rumus "PAL" lebih senang digunakan untuk membina ayat berdasarkan gambar. Ini dapat dilakukan dalam analisis dokumen yang telah dibuat berdasarkan setiap latihan yang telah dibuat. Di bawah merupakan hasil transkripsi hasil temu bual dengan peserta kajian.


- Dapat.
 (mengangguk-angguk kepala)
 Senang. (TBPK1)
- Dapat.
 (mengangguk-angguk kepala)
 Senang. (TBPK2)
- Dapat.
 Dapat.
 Senang. (TBPK3)
- Boleh.
 Boleh.
 Boleh. (TBPK4)

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Kesimpulannya, teknik ‘PAL’ dapat meningkatkan kemahiran membina ayat berdasarkan gambar di kalangan peserta kajian. Di samping itu, tingkah laku yang positif juga mempengaruhi peserta kajian dalam pembinaan ayat.

Kemahiran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan teknik ‘PAL’ untuk menambah baik amalan kendiri.

Penggunaan rumus “PAL” dapat membantu saya menambah baik amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, saya telah membimbing peserta kajian untuk menggunakan rumus “PAL” untuk membina ayat berdasarkan gambar. Saya mendapati dengan menggunakan rumus “PAL” ini telah memudahkan peserta kajian untuk membina ayat berdasarkan gambar. Berdasarkan hasil dapatan daripada analisis dokumen membuktikan bahawa terdapat peningkatan yang berlaku selepas peserta kajian menggunakan rumus ‘PAL’ tetapi peserta kajian 4 masih menunjukkan prestasi yang tidak konsisten. Ini dapat dilihat pada graf bar dalam rajah 2.




Rajah 2. Prestasi peserta kajian

Berdasarkan hasil dapatan aktiviti 5, dapat dibuktikan bahawa peserta kajian sudah dapat menguasai kemahiran membina ayat berdasarkan gambar menggunakan teknik ‘PAL’. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa P.K.1, P.K.2 dan P.K.3 sudah dapat menguasai kemahiran membina ayat manakala P.K.4 masih belum menguasai dengan baik. Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan aktiviti 5.

*Jadual 3
Hasil dapatan aktiviti 5*

Peserta kajian	Bilangan ayat			Jumlah keseluruhan
	Gambar 1	Gambar 2	Gambar 3	
P.K.1	1	1	1	3
P.K.2	1	1	1	3
P.K.3	1	1	1	3
P.K.4	0	1	1	2

Melalui pemerhatian pula perubahan tingkah laku peserta kajian telah menurun dan menunjukkan kesan yang positif. Hal ini disebabkan oleh murid telah dapat menguasai rumus “PAL” kerana senang dan dapat membantu peserta kajian untuk membina ayat berdasarkan gambar. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian juga dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Rajah 3 menunjukkan perubahan tingkah laku yang berlaku sepanjang aktiviti ini dijalankan.



Rajah 3. Perubahan tingkah laku negatif

Kesimpulannya, rumus “PAL” dapat membantu murid meningkatkan kemahiran membina ayat berdasarkan gambar dan membantu menambah baik amalan kendiri terhadap pengajaran dan pembelajaran. Perubahan tingkah laku positif juga mempengaruhi peserta kajian dalam pembinaan ayat.

REFLEKSI

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis, saya telah mendapati bahawa rumus “PAL” yang telah diaplikasikan sepanjang tempoh kajian ini dapat membantu murid untuk membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan. Penggunaan rumus “PAL” ini telah banyak membantu dalam menambah baik amalan pengajaran saya. Di samping itu, saya mendapati bahawa rumus “PAL” ini memudahkan murid yang lemah dalam menguasai pembinaan ayat terutamanya bagi keempat-empat peserta kajian yang masih lemah dalam pembinaan ayat. Dengan menggunakan teknik ini juga, saya mendapati bahawa peserta kajian lebih yakin dan bersemangat untuk membina ayat. Sepanjang proses menjalankan kajian ini, saya juga mempunyai kesedaran bahawa ketidaktegasan juga merupakan salah satu punca berlakunya tingkah laku negatif murid di dalam kelas. Tingkah laku negatif ini boleh mempengaruhi pembelajaran murid. Selain itu, guru juga harus peka terhadap tingkah laku murid dengan menerapkan sikap empati untuk mengenal pasti masalah murid dalam pembelajaran. Daripada masalah yang timbul ini, guru boleh menentukan dan melaksanakan strategi, teknik atau rumus yang sesuai untuk membantu murid.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Sebagai cadangan kepada mereka yang ingin membuat kajian mengenai kemahiran membina ayat boleh menukar bahagian ‘lokasi’ kepada keterangan dan didapati bahawa penukaran itu boleh digunakan pada semua gambar. Dalam penyelidikan tindakan yang telah dibuat oleh saya ini hanya berfokus kepada lokasi iaitu tempat. Oleh itu, secara tidak langsung penggunaan teknik ini akan menyekat pemikiran peserta kajian. Jika bahagian ‘lokasi’ ditukar kepada keterangan maka semua jenis gambar boleh digunakan. Dalam bahagian keterangan ini, guru boleh sentiasa mengingatkan murid untuk menyertakan penggunaan kata tanya ‘apa’, ‘di mana’, ‘bagaimana’ dan ‘mengapa’ sebelum membina ayat untuk memudahkan murid dalam pembinaan ayat. Di samping itu, dalam pembinaan ayat ini, guru harus sentiasa memastikan bahawa murid dapat menggunakan penggunaan kata arah yang betul. Ini kerana jika penggunaan kata arah salah maka maksud ayat yang dibina oleh murid akan membawa maksud yang berlainan

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini telah membantu dan memberi pendedahan kepada saya untuk meningkatkan profesionalisme diri. Melalui penyelidikan tindakan ini, saya mendapati bahawa inovasi yang telah dilakukan dapat diuji untuk mengetahui keberkesanannya dan guru harus sentiasa peka teknik pengajaran yang boleh digunakan dan diubah suai untuk meningkatkan lagi amalan pengajaran dan pembelajaran sendiri. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis, saya telah mendapati bahawa teknik ‘PAL’ yang telah diaplิกasikan sepanjang tempoh kajian ini dapat membantu murid untuk membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan.

RUJUKAN

- Adrian Stewart Ngau. (2010). *Kesan rumus “Pelaku + Perbuatan + Huraian” dalam meningkatkan kemahiran membina ayat karangan bahagian A UPSR Bahasa Melayu murid tahun empat*. Buku Koleksi Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu Ambilan Januari 2007. Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL tahun 2010, 13-26. Diperoleh daripada : <http://www.ipbl.edu.my/>
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67-87. Diperoleh daripada: <http://www.jurnalbahasa.edu.my/>
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). 2012. *Modul teras asas Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pelajaran Malaysia

Chin Mui Fong & Selina Ahmad

Ho, H.T., Rahmah Murshidi, Gan W.L, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H.Y., John Brodi, Sapiee Saidi & Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan - teori dan amalan*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri Sarawak.
Email: 1mayfangjnie@gmail.com, 2selinahjahmad08@hotmail.com

PENGGUNAAN TEKNIK 6S DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN BAHASA MELAYU BAGI MURID TAHUN TIGA

**DAISY DANIEL DIAN¹
NORAINAH MOHD SALEH²**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kemahiran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu bagi murid tahun 3 dengan menggunakan teknik 6S. Murid-murid sering memberikan jawapan yang menggunakan susunan ayat yang tidak tepat dan ringkas. Selain itu, murid-murid juga tidak menjawab soalan pemahaman berpandukan petikan. Teknik 6S merujuk kepada enam jenis soalan yang dikemukakan dalam soalan pemahaman Bahasa Melayu. Murid-murid dilatih untuk menjawab soalan pemahaman secara berperingkat, iaitu mudah, sederhana dan sukar. Kajian ini melibatkan lima orang murid. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual dan analisis dokumen. Hasil daripada kaedah temu bual dan analisis dokumen menunjukkan kelima-lima orang murid tersebut dapat meningkatkan kemahiran menjawab soalan pemahaman menggunakan teknik 6S. Selain itu, teknik 6S juga dapat meningkatkan prestasi kelima-lima orang murid tersebut dalam menjawab soalan pemahaman. Secara keseluruhannya, teknik 6S memudahkan murid-murid untuk menjawab soalan pemahaman dengan baik. Cadangan tindakan susulan untuk menambah baik kajian ini ialah dengan menekankan soalan pemahaman yang berunsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menggunakan teknik 6S.

Kata kunci : membantu, soalan pemahaman, teknik 6S, susunan ayat, prestasi

ABSTRACT

This action attempts to improve on how to answering the comprehension questions of Malay language subject for Year 3 students by using 6S technique. It has always been a problem for the students to answer the questions with the correct sentences. The answer should consist of correct and full sentences. Besides, the students did not answer the questions based on the text. The 6S technique consists of six types of questions which often be use in Malay language's comprehension part. The students are trained to answer the comprehension questions in stage which is easy, medium and hard. This research has been conducted on five students. The methods of collecting data are interview and document analysis. By using these two methods, finding indicates that all of the five students were able to improve on how to answer the comprehension questions by using the 6S technique. The students can also improve their performance in answering the questions. The suggestions to improve

Daisy Daniel Dian & Norainah Mohd Saleh

this action are to emphasize the higher order thinking skills (HOTS) in comprehension questions by using 6S technique.

Keywords : improve, comprehension questions, 6S technique, correct and full sentences, performance

PENGENALAN

Dalam bidang pendidikan, guru memainkan peranan penting untuk memastikan ilmu yang diajar dapat diterima oleh murid-murid dengan baik. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merangkumi beberapa pendekatan, strategi dan teknik yang sesuai. Menurut Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad (2012), teknik ialah alat yang digunakan oleh guru bahasa untuk menyampaikan sesuatu bahan pengajaran yang telah dipilih. Kepelbagaiannya teknik ini dapat membentuk murid yang kreatif dan inovatif dalam menaakul isi-isi pelajaran, terutamanya bagi sesuatu kemahiran yang kompleks untuk difahami. Berdasarkan teknik ini, guru dapat mengaitkan kemahiran berbahasa dengan pemahaman murid terhadap sesuatu perkara seperti membaca petikan dan menjawab soalan. Murid yang membaca tidak semestinya memahami isi kandungan atau mesej yang disampaikan. Oleh itu, pemahaman murid boleh diuji dan dinilai dengan mengemukakan beberapa soalan. Tahap penguasaan murid dinilai bukan sahaja dari segi ketepatan jawapan tetapi ia juga merangkumi susunan ayat yang digunakan untuk memudahkan murid mendapat markah penuh dalam bahagian pemahaman. Sepanjang saya menjalani praktikum di dua buah sekolah yang berlainan, saya mendapati bahawa murid-murid di sekolah-sekolah tersebut sering kali menggunakan ayat yang tidak sesuai untuk menjawab soalan pemahaman walaupun jawapannya betul. Masalah ini mungkin berpunca daripada sikap murid itu sendiri atau tidak mengetahui tentang cara-cara menjawab soalan dengan betul.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pengalaman pengajaran yang lepas, saya memilih masalah menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu bagi murid tahun tiga sebagai fokus kajian. Murid-murid perlu menguasai kemahiran menjawab soalan pemahaman dengan betul bukan sahaja untuk meningkatkan penguasaan terhadap susunan ayat tetapi ia juga penting untuk tujuan penyemakan. Melalui pemerhatian saya, terdapat beberapa orang murid dalam tahun 3 Amanah menjawab soalan pemahaman dengan menggunakan ayat ringkas dan struktur binaan ayatnya juga kurang tepat. Ayat yang digunakan tidak mengikut susunan subjek dan predikat yang betul. Selain itu, murid-murid juga tidak berpandukan petikan untuk menjawab soalan dengan betul. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2008), pembahagian atau pemenggalan kepada frasa subjek dan predikat bagi sesuatu ayat tidak boleh dilakukan tanpa peraturan atau secara *ad hoc*. Untuk mengatasi masalah ini, saya menggunakan teknik 6S yang merujuk kepada enam jenis soalan yang digunakan dalam soalan pemahaman di samping memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran saya.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan terhadap 25 orang murid tahun 3 Amanah, didapati tujuh orang murid, iaitu dua puluh tujuh peratus yang tidak dapat menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu dengan betul manakala, seramai 19 orang murid, iaitu tujuh puluh tiga peratus dapat menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu dengan baik. Hal ini kerana murid-murid dalam tahun 3 Amanah merupakan golongan murid yang cemerlang dalam pelajaran. Akan tetapi, terdapat juga sebilangan murid berada di tahap yang sederhana atau lemah dan memerlukan perhatian daripada guru.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk :

1. meningkatkan kemahiran murid untuk menjawab soalan pemahaman bahasa melayu melalui teknik 6s dengan betul.
2. meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan pemahaman dengan menggunakan teknik 6S.

Soalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Adakah teknik 6S yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu dengan betul?
2. Adakah teknik 6S dapat meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan pemahaman?

PESERTA KAJIAN

Murid-murid dalam tahun tiga Amanah terdiri daripada 15 orang murid perempuan dan 11 orang murid lelaki. Namun , saya hanya memilih lima orang murid sahaja, iaitu tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan untuk menjalankan kajian tindakan. Pemilihan ini adalah berdasarkan tinjauan terhadap tugas atau latihan yang diberikan kepada murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang lepas. Kelima-lima orang murid ini mempunyai masalah yang sama, iaitu masalah dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu. Saya menamakan murid-murid ini sebagai Murid A, Murid B, Murid C,Murid D dan Murid E.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Perancangan tindakan yang diambil adalah berdasarkan refleksi ke atas pengajaran dan pembelajaran yang lepas. Bagi mengatasi masalah ini, saya telah memilih untuk menggunakan Model Stephen Kemmis. Menurut Model Stephen Kemmis (1983), pelaksanaan kajian tindakan terdiri daripada empat peringkat, iaitu merefleksi, merancang, tindakan dan pemerhatian. Saya telah merancang untuk menggunakan teknik 6S yang dilaksanakan dengan memberikan latihan pemahaman kepada peserta kajian. Teknik 6S mengandungi enam jenis soalan yang dikemukakan berdasarkan petikan

yang dibaca. Terdapat tiga langkah yang digunakan secara berperingkat, iaitu mudah, sederhana dan sukar. Latihan dalam langkah pertama dan kedua adalah berkaitan dengan diri murid itu sendiri, manakala latihan dalam langkah ketiga pula adalah secara umum dan lebih sukar. Rasionalnya ialah untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas berkenaan petikan dan juga soalan yang dinyatakan.

Untuk mengatasi masalah ini, saya memilih kaedah temu bual dan analisis dokumen untuk mengumpul data. Menurut Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga (2008), kaedah temu bual merupakan kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dengan informan atau orang yang ditemu bual. Saya telah memilih temu bual semi berstruktur. Menurut Othman Lebar (2014), soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipan. Kaedah kedua pula ialah analisis dokumen yang terdiri daripada latihan murid. Sebanyak tiga peringkat latihan yang diberi, iaitu bermula dari mudah, sederhana dan sukar. Setelah itu, murid-murid diberi latihan yang terakhir untuk tujuan penilaian.

Data yang dikumpul akan dianalisis untuk mendapatkan keputusan tentang keberkesanan tindakan yang telah dijalankan. Kaedah analisis dokumen dinilai dengan memberikan ulasan bagi setiap langkah dan memberikan markah berdasarkan enam soalan dalam latihan terakhir. Seterusnya, kaedah temu bual pula dianalisis berdasarkan jawapan yang diberikan oleh murid-murid.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kelima-lima orang murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu dengan baik. Kajian ini juga mendapati bahawa kelima-lima orang murid dapat meningkatkan prestasi dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu. Dapatan ini diperoleh sebelum dan selepas tindakan dijalankan dengan menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu, temu bual semi berstruktur dan analisis dokumen.

Meningkatkan kemahiran murid untuk menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu melalui teknik 6S dengan betul.

Hasil dapatan yang membuktikan peningkatan dalam kemahiran menjawab soalan pemahaman dapat dilihat melalui kaedah temu bual semi berstruktur. Soalan telah ditentukan, manakala jawapan murid-murid adalah secara terbuka dan tertutup. Jawapan atau respons yang diberikan oleh murid dikategorikan mengikut kesesuaian tema berdasarkan soalan temu bual.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 1

Analisis temu bual semi berstruktur bagi soalan kajian 1 (Sebelum)

Soalan	Respons	N
1. Bagaimakah anda membaca dan memahami petikan yang diberi?	Membaca sambil berfikir	1
	Membaca dengan pantas	2
	Membaca dengan teliti	2
2. Bagaimakah cara anda menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu?	Menjawab soalan dengan teliti	3
	Menjawab dengan perlahan	1
	Membaca soalan, kemudian jawab	1

Nota : N = Bilangan murid

Berdasarkan Jadual 1, murid-murid menunjukkan cara membaca dan memahami petikan yang diberi sebelum tindakan dijalankan. Murid-murid juga menjelaskan cara menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu. Bagi soalan satu, terdapat seorang murid menggunakan cara membaca sambil berfikir, dua orang murid membaca dengan pantas dan dua orang murid membaca dengan teliti. Bagi soalan dua pula, terdapat tiga orang murid menjawab soalan dengan teliti, seorang murid menjawab dengan perlahan manakala seorang lagi murid membaca soalan terlebih dahulu kemudian baharulah menjawab soalan. Masing-masing mempunyai caranya yang tersendiri. Namun, secara keseluruhannya, murid-murid hanya menekankan cara-cara membaca tetapi tidak menunjukkan cara-cara untuk memahami bahan yang dibaca.

Jadual 2

Analisis temu bual semi berstruktur bagi soalan kajian 1 (Selepas)

Soalan	Respons	N
1. Bagaimakah anda membaca dan memahami petikan yang diberi?	Membaca secara senyap	3
	Membaca dua kali	2
2. Bagaimakah cara anda menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu?	Menggariskan maklumat dalam petikan	1
	Menggariskan soalan dan jawapan	1
	Menggunakan susunan ayat yang betul	1
	Membaca soalan, cari jawapan dalam petikan dan gariskan	2

Nota : N = Bilangan murid

Berdasarkan Jadual 2, murid-murid menjelaskan cara-cara membaca dan memahami petikan serta cara menjawab soalan pemahaman setelah tindakan dijalankan. Terdapat perubahan yang dapat dilihat berbanding dengan cara yang sebelumnya. Bagi soalan satu, terdapat tiga orang murid membaca secara senyap. Untuk memahami isi kandungan, kemahiran membaca secara senyap merupakan salah satu cara yang paling berkesan. Selain itu, terdapat dua orang murid membaca petikan sebanyak dua kali. Pengulangan terhadap bahan yang dibaca bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam. Bagi soalan dua, terdapat seorang murid

menjawab soalan pemahaman dengan menggariskan maklumat dalam petikan. Selain itu, terdapat seorang murid menggariskan soalan dan jawapan, seorang murid menjawab soalan dengan menggunakan susunan ayat yang betul dan dua orang murid pula membaca soalan terlebih dahulu, kemudian mencari jawapan dalam petikan dengan menggariskan jawapan tersebut. Melalui kajian ini, saya mendapati murid-murid dapat mengaplikasikan kemahiran yang telah diperkenalkan melalui latihan-latihan yang diberi.

Dapatkan melalui kaedah temu bual ditrangulasikan dengan kaedah analisis dokumen, iaitu dalam bentuk latihan yang mempunyai enam jenis soalan berdasarkan teknik 6S. Menurut Rosinah Edinin (2011), tujuan analisis dokumen adalah untuk menyokong dapatan sedia ada. Oleh itu, saya menggunakan kaedah ini untuk menyokong dapatan yang telah diperoleh menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur tersebut.

Jadual 3
Analisis dokumen bagi soalan kajian 1

Kemahiran	Bilangan Murid	
	Sebelum	Selepas
1. Membaca petikan dan soalan dengan teliti.	3	5
2. Mengenal pasti maklumat dengan membuat garisan dalam petikan.	0	5
3. Menggunakan susunan ayat yang betul dan gramatis untuk menjawab soalan pemahaman.	0	5
4. Menggariskan frasa dalam soalan sebagai panduan untuk menjawab dengan betul.	0	5

Sebelum tindakan dijalankan, murid-murid tidak mempunyai kemahiran dalam menjawab soalan pemahaman dengan baik. Bagi kemahiran yang pertama, hanya tiga orang murid sahaja yang menguasai manakala kemahiran-kemahiran lain tidak dikuasai. Selepas tindakan diberi, kelima-lima orang murid dapat menguasai keempat-empat kemahiran menjawab soalan pemahaman. Ini membuktikan bahawa kemahiran menjawab soalan dapat ditingkatkan melalui teknik 6S.

Meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan pemahaman dengan menggunakan teknik 6S.

Apabila kemahiran menjawab soalan pemahaman dapat ditingkatkan, prestasi murid-murid juga turut dipengaruhi. Murid-murid dapat meningkatkan prestasi dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu dengan baik. Hasil dapatan ini dapat dilihat melalui kaedah analisis dokumen, iaitu menganalisis latihan terakhir murid-murid untuk tujuan penilaian. Latihan terakhir ini terdiri daripada soalan yang sama dengan latihan yang diberi

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)


sebelum tindakan diambil. Tujuannya ialah untuk membuat perbandingan antara sebelum dan selepas menggunakan teknik 6S.

Jadual 4

Analisis penilaian akhir bagi soalan kajian 2

Bil	Murid	Sebelum		Selepas		Perbezaan Peratus (%)	Prestasi
		Skor L1 (m)	Peratus (%)	Skor L2 (m)	Peratus (%)		
1.	A	4/10	40	8/10	80	40	Meningkat
2.	B	6/10	60	7/10	70	10	Meningkat
3.	C	7/10	70	9/10	90	20	Meningkat
4.	D	4/10	40	9/10	90	50	Meningkat
5.	E	7/10	70	9/10	90	20	Meningkat

Nota : m = markah, % = peratus, L1 = Latihan 1, L2 = Latihan 2



Nota : L1 = Latihan 1, L2 = Latihan 2, A = Murid A, B = Murid B, C = Murid C, D = Murid D, E = Murid E

Rajah 1 : Perbezaan peratus bagi latihan 1 dan latihan 2

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan prestasi kelima-lima orang murid tersebut telah meningkat melalui penilaian akhir. Sebelum tindakan diberi, kelima-lima orang murid menunjukkan prestasi yang agak rendah dalam menjawab soalan pemahaman terutamanya Murid A dan D iaitu, sebanyak empat puluh peratus sahaja. Selepas tindakan dijalankan, didapati kelima-lima orang murid memperoleh pencapaian yang baik. Berdasarkan Rajah 1, kelima-lima orang murid telah menunjukkan peningkatan, terutamanya Murid D yang memberikan peningkatan paling ketara, iaitu sebanyak lima puluh peratus. Hal ini kerana Murid D telah mendapat skor yang paling rendah sebelum tindakan dijalankan. Selepas tindakan diberi, Murid D mendapat skor yang tertinggi, iaitu sebanyak sembilan puluh peratus.

Daisy Daniel Dian & Norainah Mohd Saleh

Ini bermakna kajian ini dapat meningkatkan prestasi murid-murid untuk menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu.

Seterusnya, dapatan yang menunjukkan prestasi murid-murid telah meningkat dapat dilihat melalui temu bual semi berstruktur. Ini menunjukkan kedua-dua kaedah tersebut mempunyai triangulasi.

Jadual 5

Analisis temu bual semi berstruktur bagi soalan kajian 2 (Sebelum)

Soalan	Respons	N
1. Adakah anda suka menjawab soalan pemahaman?	Ya.	3
	Tidak.	2
2. Adakah soalan pemahaman mudah untuk dijawab?	Ya.	2
	Tidak.	3

Nota : N = Bilangan murid

Peningkatan prestasi murid-murid dapat dikaitkan dengan respons yang diberikan sebelum dan selepas tindakan dijalankan. Pada awalnya, murid-murid memberikan respons yang tidak memberangsangkan. Bagi soalan satu, terdapat tiga orang murid suka menjawab soalan pemahaman manakala dua orang murid tidak suka dengan soalan tersebut. Bagi soalan dua, terdapat dua orang murid mengatakan soalan pemahaman mudah untuk dijawab manakala tiga orang murid lagi tidak setuju. Ini menunjukkan murid-murid kurang berminat dengan soalan pemahaman atas sebab-sebab tertentu. Disebabkan itu, pencapaian mereka juga turut terjejas.

Jadual 6

Analisis temu bual semi berstruktur bagi soalan kajian 2 (Selepas)

Soalan	Respons	N
1. Adakah anda suka menjawab soalan pemahaman?	Ya.	5
	Tidak.	0
2. Adakah soalan pemahaman mudah untuk dijawab?	Ya.	5
	Tidak.	0

Nota : N = Bilangan murid

Peningkatan dapat dilihat selepas murid-murid menerima tindakan. Dapatan menunjukkan kelima-lima orang murid suka menjawab soalan pemahaman dan mereka juga beranggapan soalan pemahaman mudah untuk dijawab. Peningkatan yang ketara dapat dilihat pada Murid D yang tidak suka dengan soalan pemahaman pada awalnya. Namun, apabila tindakan telah dijalankan, Murid D memberikan respons yang baik sehingga dapat pencapaian yang tertinggi berbanding dengan murid-murid lain. Ini bermakna

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

kajian ini dapat meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu.

REFLEKSI

Kajian ini menunjukkan murid-murid dapat meningkatkan kemahiran dan prestasi dalam menjawab soalan pemahaman berdasarkan teknik 6S menggunakan susunan ayat yang betul dan gramatis. Mereka juga telah mengaplikasikan cara menggariskan jawapan dan soalan yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menjawab soalan dengan betul. Cara ini perlulah diamalkan supaya menjadi satu kebiasaan kepada mereka untuk mengelakkan berlakunya kecuaian hingga menyebabkan kehilangan markah. Mereka mempunyai masalah yang tidak serius berbanding dengan murid-murid lain. Masalah yang dihadapi ini disebabkan oleh sikap yang malas, tidak ambil peduli atau peka kerana beranggapan perkara itu remeh. Masalah ini boleh dilihat semasa mereka menjawab soalan pemahaman dengan hanya memberikan jawapan yang ringkas sahaja. Tanpa disedari, sikap ini boleh menyebabkan pemotongan markah hingga menjelaskan keputusan peperiksaan. Oleh itu, kajian ini dapat memberi kesedaran tentang pentingnya sikap teliti dalam melakukan sesuatu perkara.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil kajian menunjukkan kelima-lima orang peserta kajian telah berjaya mencapai objektif yang ditentukan dan menunjukkan perubahan yang positif. Namun, peserta kajian juga didapati sukar untuk menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2013), kemahiran berfikir aras tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Hal ini kerana jawapan bagi soalan aras tinggi kadang kala tidak dapat dikenal pasti dalam petikan melainkan peserta kajian menggunakan kemahiran berfikir seperti membuat perkaitan, menyatakan pandangan, menganalisis dan sebagainya. Kelemahan mula dikesan semasa menjalani kajian. Justeru itu, saya akan memberi pendedahan kepada murid-murid tentang soalan yang berunsur KBAT dengan menggunakan teknik 6S. Murid-murid akan diberi satu soalan yang dapat menguji minda untuk meningkatkan kemahiran berfikir. Dengan ini, murid-murid bukan sahaja dapat menjawab soalan menggunakan susunan ayat yang betul tetapi dapat menjawab soalan yang lebih mencabar.

PENUTUP

Kesimpulannya, teknik 6S ini dapat membantu peserta kajian untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu dengan baik. Peserta kajian juga dapat memperbaiki kelemahan yang sering berlaku apabila diminta untuk menjawab soalan pemahaman seperti masalah dalam susunan ayat, tidak dapat mengenal pasti jawapan dan bersikap sambil lewa

Daisy Daniel Dian & Norainah Mohd Saleh

serta malas. Secara tidak langsung, saya juga dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dan menjadikan kajian ini sebagai rujukan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan edisi ketiga*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Lembaga Peperiksaan.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli (2014). *Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdullah Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan : kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons.
- Othman Lebar. (2014). *Kajian tindakan dalam pendidikan : teori dan amalan*. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email : 1dsydaniel@gmail.com , 2ainanms@yahoo.com.my

“PETA POKOK” APLIKASI DALAM KEMAHIRAN MENULIS AYAT BERPANDUKAN GAMBAR

**DAMIA LUHI¹
AINAH JULHEE²**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Penggunaan salah satu peta pemikiran (i-Think) iaitu peta pokok telah digunakan dalam membantu murid mengatasi masalah dalam membina ayat berpandukan gambar dan di samping mengayakan kosa kata murid. Penyelidikan tindakan ini telah menggunakan Model Stephen Kemmis (1983) sebagai garis panduan atau asas kepada pelaksanaan penyelidikan. Lima peserta kajian telah dipilih berdasarkan pemerhatian dan tinjauan awal di sebuah sekolah di Miri. Alat kajian yang digunakan untuk mengumpul maklumat ialah pemerhatian berstruktur, analisis dokumen dan temu bual berstruktur. Data yang dikumpul dianalisis secara kualitatif. Dapatan kajian ini menunjukkan keberkesanan penggunaan peta pokok dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Keupayaan murid mengayakan kosa kata juga dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan kajian tindakan ini.

Kata kunci: kemahiran menulis, kosa kata, I-Think, peta pokok

ABSTRACT

This action research was conducted to help students to improve their sentence writing skills based on the picture. The usage of one of the I-Think mind map which is tree map is used to help the student to overcome their problem in sentence construction based on the picture given and at the same time, enrich the student's vocabulary. This action research has used Stephen Kemmis Model (1983) as guidance and as basic references to conduct this research. Five participants have been chosen for this research based on observation and prior studies at one of the school in Miri. The instruments used to collect the information are structured observations, document analysis and structured analysis. The data collected has been analyzed qualitatively. The findings in this research show effective usage of tree map in improving the sentence writing skills based on the picture. The ability of the students to enrich the vocabulary has also improved through the implementation of this action research.

Keywords: writing skills, vocabulary, I-Think, tree map

PENGENALAN

Berdasarkan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (KSSR), Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), terdapat empat jenis kemahiran bahasa. Kemahiran paling tinggi ialah kemahiran menulis. Menurut Jago Tarigan (1995:117) dalam Literasi Bahasa Melayu, aktiviti menulis adalah mengekspresikan secara tertulis gagasan, idea, pendapat, atau fikiran dan perasaan. Selain itu, menulis juga merupakan satu proses untuk menyampaikan buah fikiran, idea dan pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca (Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir). Oleh itu, kemahiran menulis bolehlah ditakrifkan sebagai komunikasi tidak langsung yang berupa pemindahan fikiran atau perasaan dengan memanfaatkan struktur bahasa dan kosa kata. Kemahiran menulis ayat berpandukan gambar pula merupakan aktiviti penulisan secara berpandu. Aktiviti penulisan secara berpandu penting untuk merangsang murid melahirkan idea sebelum mereka boleh melahirkan idea yang lebih kreatif lagi berdasarkan imaginasi mereka sendiri.

Berdasarkan pengalaman mengajar murid tahun 2 dan semasa menjalani praktikum Fasa 1 dan 2, masalah yang telah saya kenal pasti ialah murid sukar menulis ayat yang betul dan gramatis. Istilah atau kosa kata yang digunakan untuk membina ayat kurang tepat. Semasa praktikum Fasa 3, saya mengajar bahasa Melayu Tahun 5. Namun, masalah tersebut masih sangat ketara dalam kalangan murid. Oleh itu, sebagai seorang pendidik, saya merasa bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini agar tidak ada murid yang tercincir daripada arus pembelajaran sejagat. Selain membantu murid menangani masalah dalam membina ayat usaha ini juga bertujuan meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Pengumpulan data awal diperoleh melalui tiga bentuk alat kajian iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Pemerhatian dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Analisis dokumen pula dibuat berdasarkan lembaran kerja murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, temu bual pula dilakukan terhadap guru bahasa Melayu.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini difokuskan kepada masalah atau kesilapan yang sering dilakukan oleh murid iaitu murid tidak dapat menulis ayat yang betul dan kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat. Oleh itu, dengan membantu murid memperkayakan kosa kata dan mendedahkan cara penulisan ayat yang betul, saya yakin mereka akan dapat membina ayat dengan tepat, jelas dan gramatis serta dapat membantu murid meningkatkan keputusan dalam ujian bahasa Melayu terutamanya ujian bahasa Melayu kertas 2.

Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas terhadap masalah menulis ayat berpandukan gambar, terdapat pelbagai cara yang telah digunakan untuk membantu mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah Penyelidikan Tindakan yang bertajuk “Kesan Rumus ‘WAT’ Dalam Membantu Murid Tahun Lima Membina Ayat Gambar Tunggal Bahasa Melayu” oleh Zahratulnadiyah

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Binti Ibrahim, "Aplikasi Kaedah S.K.A.B. Dalam Meningkatkan Kemahiran Murid Membina Ayat Berdasarkan Gambar" oleh Mohd Safuan bin Abu Bakar Samad, dan "Penggunaan Jadual SKK Untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Ayat Berpandukan Gambar" oleh Muhammad Faris bin Khairuddin.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dibuat untuk meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar, namun, penguasaan murid dalam menguasai kemahiran tersebut masih juga pada tahap yang tidak memuaskan. Maka, kajian ini dibuat bagi membantu meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar dalam kalangan murid. Selari dengan pembelajaran abad ke-21, saya menggunakan kaedah penggunaan peta pokok dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. membantu murid meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar dengan betul dan gramatis melalui kaedah penggunaan peta pokok.
- ii. membantu murid memperkayakan kosa kata sebagai sokongan kesediaan murid untuk boleh membina ayat yang betul.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang berikut:

- i. Adakah kaedah penggunaan peta pokok dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar dengan betul dan gramatis dalam kalangan murid?
- ii. Adakah kaedah penggunaan peta pokok dapat membantu memperkayakan kosa kata sebagai sokongan kesediaan murid untuk boleh membina ayat yang betul?

PESERTA KAJIAN


Peserta kajian terdiri daripada saya sendiri iaitu sebagai penyelidik dan lima orang murid sebagai peserta kajian. Lima orang murid sebagai peserta kajian tersebut merupakan murid daripada kelas Tahun Lima di sebuah sekolah dalam bandar Miri. Mereka terdiri daripada empat orang murid lelaki dan seorang murid perempuan. Lima orang murid ini dipilih menjadi peserta kajian kerana mereka mempunyai masalah atau tahap penguasaan yang lemah dalam kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Peserta kajian ini terdiri daripada pelbagai latar atau bangsa. Berdasarkan pemerhatian, peserta kajian ini menggunakan bahasa ibunda mereka semasa di sekolah.

Jadual 1:
Maklumat Peserta Kajian

Peserta Kajian (PK)	Jentina (L/P)	Bangsa	Bahasa Pertuturan di Sekolah
PK 1	L	Melayu	Bahasa Melayu
PK 2	L	Cina	Bahasa Cina dan Inggeris
PK 3	L	Cina	Bahasa Cina dan Bahasa Melayu
PK 4	L	Iban	Bahasa Iban
PK 5	P	Iban	Bahasa Iban dan bahasa Inggeris

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Bagi melaksanakan kajian ini, saya telah memilih model penyelidikan tindakan yang dipelopori oleh Stephen Kemmis (1983) sebagai panduan langkah pelaksanaan kajian. Rajah 1 merupakan rangka proses pelaksanaan kajian berpandukan model Stephen Kemmis (1983).



Rajah 1: Model Penyelidikan Tindakan Stephen Kemmis (1983)

Berdasarkan Model Penyelidikan Tindakan Stephen Kemmis (1983), pelaksanaan sesuatu kajian mempunyai empat langkah iaitu bermula dengan langkah merancang, kemudian langkah tindakan, membuat pemerhatian dan diakhiri dengan langkah membuat refleksi.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)


Merancang

Sebelum proses merancang dilakukan, saya telah membuat tinjauan awal terlebih dahulu kepada murid Tahun 5 di sebuah sekolah dalam bandar Miri. Instrumen yang telah digunakan untuk tinjauan awal adalah berbentuk lembaran kerja susulan. Instrumen tersebut diberi selepas sesi pengajaran dan pembelajaran iaitu sebagai penilaian. Berdasarkan instrumen tersebut, terdapat lima orang murid yang dikesan mempunyai masalah dalam menulis ayat berpandukan gambar. Oleh itu, kajian ini saya fokuskan kepada masalah murid dalam menulis ayat berpandukan gambar. Seterusnya, saya telah merancang untuk menggunakan salah satu peta I-Think iaitu peta pokok untuk membantu murid meningkatkan kemahiran dalam menulis ayat berpandukan gambar.

Mengambil Tindakan

Saya telah memperkenalkan peta pokok, fungsi peta pokok dan cara menggunakan peta pokok kepada murid. Fungsi peta pokok yang digunakan ialah bagi memastikan murid dapat menyenaraikan kosa kata, perkataan atau istilah-istilah yang berkaitan dengan gambar yang diberikan dan membantu murid membina struktur ayat yang betul. Cara menggunakan peta pokok pula ialah, pertama, murid perlu mengelaskan perkataan-perkataan kepada empat cabang. Cabang pertama murid perlu menyenaraikan watak-watak yang terkandung dalam gambar yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Cabang kedua pula, murid menyenaraikan perkataan yang merujuk kepada perlakuan atau aktiviti yang terdiri daripada kata kerja. Cabang ketiga, murid menyenaraikan nama objek yang berkaitan dengan kata kerja. Manakala, cabang keempat merujuk kepada perkataan atau frasa bagi menunjukkan tempat sesuatu aktiviti dilakukan.

Rajah penggunaan peta pokok dalam menulis ayat berpandukan gambar.



Rajah 2 : Contoh Penggunaan Peta Pokok

Setelah murid menghasilkan peta pokok, murid dikehendaki menghubungkan perkataan-perkataan dalam peta pokok tersebut untuk membentuk ayat. Setelah menghubungkan perkataan dengan perkataan, barulah murid boleh menyalin semula perkataan yang telah dihubungkan bagi membentuk satu ayat yang lengkap.

Membuat Pemerhatian

Pemerhatian telah dijalankan sepanjang kajian dijalankan sehingga kepada proses pengumpulan data dan menganalisis data. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, saya telah membuat pemerhatian terhadap tingkah laku murid sebelum dan selepas peta pokok diperkenalkan. Senarai semak digunakan dalam pemerhatian bagi melihat perlakuan yang hendak difokuskan. Selain itu, pemerhatian turut dilakukan terhadap hasil kerja murid sebelum dan selepas peta pokok diperkenalkan bagi melihat keberkesanan penggunaan peta pokok. Setiap lembaran kerja murid disemak dan dianalisis menggunakan senarai semak yang telah disediakan. Di samping itu, temu bual berstruktur turut dilakukan untuk mendapatkan respons daripada peserta kajian.

Membuat Refleksi

Setelah langkah merancang, membuat tindakan dan membuat pemerhatian selesai dilakukan, langkah terakhir ialah membuat refleksi. Aspek kekuatan, kelemahan kajian dan penambahbaikan dinyatakan bagi membantu kajian-kajian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan dalam kajian ini, peta pokok didapati dapat meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Hasil analisis pemerhatian sebelum peta pokok diperkenalkan, sebanyak 80% peserta kajian yang tidak menyumbang idea semasa belajar, 100% peserta kajian yang membina ayat bergantung dengan bantuan guru, 60% meniru kerja rakan dan 80% tidak menyiapkan latihan. Namun, setelah peta pokok diperkenalkan, semua peserta kajian telah menunjukkan tingkah laku positif. Tingkah laku negatif telah menurun menjadi 0%, sebaliknya tingkah laku positif bagi kesemua aspek menjadi 100%. Peningkatan tingkah laku positif inilah yang banyak menjadi pendorong kepada kejayaan murid menulis ayat berpandukan gambar.

Jadual 2 :

Hasil Keputusan Pencapaian Peserta Kajian Mengikut Skor

Ayat ditulis dengan struktur binaan ayat yang betul dan bermakna

Peserta Kajian	Sebelum		Selepas	
	Jumlah ayat betul	Skor	Jumlah ayat betul	Skor
PK 1	3	Sederhana	5	Cemerlang
PK 2	1	Amat Lemah	5	Cemerlang
PK 3	2	Lemah	5	Cemerlang
PK 4	1	Amat Lemah	5	Cemerlang
PK 5	1	Amat Lemah	5	Cemerlang

Berdasarkan dapatan analisis dokumen seperti dalam jadual 2, sebelum peta pokok diperkenalkan, tiada peserta kajian yang mendapat

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

keputusan baik atau cemerlang iaitu dapat membina 4 ayat betul atau lima ayat betul. Sebaliknya, hanya seorang peserta kajian yang dapat menulis tiga ayat betul, seorang lagi dapat menulis dua ayat betul, dan tiga orang selebihnya masing-masing hanya dapat menulis satu ayat yang betul sahaja. Namun, setelah menulis ayat menggunakan kaedah yang telah diperkenalkan, berlaku perubahan yang ketara terhadap jumlah ayat betul yang dapat ditulis oleh peserta kajian. Kesemua peserta kajian dapat menulis kelima-lima ayat berpandukan gambar dengan betul dan bermakna.

Keberhasilan kaedah penggunaan peta pokok dikukuhkan lagi dengan hasil analisis temu bual bersama peserta kajian secara individu menggunakan kaedah temu bual berstruktur.

Jadual 3:

Analisis Temu Bual Selepas Peta Pokok Diperkenalkan

Soalan	Jawapan Peserta Kajian				
	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5
1. Adakah anda dapat membina ayat?	/	/	/	/	/
2. Adakah penggunaan peta pokok dapat memudahkan anda menulis ayat?	/	/	/	/	/

Berdasarkan respons atau jawapan peserta kajian terhadap dua soalan temu bual yang telah dikemukakan seperti dalam jadual 3, kesemua peserta kajian telah menjawab “Ya” bagi soalan pertama dan kedua. Soalan pertama temu bual ialah “Adakah anda dapat membina ayat?”. Jawapan “Ya” yang diberikan oleh peserta kajian menjelaskan bahawa murid telah dapat membina ayat dengan menggunakan peta pokok. Soalan kedua pula ialah “Adakah penggunaan peta pokok dapat memudahkan anda menulis ayat?”. Jawapan “Ya” bagi soalan ini pula menjelaskan bahawa peserta kajian lebih mudah menulis ayat menggunakan peta pokok berbanding menulis ayat seperti biasa tanpa menggunakan peta pokok. Kedua-dua jawapan temu bual membuktikan bahawa objektif kajian ini telah dicapai dan peta pokok terbukti dapat membantu murid dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peta pokok sangat sesuai dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Selain peta pokok, terdapat pengkaji lain yang turut menggunakan peta I-Think dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Salah satunya ialah kajian “Penggunaan Peta Bulatan Untuk Membantu Murid Tahun 3 Membina Ayat Tunggal Berdasarkan Gambar Tunggal”. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa peta bulatan telah berjaya menyelesaikan masalah murid dalam penguasaan kemahiran menulis ayat tunggal berdasarkan gambar.

Di samping meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar, dalam kajian saya ini, peta pokok turut membantu memperkayakan kosa kata murid. Penguasaan terhadap kosa kata sangat penting sebagai kesediaan murid untuk menguasai kemahiran menulis ayat. Berdasarkan dapatan pemerhatian berstruktur bagi Aspek 1 (Menyumbang idea semasa

belajar), hanya seorang peserta kajian sahaja yang terlibat menyumbang idea semasa belajar. Manakala, empat orang peserta kajian lagi hanya bersifat pasif dan tidak menyumbang sebarang idea semasa belajar. Namun, setelah penggunaan peta pokok diperkenalkan, kesemua peserta kajian telah menunjukkan tingkah laku positif dan terlibat aktif menyumbang idea semasa belajar. Perubahan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan peta pokok telah membantu mengayakan kosa kata murid sehingga murid dapat menyumbang idea mereka untuk membina ayat semasa belajar.

Hasil pemerhatian Aspek 1 dikukuhkan lagi dengan dapatan hasil pemerhatian Aspek 2 (Membina ayat tanpa bantuan guru). Berdasarkan hasil pemerhatian terhadap Aspek 2, didapati kesemua peserta kajian menunjukkan tingkah laku negatif iaitu membina ayat dengan bantuan guru sebelum peta pokok diperkenalkan. Mereka sangat bergantung sepenuhnya dengan bantuan guru untuk membina ayat kerana kurangnya pengetahuan terhadap kosa kata. Namun, setelah peta pokok diperkenalkan, kesemua peserta kajian dapat menulis lima ayat berpandukan gambar tanpa bantuan daripada guru. Perubahan tersebut menunjukkan bahawa peta pokok telah berjaya membantu memperkayakan kosa kata murid sehingga murid tidak perlu bergantung dengan bantuan guru untuk merujuk penggunaan kosa kata bagi menulis ayat.

Dapatan tersebut juga dikukuhkan lagi dengan hasil analisis dokumen yang menunjukkan peningkatan peratus bagi ayat yang mempunyai makna yang tepat seperti dalam jadual 4.

Jadual 4:
Analisis “Struktur makna ayat betul”

Perkara	Peserta Kajian									
	PK 1		PK 2		PK 3		PK 4		PK 5	
	SB	SP	SB	SP	SB	SP	SB	SP	SB	SP
Jumlah ayat yang tepat makna	3	5	1	5	2	5	1	5	1	5
Peratus (%)	60	100	20	100	40	100	20	100	20	100
PETUNJUK:	SB (Sebelum) SP (Selepas)									

Sebelum peta pokok diperkenalkan, peratus jumlah ayat yang mempunyai makna yang tepat sangat terhad iaitu PK 1 sebanyak 60%, manakala, PK 2, PK 4 dan PK 5 masing-masing 20%, dan PK 3 pula sebanyak 40%. Namun, setelah peta pokok diperkenalkan, kesemua peserta kajian telah dapat menulis kelima-lima ayat yang mempunyai makna yang tepat dan tidak ada kesalahan penggunaan kosa kata. Peningkatan tersebut telah menunjukkan masalah kesilapan penggunaan kosa kata telah dapat diatasi dan penguasaan murid terhadap kosa kata telah bertambah.

Kesimpulannya, selain dapat menyelesaikan masalah pembelajaran murid, penggunaan peta pokok juga didapati dapat membantu mengubah tingkah laku negatif murid kepada tingkah laku positif. Perkara ini menjelaskan bahawa, peta pokok dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

REFLEKSI

Berdasarkan kajian ini, dua objektif yang disasarkan telah dapat dicapai. Pertama, kemahiran menulis ayat berpandukan gambar murid telah dapat ditingkatkan. Kedua, dapat memperkayakan kosa kata murid. Dapatkan hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa peta pokok dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar. Sebelum peta pokok diperkenalkan, murid tidak dapat menulis ayat yang betul. Selain struktur ayat salah, mereka juga menulis ayat yang tidak tepat dari aspek makna. Namun, setelah peta pokok diperkenalkan, murid telah dapat menulis ayat yang betul dan bermakna. Perkara ini bermaksud, peta pokok bukan sahaja telah membantu murid menulis ayat yang betul tetapi juga telah meningkatkan penguasaan kosa kata murid. Penggunaan kosa kata yang tepat penting bagi memastikan ayat yang dibina mempunyai makna yang betul. Kesimpulannya, masalah dalam kajian ini telah dapat diatasi.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan dapatkan kajian yang telah diperoleh daripada kajian ini, jelaslah bahawa peta pokok sangat berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat berpandukan gambar dalam kalangan murid. Oleh itu, saya berpendapat bahawa kajian ini perlu diteruskan dengan membuat penambahbaikan atau pengubahsuaian terhadap penggunaan kaedah yang sama bagi meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang. Perkara ini penting sebagai inisiatif kepada para pendidik untuk menambah baik amalan pengajaran mereka dan membantu mengatasi masalah pembelajaran murid di sekolah.

Antara cadangan kajian lanjutan ialah menggunakan peta pokok untuk mengajar ayat yang lebih panjang atau kompleks seperti ayat majmuk. Setelah murid dapat menguasai kemahiran menulis ayat-ayat mudah, para pengkaji boleh menambah cabang pada peta pokok untuk mengajar ayat majmuk.

Cadangan kajian lanjutan kedua pula ialah peta pokok digunakan untuk mengajar tahap yang lebih tinggi iaitu penulisan karangan bebas. Sesebuah karangan bebas kebiasaannya mempunyai perenggan Pengenalan, Isi, dan Penutup. Cadangan isi yang perlu untuk sesebuah karangan pula sekurang-kurangnya tiga isi bagi murid yang mempunyai tahap sederhana dan lemah. Oleh itu, kajian lanjutan boleh menggunakan peta pokok untuk membantu murid membuat kerangka karangan. Kaedah ini dapat mengelak murid daripada mengulang fakta atau isi yang sama.

Di samping itu, peta pokok juga boleh digunakan dalam meningkatkan kemahiran dalam bidang atau mata pelajaran lain. Contohnya, peta pokok juga boleh digunakan sebagai membantu murid yang lemah dalam kemahiran menulis ayat dalam bahasa Inggeris. Selain itu, peta pokok juga boleh digunakan untuk membantu meningkatkan kemahiran dalam mata pelajaran Sejarah. Seperti yang kita sedia maklum, mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran yang memerlukan kefahaman dan ingatan yang kuat untuk memahami dan mengingat sesuatu fakta. Salah satu cara atau kedah untuk

Damia Luh & Ainah Julhee

membantu murid dapat mengingat sesuatu fakta ialah dengan menggunakan peta I-Think seperti peta pokok.

PENUTUP

Kesimpulannya, peta pokok sangat sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi membantu murid yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah. Kelebihan yang terdapat peta pokok ialah memudahkan murid memahami sesuatu kemahiran atau pembelajaran. Oleh itu, kajian-kajian lanjutan yang menggunakan peta pokok perlulah diteruskan agar dapat memanfaatkan sepenuhnya kekuatan atau kelebihan yang terdapat pada penggunaan peta pokok dan tujuh peta I-Think yang lain. Di samping itu, peta I-Think juga penting untuk memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep dan amalan dalam pengajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi & Siti Hajar Idrus. (2010). *Literasi Bahasa Melayu*. Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Modul Teras Asas Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Malaysia
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Zahratulnadirah Ibrahim (2012). Kesan rumus "WAT" dalam membantu murid tahun lima membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu Ambilan Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 56-5.

PENGGUNAAN TEKNIK CAP JARI; APLIKASI DALAM KEMAHIRAN MENULIS PERENGGAN KARANGAN BAGI MURID TAHUN 3

**DAYANGKU NORASDIANA AWANGKU HASSAN¹
AINAH JULHEE²**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan membantu murid Tahun Tiga untuk meningkatkan kemahiran membina perenggan dalam karangan dengan menggunakan teknik cap jari. Model kajian yang digunakan sebagai rujukan ialah Model Kurt Lewin (1946). Tiga orang murid Tahun Tiga dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan peserta kajian tidak dapat membina perenggan karangan dengan betul. Objektif kajian ialah pengaplikasian teknik cap jari dapat menentukan jarak pada setiap awal perenggan dan pengaplikasian teknik cap jari dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul. Cara untuk mengumpul data ialah melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Analisis data pula menunjukkan penggunaan teknik cap jari dapat membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran membina perenggan karangan dengan betul. Sebagai penyelidik, kajian ini dapat membantu untuk meningkatkan keyakinan diri dan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga dapat memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai asas menulis karangan.

Kata kunci: teknik cap jari, meningkatkan kemahiran membina perenggan, model Kurt Lewin,

ABSTRACT

This study was undertaken to assist students in Years Three to improve the skills of building a paragraph in the article by using fingerprints method. The model used in this study as a reference is a model of Kurt Lewin (1946). Three of the third-year students were selected as research by reflection of teaching and learning which showed the participants in this study were not able to build paragraph's essay correctly. Objective of the study is the application of fingerprinting technique that can help students determine the distance at the beginning of each paragraph and application fingerprinting technique can improve writing paragraph skills properly. Methods for collecting data is through observation, interviews and analysis of documents. The data analysis showed that, the use of fingerprints can help participants to improve their skills in developing paragraph's essay correctly. As a researcher, this study may help to increase self-confidence and improve teaching and learning practices. The study may also provide exposure to students on the basic of writing essays.

Dayangku Norasdiana Awangku Hassan & Ainah Julhee

Key words: students in Years 3, improve the skills of building a paragraph, fingerprints method

PENGENALAN

Menerusi dunia pendidikan, terdapat tiga kemahiran asas yang sangat penting untuk dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran tersebut ialah kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kajian ini lebih berfokuskan kepada kemahiran menulis. Menulis bermaksud satu proses penghasilan simbol-simbol yang membentuk perkataan dan seterusnya disusun menjadi ayat. Faedah menguasai kemahiran menulis tidak terhad untuk jangka masa pendek sahaja, bahkan berlanjutan sepanjang usia mereka (Khairuddin Mohamad, 2011). Kemahiran menulis sangat penting kerana dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran.

Oleh sebab itu, penekanan kepada pengetahuan asas pembinaan karangan adalah sangat penting supaya masalah asas ini dapat dibendung. Terdapat banyak asas pembinaan karangan yang sering dipandang remeh oleh segelintir tenaga pengajar, namun kajian ini lebih memfokuskan pembinaan perenggan karangan dengan betul. Hal ini kerana terdapat 3 orang murid tidak dapat menulis perenggan karangan dengan betul. Teknik cap jari telah diperkenalkan untuk mengatasi masalah ini.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada membantu murid menulis perenggan dengan betul dari aspek menyediakan jarak pada setiap awal perenggan dengan betul. Berdasarkan hasil tinjauan awal, terdapat tiga orang murid yang masih tidak dapat menulis perenggan karangan dengan betul. Jadual 1 ini menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh peserta dalam tinjauan data awal melalui analisis lembaran kerja dan buku latihan mereka.

Jadual 1
Analisis tinjauan data awal

Aspek kesalahan	Lembaran kerja			Buku latihan		
	M1	M2	M3	M1	M2	M3
Tidak menyediakan jarak pada awal perenggan.	/	/	/	/	/	/
Menggabungkan semua perenggan menjadi satu perenggan				/		/

Dapatan analisis hasil kerja murid dalam lembaran kerja dan buku latihan didapati M1 dan M2 tidak menyediakan jarak pada awal perenggan. M3 pula didapati tidak menyediakan jarak pada awal perenggan malahan menggabungkan semua perenggan menjadi satu perenggan. Oleh itu, untuk membantu murid-murid ini dalam meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul, teknik cap jari telah diperkenalkan. Penggunaan teknik ini digunakan untuk membiasakan murid membina ruang pada setiap awal perenggan dengan jarak yang betul.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Saya memilih teknik ini kerana beberapa orang pengkaji terdahulu telah berjaya menangani masalah peserta kajian mereka seperti kajian yang telah dilakukan Normasheeda dan Yusop dan Walter pada tahun 2010. Berdasarkan hasil kajian mereka, maka saya telah tertarik untuk menggunakan kaedah yang hampir sama tetapi mengubahsuai mengikut kesesuaian masalah murid-murid saya. Sayatelah menggunakan teknik cap jari untuk meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul. Teknik ini dapat membantu murid memahami konsep penulisan perenggan dengan lebih mudah dan menjimatkan kos.

OBJEKTIF KAJIAN

Selepas kajian tindakan ini dijalankan, adalah diharapkan dapat:

- i. Pengaplikasian teknik cap jari dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan.
- ii. Pengaplikasian teknik cap jari dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

- i. Adakah pengaplikasian teknik cap jari dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan?
- ii. Adakah pengaplikasian teknik cap jari dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul?


PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan tiga orang murid di dalam kelas 3 Dinamik yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan seorang murid perempuan. Mereka ini dikenali sebagai M1, M2 dan M3 (bukan nama sebenar). Ketiga-tiga peserta kajian ini berasal dari Miri, beragama Islam dan berbangsa Melayu. Mereka ini bersifat agak pasif dan pendiam jika dibandingkan dengan murid-murid lain semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Berdasarkan prestasi akademik ketiga-tiga murid ini sebenarnya memiliki pencapaian akademik pada tahap sederhana. Mereka sebenarnya tidak tergolong dalam murid yang lemah akademiknya kerana majoriti dalam kelas tersebut adalah murid yang pandai. Akan tetapi mereka ada masalah dari aspek kemahiran menulis. Dalam aspek kemahiran menulis ini, murid-murid ini dikenal pasti mengalami masalah tidak dapat menulis perenggan karangan dengan betul berdasarkan hasil kerja dalam buku latihan dan lembaran aktiviti yang diberikan sepanjang pembelajaran berlangsung.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

Langkah-langkah pelaksanaan kajian ini berpandukan Model Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin seperti *Rajah 1*.



Rajah 1. Model Kurt Lewin (1946)

Perancangan

Pada peringkat perancangan saya telah mengumpul maklumat mengenai masalah murid yang telah dikenal pasti iaitu tidak dapat menulis perenggan karangan dengan betul. Saya mengumpul maklumat menggunakan instrument pemerhatian, temu bual, penelitian dokumen bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi murid-murid tidak dapat menulis perenggan karangan dengan betul.


Tindakan

Pada peringkat tindakan, perkara pertama yang saya lakukan ialah memperkenalkan teknik cap jari kepada murid-murid terlebih dahulu. Teknik cap jari ini ialah satu kaedah untuk membiasakan murid-murid supaya menyediakan ruang pada setiap awal perenggan semasa menulis karangan. Murid-murid didedahkan terlebih dahulu cara menggenggam jari sehingga membentuk “tanda bagus” mengikut teknik cap jari. Caranya adalah seperti berikut:

- i. Tangan bukan dominan diangkat.
- ii. Genggam semua jari kecuali ibu jari sehingga membentuk ‘tanda bagus’.
- iii. Mengajuk cara orang mengecap jari.

Setelah murid tahu membentuk “tanda bagus” langkah tindakan seterusnya ialah guru membimbing murid-murid mengaplikasikan teknik ini melalui latih tubi menyalin karangan mengikut perenggan yang betul. Pertama sekali murid menggenggam jari kecuali ibu jari sehingga membentuk ‘tanda bagus’ dan meletakkan ibu jari pada sebelah garisan di tepi sebelah kiri kertas seperti mengajuk orang sedang mengecap jari. Langkah ini dapat dilihat dalam *Rajah 2*.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)




Rajah 2. Mengajuk perlakuan orang mengecap jari

Setelah itu, murid mula menulis di sebelah ibu jari yang diletakkan. Ini bertujuan untuk memudahkan murid menyediakan ruang atau jarak yang betul pada setiap perenggan. Contoh pelakuan boleh dirujuk pada *Rajah 3*. Perlakuan ini diulang setiap kali hendak memulakan perenggan seperti pada *Rajah 4*.



Rajah 3. Peserta kajian sedang menulis permulaan perenggan



Rajah 4. Peserta kajian memulakan perenggan seterusnya

Tindakan seterusnya ialah mengaplikasikan teknik cap jari dalam latih tubi yang disediakan. Murid-murid menyalin semula karangan pendek mengikut perenggan yang betul dengan mengaplikasikan teknik cap jari. Latih tubi yang telah dijalankan adalah sebanyak tiga kali.

Pemerhatian

Pada peringkat pemerhatian saya telah mengumpul dan menganalisis data bagi menilai keberkesanannya tindakan. Saya telah mengumpul data melalui kaedah analisis dokumen dan menjalankan temu bual. Dokumen yang dianalisis ialah hasil kerja murid melalui latih tubi. Temu bual berstruktur juga telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan murid-murid mengenai penggunaan teknik cap jari ini dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul.

Refleksi

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengaplikasian teknik cap jari ini dapat membantu murid-murid meningkatkan kemahiran penulisan perenggan karangan. Murid-murid telah dapat menyediakan jarak atau ruang yang betul pada setiap awal perenggan. Kelemahan kajian ini ialah masa untuk melaksanakan aktiviti terhad.

DAPATAN KAJIAN

Saya telah menggunakan 2 kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen dan temu bual sepanjang tindakan dijalankan. Berdasarkan hasil dapatan kajian, ketiga-tiga murid telah dapat menentukan jarak atau ruang penulisan pada setiap awal perenggan serta dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul setelah menggunakan teknik cap jari.

Pengaplikasian teknik cap jari dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan.

Dapatan Analisis Dokumen

Berikut merupakan analisis dokumen yang merujuk kepada keberkesanannya teknik cap jari ini dalam membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan. Jadual 2 menunjukkan hasil analisis berdasarkan latih tubi yang telah dijalankan.

Jadual 2.

Analisis hasil latih tubi

Aspek	Latih Tubi 1		Latih Tubi 2		Latih tubi 3	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ada jarak pada setiap awal perenggan.	1	33.33%	2	66.67%	3	100%
Tiada jarak pada setiap awal perenggan.	1	33.33%	0	0%	0	0%
Tiada jarak pada awal perenggan bagi perenggan seterusnya.	1	33.33%	1	33.33%	0	0%

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Pada latih tubi 1 hanya seorang sahaja yang ada menulis jarak pada setiap awal perenggan dengan betul. Manakala 2 orang murid lagi masih tidak menulis jarak pada setiap awal perenggan dan hanya dapat menulis jarak pada awal perenggan pertama sahaja. Berdasarkan latih tubi 2 pula 2 orang murid telah dapat menulis jarak pada setiap awal perenggan dengan betul. Manakala seorang lagi masih tidak menyediakan jarak pada awal perenggan seterusnya. Berdasarkan latih tubi 3 pula ketiga-tiga murid ada menulis jarak pada setiap awal perenggan dengan betul. Maka, pada latih tubi 3 ini didapati tiada lagi murid yang tidak tahu menyediakan jarak pada setiap awal perenggan dan pada awal perenggan bagi perenggan seterusnya. Secara keseluruhannya, melalui analisis dokumen latih tubi 1 sehingga latih tubi 3 ini jelas membuktikan bahawa pengaplikasian teknik cap jari dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan dengan betul.

Dapatkan Hasil Temu Bual

Hasil analisis dokumen selaras dengan hasil daptan temu bual. Melalui rumusan hasil temu bual yang telah dijalankan juga menyokong bahawa teknik ini dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan. Ini dapat dibuktikan apabila ketiga-tiga murid bersetuju bahawa teknik cap jari ini dapat membantu mereka menentukan jarak yang betul menulis permulaan perenggan. Buktinya dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3.

Rumusan Hasil temu bual

Soalan	YA		TIDAK	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Adakah teknik cap jari dapat membantu saya menentukan jarak yang betul menulis permulaan perenggan.	3	100%	0	0%

Pengaplikasian teknik cap jari dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul.

Dapatkan Analisis Dokumen

Jadual 4 menunjukkan peratus penguasaan kemahiran menulis perenggan hasil analisis berdasarkan latih tubi yang telah dijalankan.

Jadual 4.

Analisis peratus penguasaan kemahiran menulis perenggan

Aspek	Latih Tubi 1	Latih Tubi 2	Latih tubi 3
	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)
Ada jarak pada setiap awal perenggan.	33.33%	66.67%	100%
Tiada jarak pada setiap awal perenggan.	33.33%	0%	0%
Ada jarak hanya pada perenggan pertama	33.33%	33.33%	0%

Dayangku Norasdiana Awangku Hassan & Ainah Julhee

Secara tidak langsung dapatan kajian pada jadual ini telah membuktikan bahawa penggunaan teknik cap jari dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul. Buktinya apabila peratus murid ada menulis jarak pada setiap awal perenggan semakin meningkat daripada hanya sebanyak 33.33% pada latih tubi 1 menjadi sebanyak 66.67% pada latih tubi 2. Seterusnya semakin meningkat menjadi 100% pada latih tubi 3. Manakala peratus murid tidak menyediakan jarak pada setiap awal perenggan dan tidak menulis jarak pada awal perenggan seterusnya menunjukkan kadar semakin menurun. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa teknik cap jari ini juga dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan kerana sepanjang latih tubi 1 hingga latih tubi 3 menunjukkan murid-murid ada peningkatan kepada yang lebih baik.

Temu Bual

Hasil analisis dokumen dalam Jadual 4 juga selaras dengan hasil dapatan temu bual ini. Analisis transkripsi berdasarkan temu bual pada Jadual 5 menyokong bahawa pengaplikasian teknik cap jari ini juga dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul. Hal ini dibuktikan melalui pengakuan yang dinyatakan oleh ketiga-tiga murid semasa temu bual yang telah dijalankan.

Jadual 5.

Analisis dapatan hasil temu bual

Soalan	Ya		Tidak	
	Jumlah murid	(%)	Jumlah murid	(%)
Adakah teknik cap jari membantu kamu meningkatkan kemahiran menulis perenggan dengan betul?	3	100%	0	0%

REFLEKSI

Penyelidikan Tindakan yang saya laksanakan ini merupakan salah satu usaha untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah dalam menulis perenggan karangan. Oleh itu, saya telah memperkenalkan teknik cap jari untuk mengatasi masalah mereka. Merujuk kepada semua hasil dapatan kajian terbuktilah bahawa teknik cap jari dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan. Selain itu, penggunaan teknik cap jari juga dapat meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul.

Selain daripada dapat mengatasi masalah murid, kajian ini juga dapat menambah baik amalan pengajaran saya. Saya sedar bahawa setiap guru perlu bersiap sedia menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini. Guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran agar murid-murid lebih mudah faham serta berminat untuk belajar. Justeru itu, ini secara tidak langsung dapat meningkatkan amalan profesional selaku guru pada masa akan datang.

CADANGAN DAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil daripada kajian ini, penggunaan teknik cap jari ini telah menunjukkan perkembangan positif ke atas penulisan murid-murid. Oleh itu, saya berhasrat membantu murid kelas lain yang menghadapi masalah yang sama menggunakan teknik cap cari ini. Saya juga mahu memperkenalkan teknik cap jari ini kepada guru-guru lain untuk diaplikasikan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Pada kajian akan datang dicadangkan supaya latih tubi diperbanyakkan supaya pengaplikasian teknik ini lebih berkesan.

PENUTUP

Kajian tindakan ini telah dijalankan dalam satu kitaran sahaja berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Kajian ini telah dijalankan dengan jayanya berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang sebelum ini. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membantu meningkatkan kemahiran menulis perenggan karangan dengan betul dengan penggunaan teknik cap jari. Selain itu, pengaplikasian teknik cap jari ini juga dapat membantu murid menentukan jarak pada setiap awal perenggan dengan betul. Teknik yang sama juga akan diaplikasikan dengan sebaiknya pada masa akan datang dengan murid yang berlainan untuk membantu mengatasi masalah yang sama.

RUJUKAN

- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli. (2016). Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Selangor. Ebiza Pack Sdn. Bhd
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2016). *Buku panduan penulisan penyelidikan tindakan*. pusat pembangunan akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia.(2010). *Panduan Penyelidikan Tindakan. Institut Pendidikan Guru*. Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru.(2013). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Normasheeda Salleh. (2012). *Penggunaan sebatang pensel dalam membantu murid pemulihhan menjarakkan ruang antara perkataan*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan IPGM KBL Tahun 2012. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 203-215

KEBERKESANAN BUKU LATIHAN EMPAT GARISAN DALAM PENULISAN HURUF BESAR DAN HURUF KECIL MURID TAHUN 3

**DAYANG ROSTIA AWANG ARNI¹
SELINA AHMAD²**

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan buku latihan empat garisan terhadap penulisan huruf besar dan huruf kecil murid Tahun 3. Kajian ini telah melibatkan tiga peserta kajian untuk menggunakan buku latihan empat garisan bagi mengurangkan kesalahan dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Triangulasi sumber pula dilakukan untuk dilakukan untuk menyemak data bagi mendapatkan kesahan data. Analisis data selepas tindakan telah menunjukkan hasil positif terhadap tulisan peserta kajian. Penggunaan buku latihan empat garisan telah membantu mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil peserta kajian di samping menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam kemahiran menulis.

Kata kunci: Buku latihan empat garisan, kemahiran menulis, mencampur aduk huruf besar dan huruf kecil, kaedah ansur maju, bimbingan individu

ABSTRACT

This research was conducted to study the effect of exercise book to write four lines of uppercase and lowercase letters among students in year 3 primary school. This study involves three participant to use exercise books four lines to reduce errors in the writing of uppercase and lowercase letters. Data was collected through observation, interviews and pattern analysis. Triangulation of data is also done to check for data errors. Analysis of data after the action has shown positive results on the writing of study participants. therefore use the exercise books four lines has helped reduce errors writing uppercase and lowercase study participant while improving my writing skills in teaching and learning process.


Keywords: *Exercise books four lines, writing mixing uppercase and lowercase letters, advanced element method, individual counseling*

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran asas Bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah rendah. Hal ini amat penting untuk mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Menurut Abdul Rashid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Dalam kemahiran menulis, terdapat pelbagai masalah seperti tulisan yang tidak berjarak, mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil serta tulisan cakar ayam. Hal ini kerana, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang sukar dan sangat kompleks untuk diajar dalam pengajaran bahasa. Penyataan ini disokong oleh Maxwell dan Jordan (1993) dalam Zamri Mahmod dan Yahya Othman (2016) yang berpendapat bahawa kemahiran menulis merupakan satu aspek kemahiran yang sukar dan kompleks.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah berkaitan dengan masalah kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil bagi murid tahun 3. Berdasarkan analisis data awal, murid-murid menghadapi masalah mencampur aduk penulisan huruf besar dan huruf kecil. Melalui maklumat awal ini, saya telah meneliti dan mengenal pasti kelemahan murid-murid melalui latihan harian mereka. Rajah 1 menunjukkan salah satu contoh tugas yang ditulis oleh murid dalam latihan harian mereka.



Rajah 1. Contoh tugas yang ditulis oleh murid

Berdasarkan rajah 1, hasil tugas murid dalam latihan tersebut menunjukkan murid berkenaan masih lemah dan keliru dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil. Berdasarkan tugas tersebut, didapati murid masih lagi menulis huruf besar pada tengah-tengah perkataan atau ayat serta menulis huruf kecil pada awal ayat. Terdapat murid-murid yang menulis huruf yang kurang jelas bentuk sebenar huruf berkenaan. Hal ini disebabkan murid-murid masih keliru tentang kedudukan sebenar huruf-huruf tersebut pada garisan dalam buku yang mereka gunakan. Kelemahan ini menyebabkan murid-murid ini menghasilkan penulisan huruf besar dan huruf kecil sesuka hati mereka. Perkara ini memberi kesedaran kepada saya untuk menyelesaikan masalah ini agar murid-murid dapat memperbaiki dan mengurangkan kesalahan dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil di

Dayang Rostia Awang Arni & Selina Ahmad

samping mengubah amalan pengajaran saya dalam pengajaran penulisan karangan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan peserta kajian bagi mata pelajaran bahasa Malaysia melalui penggunaan buku latihan empat garisan.
- menambah baik amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia melalui penggunaan buku latihan empat garisan serta membaikkan kemahiran menulis peserta kajian.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

- Adakah penggunaan buku latihan empat garisan dapat mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan murid tahun 3?
- Dapatkah penggunaan buku latihan empat garisan dapat membantu menambah baik amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia?


PESERTA KAJIAN

Kajian tindakan ini melibatkan tiga orang peserta kajian tahun 3. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid lelaki. Rasional pemilihan murid-murid ini adalah kerana masalah yang mereka hadapi paling ketara pada pemerhatian dalam tinjauan awal yang telah dibuat. Saya dapati prestasi ketiga-tiga peserta kajian adalah pada tahap sederhana dan memerlukan latihan dan bimbingan yang lebih kerap.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian tindakan ini dijalankan berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Menurut Lewin (1946) dalam Ho Ho Tong (2014), penyelidikan tindakan merupakan satu lingkaran langkah-langkah (a spiral of step). Satu lingkaran mempunyai empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi.

Langkah Pertama: Bagi mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil peserta kajian, penulisan menggunakan buku latihan empat garisan telah dilakukan. Rajah 2 menunjukkan buku latihan empat garisan tersebut.



Rajah 2: Buku latihan empat garisan

Berdasarkan Rajah 2, saya telah mengkategorikan setiap garisan kepada empat jenis iaitu garisan atas, garisan tengah, garisan lantai dan garisan bawah. Setiap garisan membawa fungsi-fungsi tertentu seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.

Jadual 1

Jenis dan fungsi setiap garisan pada buku latihan empat garisan

Bil	Jenis Garisan	Fungsi
1	Garisan atas	Mengawal ketinggian huruf tinggi. Contoh: 't', 'h', 'k', 'd'
2	Garisan tengah	Menyelaraskan saiz huruf supaya tidak terlalu kecil dan rendah. Contoh: 's', 'a', 'i'
3	Garisan lantai	Tapak kaki bagi semua huruf.
4	Garisan bawah	Mengawal tulisan sesuatu huruf yang mempunyai ekor seperti huruf 'g' dan 'y'

Langkah Kedua: Peserta kajian diterangkan cara untuk menulis setiap huruf menggunakan buku latihan empat garisan. Pada masa yang sama juga, peserta kajian juga akan diterangkan mengenai kedudukan setiap huruf pada garisan-garisan tersebut.

Langkah Ketiga: Dalam melaksanakan tindakan ini, penggunaan konsep ansur maju telah dijalankan iaitu bermula daripada mudah ke sukar serta bimbingan secara individu atau kelompok. Pelaksanaan telah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat menulis huruf besar dan huruf kecil dengan bimbingan guru, peringkat menulis huruf tanpa bimbingan guru mengikut kad huruf yang ditunjukkan serta menulis huruf yang disebut oleh guru (imlak) dan peringkat menulis huruf dalam ayat.

Peringkat 1: Peserta kajian diminta untuk menulis huruf besar dan huruf kecil bagi 26 huruf dengan bimbingan guru untuk membiasakan mereka dengan penggunaan buku latihan empat garisan. Pelaksanaan aktiviti memberi latihan dan penekanan kepada kaedah penulisan bagi setiap huruf besar dan huruf kecil.

Peringkat 2: Peserta kajian diminta untuk menulis huruf tanpa bimbingan guru mengikut kad huruf yang ditunjukkan serta menulis huruf yang disebut oleh guru (imlak) dengan menggunakan buku latihan empat garisan. Pelaksanaan aktiviti ini untuk melihat perkembangan hasil tulisan huruf setiap peserta kajian.

Peringkat 3: Tindakan yang seterusnya, peserta kajian akan diminta untuk menulis ayat menggunakan tulisan yang betul. Aktiviti ini bertujuan untuk melihat perkembangan peserta kajian menghasilkan penulisan huruf besar dan huruf kecil yang betul menggunakan buku latihan empat garisan.

Kaedah Mengumpul Data

Analisis dokumen

Instrumen yang digunakan ialah aktiviti menulis huruf dan menulis ayat yang diberikan kepada murid. Dokumen ini akan memudahkan proses pengumpulan data yang dikehendaki. Data yang diperoleh berdasarkan analisis dokumen ini telah dimasukkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan data dibaca dan dirumuskan dalam bentuk graf untuk membuat perbandingan dapatan kajian bagi setiap peserta kajian.

Temu bual

Saya telah menggunakan kaedah temu bual supaya dapat memahami secara langsung tentang perlakuan atau tingkah laku peserta kajian. Saya menggunakan borang temu bual untuk mendapatkan data. Terdapat empat soalan yang disediakan dalam borang temu bual tersebut untuk dijadikan panduan semasa sesi temu bual dilaksanakan.

Pemerhatian

Pemerhatian juga digunakan untuk mengumpul data. Saya telah menggunakan borang pemerhatian yang mengandungi tujuh item. Ketujuh-tujuh item tersebut mempunyai perkaitan dengan kajian saya dan setiap tingkah laku murid akan tandakan dengan simbol (/) bagi setiap item yang dilakukan.

Cara analisis data

Bagi menganalisis data daripada dokumen, saya telah membuat semakan dengan membulat setiap kesalahan yang telah dibuat oleh peserta kajian berdasarkan aktiviti dalam setiap peringkat. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan jadual untuk memudahkan bacaan data yang diperoleh serta mengenal pasti bilangan kesalahan yang dilakukan. Rakaman telah diambil bagi mendapatkan data temu bual. Data yang diperoleh melalui temu bual diterjemahkan dalam bentuk transkrip, ditarik dan dianalisis secara manual serta dijelaskan dalam bentuk penulisan. Saya mengenal pasti tema dan kod yang berkaitan dengan persoalan kajian berdasarkan catatan yang dibuat. Bagi menganalisis data pemerhatian pula, data dianalisis berdasarkan kepada borang senarai semak yang disediakan. Berdasarkan kepada borang senarai semak pemerhatian, telah memudahkan proses untuk mengenal pasti kelakuan murid dengan menandakan (/) pada ruang yang disediakan.

Cara menyemak data

Triangulasi yang telah digunakan adalah triangulasi kaedah yang bertujuan bagi membuat penyemakan data. Bagi triangulasi kaedah, saya telah menggunakan triangulasi antara kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta kajian yang sama.

DAPATAN KAJIAN

Mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan murid tahun 3 dengan menggunakan buku latihan garisan empat.

Penggunaan buku latihan empat garisan dapat mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil. Di bawah menunjukkan hasil daptan melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen yang diperoleh sepanjang latihan dijalankan. Data dalam kajian ini diperoleh melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Jadual 2 menunjukkan jadual analisis kekerapan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil bagi setiap peringkat.

Jadual 2

Jadual analisis kekerapan kesalahan penulisan huruf kecil dan huruf besar bagi setiap peringkat

Peserta kajian	Peringkat 1	Aktiviti		
		I	Peringkat 2	Peringkat 3
P1	10	2	1	0
P2	12	6	2	0
P3	15	9	3	0

Berdasarkan jadual 2, skor kekerapan kesalahan bagi ketiga-tiga peserta kajian didapati semakin menurun. Penurunan kekerapan kesalahan dapat dilihat dalam setiap peringkat. Ini menunjukkan, latihan pada setiap peringkat menunjukkan peningkatan yang positif dari peringkat 1 kepada peringkat 3. Kesimpulannya, kaedah ini dapat membantu peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil dengan betul. Kekerapan kesalahan yang semakin menurun juga menunjukkan satu fenomena yang positif mengenai penggunaan buku latihan empat garisan dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil.

Jadual 5

Analisis berdasarkan pemerhatian

Aspek	Peserta	Sebelum	Selepas
Mengganggu rakan		5	0
Berjalan-jalan di dalam kelas		6	1
Sambil lewa		8	0
Menulis sesuka hati		9	1
Bertanya mengenai tugas		3	9
Berbual-bual		14	1
Meniru kerja rakan		6	0

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam jadual 5 bagi sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti menggunakan kaedah tersebut, didapati setiap tingkah laku peserta kajian menunjukkan kesan yang positif. Ini jelas menunjukkan bahawa kaedah penggunaan buku latihan empat garisan dapat membantu meningkatkan tingkah laku positif peserta kajian serta kemahiran penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan peserta kajian walau pun peserta kajian cenderung untuk bercakap, berjalan dan sebagainya. Perkara ini turut dibuktikan dengan pencapaian peserta kajian setelah analisis dokumen dilakukan. Ini membuktikan bahawa kaedah penggunaan buku latihan empat garisan bukan sahaja mampu mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan murid tahun 3 malah ia juga dapat membentuk tingkah laku positif dalam kalangan peserta kajian.

Membantu menambah baik amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia menggunakan buku latihan empat garisan.

Melalui penyelidikan ini, saya dapat meningkatkan amalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil perhatian murid semasa proses pengajaran dilaksanakan. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, pada peringkat awal saya membimbang murid untuk menggunakan buku latihan empat garisan dengan betul. Setiap kesalahan yang dilakukan oleh murid ditegur dan ditunjukkan dengan cara penulisan yang betul secara jelas. Di bawah menunjukkan hasil dapatan melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen yang diperoleh sepanjang latihan dijalankan.

Hasil temu bual saya bersama peserta kajian selepas mengajar menggunakan buku latihan empat garisan, dapatkan menunjukkan kesan yang positif. Dalam temu bual tersebut saya telah bertanyakan tentang perasan peserta kajian selepas kaedah ini diaplikasikan iaitu sama ada peserta kajian suka menggunakan buku latihan empat garisan semasa menulis dan sama ada peserta kajian dapat memperbaiki tulisan dengan menggunakan buku latihan empat garisan. Berikut merupakan transkripsi hasil temu bual tersebut.

Sangat suka...

(TBP1)
Saya suka...

(TBP2)
(Mengangguk kepala)

(TBP3)
Dapat...

(TBP1)

Ya...

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

(TBP2)
Dapatlah...

(TBP3)

Berdasarkan dapatan hasil temu bual ini, terbukti penggunaan buku latihan empat garisan dapat menarik minat murid untuk menggunakan buku latihan empat garisan. Kesan penggunaan buku latihan empat garisan dapat mengurangkan kesalahan penulisan huruf besar dan huruf kecil murid tahun3. Kesimpulannya, penggunaan buku garisan empat memberi kesan positif kepada setiap peserta kajian.

Jadual 6

Analisis kekerapan penulisan huruf besar dan huruf kecil yang betul

Peserta kajian	Kekerapan penulisan huruf yang betul		
	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
I	II		
P1	16	24	25
P2	14	20	24
P3	11	17	23

Berdasarkan jadual 6 di atas, jelas menunjukkan perbezaan yang jelas bagi kekerapan penulisan huruf yang betul bagi setiap peserta kajian. Semua peserta kajian menunjukkan hasil dapatan yang positif iaitu peningkatan bagi penulisan huruf yang betul. Kesimpulannya, kaedah ini dapat membantu menambah baik amalan kendiri guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis. Kekerapan penulisan huruf yang betul ini juga menunjukkan satu fenomena yang positif mengenai penggunaan buku latihan empat garisan dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil.

REFLEKSI

Penggunaan buku latihan empat garisan terbukti dapat meningkatkan kemahiran penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan murid dan seterusnya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam kemahiran menulis.Kenyataan ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian daripada analisis dokumen, temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian yang diperoleh adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang hampir sama dengan kajian yang telah dijalankan. Misalnya kajian yang dijalankan oleh MelayaAudileaudrine Anak Louis (2012) telah menunjukkan hasil yang positif. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Kareem Firdaus Bin Abdul Razak (2012) juga selari dengan dapatan yang telah saya dijalankan. Dalam kajian ini, murid-murid dapat menggunakan buku latihan empat garisan bagi menghasilkan penulisan huruf besar dan huruf kecil yang betul dan kemas. Selain itu, hasil dapatan Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, kajian tindakan yang telah dijalankan menggunakan buku latihan empat garisan dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil ini telah memberi impak

Dayang Rostia Awang Arni & Selina Ahmad

yang positif. Kesimpulannya, kedua-dua soalan kajian yang telah ditetapkan dapat dijawab berdasarkan daptan kajian yang diperoleh.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya bercadang untuk lebih fokus kepada kemahiran menulis dalam aspek kekemasan tulisan menggunakan buku latihan empat garisan. Saya akan melakukan sedikit inovasi untuk kaedah ini iaitu dengan penggunaan buku latihan empat garisan yang mempunyai pelbagai warna bagi mewakili setiap baris dengan memberikan kod untuk setiap warna. Hal ini kerana, kanak-kanak akan lebih berminat dan mudah mengingati setiap peranan warna-warna tersebut. Ini selaras dengan pendapat Khairuddin Mohamad et. al., 2013 yang menyatakan bahawa warna yang terang mampu bertindak balas dengan cepat dan memberikan rangsangan yang baik kepada mata kanak-kanak terhadap objek berkenaan. Secara tidak langsung, kanak-kanak bukan sahaja akan dapat menulis huruf mengikut kedudukan yang betul, sekali gus akan dapat menulis dengan kemas dan cantik. Dengan adanya tulisan yang kemas dan cantik, ia kana memudahkan proses penyemakan dilakukan serta meningkatkan tahap keyakinan diri kanak-kanak. Secara kesimpulannya, penggunaan buku latihan empat garisan sememangnya dapat meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid yang ternyata terbukti dengan hasil dapatan kajian. Ini dapat memberikan gambaran bahawa kaedah ini dapat diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran menulis. Kajian ini wajar diteruskan pada masa hadapan bagi membantu lebih ramai murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran menulis sama ada secara sedar mahu pun tanpa sedar.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Jamian. (2008) Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-muird sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Anisah Anuar. (2010). Membetulkan tulisan huruf ‘k’ dan ‘s’ kecil murid tahun tiga menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 157-171.
- Dayang Norliza Awang Yem. (2010). Kesan kaedah ansur maju dalam mengurangkan kekerapan kesalahan menulis huruf kecil ‘k’ dan ‘p’ murid tahun lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.. 126-139.
- Ho, H. T., Rahmah Murshidi, Gan, W. L., Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H. Y., John Brodi, Sapiee Saidi & Stanley Abang (2014) *Asas Penyelidikan Tindakan: Teori dan Amalan*. Samarahan: Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi Profesionalisme Keguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

- Melaya Audileaudrine Louis (2012). Kesan latihan empat garisan berkembar dalam mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf dalam penulisan ayat murid tahun lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu amb. Januari 2009*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 179-193.
- Zamri Mahamod & Yahya Othman. (2016). *Penulisan akademik dalam bidang sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi p&p dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: 1cikmawaros@gmail.com, 2selinahjahmad08@hotmail.com

PENGGUNAAN TEKNIK “PAM” MENGGUNAKAN BUKU LATIHAN BERGARIS EMPAT UNTUK MENCANTIKKAN TULISAN MURID TAHUN 2

**JASSICA THOMAS¹
NORAINAH MOHD SALEH²**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu murid memperbaiki kekemasan tulisan. Dalam kajian ini, guru menggunakan teknik PAM iaitu menulis perkataan, ayat mudah dan ayat mudah dalam perenggan menggunakan buku latihan bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid. Seramai lima orang murid Tahun 2 yang terlibat dalam kajian yang dilaksanakan ini. Bagi mendapatkan data, pengumpulan data dilakukan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen. Hasil daptan kajian mendapati empat daripada lima orang murid dapat meningkatkan kemahiran menulis menggunakan buku latihan bergaris empat dengan kemas dan cantik melalui teknik PAM. Seterusnya hasil daptan mendapati empat daripada lima orang murid telah dapat memperbaiki tulisan menjadi semakin kemas dan cantik selepas menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat. Cadangan bagi tindakan susulan untuk memperbaiki tulisan murid menggunakan teknik PAM ialah, guru boleh membimbing murid untuk menulis menggunakan buku latihan bergaris dua secara berperingkat bermula daripada menulis perkataan, ayat mudah dan ayat mudah dalam perenggan.

Kata kunci. Murid Tahun 2, Teknik PAM, mencantikkan tulisan, buku latihan bergaris empat

ABSTRACT

This action research was conducted to help pupils improve writing neatness. In this research, teachers use PAM technique of writing the words, simple sentences and simple sentences in a paragraph using the four lined exercise book to beautify writing pupils. Five pupils from Year 2 involved in this study were conducted. To obtain the data, the data collection was conducted using three methods of observation methods, the method of interview and document analysis methods. The findings showed that four out of five pupils can improve their writing skills using four lined exercise book with neat and beautiful through PAM technique. Further findings revealed that four out of five students have been able to improve the writing becomes more neat and beautiful after using PAM technique four lined exercise book. Suggestion for action to improve pupils writing using PAM technique is, teachers can guide students to write a two lined exercise book stages starting from writing words, simple sentences and simple sentences in a paragraph.

Keywords. Year 2 pupils, PAM technique, writing beautify, four lined exercise books

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran asas Bahasa Malaysia yang perlu dikuasai oleh setiap murid bermula dari peringkat sekolah rendah. Keperluan menulis ini memang telah lama disedari oleh masyarakat umum dan para pendidik bahasa. Pelbagai kaedah telah dirancang serta diaplikasikan untuk mengajar murid agar menguasai kemahiran menulis bermula dari peringkat rendah khasnya. Beberapa faktor yang tertentu akan menimbulkan masalah murid lemah untuk menguasai kemahiran menulis. Kesan daripada masalah ini boleh mengakibatkan murid merasa rendah diri, tidak seronok dan menunjukkan tingkah laku yang agresif kerana tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran.

Khairuddin Mohamad (2011), kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling tinggi dalam senarai kemahiran bahasa. Kemahiran ini hanya boleh dikuasai jika seseorang itu telah menguasai kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca. Penguasaan dalam kemahiran menulis tidak hanya melibatkan aspek teknikal dan mekanikal semata-mata, tetapi turut melibatkan penggembangan aspek psikologi dan kognitif. Penulisan itu sendiri meliputi proses pemilihan dan pengolahan bahan untuk menghasilkan tulisan yang baik. Menurut Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani (2012) pula, menulis merupakan proses merakam atau menghasilkan bahan-bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan dan maklumat dalam bentuk tulisan. Proses ini memudahkan seseorang berhubung dengan orang lain atau dengan diri sendiri untuk lebih bermakna.

Berdasarkan pandangan ahli bahasa mengenai kemahiran menulis seperti yang telah dinyatakan, saya berpendapat bahawa ketidakupayaan murid menguasai kemahiran bahasa yang lain akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk menguasai kemahiran menulis. Apabila keadaan ini berlaku, murid menjadi tidak berminat untuk belajarsertakurang memberikan tumpuan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Secara ringkasnya, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid.

FOKUS KAJIAN

Setelah menjalani praktikum Fasa 1 dan Fasa 2 di sebuah sekolah, saya mendapati murid-murid menghadapi masalah yang sama iaitu masalah tulisan yang tidak cantik dan kemas. Masalah menulis murid ini merangkumi masalah tulisan yang tidak berjarak, mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil serta tulisan tidak kemas. Melalui pemerhatian yang telah dilakukan, saya mendapati keupayaan menulis setiap murid adalah berbeza mengikut tahap perkembangan kognitifnya. Namun demikian, terdapat juga murid yang tulisannya tidak kemas dan cantik tetapi mempunyai tahap keupayaan kognitif yang baik. Cuma dari segi penulisan sahaja yang kurang

kemas dan keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor lain.

Pada praktikum Fasa 3 pula iaitu di sekolah tempat saya menjalani latihan mengajar sekarang, saya turut menghadapi masalah yang sama iaitu masalah menulis murid yang tidak kemas dan cantik. Melalui hasil pemerhatian pada peringkat awal saya mendapati beberapa orang murid menghadapi masalah menulis yang agak lemah. Tambahan pula, kelas yang diajar merupakan kelas yang agak lemah juga dari segi akademiknya. Kemungkinan banyak faktor juga yang boleh menjadi penyebab masalah ini berlaku. Lantaran itu, saya mengambil langkah tindakan untuk membuat kajian terhadap permasalahan ini. Bagi mengatasi masalah ini, saya telah memilih untuk menggunakan teknik PAM dengan menggunakan buku latihan bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid Tahun 2. Teknik PAM bermaksud menulis perkataan (P) dan ayat (A) mudah (M) dalam perenggan menggunakan buku latihan bergaris empat. Melalui pemerhatian yang telah dilakukan saya mendapati beberapa orang murid memerlukan bimbingan bagi mengatasi masalah ini.

OBJKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk;

1. meningkatkan kemahiran murid tahun 2 menulis dengan kemas dan cantik menggunakan buku latihan bergaris empat dengan teknik pam.
2. memperbaiki tulisan murid Tahun 2 agar kemas dan cantik menggunakan buku latihan bergaris empat dengan teknik PAM.

Soalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menjawab persoalan berikut;

1. Adakah penggunaan teknik PAM dapat meningkatkan kemahiran menulis murid Tahun 2 dengan kemas dan cantik menggunakan buku latihan bergaris empat?
2. Adakah penggunaan buku latihan bergaris empat dapat membantu memperbaiki tulisan murid Tahun 2 dengan menggunakan teknik PAM?

PESERTA KAJIAN

Dalam kajian tindakan ini, saya telah melibatkan seramai 5 orang murid yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan. Kelima-lima orang murid merupakan murid Tahun 2 Merak di salah sebuah sekolah rendah yang terletak di sekitar bandaraya Miri.

TINDAKAN YANG DILAKUKAN

Berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti, saya telah merancang untuk menggunakan Teknik PAM iaitu menulis perkataan, ayat mudah dan ayat mudah dalam perenggan menggunakan buku bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid Tahun 2. Sebelum melatih murid menulis

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

menggunakan buku bergaris empat, terlebih dahulu saya menerangkan kepada murid fungsi garisan empat yang berwarna merah dan biru. Kemudian, murid diminta untuk menulis huruf besar dan huruf kecil menggunakan buku latihan bergaris empat. Tujuannya adalah supaya murid dapat membezakan cara menulis huruf besar dan huruf kecil menggunakan buku latihan bergaris empat. Semasa melaksanakan kajian ini, saya telah menggunakan tiga kaedah untuk mengumpul data iaitu kaedah temu bual semi berstruktur, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen.

Melalui kaedah temu bual semi berstruktur, saya dapat menggabungkan soalan temu bual sama ada secara terbuka atau tidak dengan syarat tidak mengajukan soalan berbentuk negatif kepada murid. Setiap pernyataan yang diberikan oleh murid berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan dibuat menggunakan kod. Melalui kod tersebut saya dapat membuat penilaian sama ada respons yang diterima berbentuk positif atau negatif.

Kaedah pemerhatian berstruktur pula dilakukan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diperhatikan ke atas murid dan seterusnya membuat catatan. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah seperti masa, tarikh, tempat dan aktiviti yang dilakukan pada masa itu. Pemerhatian dilakukan secara berperingkat iaitu sebanyak tiga kali. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada tingkah laku murid mempengaruhi masalah menulis yang dihadapi oleh murid atau tidak.

Manakala kaedah analisis dokumen pula digunakan untuk mendapatkan data yang lebih sahih dan relevan melalui hasil kerja murid. Penilaian hasil kerja murid dilakukan dengan cara membuat analisis terhadap penilaian sebelum, semasa dan selepas menggunakan teknik yang telah digunakan. Setelah itu baharulah penilaian akhir terhadap hasil kerja diberikan. Dalam kajian ini saya telah menggunakan dua triangulasi iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk mendapatkan kebolehpercayaan data.

Dalam kajian ini, saya memilih untuk menggunakan Model Kurt Lewin (1946). Berdasarkan model ini, perlaksanaan kajian dilaksanakan secara berurutan bermula daripada membuat perancangan bagi mengatasi masalah yang difokuskan. Kemudian melaksanakan tindakan yang telah dirancang bagi mengatasi masalah yang difokuskan. Seterusnya mengumpul dan menganalisis data bagi menilai keberkesanan tindakan yang telah dilaksanakan dalam masalah yang difokuskan dan akhir sekali membuat refleksi diri bagi melihat kekuatan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran diri. Kitaran kajian hanya dilakukan sekali sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Meningkatkan kemahiran murid tahun 2 menulis dengan kemas dan cantik menggunakan buku latihan bergaris empat dengan teknik pam.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, didapati penggunaan teknik PAM menggunakan buku latihan bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid Tahun 2 berjaya membantu murid meningkatkan kemahiran menulis dengan lebih kemas dan cantik. Teknik PAM ini dilakukan secara

berperingkat menggunakan buku latihan bergaris empat bermula daripada menulis perkataan, ayat mudah dan ayat mudah dalam perenggan. Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah analisis dokumen.

Jadual 1

Penilaian hasil kerja murid sebelum menggunakan buku latihan bergaris empat

Aspek yang dinilai	Gred									
	Murid 1		Murid 2		Murid 3		Murid 4		Murid 5	
	P1	P2								
Menulis perkataan dengan kemas dan betul.	C	C	B	B	B	B	B	B	C	C
Menulis ayat mudah dengan kemas dan betul.	C	C	B	B	B	B	C	C	C	C
Menulis ayat dalam perenggan dengan kemas dan betul.	C	C	B	B	B	B	C	C	B	B

Nota:P1-Penilai 1, P2-Penilai 2

Jadual 2

Penilaian hasil murid selepas menggunakan buku latihan bergaris empat

Aspek yang dinilai	Gred									
	Murid 1		Murid 2		Murid 3		Murid 4		Murid 5	
	P1	P2								
Menulis perkataan dengan kemas dan betul.	C	B	A	A	A	A	B	B	B	B
Menulis ayat mudah dengan kemas dan betul.	C	C	A	A	A	A	B	B	B	B
Menulis ayat dalam perenggan dengan kemas dan betul.	C	C	A	A	A	A	B	B	B	B

Nota:P1-Penilai 1, P2-Penilai 2

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan menunjukkan penilaian terhadap lima orang murid pada sebelum menggunakan buku latihan bergaris empat. Penilaian ini dilakukan oleh dua orang penilai iaitu saya selaku penilai pertama dan rakan guru pelatih merupakan penilai kedua. Hasil kajian mendapati empat daripada lima orang murid telah menunjukkan peningkatan manakala seorang murid tidak menunjukkan peningkatan selepas menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat.

Jadual 2 pula merujuk pada hasil dapatan selepas menggunakan buku latihan bergaris empat mendapati murid telah dapat meningkatkan cara

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

menulis dengan lebih kemas dan cantik. Hasil kajian mendapati empat daripada lima orang murid telah menunjukkan peningkatan manakala seorang murid tidak menunjukkan peningkatan selepas menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat. Bagi melihat sama ada murid dapat atau tidak meningkatkan kemahiran menulis menggunakan buku latihan bergaris empat, saya telah melakukan pemerhatian terhadap hasil kerja murid pada sebelum dan selepas menggunakan buku tersebut seperti dalam Jadual 3 di bawah. Pemberian gred adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Jadual 3
Hasil pemerhatian

Soalan	Sebelum	Selepas	Catatan
Murid 1	Tulisan tidak kemas dan terdapat perkataan yang ditulis terlalu rapat	Tulisan masih tidak kemas dan penulisan huruf besar dan huruf kecil masih kurang tepat	Tiada peningkatan
Murid 2	Tulisan agak kemas dan mudah untuk dibaca tetapi kedudukan huruf besar dan huruf kecil masih kurang tepat	Tulisan semakin kemas dan mudah untuk dibaca tetapi cara menulis huruf besar dan huruf kecil masih kurang tepat	Meningkat
Murid 3	Tulisan agak kemas tetapi kedudukan huruf besar dan huruf kecil yang tidak tepat	Tulisan semakin kemas dan cantik	Meningkat
Murid 4	Tulisan kurang kemas dan lambat menulis	Tulisan semakin kemas tetapi lambat menulis	Meningkat
Murid 5	Tulisan kurang kemas dan sangat lambat menulis	Tulisan agak kemas tetapi lambat menulis	Meningkat

Jadual 3 pula merupakan hasil pemerhatian yang dilakukan terhadap murid untuk melihat perubahan pada sebelum dan selepas menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat. Hasil kajian mendapati empat daripada lima orang murid telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menulis selepas menggunakan buku latihan bergaris empat.

Jadual 4
Hasil temu bual sebelum menggunakan buku latihan bergaris empat

Soalan	Jawapan Murid	Bilangan Murid
1. Adakah tulisan kamu kemas atau tidak?	• Ya • Tidak	2 orang 3 orang
2. Adakah kamu ingin memperbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik?	• Ya • Perbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik	3 orang 2 orang
3. Mengapakah guru meminta kamu menulis menggunakan buku latihan bergaris empat?	• Perbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik	5 orang
4. Adakah kamu pernah menulis menggunakan buku latihan bergaris empat?	• Ya • Tidak pernah • Lupa	3 orang 1 orang 1 orang

Jadual 5

Hasil temu bual selepas menggunakan buku latihan bergaris empat

Soalan	Jawapan Murid	Bilangan Murid
1. Adakah tulisan kamu semakin kemas dan cantik?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya • Tidak tahu • Semakin kemas dan cantik • Sedikit kemas 	1 orang 1 orang 2 orang 1 orang
2. Adakah buku latihan bergaris empat dapat membantu kamu meningkatkan kemahiran menulis?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya • Tidak tahu 	4 orang 1 orang
3. Adakah tulisan kamu lebih cantik dan kemas selepas menggunakan buku latihan bergaris empat?	<ul style="list-style-type: none"> • Semakin kemas dan cantik • Sama saja • Sedikit kemas 	3 orang 1 orang 1 orang
4. Adakah kamu seronok melihat tulisan semakin kemas dan cantik?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya • Tidak seronok 	4 orang 1 orang

Jadual 4 merupakan hasil dapatan temu bual yang dilakukan terhadap murid sebelum menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat. Jawapan murid adalah berdasarkan pernyataan kod yang telah diberikan. Bagi soalan pertama, dua orang murid memberikan jawapan ya manakala tiga orang murid memberikan jawapan tidak. Soalan kedua pula, tiga orang murid memberikan jawapan ya manakala dua orang murid memberikan jawapan perbaiki tulisan agar kemas dan cantik. Seterusnya soalan ketiga semua jawapan murid adalah sama iaitu perbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik. Bagi soalan keempat tiga orang murid memberikan jawapan ya, seorang murid memberikan jawapan tidak pernah manakala seorang murid lagi memberikan jawapan lupa.

Seterusnya Jadual 5 merupakan hasil dapatan selepas murid menulis menggunakan buku latihan bergaris empat. Berdasarkan soalan pertama dua orang menyatakan tulisan semakin kemas dan cantik, manakala tiga orang murid memberikan jawapan yang berbeza iaitu ya, tidak tahu dan sedikit kemas. Bagi soalan kedua empat orang murid memberikan jawapan yang sama manakala seorang murid memberikan jawapan tidak tahu. Bagi soalan ketiga pula, tiga orang murid memberikan jawapan yang sama manakala dua orang murid memberikan jawapan yang berbeza. Bagi soalan yang terakhir empat orang murid memberikan jawapan yang sama manakala seorang murid memberikan jawapan yang berbeza.

Berdasarkan hasil dapatan menggunakan tiga kaedah yang telah dinyatakan mendapat bahawa empat daripada lima orang murid telah menunjukkan peningkatan manakala seorang murid masih belum menunjukkan peningkatan. Kesimpulannya, penggunaan teknik PAM menggunakan buku latihan bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid Tahun 2 dapat meningkatkan kemahiran menulis perkataan, ayat mudah dan ayat mudah dalam perenggan dengan kemas dan cantik.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Memperbaiki tulisan murid Tahun 2 agar kemas dan cantik menggunakan buku latihan bergaris empat dengan teknik PAM.

Seterusnya, melalui penggunaan buku latihan bergaris empat ini juga dapat membantu memperbaiki tulisan murid Tahun 2 dengan menggunakan teknik PAM. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis hasil kerja murid pada sebelum dan selepas menggunakan buku latihan bergaris empat seperti dalam Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 6

Penilaian hasil kerja murid sebelum menggunakan buku latihan bergaris empat

Aspek penilaian	Sebelum				
	Murid 1	Murid 2	Murid 3	Murid 4	Murid 5
Menulis perkataan dengan kemas dan cantik	Tulisan tidak kemas	Tulisan kurang kemas	Tulisan kurang kemas	Tulisan kurang kemas	Tulisan tidak kemas
Menulis ayat mudah dengan kemas dan cantik	Tulisan masih tidak kemas	Tulisan agak kemas	Tulisan agak kemas	Tulisan kurang kemas	Tulisan kurang kemas
Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan kemas dan cantik.	Tulisan tidak kemas dan jarak tulisan terlalu rapat	Tulisan agak kemas	Tulisan agak kemas	Tulisan agak kemas tetapi lambat menulis	Tulisan agak kemas tetapi agak lambat menulis

Jadual 7

Penilaian hasil kerja murid selepas menggunakan buku latihan bergaris empat

Aspek penilaian	Selepas				
	Murid 1	Murid 2	Murid 3	Murid 4	Murid 5
Menulis perkataan dengan kemas dan cantik	Tulisan masih tidak kemas	Tulisan semakin kemas dan cantik	Tulisan semakin kemas dan cantik	Tulisan semakin kemas dan cantik	Tulisan semakin kemas dan cantik
Menulis ayat mudah dengan kemas dan cantik	Tulisan kurang kemas dan jarak antara perkataan masih terlalu rapat	Menulis ayat mudah dengan lebih kemas dan cantik	Menulis ayat mudah dengan lebih kemas dan cantik	Menulis ayat mudah dengan lebih kemas tetapi agak lambat menulis	Menulis ayat mudah dengan kemas tetapi lambat menulis
Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan kemas dan cantik.	Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan agak sedikit kemas.	Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan semakin kemas dan cantik	Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan semakin kemas dan cantik	Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan tetapi lambat menulis	Menulis ayat mudah dalam perenggan dengan kemas tetapi sangat lambat menulis

Hasil dapatan kajian melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap murid pada sebelum dan selepas menggunakan buku latihan bergaris empat juga menunjukkan empat daripada lima orang murid telah dapat memperbaiki tulisan menjadi lebih kemas dan cantik. Jadual 8 menunjukkan hasil dapatan kajian menggunakan kaedah pemerhatian.

Jadual 8

Hasil pemerhatian

Soalan	Sebelum	Selepas	Catatan
Murid 1	Tulisan tidak kemas dan terdapat perkataan yang ditulis terlalu rapat	Tulisan masih tidak kemas dan penulisan huruf besar dan huruf kecil masih kurang tepat	Masih tidak dapat memperbaiki tulisan
Murid 2	Tulisan agak kemas dan mudah untuk dibaca tetapi kedudukan huruf masih tidak tepat	Tulisan agak kemas dan mudah untuk dibaca tetapi cara menulis huruf besar dan huruf kecil masih kurang tepat	Dapat memperbaiki tulisan
Murid 3	Tulisan agak kemas tetapi kedudukan huruf besar dan huruf kecil yang tidak tepat	Tulisan semakin kemas dan cantik	Dapat memperbaiki tulisan

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Murid 4	Tulisan kurang kemas dan lambat menulis	Tulisan semakin kemas tetapi lambat menulis	Dapat memperbaiki tulisan
Murid 5	Tulisan kurang kemas dan sangat lambat menulis	Tulisan agak kemas tetapi lambat menulis	Dapat memperbaiki tulisan

Seterusnya ialah hasil dapatan kajian melalui kaedah temu bual turut menunjukkan bahawa empat daripada lima orang murid dapat memperbaiki tulisan agar lebih kemas. Jadual 9 dan Jadual 10 merupakan hasil temu bual yang dilakukan terhadap murid pada sebelum dan selepas menggunakan buku latihan bergaris empat.

Jadual 9

Hasil temu bual sebelum menggunakan buku latihan bergaris empat

Soalan	Jawapan Murid	Bilangan Murid
1. Adakah tulisan kamu semakin kemas dan cantik?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak kemas dan cantik • Kurang kemas dan cantik 	2 orang 3 orang
2. Mengapakah guru meminta untuk menulis menggunakan buku latihan bergaris empat?	<ul style="list-style-type: none"> • Sebab nak perbaiki tulisan • Sebab tulisan tidak cantik 	1 orang 4 orang
3. Pernahkah kamu menulis menggunakan buku latihan bergaris empat?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak • Pernah • Lupa 	1 orang 3 orang 1 orang
4. Adakah menulis menggunakan buku latihan bergaris empat dapat membantu kamu memperbaiki tulisan?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pasti • Tidak tahu • Mungkin 	5 orang

Jadual 10

Hasil temu bual selepas menggunakan buku latihan bergaris empat

Soalan	Jawapan Murid	Bilangan Murid
1. Adakah tulisan kamu semakin kemas dan cantik?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, semakin kemas dan cantik • Tidak 	4 orang 1 orang
2. Adakah tulisan kamu lebih kemas dan cantik selepas menggunakan buku latihan bergaris empat?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya • Tidak ada beza 	4 orang 1 orang
3. Adakah kamu selesa menulis menggunakan buku latihan bergaris empat?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahu • Ya, selesa 	1 orang 4 orang
4. Adakah menulis menggunakan buku latihan bergaris empat dapat membantu kamu memperbaiki tulisan?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahu • Ya 	1 orang 4 orang

Jassica Thomas & Norainah Mohd Saleh

Jadual 9 merupakan hasil temu bual yang dilakukan terhadap murid sebelum menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat bagi mencantikkan tulisan murid Tahun 2. Berdasarkan soalan pertama dalam Jadual 9terdapat tiga orang murid memberikan jawapan tidak kemas dan cantikmanakala dua orang murid memberikan jawapan kurang cantik dan kemas. Dalam soalan kedua, empat orang murid memberikan jawapan sebab tulisan tidak cantik manakala memberikan jawapan sebab nak perbaiki tulisan. Bagi soalan ketiga pula tiga orang murid memberikan jawapan pernah, seorang lupa dan seorang murid memberikan jawapan tidak.Bagi soalan keempat pula kelima-lima murid memberikan jawapan tidak pasti, tidak tahu dan mungkin.

Jadual 10 pula merupakan hasil dapatan selepas menggunakan buku latihan bergaris empat. Berdasarkan soalan pertama, empat orang murid memberikan jawapan ya, semakin kemas dan cantik manakala seorang murid menyatakan tidak. Bagi soalan kedua empat orang murid memberikan jawapan ya manakala seorang murid memberikan jawapan tidak ada beza. Bagi soalan yang ketiga pula empat orang murid memberikan jawapan ya, selesa manakala seorang murid memberikan jawapan tidak tahu. Bagi soalan keempat, empat orang murid memberikan jawapan ya, selesa manakala seorang murid menyatakan tidak tahu. Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan temu bual didapati penggunaan teknik PAM menggunakan buku bergaris empat telah dapat membantu empat daripada lima orang murid Tahun 2 untuk memperbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik.

REFLEKSI

Setelah menjalankan kajian tindakan menggunakan tiga kaedah analisis data iaitu membuat analisis permerhatian, analisis temu bual dan analisis dokumen, hasil dapatan dapat dilihat dengan jelas melalui perubahan pada kekemasan tulisan murid pada sebelum dan selepas menggunakan teknik PAM dalam buku latihan bergaris empat. Kesimpulannya, penggunaan teknik PAM menggunakan buku latihan bergaris empat untuk mencantikkan tulisan murid Tahun 2 dapat membantu murid meningkatkan dan memperbaiki tulisan murid agar lebih kemas dan cantik. Murid dapat memperbaiki kekemasan tulisan walaupun terdapat sedikit kesalahan ejaan serta penulisan huruf besar dan huruf kecil pada perkataan dan ayat. Melalui pelaksanaan kajian ini secara tidak langsung saya dapat membantu murid memperbaiki tulisan serta meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran terutamanya berkaitan dengan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil kajian mendapati empat daripada lima orang murid dapat memperbaiki tulisan agar lebih kemas dan cantik berbanding sebelum menulis menggunakan buku latihan bergaris empat. Penggunaan teknik PAM menggunakan buku latihan bergaris empat dapat membantu murid yang mempunyai tulisan kurang cantik mengatasi masalah ketidakemasan tulisan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Tulisan yang kemas dan cantik akan memudahkan diri serta orang lain membaca dan memahami maksud yang hendak disampaikan. Oleh itu, bagi membuat penambahbaikan terhadap kekemasan tulisan murid, saya bercadang untuk menggunakan buku latihan bergaris dua untuk mencantikkan tulisan murid dengan teknik PAM. Kekemasan tulisan murid harus sentiasa diperbaiki dengan kaedah yang bersesuaian agar murid dapat menguasai kemahiran menulis dengan lebih baik pada masa akan datang.

PENUTUP

Kesimpulannya, seseorang guru perlu peka dengan masalah yang dihadapi oleh murid dalam menguasai sesuatu kemahiran bahasa. Apabila guru dapat mengesan permasalahan tersebut, guru perlulah memikirkan kaedah atau teknik yang sesuai bagi mengatasi masalah tersebut. Berdasarkan masalah yang dihadapi oleh murid dalam kajian yang dilaksanakan, penggunaan teknik PAM menggunakan buku latihan bergaris empat yang dipilih dapat membantu murid memperbaiki kekemasan tulisan serta meningkatkan kemahiran menulis terutamanya bagi murid yang lemah. Perubahan yang berlaku walaupun sedikit tetapi memberikan kesan yang baik terhadap kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang murid.

RUJUKAN

- Husin Fateh Din & Nazariyah Sani. (2012). *Bahasa Melayu II akademik*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
Khairuddin Mohamad. (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri Sarawak.
Email: [1jessycathomas100911@gmail.com](mailto:jessycathomas100911@gmail.com), [2ainanms@yahoo.com.my](mailto:ainanms@yahoo.com.my)

**PENGGUNAAN PETA BULATAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MENULIS KARANGAN BAHAGIAN C BAHASA MELAYU
MURID TAHUN 5**

**KHAIRUL NURHIDAYAH MAHRAN¹
ZAINAL KASSAN²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk membantu murid Tahun 5 dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahagian C menggunakan peta bulatan. Selain itu, penyelidikan ini juga membantu menambah baik amalan keguruan saya sendiri dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual dan latihan penulisan karangan bahagian C Bahasa Melayu yang diberikan. Data dianalisis melalui analisis kandungan dan pola yang kemudian disemak melalui triangulasi sumber dan kaedah. Hasil dapatkan menunjukkan penggunaan peta bulatan dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan bahagian C Bahasa Melayu terutama dalam mengemukakan isi-isi peserta kajian. Untuk cadangan seterusnya, kajian ini juga boleh dijalankan dengan penggunaan peta pemikiran i-Think yang lain bagi menggantikan penggunaan peta bulatan.

Kata kunci: Peta pemikiran i-Think, peta bulatan, huraihan isi, penulisan karangan, bahagian C

ABSTRACT

This action research was conducted to help the students of Year 5 to improve essay section C essay writing skills using the map system. In addition, this research is also help to improve my own teaching practice in teaching Bahasa Melayu subject. Data were obtained through observations, interviews and Bahasa Melayu section C essay writing exercises that were provided. These data were analyzed through contents analysis and patterns which were then checked via source and method triangulation. The results showed that the usage of map system could increase Bahasa Melayu section C essay writing skills particularly in presenting the contents of the study's participants. For further suggestions, this research could also be conducted with other i-Think maps to substitute the map.

Keywords: Map thinking i-Think, map circle, description of contents, essay writing, section C

PENGENALAN

Kajian yang dilaksanakan ini mengenai penggunaan peta bulatan untuk menulis karangan bahagian C terhadap murid Tahun 5 di sebuah sekolah di bandar Miri. Kajian ini juga dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid-murid menulisan karangan bahagian C yang lengkap iaitu mengandungi isi, huraihan dan contoh yang ditulis dengan betul dan tersusun. Tajuk kajian ini ialah “Penggunaan Peta Bulatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahagian C Bahasa Melayu Murid Tahun 5”. Kajian ini telah dilaksanakan terhadap lima orang peserta kajian Tahun 5 di sebuah sekolah kebangsaan di bandar Miri.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya ialah untuk meningkatkan kemahiran menulis isi utama dan huraihan karangan bahagian C bagi peserta kajian saya iaitu murid Tahun 5 Hijau. Pemilihan fokus kajian ini disebabkan kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kemahiran penting yang harus dikuasai oleh murid-murid terutamanya murid-murid Tahap II. Pemilihan fokus kajian ini juga disebabkan atas menulis karangan harus diajar bermula daripada Tahun 4 lagi agar dapat membantu menjawab penulisan karangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) terutamanya karangan bahagian C pada tahun hadapan. Berdasarkan tinjauan awal berbentuk latihan, saya mendapati murid-murid Tahun 5 Hijau mempunyai masalah dalam penulisan karangan bahagian C.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berpandukan objektif-objektif yang berikut iaitu untuk:

1. penggunaan peta bulatan dapat meningkatkan kebolehan murid Tahun 5 Hijau semasa menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5, dan
2. menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan peta bulatan dalam menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut.

1. Adakah penggunaan peta bulatan mampu meningkatkan kebolehan murid dalam menulis karangan bahagian C?
2. Adakah saya dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran semasa menggunakan kaedah peta bulatan dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 5?

PESERTA KAJIAN

Seramai lima orang murid Tahun 5 Hijau dari salah sebuah sekolah rendah kawasan Miri. Terdapat tiga orang murid lelaki yang diwakili dengan nama samaran, Murid X, Murid Y, dan Murid Z. Terdapat dua orang murid perempuan diwakili dengan nama samaran Murid A dan Murid B. Dalam kelas, mereka tidak diberikan jawatan dan pasif. Mereka tidak akan menjawab soalan atau membantu guru secara sukarela. Prestasi akademik mereka kurang memuaskan. Murid-murid ini juga merupakan murid yang mempunyai tahap sederhana dalam penulisan karangan bahagian C. Mereka mempunyai idea untuk menulis namun idea mereka sering kali terkeluar tajuk. Tambahan pula, kesemua peserta kajian merupakan penutur yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya akan melaksanakan tindakan saya dalam beberapa waktu yang berbeza iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam bilik darjah dan semasa luar proses pengajaran dan pembelajaran. Disebabkan proses untuk mengajar karangan adalah satu proses yang kompleks, saya telah memperuntukkan tempoh masa untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran untuk penulisan. Namun, saya turut mengambil luar waktu persekolahan untuk melaksanakan tindakan saya memandangkan fokus saya terdiri daripada lima orang peserta kajian dan saya hanya memfokuskan kepada karangan bahagian C sahaja. Saya memperkenalkan konsep peta bulatan kepada peserta kajian sebagai permulaan langkah pelaksanaan. Ini bertujuan untuk peserta kajian mengetahui cara membuat peta bulatan. Selepas itu, saya telah memberi bimbingan secara berkumpulan dan seterusnya menjalankan langkah pembetulan selepas tinjauan yang dijalankan terhadap mereka.


DAPATAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, saya telah menyediakan dua soalan kajian.

Penggunaan peta bulatan dapat meningkatkan kebolehan murid Tahun 5 Hijau semasa menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5


Ya, penggunaan peta bulatan telah banyak membantu peserta-peserta kajian saya dalam meningkatkan kebolehan murid, mengemukakan dan mengolah isi-isi berdasarkan tajuk yang diberikan. Melalui latihan demi latihan yang telah diberikan, kesemua peserta kajian dapat menguasai konsep yang ada dalam pembinaan sesuatu perenggan iaitu dapat mengetahui perlunya ada “isi + huriaian + contoh.” Rajah di bawah menunjukkan latihan mengaplikasikan peta bulatan di dalam penulisan karangan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)



Rajah 1. Hasil kerja murid

Peta bulatan juga membantu murid-murid dari aspek pengolahan isi karangan. Namun, dalam penulisan karangan bahagian C tahap penulisan peserta-peserta kajian adalah lebih baik berbanding latihan awal yang diberikan. Gambar di bawah menunjukkan hasil penulisan sebelum dan selepas kajian salah seorang peserta kajian. Berdasarkan gambar tersebut menunjukkan peserta kajian telah menunjukkan peningkatan yang baik dalam menghuraikan isi utama tersebut.



Rajah 2. Hasil penulisan murid

Menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan peta bulatan dalam menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5

Khairul Nurhidayah Mahran & Zainal Kassan

Berdasarkan hasil dapatan kajian, penggunaan peta bulatan dapat membantu saya menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran semasa menggunakan kaedah peta bulatan dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahagian C bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 5. Hasil-hasil penulisan karangan peserta-peserta kajian yang baik dapat mengukuhkan lagi dapatan bahawa saya dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran. Melalui dapatan analisis dokumen juga dapat membuktikan bahawa kajian ini telah menjawab kepada soalan 2 saya.

Jadual 1
Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Peserta A

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi Yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	2	3	10/25
2.	Latihan Penulisan di dalam Kelas	3	4	14/25
3.	Latihan Penulisan di Pusat Sumber	4	5	18/25
4.	Ujian	4	6	20/25

Jadual 2
Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Peserta B

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi Yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	3	3	12/25
2.	Latihan Penulisan di dalam Kelas	3	4	14/25
3.	Latihan Penulisan di Pusat Sumber	4	4	16/25
4.	Ujian	4	6	20/25

Jadual 3
Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Peserta X

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi Yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	3	3	12/25
2.	Latihan Penulisan di dalam Kelas	3	4	14/25
3.	Latihan Penulisan di Pusat Sumber	4	5	18/25
4.	Ujian	4	6	20/25

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 4

Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Peserta Y

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi Yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	3	3	12/25
2.	Latihan Penulisan di dalam Kelas	3	4	14/25
3.	Latihan Penulisan di Pusat Sumber	4	5	18/25
4.	Ujian	4	6	20/25

Jadual 5

Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Peserta Z

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi Yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	3	4	14/25
2.	Latihan Penulisan di dalam Kelas	3	4	14/25
3.	Latihan Penulisan di Pusat Sumber	4	5	18/25
4.	Ujian	4	6	20/25

Berdasarkan analisis tahap pencapaian peserta-peserta kajian berdasarkan senarai semak, markah pengolahan isi daripada rendah semasa latihan awal meningkat kepada 20 semasa ujian akhir dijalankan. Markah keseluruhan peserta-peserta kajian juga semakin meningkat. Walaupun peserta-peserta kajian menunjukkan prestasi yang tidak konsisten, namun penggunaan peta bulatan tetap berjaya membantu peserta-peserta kajian memperbaiki tahap penulisan karangan bahagian C peserta-peserta kajian. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas oleh Zalekha Haji Elle (2005), Noor Zurina Kassim (2007), Wong Pui Chze (2009), dan Freddy Xaviers Jamil (2010) bahawa kaedah ini dapat meningkatkan markah penulisan murid-murid selain dapat mengolah isi karangan dengan lebih baik. Kefahaman peserta-peserta kajian terhadap kaedah yang dilaksanakan menunjukkan hasil yang positif. Transkrip temu bual saya dengan peserta-peserta kajian pada 9 Februari 2017 selepas sesi pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut.

Jadual 6

Transkrip Temu Bual dengan Peserta-peserta Kajian

TRANSKRIP TEMU BUAL

-
- Saya : Apa yang kamu dapat daripada pengajaran cikgu pada hari ini?
- Murid-murid : Kami lebih mudah faham cikgu. Nampak lebih senang.
- Saya : Apa yang lebih senang?
- Murid-murid : Peta bulatan cikgu. Senang nak menghurai dan mengolah mengikut kehendak tajuk.
- Saya : Baik. Selepas ini, bagaimana kamu semua mengolah karangan seperti ini dalam ujian?
- Murid-murid : Kami akan mengolah menggunakan peta bulatan, cikgu.
-

Berdasarkan transkrip temu bual dengan peserta-peserta kajian tersebut menunjukkan kefahaman peserta-peserta kajian terhadap kaedah yang dilaksanakan kerana pada pendapat mereka, "mereka lebih mudah faham, "nampak lebih senang, "peta bulatan senang nak mengolah isi daripada tajuk karangan, "cari isi penting guna peta bulatan." Melalui pendapat peserta-peserta kajian, jelas menunjukkan terdapat peningkatan terhadap diri mereka setelah penyelidikan tindakan dilaksanakan terutama dalam aspek penulisan karangan bahagian C.

REFLEKSI

Penyelidikan tindakan yang telah dijalankan memberi kesan yang positif terhadap peserta-peserta kajian dalam penulisan karangan bahagian C walaupun tidak secara keseluruhannya. Melalui hasil dapatan yang diperoleh, penggunaan peta bulatan dalam penulisan karangan bahagian C ternyata dapat membantu peserta-peserta kajian dalam mengemukakan isi-isi penting berdasarkan tajuk. Walaupun tahap penulisan peserta-peserta kajian masih pada tahap yang sederhana, namun peserta-peserta kajian dapat mengemukakan dan mengolah isi-isi berdasarkan tajuk yang diberikan. Belajar untuk melakukan sesuatu yang baharu yang akan memberi pengalaman kepada saya untuk diaplikasikan suatu hari nanti.

Penggunaan kaedah peta bulatan dapat membantu peserta-peserta kajian dalam penulisan karangan bahagian C. Penggunaan peta bulatan terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tahun 4 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) iaitu dalam "Standard Pembelajaran, 3.7.1 Menulis rangka pendahuluan, isi dan penutup berdasarkan tajuk yang diberikan guru." Peta bulatan merupakan cadangan aktiviti bagi mengkonstruk ayat tajuk dan ayat huraian berdasarkan isi yang telah dikenal pasti tentang sesuatu tajuk.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini kepada kitaran yang seterusnya. Saya mendapati kaedah penggunaan peta bulatan dapat membantu murid-murid menulis karangan bahagian C dalam bilik darjah. Saya ingin menggunakan kaedah ini untuk menulis karangan berformat. Cadangan

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

saya yang kedua ialah saya akan memberikan ganjaran kepada peserta-peserta kajian yang melakukan peningkatan yang terbaik. Pada pandangan saya, dan berdasarkan pemerhatian saya sepanjang kajian ini, kaedah ganjaran akan semakin dan membantu meningkatkan semangat murid supaya membuat yang terbaik untuk diri mereka sendiri. Cadangan saya yang ketiga ialah penggunaan peta bulatan ini juga boleh digunakan oleh mata pelajaran yang lain untuk meningkatkan pemahaman dan sekali gus dapat membantu murid-murid untuk menulis karangan dengan baik. Selain itu, guru juga boleh menggunakan bahan seperti buku-buku untuk memberi pendedahan kepada murid-murid tentang penulisan terutamanya dalam penulisan karangan bahagian C.

PENUTUP

Pelaksanaan kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan dan juga menjawab soalan kajian. Hal ini juga menunjukkan bahawa penggunaan peta bulatan yang dilaksanakan dapat membantu murid dalam menghasilkan penulisan karangan bahagian C dengan baik. Saya berharap hasil kajian saya ini dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain yang ingin menggunakan peta bulatan dalam kajian mereka yang berfokus kepada penulisan karangan. Justeru, adalah menjadi harapan juga, kajian ini dapat memberi kesan yang positif serta dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran penyelidik.

RUJUKAN

- Abd Fatah Hasan.(2003). *Penggunaan minda secara optimum dalam pembelajaran*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Denzin, N.K. (1979). *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods*. New York: McGraw Hill.
- Noresah Baharom, (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 5*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wong, P.C. (2009). Penggunaan peta minda dalam meningkatkan prestasi penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 141-143.
- Zalekha Haji Elle. (2005). Meningkatkan prestasi murid Tahun 5 Jaya dalam penulisan Bahasa Melayu menggunakan Kaedah Minda dan Kata Soal. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan MPBL tahun 2005*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 161-163.

Khairul Nurhidayah Mahran & Zainal Kassan

Jabatan Pengajian Melayu
Institusi Pendidikan Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹normahran87@gmail.com, ²zainalkassan@gmail.com

**PENGGUNAAN TEKNIK PEMBELAJARAN KOPERATIF B-G-B
MEMBANTU MURID-MURID TAHUN 4 MENGUASAI
 PENGGUNAAN HURUF BESAR
 DALAM PENULISAN**

**LARRY LIMIN¹
ZAINAL KASSAN²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan huruf besar pada kata nama khas terutamanya dalam ayat. Peserta kajian ini terdiri daripada 10 orang murid Tahun 4. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan kualitatif. Teknik pembelajaran koperatif **B-G-B** digunakan sebagai teknik perawatan. Laporan kajian tindakan ini menunjukkan objektif kajian telah tercapai. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa teknik kajian yang digunakan dalam kajian ini semestinya berkesan dan jelas sekali dapat menyelesaikan masalah penggunaan huruf besar bagi perkataan yang terdiri daripada kata nama khas. Walau bagaimanapun, bimbingan secara intensif dan secara individu perlu dilakukan bagi memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran ini. Kajian tindakan yang telah dijalankan ini telah dijalankan dengan menggunakan Model Kemmis dan McTaggart (1983) secara dua kitaran. Pelaksanaan kajian ini terhadap kesepuluh-sepuhul peserta kajian Tahun 4 telah dijalankan dengan jayanya dengan menggunakan **teknik pembelajaran koperatif B-G-B** yang menyertakan pelbagai jenis latihan sebagai latih tubi.

Kata kunci : B - **Benang** (*The Yarn Yarn*), G - **Galeri**(*Gallery Tour*)
dan B - **Berpasangan** (*Pair Check*)

ABSTRACT

This action research aims to increase its capitalization on nouns mainly in sentences. Participants in this study consisted of 10 students from Year 4. This study used a qualitative research design action. Cooperative learning techniques B-G-B is used as a treatment technique. This action research report shows the objectives have been achieved. Thus, the researchers concluded that the technique used in this study should be efficient and obviously can solve the problem of capitalization of words made up of nouns. However, intensive counseling and individual needs to be done to ensure that students truly master this skill. The study that was carried out this action was carried out by using Model Kemmis and McTaggart (1983) for two cycles. The implementation of this study to the tenth-ten survey participants Year 4 have been carried out successfully by using cooperative learning techniques B-G-B that included various types of training as a drill.

Larry Limin & Zainal Kassan

Keywords: B - Yarn (The Yarn Yarn), G - Gallery (Gallery Tour) and B - Pairing (Pair Check)

PENGENALAN

Kajian tindakan yang dilakukan ini berfokus kepada penguasaan teknik penulisan huruf besar iaitu kemahiran menulis yang didefinisikan sebagai keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Kajian ini berfokus pada kemahiran menulis iaitu penguasaan penulisan ayat dengan menggunakan huruf besar pada kata nama khas dalam kalangan Murid Tahun 4B di Sekolah Kebangsaan di Miri. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah Pembelajaran Koperatif. Pengajaran Bahasa Melayu seharusnya disampaikan dalam pendekatan yang lebih menarik dan pelbagai dalam membantu memperkembangkan keupayaan murid dalam membaca dan menulis (Abdul Rasid Jasmain; 2011). Kaedah pembelajaran koperatif telah dipilih sebagai kaedah utama atas dorongan oleh dapatan-dapatan positif tentang keberkesanannya di kebanyakan di negara Eropah dan juga beberapa kajian di sekitar Asia. Justeru, pengkaji ingin menguji keberkesanannya kaedah pembelajaran koperatif B-G-B dalam kalangan murid yang mempunyai masalah menggunakan huruf besar pada kata nama khas.

FOKUS KAJIAN

Penulisan huruf besar bagi kata nama khas dalam ayat merupakan satu kemahiran yang murid-murid patut kuasai semenjak dari awal lagi terutamanya pada tahap satu. Namun demikian, pengkaji mendapati bahawa murid-murid pengkaji menghadapi masalah dalam penulisan dan sering kali melakukan kesalahan khasnya ketika membina ayat dan menulis secara imlak. Setelah beberapa minggu pengkaji mengajar, pengkaji mendapati masalah yang sangat serius yang dihadapi oleh murid ialah masalah menulis huruf besar dalam penulisan perkataan, frasa, membina ayat tunggal mahu pun ayat majmuk. Masalah ini merupakan satu masalah yang amat serius kerana murid sepatutnya sudah menguasai aspek tanda baca, iaitu termasuk penulisan huruf besar dan huruf kecil bagi kata nama khas.

Hasil daripada perbincangan dengan guru-guru yang mengajar peserta kajian ini, pengkaji mendapati bahawa punca responden tidak dapat menulis huruf besar dengan betul adalah kerana mereka kurang faham tentang menulis huruf besar yang betul. Mereka kurang diberi penekanan tentang konsep menulis huruf besar pada kata nama khas semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, mereka seringkali keliru dengan menulis huruf pada kata nama khas, kata nama am. Masalah yang dapat dikesan di sini ialah murid tidak mempunyai fokus dan dorongan dalam pembelajaran bagi subjek Bahasa Malaysia. Mungkin sekali guru yang sebelum ini mempunyai gaya pengajaran yang tidak pelbagai dan membosankan. Murid-murid langsung tidak tertarik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. Oleh yang

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

demikian, teknik pembelajaran koperatif difikirkan sesuai untuk mengatasi masalah ini.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian tindakan ini diharapkan agar responden dapat meningkatkan penguasaan huruf besar pada Kata Nama Khas terutamanya huruf besar pada pangkal perkataan Kata nama khas Manusia, Kata nama khas Benda, Kata Nama Khas Haiwan dan Kata Nama Khas Hari. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif:

- a) teknik pembelajaran koperatif membantu murid menguasai huruf besar pada kata nama khas.
- b) penggunaan teknik pembelajaran koperatif B-G-B dapat membantu murid menulis dengan kemas dan betul kata nama khas dalam ayat.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

- a) Adakah penggunaan teknik pembelajaran koperatif B-G-B dapat membantu murid meningkatkan penguasaan penggunaan huruf besar dalam Kata nama khas?
- b) Adakah penggunaan teknik pembelajaran koperatif B-G-B dapat membantu murid menulis dengan kemas dan betul kata nama khas dalam ayat?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah rendah yang terletak di kawasan Miri. Peserta kajian yang terlibat adalah 10 orang murid Tahun 4 yang tidak dapat menguasai kemahiran penulisan huruf besar bagi kata nama khas dalam ayat tunggal dan ayat majmuk. Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina. Peserta kajian terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang perempuan. Tiga orang berbangsa Iban, dua orang berbangsa Kayan, seorang berbangsa Cina, seorang berbangsa Lunbawang, seorang lagi berbangsa kedayan dan dua orang yang berbangsa Melayu.

Kesemua peserta kajian ini mempunyai keupayaan dan kebolehan yang berbeza-beza antara satu sama lain. Mereka terdiri daripada keluarga yang pelbagai latar belakang. Mereka ini terdiri daripada keluarga yang berpendidikan dan tidak berpendidikan. Ada sebahagian peserta kajian ini terdiri daripada keluarga yang berasal daripada golongan profesional. Terdapat juga ahli keluarga peserta kajian ini yang terdiri daripada golongan kelas menengah iaitu penjawat awam dan sektor-sektor industri dan bukan industri.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Tindakan yang dijalankan adalah berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart sebagai panduan. Terdapat empat langkah utama dalam Model Kemmis dan McTaggart, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Noraini Idris, 2010; Chua Yan Piaw, 2011; Ho Ho Tong et al., 2014).

Pada peringkat merancang, pengkaji telah membuat keputusan dan memilih tiga jenis pembelajaran koperatif yang akan digabungkan dan diubahsuai. Tiga jenis pembelajaran koperatif tersebut ialah *Gallery Tour* (Galeri), *The Yarn Yarn* (Benang) dan *Pair Check* (Berpasangan). Pengkaji telah akronimkan ketiga-tiga jenis pembelajaran koperatif ini menjadi B-G-B.

Untuk peringkat bertindak, pengkaji bertindak dengan melaksanakan perubahan amalan pengajaran mengikut langkah-langkah yang telah dirancang pada peringkat merancang bagi membimbang peserta kajian tentang penggunaan teknik pembelajaran koperatif B-G-B. Teknik pembelajaran koperatif B-G-B merupakan gabungan beberapa teknik pembelajaran koperatif. Setiap teknik ini akan dilaksanakan satu persatu. Jika terdapat peserta kajian yang masih tidak menguasai lagi, ketiga-tiga teknik pembelajaran koperatif ini akan diulang beberapa kali.

Pada peringkat memerhati pula, pengkaji akan melakukan pemerhatian terhadap pencapaian peserta kajian setelah menggunakan teknik yang dipilih. Pemerhatian ini akan dilakukan melalui analisis prestasi lembaran kerja 1 dan lembaran kerja 2 yang telah disiapkan oleh kesemua peserta kajian. Selain itu, bagi proses pemerhatian sesi temu bual juga akan diadakan yang bertujuan untuk mengumpul data. Hasil daripada pengumpulan data yang dilakukan ini akan dianalisis. Setelah peringkat memerhati ini terlaksana, pengkaji akan berjaya untuk mengumpul segala data yang diingini dan seterusnya ditafsirkan hasil analisis data tersebut untuk menjalankan tindakan yang selanjutnya.

Pada peringkat terakhir iaitu peringkat mereflek, pengkaji akan membuat penilaian kendiri berdasarkan data-data yang telah diperhatikan melalui analisis yang dilakukan. Sekiranya perlu, saya akan meneliti semula perihal kesesuaian teknik pembelajaran koperatif B-G-B. Pengkaji turut akan menentukan kekuatan dan kelemahan yang dapat dikesan sepanjang pendedahan teknik tersebut kepada para peserta kajian. Dengan demikian, pengkaji akan dapat membuat penambahbaikan terhadap kaedah tersebut untuk mengaplikasikannya dalam kitaran dua supaya dapat memperoleh kesan yang lebih memberangsangkan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa kaedah pembelajaran koperatif B-G-B ini dapat dijadikan sebagai satu kaedah atau strategi pembelajaran yang berkesan untuk membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran penggunaan huruf besar dalam ayat.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 1

Dapatan pemerhatian tingkah laku subjek kajian.

Tingkah laku	Pra Tindakan	Bilangan peserta				
		Kitaran 1		Kitaran 2		
		Aktiviti 1	L1	L2	L3	L4
Bermain dalam kelas	7	7	2	1	0	0
Bertanya soalan kepada guru	3	3	5	6	6	8
Menyiapkan tugas dan menghantar latihan	8	9	10	10	10	10

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati peserta kajian bertingkah laku suka bermain semasa pengajaran dan pembelajaran. Namun selepas aktiviti ini dijalankan dijalankan dengan menggunakan teknik pembelajaran koperatif yang dipilih, peserta kajian dilihat menunjukkan penurunan tingkah laku berkaitan dengan suka bermain.

Jadual 2

Perbandingan hasil setiap lembaran.

Peserta kajian	Soalan dapat dijawab		
	Lembaran kerja 1	Lembaran kerja 2	Lembaran kerja 3
PK1	8	2	4
PK2	8	4	5
PK3	5	0	2
PK4	6	2	4
PK5	9	3	5
PK6	7	4	5
PK7	6	3	4
PK8	7	4	5
PK9	9	5	5
PK10	5	1	1

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan pencapaian yang positif dimana kesilapan yang dilakukan oleh peserta kajian telah berkurangan kerana penggunaan teknik **pembelajaran koperatif B-G-B** berjaya membantu

peserta kajian ini membina ayat yang betul dengan penggunaan huruf besar di permulaan ayat dan pada kata nama khas dalam ayat.

Jadual 3

Dapatan temu bual kitaran 2

Perkara	Bilangan	
	Y	T
Adakah menulis huruf besar pada pangkal perkataan bagi kata nama khas dalam ayat menjadi lebih mudah dengan penggunaan teknik pembelajaran koperatif B-G-B?	10	0
Adakah penulisan mekanis berubah menjadi kemas dan betul bagi kata nama khas dalam ayat?	10	0

Kesemua peserta kajian dapat menulis huruf besar pada pangkal perkataan bagi kata nama khas dalam ayat. Bagi item kedua pula iaitu penulisan mekanis berubah menjadi kemas dan betul bagi kata nama khas dalam ayat, kesemua peserta kajian juga menunjukkan keputusan yang positif. Kesemua mereka berjaya menulis dengan kemas dan betul kata nama khas dalam ayat yang dibina.

Secara keseluruhannya pada kitaran yang pertama penggunaan **teknik pembelajaran koperatif B-G-B** belum berjaya sepenuhnya membantu peserta kajian yang disasarkan untuk menggunakan huruf besar bagi kata nama khas pada pangkal kata nama khas dan huruf besar untuk permulaan ayat. Oleh yang demikian, penambahbaikan dilakukan dengan mengubah lembaran kerja yang lebih sesuai dan menjurus untuk membaiki penggunaan huruf besar bagi kata nama khas iaitu di dalam Kitaran 2. Kepelbagaiannya lembaran kerja yang mempunyai kesukaran yang berbeza membolehkan pengkaji betul-betul dapat menguji dan membaiki masalah yang dihadapi.

REFLEKSI

Dalam data pemerhatian tingkah laku negatif, peserta kajian ini telah menunjukkan bahawa mereka telah berubah daripada sikap negatif yang suka bermain dalam kelas kemudian mereka telah menjadi murid yang suka untuk membuat atau menyiapkan aktiviti yang diberikan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka sudah jelas dan faham akan konsep penggunaan huruf besar bagi kata nama khas dalam sesebuah ayat. Cuma didapati sikap kelalaian sahaja yang menyebabkan mereka salah dalam menulis kata nama khas tersebut. Didapati bahawa peserta kajian-peserta kajian telah mengenal pasti huruf besar harus digunakan untuk kata nama khas yang berada di tengah-tengah ayat. Di samping itu, mereka juga tahu pada pangkal ayat perlulah dibubuhkan huruf besar sebagai memulakan ayat. Kesimpulannya, peningkatan kemahiran peserta kajian dalam menulis dengan kemas dan betul huruf besar untuk kata nama khas jelas terlihat setelah teknik pembelajaran koperatif digunakan. Dalam teknik pembelajaran koperatif ini

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

diselitkan juga teknik latih tubi yang berupa lembaran kerja banyak dan pelbagai.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Penyelidik telah memikirkan dan mencadangkan skop atau fokus kajian seterusnya berkenaan dengan menukar teknik lain selain daripada pembelajaran koperatif. Hal ini adalah kerana murid yang agak lemah tidak dapat dipulihkan dengan menggunakan teknik pembelajaran koperatif. Pengkaji lain mungkin boleh menggunakan teknik latih tubi warna untuk mengatasi masalah penguasaan huruf besar dalam kalangan murid. Selain itu, pengkaji lain boleh juga menukar fokus kajian kepada aspek yang lebih terperinci seperti kata nama khas jenis hidup bukan manusia.

Selain daripada itu, teknik pembelajaran koperatif ini dapat dikembangkan lagi kepada subjek lain juga. Hal ini adalah kerana teknik pembelajaran koperatif ini adalah merupakan satu strategi atau kaedah pengajaran yang dilihat mampu meningkatkan fokus, minat dan keterlibatan murid dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Teknik ini boleh diguna pakai untuk hampir kesemua subjek.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian tindakan ini yang telah dilaksanakan ini telah berjaya membantu penyelidik sendiri untuk menambah baik amalan pengajaran penyelidik sendiri. Teknik yang digunakan oleh penyelidik ini boleh digunakan oleh penyelidik semasa bertugas menjadi guru sebenar kelak. **Teknik pembelajaran koperatif B-G-B** ini jika diaplikasikan dengan baik akan dapat membantu meningkatkan penggunaan huruf besar pada awal perkataan dalam sesebuah ayat di dalam penulisan untuk Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2001). Pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu: Masalah dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*.
- Azizi Yahaya dan Intan Sapinas Bahuri. (nd) *pembelajaran koperatif*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada laman web
http://eprints.utm.my/10378/1/28.9_PEMBELAJARAN_KOPERATIF.pdf
- Kamarudin Hj. Husin. (1989). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Diperoleh dari laman web <http://www.moe.gov.my/v/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Larry Limin & Zainal Kassan

Morrision Jement Jonathan Kibing. (2010). Kesan peta minda dalam meningkatkan kemahiran mengenal isi utama dan isi huriaian karangan bahasa melayu murid tahun lima. *Koleksi penyelidikan tindakan PISMP Bahasa Melayu Ambilan Januari 2007*. Kuching:Institut Pendidikan Guru Batu Lintang.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shamsina Shansuddin. (2014). *Panduan melaksanakan kajian tindakan di sekolah*. Kuala Lumpur:Freemind Horizon Sdn. Bhd.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹christopherlarrylimin@gmail.com, ²zainalkassan@gmail.com

MENINGKATKAN PENGGUNAAN PETA BUIH DALAM MENGUASAI SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) BAGI MURID TAHUN LIMA

**LIEU WEI ING¹
MAGDELINE NOR²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam menggunakan peta buih untuk menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan menggunakan ayat lengkap dalam kalangan murid Tahun 5. Model Kurt Lewin (1946) telah digunakan di dalam kajian ini. 10 orang murid telah dipilih untuk kajian ini. Pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual telah dipilih dan diaplikasikan untuk mengumpul data kajian. Hasil analisis data menunjukkan penggunaan peta buih telah meningkatkan kemahiran murid-murid di dalam menjawab soalan KBAT dengan menggunakan ayat yang lengkap. Selain itu, amalan pengajaran guru juga dapat diperbaiki. Cadangan kajian lanjut adalah dengan menggunakan peta buih dalam membantu murid-murid menyenaraikan idea utama untuk membina karangan.

Kata kunci: Peta buih, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), ayat lengkap, Tahun 5

ABSTRACT

This action research was conducted to improve writing skills in using bubble maps to answer High Order Thinking Skills (HOTS) questions in complete sentences. Kurt Lewin Model (1946) had been used in this research. 10 pupils had been chosen for this research. Observation, document analysis, and interview had been chosen and applied to collect research data. The data analysis had shown the use of bubble map had improved the pupil's skills in answering HOTS questions in complete sentences. Besides that, teacher's teaching practices were also able to improve. Further researcher suggested is to use bubble map in helping pupils to list out the main ideas in the essay writing.

Keywords: Bubble maps, High Order Thinking Skills (HOTS), complete sentences, Year 5

PENGENALAN

Menurut KPM (2013), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT ini boleh dikenal pasti dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) melalui pernyataan kata kerja tahap pemikiran dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2001). Kemahiran berfikir merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Bagi meningkatkan penguasaan murid dalam menjawab soalan KBAT. Saya telah memilih peta buih sebagai alat berfikir untuk membantu murid berfikir serta menjawab soalan KBAT dengan baik. Tambahan pula, UPSR juga ada penilaian tentang soalan KBAT, maka kajian saya ini juga dapat membantu murid untuk menjawab soalan KBAT dalam penilaian. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012: 6), peta pemikiran *i-Think* merupakan satu program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid yang berinovatif.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah meningkatkan kemahiran murid menggunakan peta buih sebagai alat berfikir bagi menyenaraikan idea dan menjawab soalan KBAT dengan menggunakan ayat lengkap. Berdasarkan pengumpulan data awal, terdapat murid tidak yakin, tidak berani dan tiadak ada gambaran atau kosa kata di dalam minda membantu mereka menjawab soalan KBAT. Selain itu, guru telah mengambil masa yang lebih dalam membimbing murid menjawab soalan KBAT.

Saya memilih melaksanakan kajian tindakan berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Model ini tekankan kajian yang berbentuk gelung, suatu isu yang dijadikan sebagai perkara kajian akan menjadi asas kepada beberapa isu lain. Isu bagi kajian tindakan saya ialah murid menghadapi masalah menjana idea dan menyusun idea mereka dalam menjawab soalan KBAT. Setelah saya membuat penelitian kajian tindakan yang lepas, terdapat juga banyak pengkaji membuat kajian tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai tiga objektif seperti berikut:

1. mengenal pasti penggunaan peta buih sebagai alat berfikir dapat membantu murid menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).
2. meningkatkan kemahiran murid menggunakan peta buih menjawab soalan KBAT dengan baik.

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian seperti yang dijalankan, kajian tindakan ini dijalankan bagi menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

1. Adakah penggunaan peta buih sebagai alat berfikir dalam membantu murid menjawab soalan KBAT?
2. Bagaimanakah penggunaan peta buih dapat meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan KBAT?

PESERTA KAJIAN

Saya melaksanakan kajian tindakan di sebuah sekolah di daerah Miri. Kumpulan pelajar kajian ini ialah murid berumur 11 tahun atau murid tahun 5 seramai sepuluh orang. Saya telah menetapkan tiga kriteria sebagai panduan saya memilih murid dalam melaksanakan kajian tindakan ini. Kriteria pertama, murid tersebut ada masalah dalam menjawab soalan KBAT di dalam proses PdP. Kriteria kedua, murid ini berpotensi menjawab soalan KBAT tetapi mereka gagal menjawab soalan KBAT dengan penyusunan idea dan menggunakan ayat lengkap. Kriteria terakhir pula, murid yang dipilih ini kurang keyakinan dalam menjawab soalan KBAT apabila aktiviti berlangsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Setelah saya membaca dan meneliti semua model, saya telah memilih model Kurt Lewin (1946) sebagai rujukan utama saya untuk membantu saya dalam membuat kajian. Selain itu, model penyelidikan Kurt Lewin (1946) merupakan model yang paling awal sebelum terhasil pengubahsuaian model-model yang berikutnya seperti Model Penyelidikan Tindakan Laidlaw (1992). Kurt Lewin (1946) juga menjelaskan bahawa penyelidikan tindakan sebagai lingkaran beberapa tahap. Setiap tahap pula melibatkan beberapa langkah, iaitu bermula dengan rancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi. Penyelidikan tindakan merupakan suatu kajian berbentuk lingkaran, berulang-ulang dan berterusan sehingga isu kajian diselesaikan.

Bagi kaedah mengumpul data dalam proses perancangan tindakan, saya memilih tiga kaedah membantu saya mengumpul data sepanjang kajian tindakan berlangsung. Antaranya ialah kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Kaedah pemerhatian tidak berstruktur akan membuat pemerhatian tingkah laku dan tindak balas murid semasa melaksanakan langkah soalan KBAT di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Saya akan menganalisis hasil kerja murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Temu bual separa berstruktur akan saya laksanakan di dalam bilik darjah semasa melaksanakan langkah menjawab soalan KBAT. Setelah saya membuat temu bual, saya akan membuat transkripsi secara manual, seterusnya membuat analisis hasil dapatan.

Bagi menganalisis kaedah pemerhatian, saya akan menetapkan kriteria untuk melihat tindak balas murid dari segi pencapaian, tingkah laku dan sikap murid dalam menjawab soalan KBAT dalam empat latihan latih tubi. Seterusnya, saya akan membuat analisis dokumen peserta kajian, iaitu hasil kerja murid dalam menjawab soalan KBAT. Bagi data temu bual separa berstruktur pula, saya akan terjemah dalam bentuk transkripsi, saya akan taip menggunakan komputer dan analisis secara manual. Selain itu, saya juga akan membuat catatan dan rakaman audio semasa membuat temu bual separa berstruktur, supaya saya boleh senang membuat transkripsi dengan tepat.

Dalam kajian saya, triangulasi yang digunakan adalah triangulasi kaedah dan triangulasi sumber bagi membuat penyemakan data. Dalam triangulasi kaedah, saya telah menggunakan triangulasi antara kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Saya juga menggunakan kaedah triangulasi sumber untuk menyemak data diperolah. Saya telah membuat perbincangan dengan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia kelas 5 Bestari semasa praktikum fasa 3 untuk menggunakan kaedah triangulasi sumber.

DAPATAN KAJIAN

Mengenal Pasti Penggunaan Peta Buih Sebagai Alat Berfikir Dalam Membantu Murid Menjawab Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Melalui hasil dapatan daripada kaedah pemerhatian dan analisis dokumen, tindak balas murid menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dalam menjawab soalan KBAT adalah positif. Dalam latihan latih tubi pertama, murid hanya tiga daripada sepuluh murid berada pada skor cemerlang dan baik. Manakala murid tujuh daripada sepuluh murid berada pada skor memuaskan dan lemah. Setelah saya berusaha memberi bimbingan, semua murid telah meningkatkan penguasaan dalam menggunakan peta buih sebagai alat berfikir untuk menjawab soalan KBAT. Hasil dapatan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen boleh rujuk kepada Jadual 1. Selain daripada pencapaian murid meningkat, murid juga berubah sikap dan tingkah laku mereka. Dalam Jadual 1 menunjukkan apabila pencapaian murid meningkat, maka sikap dan tingkah laku bagi murid menjawab soalan KBAT juga meningkat. Hasil dapatan ini jelas membuktikan bahawa apabila murid ada idea dan yakin terhadap jawapan mereka, maka mereka akan melibatkan diri dengan aktif dalam menjawab soalan KBAT. Jikalau berbanding sikap dan tingkah laku sebelum murid menggunakan peta buih sebagai alat berfikir untuk menjawab soalan, murid telah mewujudkan pelbagai karena dalam bilik darjah dan menganggu sesi proses pengajaran dan pembelajaran.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 1

Rumusan hasil dapatan daripada kaedah pemerhatian dan analisis dokumen melalui empat latihan latih tubi.


Kriteria	Skor	Latihan Latih Tubi 1	Latihan Latih Tubi 2	Latihan Latih Tubi 3	Latihan Latih Tubi 4
Pencapaian murid terhadap Peta Buih	Cemerlang	2	8	9	4
	Baik	1	-	1	6
	Memuaskan	4	1	-	-
	Lemah	3	-	-	-
	Sangat Lemah	-	1	-	-
	Jumlah murid	10	10	10	10
Sikap dan Tingkah Laku murid	Aktif	6	7	9	10
	Kurang aktif	2	2	1	-
	Pasif	2	1	-	-
	Jumlah murid	10	10	10	10

Bagi traklasi data pemerhatian dan analisis dokumen, saya telah membuat temu bual separa struktur. Hasil dapatan daripada temu bual separa struktur, guru telah mengemukakan solan “Adakah kamu rasa senang menjawab soalan KBAT dengan menggunakan peta buih? Kenapa?” Sepuluh orang murid telah menjawab “Ada”. Jawapan “Ada” ini telah membuktikan bahawa sepuluh orang murid ini rasa menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dapat membantu mereka berfikir dan menjawab soalan KBAT. Selain itu, setiap murid telah mengemukakan pendapatannya sendiri terhadap penggunaan peta buih sebagai alat berfikir dalam menjawab soalan KBAT. Mereka telah memberi pendapatannya iaitu, menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dalam menjawab soalan KBAT lebih menjimat masa, idea tersusun, ada idea menjawab soalan KBAT dan lain-lain. Hasil dapatan ini telah menyokong hasil dapatan pemerhatian dan analisis dokumen iaitu, penggunaan peta buih sebagai alat berfikir dapat membantu murid menjawab soalan KBAT dengan baik.

Meningkatkan Kemahiran Murid Menggunakan Peta Buih Menjawab Soalan KBAT Dengan Baik.

Hasil dapatan pemerhatian dan analisis dokumen dalam empat latihan latih tubi telah mendapati sepuluh orang murid telah meningkatkan kemahiran dalam menjawab soalan KBAT. Murid telah menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dalam membantu mereka menyenaraikan idea serta menjawab soalan KBAT dengan baik. Dalam Jadual 1 telah menunjukkan peningkatan pencapaian murid dalam menggunakan peta buih sebagai alat berfikir untuk menjawab soalan KBAT. Manakala Rajah 1 pula telah menunjukkan hasil kerja murid menggunakan peta buih sebagai alat berfikir untuk menyenaraikan idea. Bagi menjawab soalan KBAT, murid perlu memahami dahulu soalan KBAT dan menyenaraikan tajuk di tengah-tengah peta buih. Seterusnya, mereka akan menyenaraikan idea mereka di dalam empat peta buih yang mengelilingi tajuk peta buih. Kemudian, murid akan menjawab soalan KBAT

dengan berdasarkan jawapan di dalam empat peta buih tersebut. Latihan latih tubi soalan KBAT telah memberi latih tubi kepada murid untuk menyenaraikan idea dengan menggunakan peta buih. Seterusnya, guru menakankan murid menyenaraikan empat idea dalam menjawab soalan KBAT adalah bertujuan mengalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis.



Rajah 1 Murid menyenaraikan idea mereka dalam peta buih

Rajah 1 menunjukkan hasil kerja murid, iaitu murid perlu membaca dan memahami dahulu soalan KBAT. Seterusnya murid akan menggunakan peta buih sebagai alat berfikir untuk membantu mereka menyenaraikan idea. Murid diminta menulis tajuk di tengah-tengah peta buih. Tajuk ini akan menjadi hala tuju atau fokus kepada murid untuk menjawab soalan KBAT yang dikemukakan. Manakala empat peta buih disekeliling tajuk tersebut, murid akan menyenaraikan idea untuk menjawab soalan KBAT. Idea dalam empat peta buih tersebut boleh dalam frasa atau ayat ringkas. Seterusnya, murid akan dibimbing untuk memgembangkan idea atau membuat huraihan berdasarkan idea untuk menjawab soalan KBAT dengan baik. Rujuk kepada Jadual 1, murid telah menunjukkan peningkatan pencapaian menggunakan peta buih dalam menjawab soalan KBAT dengan baik.

<ul style="list-style-type: none"> ① Kita perlu memastikan persekitaran kita bersih untuk menarik perhatian pelancong asing. ② Kita harus bersopan-santun kerana kita akan disengahi pelancong asing dan semakin ramai pelancong asing yang ingin berkunjung. ③ Mencipta lebih banyak krafongan dapat menarik perhatian pelancong asing kerana pelancong asing amat suka pada krafongan. ④ Mengadakan banyak konsert budaya untuk memperkenalkan budaya kita dan dapat menarik perhatian pelancong asing.

Rajah 2 Murid menyenaraikan jawapan soalan KBAT dalam ayat yang lengkap

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 2 merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian dan analisis dokumen. Murid boleh menjawab soalan KBAT dengan baik. Murid dapat membuat huraian dengan baik dalam menjawab soalan KBAT. Selain pencapaian murid telah meningkat dengan menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dalam menjawab soalan KBAT. Murid dalam kajian tindakan juga menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif, murid melibatkan aktif dalam aktiviti menjawab soalan KBAT. Tambahan pula, masalah pengurusan masa telah diselesaikan. Bagi triangulasi hasil dapatan saya, saya juga membuat analisis dokumen bagi penilaian semester 2 pada bahagian soalan KBAT. Rujuk kepada Jadual 2, tujuh daripada sepuluh orang murid dapat menjawab soalan KBAT dan mendapat skor 3 dan 1 markah. Setelah saya semak dan analisis dokumen penilaian 2, murid yang skor 3 markah mereka telah menjawab soalan KBAT dengan membuat huraian dengan tepat. Manakal murid mendapat skor 1 markah pula, mereka masih lemah dalam membuat huraian jawapan soalan KBAT. Bagi murid yang tidak mendapat markah pula, jawapan mereka tidak menepati soalan KBAT. Secara keseluruhan, murid telah meningkatkan kemahiran dalam menjawab soalan KBAT, tetapi murid tersebut masih perlu bimbingan daripada guru dalam membuat huraian.

Jadual 2

Peratusan yang peserta kajian peroleh dalam menjawab soalan KBAT pada penilaian semester 2 di Sekolah Kebangsaan RBD

Skor Markah	3	2	1	0
Peserta Kajian	4	0	3	3
Peratus	40%	-	30%	30%

REFLEKSI

Setelah melaksanakan pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual dalam kajian tindakan saya. Saya mendapat bahawa sepuluh orang murid dapat mencapai objektif pertama kajian saya. Kajian tindakan saya telah mengenal pasti penggunaan peta buih sebagai alat berfikir dapat membantu murid menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Murid telah menunjukkan pencapaian dan tindak balas yang positif terhadap soalan KBAT. Murid sering menggunakan peta buih sebagai alat berfikir dalam menjawab soalan KBAT dalam aktiviti kumpulan dan aktiviti menjawab soalan KBAT.

Seterusnya, saya juga mencapai objektif kedua dalam kajian tindakan saya. Terdapat tujuh daripada sepuluh murid telah menguasai kemahiran menjawab soalan KBAT dengan baik. Dalam kalangan sepuluh orang murid ini telah menguasai cara penggunaan peta buih untuk menjawab soalan KBAT dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan. Melalui hasil dapatan kajian, terdapat beberapa murid masih lemah dalam membuat huraian untuk menjawab soalan KBAT. Disebabkan masalah ini, murid tidak mendapat skor markah yang baik dalam penilaian semester 2.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan keberkesanannya penggunaan peta buih dalam menjawab soalan KBAT yang telah saya laksanakan. Saya berhasrat dapat memupuk minat murid menggunakan peta buih sebagai alat berfikir di kalangan murid tahap 2. Guru boleh menarapkan ilmu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dengan peta pemikiran untuk memupuk minat murid menjawab soalan KBAT. Melalui penggunaan TMK murid dapat berfikir kreatif dan kritis dalam menjawab soalan KBAT. Penggunaan TMK bukan sahaja meningkatkan murid dalam menjawab soalan KBAT, juga meningkatkan ilmu TMK di kalangan murid. Murid tidak akan rasa pengajaran guru bosan, serta penggunaan TMK juga dapat membantu guru menyelesaikan masalah dan sikap negatif di kalangan murid dalam bilik darjah.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan dalam kajian tindakan saya. Maka tindak susulan bagi melaksanakan gelung yang seterusnya untuk mencari satu kaedah atau strategik membantu murid membuat huraian yang baik dalam menjawab soalan KBAT. Cadangan bagi kajian seterusnya adalah menerapkan Kaedah koperatif dalam kajian tindakan. Murid boleh membuat latih tubi dalam aktiviti kumpulan untuk menjawab soalan KBAT dengan baik. Murid pemulihan boleh menggunakan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat berfikir dalam menyenaraikan idea, manakala murid pengayaan dalam kumpulan bertindak membimbang murid pemulihan membuat huraian dalam menjawab soalan KBAT. Murid pengayaan semasa membimbang murid pemulihan membuat huraian boleh meningkatkan kemahiran berfikir dan menjawab soalan KBAT. Manakala murid pemulihan melalui bimbingan daripada murid pengayaan akan menguasai kemahiran menjawab soalan KBAT dengan baik.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, penggunaan peta buih sebagai alat berfikir memang dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menjawab soalan KBAT. Bagi meningkatkan amalan pengajaran saya, saya harus bijak menggunakan peta pemikiran *i-Think* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Trend perkembangan pendidikan abad 21 telah menekankan kemahiran berfikir demi melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Bagi mencapai hasrat ini, guru perlu bijak merancang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan inovatif.

RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Program kemahiran berfikir aras tinggi*. Diperoleh dari <http://www.padu.edu.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. n.d. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk panduan sekolah*. Diperoleh dari <http://www.moe.gov.my>
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia. n.d. *Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Instrumen Pentaksiran*. Diperoleh dari <https://www.academia.edu>

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Rosinah Edinin. 2011. *Penyelidikan Tindakan – kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Percetakan Advanco Sdn. Bhd.

Zamri Mahamod dan Yahya Othman. 2016. *Penulisan akademik dalam bidang Sains Sosial*. Selangor: UKM Holdings Sdn. Bhd.

Jabatan Pengajian Melayu

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

Email: [1lieu.w.ing@gmail.com](mailto:lieu.w.ing@gmail.com), [2magsmks@yahoo.com.my](mailto:magsmks@yahoo.com.my)

TEKNIK CERAKINAN AYAT UNTUK MEMBANTU MURID MENGENAL PASTI AYAT TUNGGAL DAN AYAT MAJMUK

**LOO SIAW HUI¹
MAGDELINE NOR²**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memperbaiki amalan pengajaran diri di samping membantu murid mengatasi masalah sukar membezakan ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahan bacaan yang dibaca. Analisis awal telah dilaksanakan melalui pemerhatian. Terdapat lima orang murid yang dikenal pasti menghadapi kekeliruan untuk mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk. Murid yang berkenaan telah dikenal pasti selepas beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran. Teknik cerakinan ayat telah dikenal pasti dan digunakan untuk membantu murid menghadapi kekeliruan untuk mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahan bacaan. Kajian ini dilaksanakan berpandukan Model Kurt Lewin (1946) adaptasi dari Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Data kajian dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Analisis data menunjukkan teknik cerakinan dapat membantu murid mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahan bacaan yang dibaca di samping menambah baik amalan pengajaran guru. Walau bagaimanapun, tindakan susulan juga diambil bagi membantu murid yang masih lemah dalam mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk.

Kata kunci: Teknik Cerakinan Ayat; ayat tunggal; ayat majmuk

ABSTRACT

This study's aims to improve on my teaching while assisting students overcome difficulty to distinguish the different between simple sentence and compound sentence in reading materials. The earlier analysis was carried out through observation. There are five students been identified facing issue in identifying differences between simple sentence and compound sentence. Those students have been identified after several teachings and learning sessions. The use of text analysis techniques have been used to assist students cope with the confusion in identifying simple sentence and compound sentences in literature. This study was conducted based on the Model Kurt Lewin (1946) adaptation from Lewin (1946) and Laidlaw (1992). Data onto the study were collected through observation, analysis of documents and interviews. Analysis of data showed text analysis techniques can assist students identify simple sentence and compound sentences in the literature in the meanwhile improve teacher's teaching. However further action is taken to assist students that are still weak in identifying simple sentences and compound sentences.

Keywords: Text analysis techniques; simple sentence; compound sentences

PENGENALAN


Pengajaran bahasa Malaysia sekolah rendah memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran yang merangkumi kemahiran lisan, kemahiran membaca, kemahiran menulis, tatabahasa dan seni bahasa. Antara kemahiran ini, kemahiran menulis adalah dianggap paling sukar dikuasai.

Walau bagaimanapun, masalah yang saya kaji dalam kajian tindakan ini ialah kemahiran murid untuk mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam teks yang dibaca. Kesilapan yang sering dilakukan oleh murid ialah menganggap ayat majmuk sebagai ayat tunggal atau menganggap ayat tunggal sebagai ayat majmuk. Murid selalu menunjukkan keadaan kekurangan keyakinan untuk menggariskan ayat tunggal atau ayat majmuk dalam teks yang dibaca. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk membantu murid-murid yang berkenaan mengatasi masalah tersebut melalui teknik cerakinan ayat. Saya telah memilih lima orang murid sebagai sasaran kajian saya. Pemerhatian dan refleksi setiap pelaksanaan tindakan diadakan untuk mengumpul data yang berkaitan. Pengumpulan data juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan teknik yang saya gunakan dalam mengubah amalan pengajaran saya demi membantu murid mengatasi masalah pembelajaran ini.

FOKUS KAJIAN

Masalah utama kepada penyelidikan tindakan dapat ditentukan melalui proses masalah pembelajaran yang dihadapi pelajar (Rosnah Edinin, 2011). Masalah yang hendak dikaji dalam kajian tindakan ini adalah berkaitan dengan kemahiran murid mengenal pasti ayat tunggal atau ayat majmuk dalam bahan bacaan yang dibaca. Selepas beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran bersama murid Tahun 4, saya mendapati mereka menghadapi masalah untuk mengenal pasti ayat tunggal atau ayat majmuk yang dibaca akibat teknik pengajaran yang kurang sesuai dengan tahap pemahaman mereka. Walaupun murid dapat memberitahu saya terdapat ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahan bacaan namun apabila saya bertanya berulang kali kepastian mereka berkenaan dengan jawapan yang diberi, murid-murid akan mula menunjukkan mereka tidak yakin dengan jawapan yang diberi.

Selain pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, latihan yang dilengkapkan oleh murid juga menunjukkan bahawa mereka keliru antara ayat tunggal dan ayat majmuk. Rajah 1 menunjukkan kesilapan murid dalam mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk.



Rajah 1 Contoh kesalahan murid mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian untuk pelaksanaan kajian tindakan ini ialah:

- membantu murid Tahun 4 mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam teks yang dibaca menggunakan teknik cerakinan ayat.
- memperihalkan amalan penambahbaikan teknik pengajaran guru dalam membantu murid Tahun 4 menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul menggunakan teknik cerakinan ayat.

Antara dua soalan kajian yang dibina ialah:

- adakah teknik cerakinan ayat dapat membantu murid tahun 4 mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam teks yang dibaca dengan betul?
- bagaimana saya menambah baik amalan pengajaran dengan penggunaan teknik cerakinan ayat dalam membantu murid Tahun 4 menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul?

PESERTA KAJIAN

Jumlah peserta kajian yang terlibat adalah seramai 5 orang murid Tahun 4 di salah sebuah sekolah kebangsaan. 5 orang murid yang dipilih adalah berdasarkan kesukaran mereka untuk mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam petikan atau teks yang dibaca. Jadual 1 menunjukkan maklumat umum peserta kajian.

5 orang peserta kajian yang dikenal pasti ini mempunyai pencapaian sederhana dalam akademik. Mereka merupakan murid yang rajin dan selalu melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, mereka masih lemah dalam penguasaan kemahiran atau pengetahuan yang disampaikan akibat amalan pengajaran yang kurang sesuai dengan tahap pemahaman mereka.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 1

Maklumat umum peserta kajian

Kelas	Jantina			Bangsa		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Melayu	Iban	Cina
Tahun 4	3	2	5	-	5	-

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menggunakan Model Kurt Lewin adaptasi dari Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan ini. Langkah-langkah yang terdapat dalam satu gelungan menurut Kurt Lewin (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008), termasuk langkah mengenal pasti aspek amalan, iaitu isu, masalah serta situasi, langkah kedua ialah merancang, langkah ketiga ialah bertindak, langkah keempat ialah memerhati dan menganalisis dan langkah yang terakhir ialah mereflek dan menilai. Kurt Lewin (1946) menjalankan kajian sebagai beberapa lingkaran tahap dan setiap tahap berkenaan mempunyai beberapa langkah rancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi.

Saya telah menggunakan triangulasi data untuk meningkatkan kesahan dan kebolehcayaan data yang dikumpul semasa pelaksanaan kajian tindakan ini. Triangulasi merujuk kepada penggunaan lebih daripada dua kaedah dalam sesuatu kajian dengan tujuan menggandakan pemeriksaan keputusan. Menurut Ting Leng Siong, Ahmad Sabry Othman dan Ting Hun Yong (2013), triangulasi data biasanya digunakan untuk memastikan data yang dikumpul kaya, mantap, menyeluruh dan berkembang. Antara kaedah yang telah saya gunakan untuk kumpul data adalah melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Pemerhatian dan temu bual dijalankan berpandukan borang-borang yang telah disediakan dengan item-item yang boleh mengetahui perkembangan murid terhadap perubahan teknik pengajaran dan pembelajaran. Data-data yang dikumpul dianalisis bagi mendapatkan keputusan yang menunjukkan keberkesanan teknik cerakinan ayat dalam memperbaiki amalan pengajaran saya. Analisis data dilakukan terhadap data yang dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Data-data pemerhatian dan temu bual ditranskripkan untuk mengenal pasti isu perkembangan dan tahap penerimaan murid terhadap perubahan teknik pengajaran.

Kemudian, data-data tersebut disemak oleh guru pembimbing bahasa Melayu di sekolah yang saya menjalani praktikum. Segala cadangan penambahbaikan daripada beliau dicatatkan untuk rujukan saya kemudian. Selain itu, saya juga meminta pensyarah pembimbing dan guru cemerlang dalam bahasa Melayu untuk menyemak data-data yang telah dikumpul. Hal ini demikian kerana guru pembimbing, pensyarah pembimbing dan guru cemerlang dalam bahasa Melayu merupakan individu yang mempunyai kepakaran serta pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan. Mereka memberi pandangan dan nasihat terhadap kelemahan atau kekuatan data

Loo Siaw Hui & Magdeline Nor

yang dikumpul dalam kajian yang dilakukan. Semakan data juga dilakukan bersama dengan rakan sepejuang saya.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian tindakan ini menunjukkan bahawa teknik cerakinan ayat dapat digunakan dengan baik untuk murid mengenal pasti ayat tunggal dalam petikan yang dibaca seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil penulisan dalam latihan menunjukkan mereka boleh menyenaraikan ayat tunggal daripada petikan yang dibaca dengan betul. Hasil pemerhatian dan analisis dokumen disokong dengan data temu bual yang menunjukkan murid menyatakan kegunaan teknik cerakinan ayat dalam membantu mereka mengesan ayat tunggal dengan tepat dalam petikan yang dibaca.

Jadual 2

Penguasaan peserta kajian terhadap teknik cerakinan ayat (Ayat Tunggal)

Peserta kajian	Menguasai	Belum Menguasai
L1	✓	
L2	✓	
L3	✓	
P1	✓	
P2	✓	

Walaupun teknik ini berjaya membantu kelima-lima orang murid mengenal pasti ayat tunggal dengan mudah dalam petikan yang dibaca namun masih terdapat seorang murid yang belum berjaya menggunakan teknik ini dalam menyelesaikan latihan yang berkaitan dengan ayat majmuk seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hasil pemerhatian menunjukkan murid L3 menunjukkan minat yang kurang apabila menggunakan teknik cerakinan ayat untuk mengenal pasti ayat majmuk dalam petikan yang dibaca kerana langkah yang rumit dan banyak.

Jadual 3

Penguasaan peserta kajian terhadap teknik cerakinan ayat (Ayat Majmuk)

Peserta kajian	Menguasai	Belum Menguasai
L1	✓	
L2	✓	
L3		x
P1	✓	
P2	✓	

Selain membantu murid Tahun 4 mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk dalam teks yang dibaca, teknik cerakinan ayat juga membantu saya menambahbaik teknik pengajaran saya melalui teknik cerakinan ayat. Teknik

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

ini merupakan teknik yang mencerakinkan ayat kepada beberapa bahagian yang lebih kecil daripada ayat. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2013), setiap bahasa mempunyai jumlah ayat yang tidak terhad. Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Unsur yang terkandung dalam sesuatu ayat ialah klausa dan bilangan klausa dalam ayat akan menentukan jenis ayat iaitu sama ada jenis ayat tunggal atau ayat majmuk. Selain klausa, frasa dan perkataan, kata hubung juga merupakan unsur penting yang membezakan ayat tunggal atau ayat majmuk. Mencerakinkan ayat kepada bahagian yang lebih kecil membolehkan murid mengetahui cara pembentukkan sesebuah ayat dan pada masa yang sama membolehkan mereka mengetahui kata hubung yang membentuk sesebuah ayat majmuk. Pemahaman tentang cara pembentukkan sesebuah ayat membolehkan mereka menulis ayat yang lebih gramatis dan bermakna dalam penulisan.

REFLEKSI

Menurut Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2013), dengan mengenal pasti setiap kelemahan atau kekurangan yang dihadapi, tindakan penambahbaikan boleh dicadangkan untuk memantapkan lagi pelaksanaan penyelidikan tindakan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan. Penulisan refleksi juga memuatkan luahan rasa seorang penyelidik, kesedaran dan nilai-nilai pendidikan baharu yang diperoleh.

Selepas menjalankan penyelidikan tindakan yang menggunakan teknik cerakinan ayat untuk membantu murid mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk ini, saya mendapati bahawa teknik ini dapat membantu murid untuk mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam petikan yang dibaca serta dapat membantu mereka menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul. Walaupun terdapat seorang murid yang masih belum dapat mengenal pasti ayat majmuk dengan betul dalam petikan yang dibaca tetapi teknik cerakinan ayat ini berjaya membantunya mengenal pasti ayat tunggal dalam petikan yang dibaca.

Secara keseluruhannya, kajian tindakan ini telah membantu saya untuk mengubah amalan pengajaran saya ke arah yang lebih baik dan berjaya. Namun, refleksi diri sentiasa dijalankan bagi memperbaiki kelemahan diri dan sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran bagi membantu murid untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran mereka.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Jika diberi kesempatan untuk menyambung kajian ini, saya akan meneruskan teknik cerakinan ayat untuk membantu murid-murid mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk. Tetapi kali ini, perubahan yang dilakukan terhadap teknik ini adalah dengan bantuan senarai kata hubung yang membina ayat majmuk. Dalam kajian ini saya hanya meminta murid mengenal pasti kata hubung dalam ayat selepas mencerakinkan ayat tersebut. Dalam tindakan susulan pula, murid akan dibekalkan jadual kata hubung sebagai panduan mereka untuk mengenal pasti ayat tunggal atau ayat majmuk dalam

masa yang lebih singkat dan ringkas sebelum mencerakinkan sesuatu ayat berkenaan. Teknik cerakinan hanya digunakan apabila sesuatu ayat tersebut tidak menggunakan kata hubung tetapi menggunakan tanda koma (,) untuk mewakili kata hubung “dan”. Selain daripada membuat penambahbaikan terhadap teknik yang digunakan, langkah lain yang perlu diambil adalah memberi bimbingan kepada murid di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang mengizinkan.

Penambahbaikan amat perlu dilakukan untuk memperbaiki amalan pengajaran diri sendiri. Oleh itu, perlakuan penambahbaikan ini adalah selaras dengan matlamat kajian tindakan iaitu untuk memperbaiki amalan dalam pengajaran dan pembelajaran.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, murid terdiri daripada pelbagai kecerdasan yang membolehkan mereka belajar dalam kepelbagaiannya situasi yang berlainan. Penggunaan teknik pengajaran yang berlainan adalah perlu bagi memenuhi rasa ingin tahu mereka. Penggunaan teknik cerakinan dalam kajian tindakan ini yang masih ada kekurangan akan diperbaiki supaya dapat membantu lebih banyak murid yang menghadapi masalah yang sama dalam pembelajaran. Hasil kajian tindakan juga diharapkan dapat membantu guru yang menghadapi masalah yang sama untuk memperbaiki dan meningkatkan amalan pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Ho, H.T., Rahmah Murshidi, Gan W.L, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H.Y., John Brodi, Sapiie Saidi & Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan - teori dan amalan*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan edisi ketiga*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rosnah Edinin. (2011). Fokus / Aspek amalan untuk penambahbaikan. Dalam Ho H.T., Rahmah Murshidi, Gan W.L, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee H.Y., John Brodi, Sapiie Saidi & Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan - teori dan amalan*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
- Ting L.S. , Ahmad Sabry Othman & Ting H.Y. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹ivyloo11@ymail.com, ²magsmks@yahoo.com.my

PENGAPLIKASIAN KADEAH IMLAK MEMBANTU MENINGKATKAN PENGUASAAN PENGGUNAAN IMBUHAN PADA KATA DASAR DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU

**MAHANI RAZALI @ LAPOK¹
ZAINAL KASSAN²**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan penggunaan imbuhan pada kata dasar dalam kalangan murid tahun 4. Pengimbuhan merupakan proses yang kompleks kerana apabila seseorang itu mendengar, otaknya akan mentafsir maksud perkataan tersebut. Seramai 32 orang murid dan 2 orang guru terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui pemerhatian dan hasil latihan murid. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa murid kurang faham dengan perkataan dasar sekiranya digunakan imbuhan yang berlainan akan membawa maksud yang berlainan. Perancangan tindakan difokuskan kepada murid mengenal pasti perkataan-perkataan berimbuhan yang terdapat dalam petikan atau ayat. Murid telah didedahkan dengan kaedah imlak selama satu jam dan kajian ini telah selesai dalam tempoh tiga bulan. Penyelidikan tindakan ini dijalankan berdasarkan Model Kajian Tindakan Stephen Kemmis (1983). Bagi membantu meningkatkan penguasaan murid terhadap penguasaan pengimbuhan, kaedah imlak diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara latih tubi. Imlak bermaksud mendengar dan menulis semula petikan yang diperdengarkan. Dapatkan pemerhatian menunjukkan bahawa murid seronok belajar mata pelajaran bahasa Melayu jika diransang dengan bahan dan aktiviti yang pelbagai.

Kata kunci : pengimbuhan, kaedah imlak, latih tubi, Model Stephen Kemmis (1983)

ABSTRACT

This action research was carried out to investigate the effectiveness of using dictation method to mastery affixes in a word stem among year 4 pupils. Affixes were a complex process when someone was listening they will interpret the meaning of the words. There was 32 pupils and 2 teachers who have involve in this research. Initial data had been implemented based on observation and document analysis. Based on research, pupils didn't understand with the word stem when adding with difference types of affixes it will brings to the different meaning. Action plan focus with pupils to recognize the affixes word based on text or sentences. Pupils had exposed with dictation method within 1 hour and the research had been done in 3 month. This action research was conducted by Model Action Stephen Kemmis (1983). To help pupils' mastery in Affixes, dictation method had been use to drill pupils in teaching and learning process. The meaning of dictation is listening and rewrites the word that heard. Based on finding research,

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

dictation methods used by regularly worksheet technique can help to enhance the mastery of Affixes. Based on observation, pupils were showed that they are enjoying learning Bahasa Malaysia's lesson if stimulated with several of material and more activity.

Keyword: Affixes, dictation, drill technique, Model Stephen Kemmis (1983)

PENGENALAN

Terdapat pelbagai pendekatan dan model yang digunakan untuk menilai prestasi dan amalan guru. Kajian tindakan digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam menilai amalan dan kecekapan guru bagi meningkatkan profesionalisme mereka. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan penggunaan imbuhan pada kata dasar dalam kalangan murid tahun 4 Hijau.

Guru-guru digalakkan untuk membuat penyelidikan dan amalan pengajaran, membuat refleksi dan membuat penambahbaikan dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai nama yang diberikan kepada penyelidikan tindakan seperti ‘guru sebagai penyelidik’. (Cochran-Smith and Lytle, 1993), ‘amalan reflektif, ‘pengajaran reflektif’ dan ‘berorientasi inkuiri’.

.... one consequence of this phenomena is that term such as ‘action research’, ‘reflective teaching’, ‘reflection-in action’, ‘teacher as researcher’, and ‘research-based’ or ‘inquiry-oriented’ teacher education have now become fashionable throughout all segments of the US and Canadian teacher education communities.

Pengenalan dan konteks

Saya merupakan guru pelatih yang mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah yang kini sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri. Saya telah menjalani tiga kali praktikum di dua buah sekolah yang berbeza yang terletak di kawasan bandar Miri.

Kebanyakan daripada murid sekolah ini datang daripada latar belakang yang berbeza dari segi pendidikan dan ekonomi. Setelah beberapa minggu saya menjalani praktikum di sekolah ini, saya dapat bahawa murid menghadapi masalah dalam penggunaan imbuhan. Berdasarkan dapatan refleksi yang lepas saya dapati murid tidak menguasai pengimbuhan dan masalah ini turut di hadapi oleh murid sekolah ini.

Proses pengimbuhan merupakan proses yang sangat kompleks. Sewaktu seseorang itu mendengar, otak akan berfungsi untuk mentafsir makna bagi perkataan yang mengandungi imbuhan tersebut. Tinjauan awal dilaksanakan melalui perhatian terhadap cara murid memberikan respons dalam kelas dan melalui hasil latihan murid.

FOKUS KAJIAN

Hasil daripada refleksi selepas pengajaran dan pembelajaran dan melalui tinjauan awal yang saya jalankan saya dapat bahawa murid mempunyai masalah dalam mengenal pasti perkataan yang mempunyai imbuhan dan murid banyak melakukan kesilapan penggunaan imbuhan sewaktu membina ayat. Antara kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah :

- i. kurang faham dengan kata dasar bagi perkataan berimbuhan
- ii. murid-murid tidak dapat memberikan imbuhan yang betul dan tepat kepada perkataan
- iii. murid-murid tidak dapat membezakan perkataan berimbuhan yang terdapat dalam petikan atau ayat

Saya telah memilih untuk menggunakan kaedah imlak bagi membantu murid supaya dapat menguasai pengimbuhan. Ianya juga bertujuan untuk membolehkan murid fokus dengan arahan guru dan kaedah ini sangat sesuai diaplikasikan dan memudahkan pembelajaran murid dalam menguasai pengimbuhan dengan baik.

Latih tubi merupakan teknik yang saya pilih untuk membantu murid dalam menguasai pengimbuhan. Teknik latih tubi adalah merupakan pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang dipelajari bagi mencapai tahap penguasaan kemahiran tersebut bagi menjamin kekekalanannya.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap penggunaan imbuhan awalan, akhiran dan apitan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Antara objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Murid dapat mengenal pasti perkataan berimbuhan yang terdapat dalam petikan dengan menggunakan kaedah imlak
- ii. Murid dapat mengelaskan perkataan berimbuhan mengikut jenis imbuhan seperti awalan, akhiran dan apitan dengan menggunakan kaedah imlak
- iii. Murid berminat dan seronok mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut :

- i. Adakah penggunaan kaedah imlak dalam meningkatkan penguasaan penggunaan imbuhan awalan, akhiran dan apitan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 4 Hijau?
- ii. Adakah kaedah imlak dapat menarik minat murid tahun 4 Hijau untuk mempelajari perkataan berimbuhan awalan, akhiran dan apitan?

PESERTA KAJIAN

Kajian saya ini memfokuskan kepada murid tahun 4 Hijau di sebuah sekolah kebangsaan di Miri. Seramai 5 orang murid terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan. Usia murid adalah dalam lingkungan umur 10 tahun.

Peserta kajian terdiri daripada murid yang tidak menguasai pengimbuhan dengan baik. Semua peserta mengikuti sesi persekolahan seperti biasa pada waktu persekolahan. Kebanyakan daripada peserta kajian mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi ekonomi dan pendidikan. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri yang terdapat pada peserta kajian.

Jadual 1
Ciri-ciri peserta kajian

Bil.	Jantina	Bangsa	Bahasa Pertuturan di Sekolah	Bahasa Pertuturan di Rumah
Peserta Kajian 1	Lelaki	Inggeris	Inggeris	Inggeris
Peserta Kajian 2	Lelaki	Iban	Inggeris, Iban, Melayu	Inggeris dan Iban
Peserta Kajian 3	Perempuan	Iban	Iban, Melayu	Iban
Peserta Kajian 4	Perempuan	Iban	Iban dan Melayu	Iban
Peserta Kajian 5	Perempuan	Iban	Inggeris, Melayu Iban	Iban

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Bagi membantu penguasaan murid terhadap penguasaan penggunaan imbuhan pada kata dasar saya telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah imlek bagi membantu murid menguasai kemahiran penggunaan imbuhan awalan, akhiran dan apitan dengan menggunakan teknik latih tubi. Saya menggunakan Model Kajian Tindakan Stephen Kemmis dalam melaksanakan kajian ini.

Melalui kajian yang saya jalankan ini, saya menggunakan tiga instrument bagi mendapatkan data dan maklumat. Tiga instrument yang dipilih adalah seperti berikut:

- i. Pemerhatian
- ii. Analisis Dokumen
- iii. Temu bual

Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu daripada cara untuk mengumpul data yang akan dijalankan sepanjang kajian. Satu senarai semak dibina bagi tujuan memantau tahap perkembangan murid sepanjang tempoh kajian dijalankan. Pemerhatian yang dilakukan adalah merupakan pemerhatian yang berstruktur kerana melalui senarai semak. Berikut adalah merupakan hasil analisis senarai semak:

Jadual 2
Senarai semak

Pengimbuhan	Menguasai / Tidak menguasai
Mengenal pasti perkataan berimbuhan	Tidak menguasai
Mengenal pasti kata dasar bagi perkataan berimbuhan	Tidak menguasai

Analisis Dokumen

Saya juga menggunakan teknik analisis dokumen untuk mendapatkan data misalnya, melalui hasil kerja murid. Pada setiap kali waktu pengajaran dan pembelajaran, saya akan memberikan latihan kepada murid dan lembaran kerja yang dijadikan sebagai kerja rumah. Dokumen ini kemudiannya dianalisis untuk melihat dan meninjau perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap murid.

Temu bual

Setelah menjalankan beberapa kali aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah imlak saya menjalankan temu bual bersama murid. Temu bual yang saya gunakan adalah merupakan temu bual tidak berstruktur. Saya telah menyediakan beberapa soalan untuk dijawab oleh murid. Berikut merupakan contoh soalan yang saya sediakan:

- i. Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?
- ii. Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah cikgu menggunakan kaedah imlak?
- iii. Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini telah mendapati bahawa kaedah imlak dapat dijadikan sebagai satu cara yang berkesan untuk membantu peserta kajian dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Ianya dilakukan secara latih tubi bagi membolehkan murid dapat mengenal pasti imbuhan seterusnya boleh mengelaskan perkataan berimbuhan kemudian.

Matlamat yang hendak dicapai dalam persoalan kajian ialah murid dapat mengenal pasti perkataan berimbuhan yang terdapat dalam petikan yang dibacakan oleh guru dan mengelaskan perkataan berimbuhan mengikut jenis imbuhan seperti awalan, akhiran dan apitan dengan kaedah imlak. Untuk melihat keberkesanannya kaedah imlak, dapatkan data telah diperoleh. Skor

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

diberikan kepada jumlah perkataan berimbuhan yang dapat dikenal pasti dengan betul. Berikut merupakan keputusan analisis pencapaian murid dalam mengenal pasti perkataan berimbuhan:

Jadual 3

Pencapaian mengenal pasti perkataan berimbuhan

Skor	Sebelum		Selepas	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Cemerlang	0	0%	2	40%
Baik	0	0%	2	40%
Sederhana	3	60%	1	20%
Lemah	2	40%	0	0%

Melalui jadual di atas didapati tiga orang murid mencapai peratus 60% mendapat keputusan sederhana dalam mengenal pasti perkataan berimbuhan. Seterusnya dua orang lagi mencapai peratus 40% dalam kategori sederhana. Hal ini dikenal pasti melalui hasil kerja murid sebelum penggunaan kaedah imlak dilaksanakan. Setelah kaedah imlak dilaksanakan pencapaian murid menunjukkan peningkatan iaitu, dua orang murid mendapat keputusan cemerlang meningkat kepada 40%, kemudian dua orang murid mencapai keputusan kategori baik sebanyak 40% juga. Manakala seorang murid mencapai keputusan sederhana iaitu sebanyak 20%.

Kajian diteruskan lagi dengan mengenal pasti perkataan berimbuhan yang terdapat dalam petikan yang dibacakan oleh guru kemudian kelaskan mengikut jenis imbuhan. Berikut merupakan keputusan yang dicapai oleh peserta kajian.

Jadual 4

Jadual pencapaian mengelaskan imbuhan

Peserta kajian	Jumlah Betul
Peserta kajian 1	23/29
Peserta kajian 2	21/29
Peserta kajian 3	26/29
Peserta kajian 4	20/29
Peserta kajian 5	24/29

Kesemua peserta yang dapat mengenal pasti perkataan berimbuhan dengan betul yang mencapai jumlah 20 dan ke atas berada dalam kategori baik berbanding lemah dan sederhana. Berikut merupakan analisis skor tahap penguasaan imbuhan mengikut kelas imbuhan:

Jadual 5
Skor tahap penguasaan

Skor	Tahap
Baik	19-29
Sederhana	9-19
Lemah	0-9

Seterusnya melalui temu bual bersama murid. Setelah melaksanakan aktiviti mengenal pasti perkataan berimbuhan, mengelaskan perkataan berimbuhan dengan menggunakan kaedah imlak secara latih tubi, saya menjalankan temu bual secara tidak berstruktur dengan peserta kajian. Berikut merupakan dapatan analisis temu bual bersama peserta kajian:

Jadual 6
Temu bual bersama murid

Peserta Kajian	Soalan	Jawapan
Peserta Kajian 1	<p>i. Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?</p> <p>ii. Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah cikgu menggunakan kaedah imlak?</p> <p>iii. Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?</p>	<p>i. Saya berasa sangat seronok sewaktu belajar bahasa Melayu.</p> <p>ii. Ya,</p> <p>iii. Ya, tapi ada yang susah.</p>
Peserta Kajian 2	<p>i. Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?</p> <p>ii. Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah cikgu menggunakan kaedah imlak?</p> <p>iii. Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?</p>	<p>i. Seronok.</p> <p>ii. Ya.</p> <p>iii. Ya, tapi ada yang susah.</p>
Peserta Kajian 3	<p>i. Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?</p> <p>ii. Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah</p>	<p>i. Ya, sangat teruja dan seronok belajar.</p> <p>ii. Dapat.</p> <p>iii. Ya, saya dapat membezakan perkataan berimbuhan.</p>

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

		cikgu menggunakan kaedah imlak?	
	iii.	Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?	
Peserta Kajian 4	i.	Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?	i. Saya berasa sangat teruja dan seronok.
	ii.	Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah cikgu menggunakan kaedah imlak?	ii. Ya, jadi lebih faham.
	iii.	Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?	iii. Dapat, tapi ada yang keliru.
Peserta Kajian 5	i.	Apakah perasaan murid setelah kaedah imlak diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi tajuk pengimbuhan?	i. Saya rasa seronok dan teruja.
	ii.	Adakah murid dapat memahami pengimbuhan dengan lebih baik setelah cikgu menggunakan kaedah imlak?	ii. Ya, saya lebih faham.
	iii.	Adakah murid dapat membezakan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan, akhiran dan apitan?	iii. Dapat, tapi ada perkataan yang susah.

REFLEKSI

Secara kesimpulannya, didapati tingkah laku negatif lebih banyak ditunjukkan oleh peserta kajian sebelum kaedah imlak diperkenal dan dilaksanakan oleh saya. Setelah kaedah imlak diperkenalkan peserta kajian menunjukkan perubahan tingkah laku daripada negatif kepada positif. Peserta kajian juga menunjukkan mereka lebih berminat dan seronok dengan aktiviti yang dijalankan dan menunjukkan peningkatan penguasaan terhadap pengimbuhan. Saya mendapati bahawa terdapat persamaan kajian saya ini dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji Hameelah binti Adnan. Hasil kajian menunjukkan bahawa jika murid dibantu untuk menguasai kemahiran berbahasa iaitu, penggunaan imbuhan, murid akan dapat menghasilkan penulisan karangan yang baik.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mencadangkan supaya kaedah imlak dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu diperluaskan lagi misalnya, dengan menggunakan petikan yang lebih tinggi arasnya bagi memantapkan lagi penguasaan pengimbuhan murid. Setelah itu aplikasikan penggunaan kaedah imlak untuk membina ayat yang mengandungi imbuhan dengan struktur yang betul.

Selain itu, saya juga mencadangkan kaedah ini untuk diaplikasikan oleh guru-guru mata pelajaran lain contohnya, seperti dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan sebagainya bagi membantu guru untuk memantapkan lagi penggunaan bahasa dalam kalangan murid-murid bagi mata pelajaran tersebut. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan penggunaan bahan yang dapat menarik perhatian murid dalam pelajaran yang diajar. Misalnya, dengan bahan bantu mengajar seperti pelbagai media audio-visual, yang menarik serta berkesan. Ianya juga dapat membantu mengukuhkan lagi ingatan murid terhadap pembelajaran.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, pengaplikasian kaedah imlak dengan menggunakan teknik latihan secara latih tubi sangat membantu guru untuk meningkatkan penguasaan pengimbuhan pada kata dasar dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Pusat Pembangunan Akademik. (2016). *Buku panduan penyelidikan tindakan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kim Phaik Lah, Dr. (1995). *Modul kajian tindakan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Hajah Noresah Baharom, BSc (UM), MA (Birmingham). (2010). *Kamus dewan edisi keempat cetakan ketiga*, Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Murid dan alam belajar*. Selangor: Oxford Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2014). *Kajian tindakan dalam penyelidikan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGGUNAAN PETA BUIH DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN JENIS PENGUMUMAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 3

**MARIANI HAPENI¹
AINAH JULHEE²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk membantu murid Tahun 3 meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis pengumuman dengan penggunaan salah satu peta pemikiran i-Think iaitu peta buih. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di Miri. Peserta kajian dalam kajian ini adalah seramai tiga orang yang terdiri daripada murid Tahun 3 yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Prosedur tindakan yang digunakan adalah berdasarkan Model Stephen Kemmis. Data dikumpul menggunakan tiga cara iaitu kaedah pemerhatian, temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Data yang dikumpul dianalisis secara kualitatif dan dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta buih telah berjaya membantu murid meningkatkan kemahiran murid menulis karangan jenis pengumuman dengan lengkap. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa penggunaan peta buih ini telah memudahkan penghasilan penulisan karangan yang baik dengan idea-idea yang bernes dalam karangan murid Tahun 3.

Kata Kunci: kemahiran menulis, pengumuman, peta i-Think, peta buih

ABSTRACT

This action research was conducted to help the year 3 students to improve their writing skills in essay type of announcement through the usage of one of the I-Think mind map which is the bubble map. These researches were conducted in one of the primary school at Miri. The participants in this research consists of three students year 3 which have different kinds of background. The action procedure which have been used in this research is Stephen Kemmis Model. The data were collected by using three methods which are observation method, structured interview dan document analysis. The data which has been collected have been analyzed by using qualitative and the findings shows that the usage of bubble map have succeed in helping the students to improve their writing skills in essay type of announcement, perfectly. The findings also shows that the usage of bubble map have also helped to produce a good essay writing with bright ideas in the year 3 student's essay.

Keywords: writing skills, announcement, I-Think mind map, bubble map

PENGENALAN

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui (Faridah Nazir, Tuan Jah Bin Tuan Yusof, 2013). Dalam pendidikan Bahasa Melayu, pengajaran kemahiran menulis amat penting untuk diajarkan kepada murid supaya mereka dapat merakamkan apa yang didengar, dilihat atau dialami dalam satu hasil penulisan karangan yang baik. Dalam masa yang sama, murid juga menggunakan kemahiran berfikir sebaik mungkin.

Saya merupakan guru pelatih yang telah menjalani Praktikum III di sebuah sekolah di Miri dan telah diamanahkan untuk mengajar kelas Tahun 3. Bagi kajian ini, fokus saya ialah berkaitan penulisan karangan jenis pengumuman. Pengajaran ini adalah berpandukan Standard Kandungan Kemahiran Menulis 3.6.2. Dalam kemahiran ini, pencapaian murid-murid sepatutnya dapat menguasai kemahiran menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk pengumuman dengan betul menggunakan bahasa yang santun. Dengan kata lain, murid perlu menulis pengumuman menggunakan bahasa yang sopan dan dapat difahami oleh umum dengan isinya jelas dan tidak menimbulkan salah faham.

Pada pengumpulan data awal, antara masalah murid yang telah dikenal pasti ialah beberapa orang murid menghadapi masalah dalam cara penulisan pengumuman yang lengkap dan masalah kekurangan idea atau isi karangan termasuk pendahuluan dan penutup.

Oleh itu, saya melaksanakan penyelidikan kemahiran ini menerusi teknik peta buih dalam sesi pengajaran yang seterusnya dan diharapkan dapat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan karangan jenis pengumuman.

FOKUS KAJIAN


Fokus kajian ini ialah penggunaan peta buih dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis pengumuman yang lengkap iaitu mengandungi pendahuluan, isi utama atau isi huraian dan penutup yang ditulis dengan betul, jelas, dan tersusun.

Kajian-kajian terdahulu seperti penggunaan teknik peta minda dan kata tanya yang diperkenalkan oleh Baiziela binti Sapingi @ Shapiee (2012) dalam "Penggunaan Peta Minda Dan Kata Tanya Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Jenis Fakta Bahasa Melayu Murid Tahun Empat" merupakan salah satu rujukan yang telah digunakan. Beliau juga menyarankan teknik peta minda untuk membantu murid menulis karangan jenis tidak berformat secara efektif. Selain itu, kajian terdahulu oleh Noradinah Jaidi et al menerusi teknik perisian *iMindMap* dalam penulisan jenis rencana juga dijadikan landasan saya untuk membuat kajian ini bagi membantu murid-murid mengatasi masalah yang dihadapi. Walaupun mereka menggunakan teknik yang berlainan dan jenis karangan yang berbeza, namun bermatlamatkan yang sama iaitu membantu murid menulis dan menyusun maklumat bagi karangan yang tidak berformat.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Oleh itu, untuk kajian ini, saya melaksanakan kaedah yang agak serupa dan berfokuskan kepada salah satu alat pemikiran i-Think iaitu peta buih untuk menangani masalah yang telah dikenal pasti. Selain itu juga, penggunaan peta buih ini dapat membantu murid untuk menjana idea ketika merangka karangan. Penggunaan peta buih ini akan digunakan sebelum menulis karangan tersebut yang mana akan membolehkan murid untuk mencari, merangka dan menyusun idea atau isi dengan baik. Selain itu, rangka karangan tersebut juga dapat dilihat dengan jelas dan akhirnya mudah untuk menulis karangan pengumuman tersebut dengan lengkap. Peta buih ini juga sangat mudah ditadbirkan kerana murid-murid dapat menyampaikan idea dalam penulisan mereka dengan cara yang mudah dan sistematis.

Rajah 1 di bawah menunjukkan contoh peta buih yang digunakan sebagai kaedah untuk kajian ini.



Rajah 1: Peta Buih

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Selepas kajian tindakan ini dijalankan, adalah diharapkan dapat:

1. meningkatkan kemahiran murid menulis pengumuman yang lengkap dengan menggunakan peta buih
2. meningkatkan kemahiran murid menggunakan peta buih bagi membantu mereka menjana idea dalam penulisan karangan jenis pengumuman

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:


1. Adakah penggunaan peta buih dapat meningkatkan kemahiran murid menulis pengumuman yang lengkap?
2. Adakah penggunaan peta buih membantu murid untuk menjana idea dalam penulisan karangan jenis pengumuman?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan 3 orang murid lelaki Tahun 3 di sebuah sekolah di Miri. Murid-murid ini terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Cina, Bidayuh dan Melanau. Kesemua peserta kajian agak lemah dalam penulisan bahasa Melayu dengan pencapaian C. Peserta kajian ini telah dikenal pasti melalui latihan awal yang diberikan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Prosedur tindakan adalah berpandukan kepada Model Penyelidikan Tindakan Kemmis yang dipelopori oleh Stephen Kemmis (1983). Pelaksanaan kajian hanya melibatkan lingkaran satu kitaran sahaja.



Rajah 2: Model Kemmis

Rajah 2 memaparkan langkah pelaksanaan yang dicadangkan bagi menjalankan kajian tindakan ini berdasarkan Model Kemmis. Model ini terdiri daripada empat langkah berdasarkan kepada beberapa siri gelungan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi.

Langkah Merancang

Setelah mengenal pasti masalah dan peserta kajian, satu langkah telah dirancang bagi membantu peserta iaitu penggunaan peta buih sebagai cara atau kaedah untuk memudahkan murid menulis pengumuman yang lengkap. Saya juga merancang cara-cara mengumpul data, iaitu berdasarkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Langkah Bertindak

Bertindak iaitu melaksanakan tindakan bagi mengatasi masalah yang difokuskan. Saya melaksanakan tiga kali sesi aktiviti pada waktu yang berbeza. Semasa sesi aktiviti dijalankan, saya telah menerangkan cara-cara membina peta buih dan mengajar murid penggunaan peta buih tersebut. Seterusnya, saya memberi lembaran kerja atau latihan berkaitan isu yang difokuskan untuk dilaksanakan oleh murid. Pada setiap aktiviti, saya telah menyediakan 3 lembaran kerja yang berbeza.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

- Aktiviti 1: Penerangan dan latihan (latihan berpandu)
- Aktiviti 2: Penerangan + latihan (tajuk pengumuman)
- Aktiviti 3: Penerangan + latihan (tajuk bebas)

Langkah Memerhati

Pemerhatian adalah berdasarkan instrumen-instrumen yang digunakan. Instrumen tersebut ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data-data yang dikumpul melalui cara-cara yang telah dinyatakan akan dianalisis bagi membolehkan saya merefleksi berkaitan kekuatan dan kelemahan penggunaan peta buih.

Langkah Mereflek

Setelah tindakan yang dirancang dilaksanakan dan proses pemerhatian selesai, refleksi diri akan dilakukan. Setiap peserta kajian disoal untuk memastikan objektif tercapai atau tidak. Sekiranya terdapat peserta kajian yang tidak dapat menguasai masalah yang dihadapi, saya akan melaksanakan kitaran kedua agar murid tersebut dapat dibantu.

Cara Mengumpul Data

Pemerhatian

Pemerhatian yang dilakukan dalam kajian ini menggunakan pemerhatian secara berstruktur. Pemerhatian telah dilaksanakan sebanyak tiga kali iaitu setiap kali aktiviti dilaksanakan. Pemerhatian direkodkan dalam bentuk senarai semak mengikut kod tingkah laku yang dilakukan oleh peserta kajian secara individu semasa aktiviti dilaksanakan.

Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, bagi melihat pencapaian peserta kajian berdasarkan aktiviti yang telah dilaksanakan, saya turut menyediakan dua lembaran kerja yang untuk dianalisis. Daripada lembaran kerja tersebut, saya dapat mengetahui sama ada mereka menguasai kemahiran menulis pengumuman dengan betul atau sebaliknya.

Temu bual

Dalam kajian ini, saya menggunakan temu bual berstruktur iaitu seseorang pengkaji menyediakan soalan-soalan spesifik yang ingin ditanya kepada peserta kajian dan biasanya temu bual ini dilaksanakan secara formal. Hasil temu bual dicatatkan dalam borang temu bual untuk memudahkan proses analisis.

Cara Menganalisis Data.

Pemerhatian

Saya telah melaksanakan pemerhatian secara berstruktur dengan menggunakan senarai semak yang telah disediakan semasa aktiviti dilaksanakan. Pemerhatian dilakukan semasa peserta kajian memberi tindak balas sepanjang aktiviti tersebut.

Analisis Dokumen

Data analisis dokumen pula dalam bentuk jumlah bilangan peserta kajian yang dapat menulis pengumuman dengan isi-isi yang lengkap dan mengikut format yang betul. Hasil analisis dokumen ini merupakan bukti yang kukuh tentang tahap pemahaman dan penguasaan peserta kajian terhadap penggunaan peta buih untuk mahir dalam penulisan karangan jenis pengumuman. Di samping itu juga, melalui data daripada lembaran kerja tersebut juga dapat menunjukkan penguasaan murid dalam kemahiran mengemukakan isi-isi utama karangan dan menghuraikannya.

Temu bual

Bagi temu bual berstruktur pula, untuk perancangan analisis data, saya menyediakan satu borang temu bual untuk murid. Setiap borang tersebut akan dianalisis berdasarkan soalan yang dikemukakan. Respons dan jawapan yang diterima daripada subjek kajian ditulis dalam borang yang berbentuk jadual mengikut soalan.

Cara Semakan Data

Saya menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk menyemak data yang telah dianalisis. Untuk triangulasi kaedah, saya telah menggunakan kaedah mengumpul data yang berlainan ke atas peserta kajian yang sama untuk menguji kesahan. Kedua ialah triangulasi sumber, saya telah merujuk pensyarah penyelia, guru pembimbing dan rakan-rakan praktikum saya bagi membantu menyemak data yang telah saya peroleh dan membaca hasil kajian saya.

DAPATAN KAJIAN

Meningkatkan kemahiran murid menulis pengumuman yang lengkap dengan menggunakan peta buih

Bagi menjawab soalan pertama, analisis data adalah berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dilaksanakan. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis data pemerhatian yang diperoleh.

Jadual 1.

Analisis data pemerhatian

Kod Tingkah Laku Murid	Bilangan peserta kajian					
	Aktiviti 1	Peratus (%)	Aktiviti 2	Peratus (%)	Aktiviti 3	Peratus (%)
1. Mendengar penerangan guru berkaitan penggunaan peta buih untuk menulis karangan jenis pengumuman	3	100	3	100	3	100

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

2. Melukis peta buih dengan betul dalam proses menulis rangka karangan	2	66.67	2	66.67	3	100
3. Menghuraikan idea atau isi karangan dalam peta buih dengan betul dan lengkap	2	66.67	2	66.67	3	100
4. Menyiapkan lembaran kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan	2	66.67	2	66.67	3	100

Berdasarkan Jadual 1, pencapaian 3 peserta kajian telah menunjukkan perubahan positif pada setiap kod tingkah laku yang diperhatikan apabila ketiga-tiga aktiviti dijalankan. Dapatkan kajian juga menunjukkan kesemua 3 orang peserta kajian iaitu sebanyak 100% telah berjaya menyiapkan lembaran kerja pada aktiviti 3 walaupun pada mulanya hanya 2 peserta kajian sahaja dapat memahami konsep peta buih dan penggunaannya seterusnya dapat menghasilkan pengumuman yang lengkap. Kesimpulannya, berdasarkan hasil analisis pemerhatian yang telah dibuat menunjukkan bahawa penggunaan peta buih dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis pengumuman dengan lengkap.

Seterusnya, data temu bual juga dianalisis untuk melihat keberkesanan penggunaan peta buih ini. Dapatkan temu bual dapat dilihat dalam Jadual 2

Jadual 2:

Dapatkan analisis temu bual

Peserta Kajian	Soalan					
	Soalan 1		Soalan 2		Soalan 3	
	Y	T	Y	T	Y	T
P1	/		/		/	
P2	/			/	/	
P3	/		/		/	
Jumlah	3		3		3	
Peratusan	100		66.7	33.33	100	

Nota: 'Y'= Ya, 'T'= Tidak

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis temu bual selepas tamat tiga aktiviti yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Bagi soalan 1 iaitu “adakah menulis pengumuman menggunakan teknik peta buih menarik minat kamu?”, 3 orang peserta kajian iaitu peratusan 100% telah menyatakan mereka memahami konsep penggunaan peta buih tersebut dan dengan penggunaan peta buih ini dapat menjadi panduan mereka untuk menghasilkan karangan jenis pengumuman yang betul dan lengkap. Manakala untuk soalan 2, “adakah menulis pengumuman menjadi lebih senang selepas menggunakan teknik peta buih ini?”, 2 orang peserta kajian telah menyatakan bahawa mereka dapat menulis pengumuman dengan lengkap setelah diperkenalkan dengan teknik peta buih. Hal ini kerana mereka sudah merangka setiap bahagian-bahagian dalam penulisan pengumuman sebelum dipindahkan ke dalam karangan mereka. Seterusnya, bagi soalan 3 pula ialah “adakah kamu dapat menulis pengumuman dengan lengkap dengan menggunakan teknik peta buih?” menunjukkan bahawa 3 orang peserta kajian, 100% dapat menyatakan mereka dapat menulis pengumuman dengan lengkap dengan penggunaan teknik peta buih.

Kesimpulannya, hasil keseluruhan analisis ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik peta buih ini dapat membantu peserta-peserta kajian untuk menulis pengumuman dengan betul dan lengkap.

Murid dapat menjana idea ketika merangka isi-isi karangan jenis pengumuman menggunakan peta buih

Dapatan kajian bagi soalan 2 adalah berdasarkan dapatan data analisis dokumen dan temu bual. Pertama, analisis dokumen iaitu berdasarkan 2 lembaran kerja yang diberikan kepada peserta kajian pada aktiviti 2 dan aktiviti 3. Berikut merupakan hasil dapatan analisis lembaran kerja bagi ketiga-tiga peserta kajian.

Jadual 3:

Dapatan analisis lembaran kerja

Aspek	Latihan 1		Latihan 2	
	Jumlah Murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Menulis pendahuluan karangan dengan betul	3	100	3	100
Dapat menyenaraikan sekurang-kurangnya 5 idea	2	66.67	3	100
Menulis penutup karangan dengan betul	3	100	3	100

Berdasarkan Jadual 3, latihan yang pertama, data menunjukkan semua peserta kajian iaitu 3 orang peserta kajian 100% dapat menulis pendahuluan dan penutup pengumuman dengan betul berpandukan peta buih yang dilukis terlebih dahulu. Namun demikian, bagi aspek bahagian isi pengumuman, hanya 2 orang peserta kajian sahaja iaitu sebanyak 66.67% dapat menyenaraikan sekurang-kurangnya 5 idea dalam isi karangan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Setelah menyemak latihan kedua, hasil analisis data menunjukkan 3 orang peserta kajian mencapai peratusan 100% pada semua aspek yang disemak. Kesemua peserta kajian berjaya menghasilkan penulisan pengumuman yang lengkap serta penggunaan ayat yang sesuai dalam penulisan mereka.

Seterusnya, dapatan temu bual ini diperoleh selepas aktiviti dilaksanakan, Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis temu bual bersama peserta kajian setelah melaksanakan aktiviti menulis pengumuman menggunakan peta buih.

Jadual 4:
Dapatkan analisis temu bual

Soalan	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
1. Adakah penggunaan peta buih dapat menjana idea untuk isi karangan?	3	100%	0	0
2. Adakah penggunaan peta buih dapat kamu dapat membantu menulis pengumuman dengan idea yang bertepatan dengan tajuk?	3	100%	0	0

Berdasarkan jadual, hasil analisis soalan temu bual yang pertama mendapati bahawa kesemua peserta kajian berpendapat bahawa penggunaan peta buih dalam menjana idea untuk isi karangan yang adalah memudahkan mereka iaitu sebanyak 100%. Hal ini menunjukkan perkembangan yang positif terhadap penggunaan peta buih ini.

Seterusnya adalah analisis soalan temu bual kedua mengenai adakah penggunaan peta buih membantu untuk menulis pengumuman dengan idea yang bertepatan dengan tajuk. Peratus menunjukkan kesemua 3 peserta kajian iaitu 100% menyatakan bahawa dengan menggunakan peta buih dalam penulisan pengumuman ini dapat menjana idea mereka tentang isi karangan yang bertepatan dengan tajuk dan seterusnya mengekspresikan idea-idea tersebut dengan betul dan jelas.

Kesimpulannya, berdasarkan hasil analisis temu bual ini, penggunaan peta buih dapat membantu murid untuk menjana idea dalam penulisan karangan jenis pengumuman.

REFLEKSI

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian berjaya menghasilkan penulisan karangan jenis pengumuman dengan menggunakan peta buih sebelum mengarang karangan iaitu berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara berperingkat dalam kitaran yang telah dilaksanakan. Dapatkan data daripada hasil pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual secara tidak langsung telah memperlihatkan pencapaian

peserta kajian dalam kemahiran menulis karangan jenis pengumuman dengan betul dan lengkap.

Dapatkan pemerhatian dan temu bual telah menunjukkan peserta kajian dapat menghasilkan pengumuman yang lengkap dengan menggunakan teknik peta buih ini. Hal ini kerana mereka sudah mengetahui format penulisan pengumuman yang lengkap dan mengaplikasikannya dalam lembaran yang disediakan. Di samping itu, hasil dapatkan analisis dokumen dan temu bual juga membuktikan bahawa peserta kajian sudah ada kemahiran untuk merangka dan menjana idea untuk isi pengumuman. Contohnya, sebelum diperkenalkan dengan teknik peta buih ini, idea yang disampaikan oleh peserta agak bercelaru dan keliru ketika membincangkan sesuatu tajuk. Kadang-kadang idea yang dilontarkan tidak menepati kehendak soalan. Namun demikian, setelah diterangkan dengan teknik ini, peserta kajian dapat merangka pendahuluan, isi dan penutup dengan betul. Kesimpulannya, pencapaian positif yang diperoleh telah menunjukkan penggunaan peta buih yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran menulis pengumuman yang lengkap dan membantu untuk menjana idea dalam penulisan karangan jenis pengumuman.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan tindakan susulan pertama untuk kajian ini ialah pengkaji lain disarankan untuk membuat penambahbaikan kepada penggunaan teknik peta buih ini untuk mengajar menulis-menulis karangan berbentuk syarahan, ceramah dan ucapan. Hal ini kerana, karangan tersebut juga terbahagi kepada tiga aspek seperti format pengumuman iaitu bahagian pendahuluan sebagai pembuka kata, bahagian isi untuk maklumat yang berkaitan dan bahagian penutup.

Cadangan kedua pula ialah pengkaji lain disarankan supaya guru-guru subjek lain seperti bahasa Cina, bahasa Iban, bahasa Inggeris menggunakan teknik untuk mengajar penulisan karangan dalam bahasa ini dengan mengubah suai teknik peta buih ini.

PENUTUP

Pelaksanaan kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan dan juga menjawab soalan kajian. Hal ini juga menunjukkan bahawa penggunaan peta buih yang dilaksanakan dapat membantu murid dalam membina penulisan karangan jenis pengumuman yang baik. Saya berharap hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain yang ingin menggunakan peta buih dalam kajian mereka yang berfokus kepada penulisan karangan. Justeru, adalah menjadi harapan juga, kajian ini dapat memberi kesan yang positif serta dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Baiziela binti Sapingi @ Shapiee (2012). *Penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta Bahasa Melayu murid tahun empat.* Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/BM/1%20ARTIKEL%20BAIZIELA%20SHAPIEE.pdf>
- Faridah Nazir, Tuan Jah Tuan Yusof (2010). *Pengajian sukan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.* Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Dokumen Standard Sekolah Rendah (KSSR) Modul Teras Asas Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap 1.* Putrajaya. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khairuddin Mohammad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli (2014). *Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu.* Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Noradinah Jaidia, Yusri Abdullah, Suraya Tarasat & Sri Kartika Rahman (2014). *Kesan penggunaan perisian imindmap dalam penulisan karangan jenis rencana.* Diperoleh dari <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031711>

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
Email: ¹marianihapeni86@gmail.com, ²ainahjulhee@hotmail.com

PENGGUNAAN TEKNIK JADUAL PELAN MAKLUMAT DALAM MENULIS ULASAN BAHAN GRAFIK MURID TAHUN LIMA

**MISES DEPOL¹
LING SNELUS ANGKING²**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah membina ulasan bahan grafik yang dihadapi oleh murid Tahun 5 dalam Penulisan Bahasa Melayu Bahagian B. Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid di salah sebuah sekolah rendah di Miri, Sarawak. Kaedah pengumpulan data ialah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Kajian tindakan ini berteraskan kepada Model Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin) adaptasi dari Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Kajian ini bertujuan mencapai dua objektif kajian iaitu membantu murid-murid menulis ulasan bahan grafik yang menepati kehendak soalan dan meningkatkan tahap pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik dengan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat. Dapatkan pertama mendapati lima daripada lima orang murid dapat menulis ulasan bahan grafik yang menepati kehendak soalan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat. Hasil dapatkan kedua mendapati lima daripada lima orang murid dapat meningkatkan pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat. Sebagai cadangan kajian lanjutan, teknik yang serupa boleh digunakan dalam menulis ulasan berdasarkan bahan bukan grafik pula. Selain itu, teknik ini juga boleh digunakan untuk menulis karangan berbentuk fakta dengan melakukan sedikit penambahsuaian pada aspek yang terdapat dalam Teknik Jadual Pelan Maklumat tersebut.

Kata kunci : Ulasan, Bahan Grafik, Teknik Jadual Pelan Maklumat

ABSTRACTS

This research was conducted to overcome the problem of writing review of graphic instrument. This problem was encountered by standard 5 pupils in writing essay which is Section B. This research was carried out on five pupils from one of the primary school in Miri, Sarawak. The data was collected using document analysis, observation and interview. This research is based on Kurt Lewin model adaptation from Lewin (1946) and Laidlaw (1992). This research focuses on achieving two objectives which is helping pupils in writing graphic instrument review which answers the questions posed and increase the achievement of pupils in writing graphic instrument review using the Information Planning Table technique. As can be seen from the first research objective, five out of five can write the review for graphic instrument successfully using the Information Planning Table technique. As for the second research questions, it can be seen that five out of five pupils can increase their achievement in writing review for graphic instrument using the Information Planning

Table technique. As for the further research, the same technique can be used to write review for non-graphic instrument. Other than that, this technique also can be used for fact based essay writing by modifying the aspects of Information Planning Table technique.

Key words: Review, Graphic Instrument, Information Planning Table

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai antara keempat-empat kemahiran bahasa tersebut. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Kajian saya berkaitan dengan Bahagian B yang mengkehendaki murid-murid membuat satu ulasan berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam bahan grafik yang dikemukakan. Bahan grafik terdiri daripada gambar, graf, carta, rajah, peta, jadual, poster dan sebagainya. Ulasan yang dihasilkan boleh terdiri daripada satu hingga tiga perenggan.

Setelah melalui tiga fasa praktikum di dua buah sekolah yang berbeza saya mendapati murid mempunyai masalah dalam menulis ulasan Bahasa Melayu. Jadi, sebagai guru pelatih kursus major Bahasa Melayu saya membuat keputusan untuk membuat kajian berkaitan dengan masalah tersebut. Berdasarkan refleksi pengajaran saya, didapati murid-murid mengalami masalah untuk membina ulasan berdasarkan bahan grafik yang menepati kehendak soalan dengan idea yang jelas, tersusun dan menarik. Kelemahan murid dalam aspek ini menyebabkan murid kehilangan markah pada bahagian ini sekaligus mengganggu keputusan yang baik dalam penulisan Bahasa Melayu. Murid tidak tahu mengolah maklumat-maklumat yang terdapat dalam bahan grafik dikemukakan. Hasilnya ulasan yang ditulis oleh murid tidak berkaitan dengan bahan yang dikemukakan dan tidak menepati kehendak soalan.

Prinsip asas dalam pengajaran bahasa ialah pengajaran haruslah bergerak daripada yang mudah kepada yang kompleks, daripada yang konkret kepada yang abstrak, daripada yang dekat kepada yang jauh dan daripada yang telah diketahui kepada yang belum diketahui (Azizul Rahman Abdul Rahman, 2010). Justeru itu, saya telah bercadang untuk menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat bagi mengatasi masalah menulis ulasan bahan grafik dalam kalangan murid-murid Tahun 5 sekali gus memperbaiki amalan pengajaran saya.


FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian, analisis latihan murid dan perbincangan bersama guru mata pelajaran Bahasa Melayu kelas kajian menunjukkan bahawa murid gemar menulis ulasan tanpa membuat pemetaan terhadap idea-idea mereka terlebih dahulu. Ini menyebabkan hasil karangan atau ulasan yang dibuat tidak mempunyai hala tuju yang betul, terdapat fakta-fakta

yang tertinggal dan pengolahan isi yang kurang sempurna. Menurut Khairiah Ahmad (1981), sebelum mengarang, murid perlu tahu fakta-fakta atau isi yang hendak dikarang. Berdasarkan pernyataan ini, pemetaan idea amat wajar untuk mengurus dan mengolah maklumat dengan sistematik. Teknik yang diperkenalkan dalam kajian ini merupakan teknik yang membantu murid memetakan idea melalui jadual.

Profesor Dr. Awang Sariyan (2007), menyatakan bahawa karangan yang berkesan memerlukan lakaran atau rangka yang mantap. Rangka karangan adalah panduan awal yang akan menentukan kualiti ulasan yang dibuat. Khairuddin Ayob dan Khairuddin Mohamad (2012), ciri-ciri karangan yang baik adalah penyatuan idea, ketepatan dan lengkap. Ulasan yang berkualiti mengandungi kohesi dan koheren antara setiap ayat dan perenggan yang dihasilkan. Pemerenggan isi hendaklah sistematik agar tidak berlaku pertindihan maklumat. Secara tidak langsung berupaya memperbaiki pengolahan isi dengan gaya bahasa betul dan serasi dengan maklumat yang disampaikan dalam ulasan. Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011), beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh guru semasa mengajarkan kemahiran menulis karangan, antaranya ialah kemahiran mencari isi, bahan-bahan rangsangan dan memeriksa karangan.

Rajah 1 menunjukkan contoh hasil ulasan yang dibuat oleh murid. Ulasan. Terdapat beberapa kelemahan pada ulasan yang dibuat iaitu :

 <p>Pada hari ini, kami telah mengadakan "Karnival Jom Kitar Semula". Kitar Semula dapat menyelamatkan alam Sekitar. Kita haruslah fikir dulu sebelum buang. Banyak yang perlu kita buat untuk mengitar semula barang-barang ini. Kita mestilah melakukan pada hari ini. Yang perlu kita buat ialah mewujudkan persekitaran yang bersih. Yang kedua adalah mengurangkan ancaman alam Sekitar. Yang ketiga pula mengurangkan kualiti sampah dan menyelamatkan hutan. Yang terakhir adalah menjimatkan kos pengelenggaran tanpa pelupusan sampah.</p>	<p>Pendahuluan Tidak menyatakan tajuk ulasan yang tepat</p> <p>Isi tersurat Menyatakan isi tersurat Penyampaian idea kurang menarik</p> <p>Isi tersirat Tiada disertakan</p> <p>Penutup Tidak menyatakan penutup</p>
--	--

Rajah 1. Contoh hasil kerja murid

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut :

- Membantu murid-murid menulis ulasan bahan grafik yang menepati kehendak soalan dengan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat.
- Meningkatkan tahap pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik dalam kalangan murid-murid Tahun Lima dengan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

- Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian berikut :
- i. Adakah Teknik Jadual Pelan Maklumat membantu murid-murid dalam menulis ulasan bahan grafik dengan menepati kehendak soalan?
 - ii. Adakah penggunaan Teknik Jadual Pelan Maklumat meningkatkan tahap pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik dalam kalangan murid-murid Tahun Lima?

PESERTA KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di bandar Miri. Murid kajian terdiri daripada seorang murid lelaki dan empat orang murid perempuan yang berbangsa Melayu, Iban dan India. Murid yang dipilih adalah murid yang dikenal pasti lemah dalam menulis ulasan berdasarkan latihan-latihan dan keputusan ujian terdahulu murid. Gred pencapaian dalam ujian Bahasa Melayu Penulisan yang diperoleh M1 ialah D, M2 ialah C, M3 ialah C, M4 ialah C dan M5 ialah D. Murid-murid juga dipilih berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki dalam melaksanakan kajian tindakan terutamanya mempunyai masalah dalam menulis ulasan yang menepati kehendak soalan serta rendah pencapaian dalam kemahiran menulis ulasan bahan grafik.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model Kurt Lewin dijadikan panduan dalam pelaksanaan kajian tindakan saya, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi (Rosinah Edinin, 2011). Dalam kajian tindakan ini, saya berfokus kepada penggunaan Teknik Pelan Maklumat untuk membantu murid menulis ulasan bahan grafik dalam kalangan murid-murid Tahun 5. Kaedah pengumpulan data ialah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian yang berpandu kepada instrumen penilaian. Langkah-langkah tindakan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Langkah tindakan Model Kurt Lewin, 1946 (Adaptasi dari Lewin 1946 dan Laidlaw, 1992)

Langkah 1	Menilai latihan menulis bahan grafik murid Pemerhatian penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran
Langkah 2	Menggunakan Teknik Pelan Maklumat untuk membina ulasan bahan grafik
Langkah 3	Menjelaskan format ulasan Membimbing murid membuat ulasan langkah demi langkah menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat
Langkah 4	Analisis dokumen Pemerhatian Temu bual
Langkah 5	Menganalisis dan menilai data yang dikumpul Membuat refleksi mengenai keberkesanan Teknik Pelan Maklumat

Rajah 2 menunjukkan Jadual Pelan Maklumat yang digunakan oleh murid untuk merangka ulasan mereka.

Pendahuluan	Bahan grafik	<i>Bahan rangsangan yang diberikan</i>
	Tajuk ulasan	<i>Terdapat pada arahan soalan</i>
Isi	Isi	
	Penanda wacana	<i>Pertama, Seterusnya, Di samping itu, Selain itu, Akhir sekali,</i>
	Fokus (Apa)	<i>kata kunci Maklumat</i>
	Maklumat	<i>dinyatakan dalam bahan rangsangan</i>
	Huraian Maklumat	<i>pendapat murid berdasarkan maklumat yang diberi</i>
Penutup	Penanda wacana	<i>Kesimpulannya, Oleh itu</i>
	Cadangan/harapan/kesan	<i>pendirian berkaitan tajuk ulasan</i>

Rajah 2. Teknik Jadual Pelan Maklumat

DAPATAN KAJIAN

Menulis ulasan bahan grafik yang menepati kehendak soalan dengan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat.

Dapatan kajian diperoleh menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan pertama mendapati lima daripada lima orang murid dapat menulis ulasan bahan grafik yang menepati kehendak soalan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat. Berikut merupakan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian pertama:

Analisis dokumen sebelum menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat dapat dilihat pada Jadual 2.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 2

Analisis Latihan Menulis Ulasan bahan grafik bagi lima orang murid kajian (sebelum)

Bil.	Aspek Menulis Ulasan	Latihan 1					Latihan 2				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Pendahuluan ada menyatakan tajuk ulasan	X	√	√	X	X	X	√	√	X	X
2.	Menyatakan sekurang-kurangnya empat isi tersurat dengan betul	X	√	X	√	X	√	√	√	√	√
3.	Menyatakan sekurang-kurangnya empat isi tersirat dengan betul	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
4.	Penggunaan kosa kata yang bersesuaian dengan tajuk ulasan	X	√	√	X	X	√	√	√	X	X
5.	Penutup ulasan disertai dengan cadangan/kesan/harapan	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Jumlah "√"		0	2	2	1	0	2	3	3	1	1
Dapatan		TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM

Nota : “√” = Ya, “X” = Tidak, “M1” = Murid 1, “M2” = Murid 2, “M3” = Murid 3, “M4” = Murid 4, “M5” = Murid 5, “M” = Mencapai, “TM” = Tidak Mencapai

Manakala analisis dokumen selepas menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat dapat dilihat pada Jadual 3.

Jadual 3

Analisis Latihan Menulis Ulasan bahan grafik bagi lima orang murid kajian (selepas)

Bil.	Aspek Menulis Ulasan	Latihan 3					Latihan 4				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Pendahuluan ada menyatakan tajuk ulasan	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2.	Menyatakan sekurang-kurangnya empat isi tersurat dengan betul	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
3.	Menyatakan sekurang-kurangnya empat isi tersurat dengan betul	X	√	√	√	X	√	√	√	√	√
4.	Penggunaan kosa kata yang bersesuaian dengan tajuk ulasan	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
5.	Penutup ulasan disertai dengan cadangan/kesan/harapan	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Jumlah “√”		4	5	5	5	4	5	5	5	5	5
Analisis dapatkan		M	M	M	M	M	M	M	M	M	M

Nota : “√” = Ya, “X” = Tidak, “M1” = Murid 1, “M2” = Murid 2, “M3” = Murid 3, “M4” = Murid 4, “M5” = Murid 5, “M” = Mencapai, “TM” = Tidak Mencapai

Terdapat peningkatan terhadap pencapaian setiap murid kajian selepas menggunakan Teknik Pelan Jadual Maklumat dalam menulis ulasan bahan grafik. Dapatannya bagi analisis dokumen selepas tindakan dilaksanakan mendapati bahawa kelima-lima murid kajian berjaya mencapai sekurang-kurangnya empat daripada lima aspek menulis ulasan tersebut.

Jadual 4 merupakan dapatan pemerhatian tingkah laku kesemua murid kajian sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 4

Dapatan pemerhatian bagi lima orang murid kajian (sebelum dan selepas)

Bil.	Aspek Pemerhatian	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
	Membaca arahan soalan sebelum memulakan penulisan ulasan.	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
1.											
2.	Menggariskan kata kunci yang terdapat pada arahan soalan.	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Meneliti maklumat pada bahan grafik yang diberi.	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Memberi perhatian semasa guru mengajar.	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.	X	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓
	Jumlah "✓"	2	1	0	2	0	4	5	5	5	5
	Dapatan	TM	TM	TM	TM	TM	M	M	M	M	M

Nota : "✓" = Ya, "X" = Tidak, "M1" = Murid 1, "M2" = Murid 2, "M3" = Murid 3, "M4" = Murid 4, "M5" = Murid 5, "M" = Mencapai, "TM" = Tidak Mencapai

Secara keseluruhannya, selepas tindakan dilaksanakan seorang murid mencapai empat daripada lima aspek pemerhatian manakala empat orang murid lagi berjaya mencapai lima daripada lima aspek pemerhatian tingkah laku semasa membuat ulasan bahan grafik.

Dapatan yang diperoleh menerusi hasil analisis data temu bual sebelum dan selepas menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat dapat dilihat pada Jadual 5.

Jadual 5

Dapatkan keseluruhan Temu bual bagi lima orang murid kajian (Sebelum dan selepas)

Bil.	Aspek Temu bual	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Adakah dengan merangka ulasan dapat membantu menulis pendahuluan ulasan dengan betul?	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Adakah anda dapat menyatakan kesemua isi tersurat dengan betul semasa menulis ulasan?	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Adakah anda dapat menyatakan kesemua isi tersirat dengan betul semasa menulis ulasan?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
4.	Adakah dengan merangka ulasan membantu menulis penutup ulasan dengan betul?	X	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Adakah maklumat yang diberi dalam bahan grafik mudah difahami?	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Jumlah "✓"		1	4	1	2	1	5	5	5	5	4
Dapatkan		TM	M	TM	TM	TM	M	M	M	M	M

Nota : "✓" = Ya, "X" = Tidak, "M1" = Murid 1, "M2" = Murid 2, "M3" = Murid 3, "M4" = Murid 4, "M5" = Murid 5, "M" = Mencapai, "TM" = Tidak Mencapai

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Selepas tindakan pula, terdapat empat orang murid kajian iaitu murid M1, murid M2, murid M3, dan murid M4 mencapai kelima-lima aspek soalan temu bual manakala seorang sahaja murid kajian yang mencapai empat daripada lima aspek soalan temu bual. Ini menunjukkan bahawa kelima-lima murid kajian berjaya mencapai sekurang-kurangnya empat daripada aspek soalan temu bual tersebut.

Tahap pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik dalam kalangan murid-murid Tahun Lima dengan menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat

Hasil dapatan kedua mendapati lima daripada lima orang murid dapat meningkatkan pencapaian kemahiran menulis ulasan bahan grafik menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat. Analisis dokumen bagi skor pencapaian murid kajian dalam latihan menulis ulasan sebelum dan selepas menggunakan Teknik Pelan Maklumat bagi lima orang murid kajian dapat dilihat pada Jadual 6.

Jadual 6

Dapatan analisis Latihan Menulis Ulasan bagi lima orang murid kajian (sebelum dan selepas)

Peserta Kajian	Skor Markah			
	Sebelum		Selepas	
	L1 (15markah)	L2 (15markah)	L3 (15markah)	L4 (15markah)
M1	6	7	11	13
M2	7	7	13	14
M3	6	7	12	13
M4	5	6	13	14
M5	5	7	11	12

Nota : "L1" = Latihan 1, "L2" = Latihan 2, "L3" = Latihan 3, "L4" = Latihan 4, "M1" = Murid 1, "M2" = Murid 2, "M3" = Murid 3, "M4" = Murid 4, "M5" = Murid 5

Keseluruhannya, selepas tindakan dilaksanakan kelima-lima murid berjaya mencapai markah minimum 11 bagi Latihan 3 dan Latihan 4.

Jadual 7 merupakan dapatan pemerhatian sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 7

Dapatan pemerhatian bagi lima orang murid kajian (sebelum dan selepas)

Bil.	Aspek Pemerhatian	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Menyiapkan dan menghantar tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan	X	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Membuat tugas dengan tekun dan sempurna	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Murid menunjukkan keyakinan diri dalam membina ulasan berdasarkan bahan grafik	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Memulakan tugas sebaik sahaja guru mengedarkan lembaran	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Membuat rangka sebelum menulis ulasan	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Jumlah "✓"		1	2	0	2	0	5	5	5	5	5
Dapatan		TM	TM	TM	TM	TM	M	M	M	M	M

Nota : “✓” = Ya, “X” = Tidak, “M1” = Murid 1, “M2” = Murid 2, “M3” = Murid 3, “M4” = Murid 4, “M5” = Murid 5, “M” = Mencapai, “TM” = Tidak Mencapai

Keseluruhannya, selepas tindakan dilaksanakan kelima-lima murid berjaya mencapai lima daripada lima aspek pemerhatian tingkah laku semasa membuat ulasan bahan grafik.

Dapatan data temu bual sebelum dan selepas menggunakan Teknik Jadual Pelan Maklumat dapat dilihat pada Jadual 8.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 8

Dapatkan Temu bual bagi lima orang murid kajian (sebelum dan selepas)

Bil.	Aspek Temu bual	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Adakah anda berasa seronok membuat ulasan bahan grafik?	X	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Adakah idea dalam ulasan anda tersusun dan jelas ?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Adakah anda berpuas hati dengan pencapaian menulis ulasan anda?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Adakah anda suka merangka ulasan sebelum menulis ulasan?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Adakah menulis ulasan bahan grafik mudah?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Jumlah “✓”		0	1	0	1	0	5	5	5	5	5
Dapatkan		TM	TM	TM	TM	TM	M	M	M	M	M

Nota : “✓” = Ya, “X” = Tidak, “M1” = Murid 1, “M2” = Murid 2, “M3” = Murid 3, “M4” = Murid 4, “M5” = Murid 5, “M” = Mencapai, “TM” = Tidak Mencapai

Keseluruhannya, selepas tindakan menunjukkan kelima-lima orang murid kajian mencapai kelima-lima aspek soalan temu bual. Ini menunjukkan bahawa kelima-lima murid kajian berjaya mencapai kesemua aspek soalan temu bual tersebut.

REFLEKSI

Dalam kajian ini, saya mendapati bahawa murid-murid mula selesa serta memahami elemen-elemen dalam teknik jadual pelan maklumat dan dapat membantu mereka dalam membina ulasan yang menepati kehendak soalan dengan idea yang jelas, tersusun dan menarik. Latih tubi berterusan yang dibuat oleh murid dapat meningkatkan kefahaman murid dalam menguasai Teknik Jadual Pelan Maklumat. Guru berperanan untuk memberi bimbingan berterusan bagi mengekalkan momentum murid dalam mencapai kecemerlangan dalam penulisan. Pencapaian murid dalam kemahiran menulis ulasan bahan grafik juga meningkat setelah menggunakan teknik tersebut.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Teknik Jadual Pelan Maklumat ini boleh digunakan untuk menulis ulasan berdasarkan bahan bukan grafik pula. Bahan bukan grafik terdiri daripada teks petikan, sajak, pantun, laporan, rencana dan sebagainya. Teknik ini juga boleh digunakan untuk menulis karangan berbentuk fakta dengan melakukan sedikit penambahsuaian pada aspek yang terdapat dalam jadual tersebut. Seterusnya teknik ini juga boleh untuk menganalisis petikan bagi kemahiran membaca. Tujuannya adalah untuk memudahkan kefahaman murid terhadap maklumat yang terdapat dalam teks.

PENUTUP

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, saya bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran menulis ulasan di kalangan murid malah saya turut memperbaiki kelemahan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran saya di dalam kelas khususnya dalam subjek bahasa Melayu. Perubahan positif dalam kalangan murid adalah hasil daripada pengajaran guru yang efektif dan menyeluruh. Guru juga haruslah peka terhadap keperluan murid dalam pembelajaran agar murid tidak tercicir sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan falsafah bahasa dan pemikiran dalam linguistik*. Petaling Jaya: Penerbit Sasbadi.
- Azizul Rahman Abdul Rahman. (2010). *Guru kreatif pelajar aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu : Strategi pengajaran guru cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn. Bhd.
- Khairiah Ahmad. (1981). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Selangor: Sarjana.Sdn.Bhd.
- Khairuddin Ayob & Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran kemahiran Bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

PENGGUNAAN JADUAL 4 JALUR DENGAN KATA TANYA DALAM MENINGKATKAN PENULISAN PENDAHULUAN KARANGAN MURID TAHUN 5

**MOHAMMAD NAZRI POL¹
NORAINAH MOHD SALEH²**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan murid tahun 5. Selain itu, penyelidikan ini juga membantu meningkatkan amalan keguruan saya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Kajian ini telah melibatkan empat peserta kajian untuk menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya bagi membantu meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen, temu bual dan soal selidik. Data dianalisis melalui analisis dokumen untuk menentukan pola. Saya menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk mengukuhkan dapatan kajian saya. Hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan peserta kajian. Amalan profesional saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu juga ditingkatkan melalui pengenalan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Saya mencadangkan supaya kaedah ini dapat diaplikasikan untuk penulisan bahagian isi dan penutup karangan serta bahagian ulasan karangan.

Kata kunci: Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya, kemahiran menulis pendahuluan karangan

ABSTRACT

This action research was conducted to investigate the effect of 4 Lanes Table With Question Words Method in improving the writing skills of the Year 5 pupils in introductory essay. Besides, this action research also helps to improve my teaching practice in teaching introductory essay. The research involved four study participants to use 4 Lanes Table With Question Words Method to help improve writing skills in introductory essay. Data were collected through analysis of documents, interviews and questionnaires. Data were analyzed through documents analysis to determine the pattern. I triangulate my method and resources to ensure that my result were reliable. The findings indicated that the used of 4 Lanes Table With Question Words Method can improve the participant's writing skills in introductory essay. My teaching practices as a Malay Language teacher were also improved through the introduction of 4 Lanes Table With Question Words Method in teaching introductory essay.

Mohammad Nazri Pol & Norainah Mohd Saleh


Keywords: 4 Lanes Table With Question Words Method, introductory essay writing skills

PENGENALAN

Saya merupakan guru pelatih yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah yang kini sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri. Saya telah menjalani latihan praktikum selama tiga fasa iaitu fasa I, fasa II dan fasa III. Pada praktikum fasa III ini, saya diminta untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia tahap dua iaitu Tahun 5 Harmoni. Semasa menjalani praktikum fasa III, saya telah menjalankan kajian tindakan. Kajian tindakan yang telah dijalankan adalah berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia. Saya menumpukan perhatian kepada kemahiran menulis memandangkan kemahiran ini sukar dan sangat kompleks untuk diajar dalam pengajaran bahasa. Maxwell dan Jordan (1993) dalam Zamri Mahamod dan Yahya Othman (2016) yang berpendapat kemahiran menulis merupakan satu aspek kemahiran yang sukar dan kompleks. Dalam kajian ini, saya hanya menumpukan pendahuluan karangan murid sahaja. Saya mendapati penulisan pendahuluan karangan tidak begitu gramatis dan terlalu ringkas. Perkara ini memberi kesedaran kepada saya untuk mengubah amalan pengajaran saya melalui penyelidikan tindakan ini.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya hanya melibatkan pendahuluan karangan. Berdasarkan analisis data awal, murid-murid gemar menulis pendahuluan karangan yang pendek dan ringkas. Melalui maklumat awal ini, saya telah meneliti dan mengenal pasti kelemahan murid-murid ini melalui latihan harian mereka. Rajah 1 merupakan satu contoh pendahuluan karangan yang ditulis oleh murid dalam latihan harian mereka.



Rajah 1. Contoh pendahuluan karangan yang ditulis oleh murid

Berdasarkan rajah 1, hasil penulisan pendahuluan karangan murid dalam latihan tersebut menunjukkan murid berkenaan masih lemah dalam penulisan pendahuluan karangan. Ayat atau frasa yang digunakan tidak begitu menarik dan terlalu ringkas. Terdapat murid-murid yang menulis pendahuluan karangan yang kurang jelas makna yang hendak disampaikan. Kelemahan ini menyebabkan murid-murid tidak dapat menulis pendahuluan karangan dengan baik dan sekali gus menjelaskan keseluruhan karangan yang dihasilkan. Perkara ini memberi kesedaran kepada saya untuk

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

menyelesaikan masalah ini supaya dapat meningkatkan prestasi murid-murid di samping mengubah amalan pengajaran saya dalam pengajaran penulisan karangan.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya.
- meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

- Adakah penggunaan Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid?
- Adakah Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan?

PESERTA KAJIAN

Kajian tindakan ini melibatkan empat orang murid tahun 5 iaitu Murid 1, Murid 2, Murid 3 dan Murid 4 yang diwakilkan dengan simbol M1 bagi Murid 1, M2 bagi Murid 2, M3 bagi Murid 3 dan M4 bagi Murid 4. Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Rasional pemilihan murid-murid ini adalah kerana masalah yang mereka hadapi paling menonjol atau ketara pada pemerhatian atau tinjauan awal yang telah dibuat. Saya dapat prestasi keempat-empat murid adalah pada tahap sederhana dan memerlukan bimbingan serta latih tubi yang lebih kerap.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah Pertama: Peserta kajian diminta untuk menulis pendahuluan karangan berdasarkan lembaran kerja yang diberi (soalan 1). Dalam langkah ini, peserta kajian tidak akan diperkenalkan dengan kaedah ini terlebih dahulu. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan skor awal (skor penilaian awal) sebelum kaedah ini diperkenalkan.

Langkah Kedua: Peserta kajian diterangkan cara untuk menggunakan Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya tersebut. Satu soalan karangan digunakan sebagai contoh semasa memberi penerangan. Berdasarkan soalan karangan, peserta kajian dibimbang untuk mengenal pasti isu yang menjadi fokus dalam kehendak soalan. Kemudian, peserta kajian diminta untuk menulis isu tersebut pada ruangan “Isu” yang terdapat dalam Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya. Selepas peserta kajian mengenal pasti dan menulis isu, murid

melengkapkan Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dengan menulis ayat yang sesuai dengan menggunakan kata tanya yang terdapat dalam setiap jalur berdasarkan isu yang telah dikenal pasti dalam soalan karangan yang dinyatakan. Secara umumnya, bagi kata tanya ‘Apa’, peserta kajian diminta untuk menulis ayat tentang apa yang berkaitan dengan isu yang dikenal pasti. Seterusnya, kata tanya ‘Siapa’ pula adalah berkaitan dengan siapa yang terlibat dengan isu yang diperkatakan. Bagi kata tanya ‘Mengapa’, peserta kajian diminta untuk menulis ayat tentang mengapa isu tersebut timbul dan berlaku. Bagi kata tanya ‘Bagaimana’ pula, murid akan menulis ayat tentang bagaimana cara untuk menyelesaikan isu yang dikenal pasti tersebut. Peserta kajian diminta menulis ayat pada ruangan (pada jalur) yang betul dan menjawab berdasarkan kata tanya yang diberikan. Berdasarkan ayat yang dibina pada setiap jalur, peserta kajian diminta untuk mencantumkan dan menulis kesemua ayat tersebut dalam bentuk perenggan pendahuluan karangan.

Langkah Ketiga: Tindakan yang seterusnya adalah menjalankan sesi latihan sebanyak lima kali kepada peserta kajian. Saya telah memberikan beberapa soalan karangan dan meminta peserta kajian menulis pendahuluan karangan sahaja berdasarkan soalan karangan yang diberikan. Peserta kajian diminta untuk menulis pendahuluan karangan tersebut dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dengan tujuan untuk memahirkan mereka.

Langkah Keempat: Saya telah mengadakan penilaian (penilaian akhir) kepada keempat-empat peserta kajian setelah kelima-lima sesi latihan menggunakan kaedah ini dijalankan. Lembaran kerja yang diberi dalam penilaian ini adalah sama dengan lembaran kerja awal (soalan 1). Melalui penilaian ini, saya dapat melihat sama ada murid dapat menguasai kemahiran menulis pendahuluan karangan dengan baik atau tidak dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya. Kedua-dua skor yang diperoleh untuk penilaian awal dan akhir telah dibandingkan bagi tujuan analisis. Perbandingan skor ini dilakukan untuk mengenal pasti keberkesanannya kaedah ini dalam penulisan pendahuluan dalam kalangan peserta kajian.

Kaedah Mengumpul Data

Bagi analisis dokumen, instrumen yang digunakan ialah lembaran kerja (soalan 1) yang diberikan kepada murid. Dokumen ini akan memudahkan proses pengumpulan data yang dikehendaki. Saya juga telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Saya menggunakan borang temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data. Terdapat empat soalan yang disediakan dalam borang temu bual tersebut untuk dijadikan panduan semasa sesi temu bual dilaksanakan. Selain itu, kaedah soal selidik juga digunakan untuk mengumpul data. Saya telah menggunakan borang soal selidik yang mengandungi enam item.

Cara analisis data

Bagi menganalisis data daripada dokumen, saya telah menyemak maklumat yang terdapat pada pendahuluan karangan yang telah dibuat oleh peserta kajian berdasarkan lembaran kerja (soalan 1). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan peratus dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Saya membuat rakaman bagi mendapatkan data temu bual separa berstruktur. Data yang diperoleh melalui temu bual diterjemahkan dalam bentuk transkrip, ditaip dan dianalisis secara manual dan dijelaskan dalam bentuk penulisan. Saya mengenal pasti tema atau kod yang berkaitan dengan persoalan kajian berdasarkan catatan yang dibuat. Data soal selidik dianalisis secara manual. Berdasarkan jawapan daripada soal selidik, saya telah mengira dalam bentuk peratus dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Cara menyemak data

Triangulasi yang telah digunakan adalah triangulasi kaedah dan triangulasi sumber bagi membuat penyemakan data. Bagi triangulasi kaedah, saya telah menggunakan triangulasi antara kaedah analisis dokumen dan temu bual. Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta kajian yang sama. Saya juga telah menggunakan kaedah triangulasi sumber untuk menyemak data yang diperoleh. Saya telah berkolaborasi dengan guru pembimbing semasa praktikum fasa III untuk menggunakan kaedah triangulasi sumber. Triangulasi sumber melibatkan semakan hasil kerja peserta kajian yang telah dibina oleh guru pembimbing, iaitu Cikgu Abu.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan tentang dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan tindakan yang telah dijalankan. Data dalam kajian ini diperoleh melalui kaedah analisis dokumen, temu bual dan soal selidik.

Penggunaan Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid

Bagi data analisis dokumen, saya telah mendapatkan data daripada lembaran kerja (soalan 1). Soalan karangan yang sama diberi untuk penilaian awal dan akhir bagi melihat pola persamaan dan perbezaan sebelum dan selepas kaedah ini diperkenalkan. Jadual 1 menunjukkan jadual analisis skor penilaian awal dan penilaian akhir berdasarkan lembaran kerja (soalan 1) yang diberi.

Jadual 1

Jadual analisis skor penilaian awal dan penilaian akhir berdasarkan lembaran kerja (soalan 1)

Bil	Peserta kajian	Skor penilaian awal (%)	Skor penilaian akhir (%)	Perbezaan peratusan (%)	Keputusan
1	M1	40	84	+44	Meningkat
2	M2	28	92	+64	Meningkat
3	M3	40	84	+44	Meningkat
4	M4	40	84	+44	Meningkat

Nota :

- (+) bermaksud peningkatan berlaku antara skor penilaian awal dan akhir
- (-) bermaksud penurunan berlaku antara skor penilaian awal dan akhir

Berdasarkan jadual 1, skor bagi keempat-empat peserta kajian meningkat. Peningkatan tertinggi ialah sebanyak 64 peratus dan peningkatan terendah pula ialah 44 peratus. Terdapat seorang peserta kajian yang telah mengalami peningkatan skor sebanyak 64 peratus iaitu bagi Murid 2 (M2). Manakala terdapat tiga orang peserta kajian yang mengalami peningkatan skor sebanyak 44 peratus iaitu bagi Murid 1 (M1), Murid 3 (M3) dan Murid 4 (M4). Rumusannya, kaedah ini dapat membantu peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan. Peningkatan peratus ini juga menunjukkan satu fenomena yang positif.

Perkara ini juga dibuktikan lagi dengan data daripada temu bual. Saya telah membina tema atau kod tertentu berdasarkan jawapan temu bual peserta kajian dan membuat rumusan berdasarkan tema atau kod yang telah diperoleh. Jadual 2 menunjukkan kod dan pernyataan yang telah ditetapkan bagi analisis data temu bual.

Jadual 2

Kod dan pernyataan yang telah ditetapkan bagi analisis data temu bual

Kod	Pernyataan
1	Faham
2	Tahu
3	Suka
4	Membantu untuk memperbaiki cara penulisan pendahuluan
5	Pendahuluan karangan lebih baik
6	Akan sentiasa menggunakan kaedah jadual 4 jalur dengan kata tanya
7	Menggunakan kaedah jadual 4 jalur dengan kata tanya bergantung kepada guru yang mengajar sekarang

Jadual 3 pula menunjukkan hasil transkripsi temu bual yang telah dirumuskan dengan kod-kod tertentu berdasarkan jawapan daripada empat soalan temu bual.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 3

Hasil transkripsi temu bual yang telah dirumuskan dengan kod-kod tertentu berdasarkan jawapan soalan temu bual peserta kajian

Bil	Peserta Kajian	Kod						
		1	2	3	4	5	6	7
1	M1	√		√		√	√	
2	M2		√	√	√			√
3	M3	√		√		√	√	
4	M4	√		√	√		√	

Nota:

- (√) bermaksud kod yang diberikan kepada peserta kajian berdasarkan jawapan soalan temu bual

Berdasarkan dapatan hasil temu bual ini, kod 4 dan kod 5 membuktikan kaedah ini membantu meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan peserta kajian dan seterusnya menjawab soalan kajian pertama. Kod 4 dan kod 5 menunjukkan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat membantu untuk memperbaiki cara penulisan pendahuluan dan pendahuluan karangan peserta kajian lebih baik. Kedua-dua kod yang diberikan menunjukkan penerimaan yang positif terhadap kaedah jadual 4 jalur dengan kata tanya dan membantu peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan. Dapatkan temu bual yang dikategorikan dengan kod 4 dan kod 5 ini selari dengan dapatan analisis dokumen yang telah ditunjukkan dalam jadual 1.

Selain itu, dapatan soal selidik juga menunjukkan kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid. Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan borang soal selidik.

Jadual 4

Analisis berdasarkan borang soal selidik

Item	Item 1		Item 2		Item 3		Item 4		Item 5	
	Peserta Kajian	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya
M1	√	-	√	-	√	-	√	-	√	-
M2	√	-	√	-	√	-	√	-	√	-
M3	√	-	√	-	√	-	√	-	√	-
M4	√	-	√	-	√	-	√	-	√	-
Peratus (%)	100	0	100	0	100	0	100	0	100	0

Nota:

- (√) bermaksud jawapan yang ditandakan oleh peserta kajian dalam borang soal selidik
- (-) bermaksud jawapan yang tidak ditandakan oleh peserta kajian dalam borang soal selidik

Berdasarkan jadual 4, item yang membuktikan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ialah item 4 dan item 5. Bagi item 4 iaitu “Adakah saya

mempunyai lebih keyakinan untuk menulis pendahuluan karangan setelah menjalani latihan dalam Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya?”, keempat-empat peserta kajian menjawab YA yang membawa kepada 100 peratus. Keempat-empat peserta kajian mengakui berasa lebih keyakinan untuk menulis pendahuluan karangan dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya. Keempat-empat peserta kajian juga menjawab “YA” (100 peratus) bagi item kelima iaitu “Adakah Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya benar-benar membantu saya meningkatkan kemahiran dalam penulisan pendahuluan karangan?”. Keempat-empat peserta kajian menyatakan bahawa kaedah yang diperkenalkan dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan pendahuluan karangan. Jawapan “YA” (100 peratus) yang diberikan keempat-empat peserta kajian terhadap item 4 dan item 5 jelas menunjukkan bahawa Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid. Dapatkan soal selidik ini selari dengan dapatan analisis dokumen dan temu bual.

Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan

Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ternyata dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Perkara ini dibuktikan dengan temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan kepada peserta kajian. Seperti mana yang telah dinyatakan, data temu bual yang telah ditranskripsikan diberikan kod tertentu. Soalan kajian yang kedua ini telah dijawab berdasarkan jawapan temu bual peserta kajian yang dikategorikan dalam kod 1, kod 2, kod 3, kod 6 dan kod 7 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3. Bagi kod 1 dan kod 2, peserta kajian mengakui faham dan tahu untuk menggunakan kaedah ini. Bagi kod 3 pula, peserta kajian mengakui suka untuk menggunakan kaedah ini dalam penulisan pendahuluan karangan. Seterusnya, kod 6 pula menunjukkan peserta kajian akan sentiasa menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya. Kod 7 pula menunjukkan bahawa peserta kajian akan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya bergantung kepada guru yang mengajar sekarang. Kesemua kod yang diberikan ini menunjukkan peserta kajian menerima Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya yang diperkenalkan oleh guru dan dalam masa yang sama amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan dapat dipertingkatkan. Hasil data temu bual ini juga selari dengan dapatan analisis dokumen (rujuk jadual 1) yang menunjukkan peningkatan skor dalam kalangan peserta kajian.

Dapatkan temu bual separa berstruktur ini diperkuuhkan lagi dengan dapatan soal selidik. Berdasarkan jadual 4, item yang membuktikan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru ialah item 1, item 2 dan item 3. Keempat-empat peserta kajian telah menjawab YA (100 peratus) bagi item 1 iaitu “Adakah penulisan pendahuluan karangan mudah dibuat dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya?”. Keempat-empat peserta kajian

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

berpendapat bahawa menulis pendahuluan karangan senang dibuat dengan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya. Bagi item 2 pula iaitu “*Adakah saya berasa lebih mudah menulis pendahuluan karangan selepas guru melaksanakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya?*”, keempat-empat peserta kajian menjawab YA (100 peratus). Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya telah memudahkan peserta kajian untuk menulis pendahuluan karangan setelah diperkenalkan oleh guru. Seterusnya, keempat-empat peserta kajian juga menjawab YA (100 peratus) bagi item ketiga iaitu “*Adakah saya berasa amat seronok menulis pendahuluan karangan selepas guru melaksanakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya?*”. Keempat-empat peserta kajian mengakui bahawa menulis pendahuluan karangan sangat menyeronokkan setelah menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya yang telah diperkenalkan oleh guru.

Kesemua peserta kajian menyatakan YA (100 peratus) bagi ketiga-tiga item ini. Perkara menandakan bahawa Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ini dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Saya telah berjaya membantu peserta kajian untuk menulis pendahuluan karangan dengan baik.

REFLEKSI

Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ini ternyata telah dapat meningkatkan kemahiran penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid dan seterusnya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Kenyataan ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian daripada analisis dokumen, temubual dan soal selidik. Hasil daripada analisis data yang diperoleh ini juga dibandingkan dengan kajian-kajian lain yang dikenal pasti melalui tinjauan literatur. Dapatan kajian yang diperoleh adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang hampir sama dengan kajian yang telah dijalankan. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Baizelia Sapipi (2012) telah menunjukkan hasil yang positif. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mariam Md Saad (2011) juga selari dengan dapatan yang telah saya dijalankan. Dalam kajian ini, murid-murid dapat menggunakan strategi kata tanya untuk mendapatkan isi karangan yang tersusun dan teratur. Selain itu, hasil dapatan kajian yang telah dijalankan juga selari dengan dapatan kajian yang pernah dijalankan oleh Freddy Xaviers Jamil (2010). Dapatan yang diperoleh berdasarkan kajian beliau adalah terdapat peningkatan markah untuk karangan jenis perihalan yang dihasilkan oleh peserta kajian. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, kajian tindakan yang telah dijalankan menggunakan Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya dalam penulisan pendahuluan karangan ini telah memberi impak yang positif kepada keempat-empat peserta kajian. Keempat-empat peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif dari segi peratusan skor selepas kaedah ini diperkenalkan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya bercadang untuk melaksanakan kaedah ini bagi penulisan bahagian isi karangan. Saya akan melakukan sedikit inovasi untuk kaedah ini iaitu dengan memilih kata tanya yang sesuai dan menyusun semula kata tanya yang digunakan dalam jadual supaya sesuai bagi penulisan bahagian isi karangan. Kaedah ini juga boleh digunakan untuk tujuan penulisan penutup karangan. Saya juga mencadangkan supaya kaedah ini digunakan untuk membuat ulasan (Bahagian B). Kaedah ini boleh diinovasikan iaitu dengan mengurangkan jumlah kata tanya yang dinyatakan dalam jadual memandangkan jumlah perkataan untuk membuat ulasan tidak begitu banyak. Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ini dapat dimurnikan lagi iaitu dengan menambahkan aspek semak semula ejaan dan tanda baca dalam langkah perlaksanaannya. Kesalahan ejaan dan tanda baca akan dapat dikurangkan dalam penulisan pendahuluan karangan jika murid menyemak semula setiap ejaan dan tanda baca. Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ini boleh dipermudahkan iaitu dengan menjadikan setiap kata tanya tersebut dalam bentuk akronim atau singkatan. Tujuan cadangan ini dibuat adalah untuk menjimatkan masa murid untuk membuat pendahuluan karangan dan seterusnya membantu mereka untuk menyiapkan karangan yang penuh dalam masa yang ditetapkan semasa peperiksaan sebenar dilaksanakan. Selain itu, Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya ini dimasukkan unsur-unsur yang lebih menarik iaitu menggunakan warna yang berlainan untuk setiap jalur jadual yang mewakili kata tanya. Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2015) menjelaskan warna merupakan satu elemen penting dalam kehidupan seharian murid.

PENUTUP

Kesimpulannya, Kaedah Jadual 4 Jalur Dengan Kata Tanya yang diaplikasikan dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis pendahuluan karangan dalam kalangan murid dan dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam pengajaran penulisan pendahuluan karangan. Analisis dapatan kajian telah menunjukkan hasil yang sangat positif. Oleh itu, kaedah ini memberi kesan kepada penulisan pendahuluan karangan dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Baiziela Sapingi. (2012). Penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta Bahasa Melayu murid tahun empat. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012 PISMP Bahasa Melayu Ambilan Januari 2009. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.1-14.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

- Freddy Xavers Jamil. (2010). Kesan penggunaan peta minda berunsurkan "kata tanya" dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan jenis keperihalan Bahasa Melayu tahun lima. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah). Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.140-156.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli. (2016). *Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Mariam Md Saad. (2011). *Pengajaran kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Melayu menggunakan kaedah kata tanya*. Laporan Projek Akhir Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2015). *Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zamri Mahamod & Yahya Othman. (2016). *Penulisan akademik dalam bidang sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: [1nazripol1390@gmail.com](mailto:nazripol1390@gmail.com), [2ainanms@yahoo.com.my](mailto:ainanms@yahoo.com.my)

PENGGUNAAN KADEAH KOPERATIF “STAD” DALAM MENULIS AYAT MAJMUK GABUNGAN BERPANDUKAN GAMBAR MURID TAHUN LIMA

**NOORMUIZZAH JAHAWI¹
LING SNELUS ANGKING²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan membantu murid dalam kemahiran menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dalam kalangan murid Tahun 5 dengan menggunakan kaedah koperatif model STAD (*Student Teams-Achievement Divisions*) dan melibatkan seramai lima orang murid sekolah rendah di bahagian Miri. Data kajian dikumpulkan menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Kajian dijalankan berasaskan model Stephen Kemmis dan bertujuan membantu murid membina ayat majmuk berpandukan gambar dengan betul serta meningkatkan kemahiran murid dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar secara gramatis. Hasil dapatan soalan pertama melalui pemerhatian mendapati lima orang murid berjaya menguasai semua aspek , temu bual didapati seramai lima orang berjaya menguasai semua aspek yang dikehendaki bagi membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dan melalui analisis dokumen pula, lima orang murid telah menguasai aspek yang dikehendaki. Bagi soalan kedua, melalui dapatan pemerhatian seramai lima orang murid berjaya menguasai aspek bagi membolehkan murid membina ayat majmuk gabungan, temu bual seramai lima murid berjaya menjawab persoalan dan analisis dokumen pula, seramai lima orang murid telah berjaya memenuhi aspek bagi meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan murid. Pembelajaran koperatif telah memberikan implikasi yang positif terhadap latihan murid melalui interaksi, perbincangan. Untuk kajian lanjutan, dicadangkan penggunaan strategi yang terdapat dalam pendekatan pembelajaran koperatif seperti JIGSAW, Learning Together, untuk memberikan implikasi positif bagi mata pelajaran bahasa Melayu.

Kata kunci : koperatif, ayat majmuk gabungan, gambar, STAD

ABSTRACT

This action research is to helps pupils in constructing compound sentences based on picture among Year 5 pupils using the cooperative model STAD (Student Teams-Achievement Divisions) and conducted involved five pupils of year 5 in primary school at Miri. The data's were collected using observation, document analysis and interview and conducted based on Stephen Kemmis models and showed that cooperative learning has help improving skills of compound sentences with picture grammatically also help pupils constructing compound sentences correctly. Based on first, which

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

was through observation it was found that five pupils able to master all the aspect, interview through all five pupils were able to complete all the aspect needed to construct complex sentences based on pictures, documents analysis five pupils were able to achieve all the needed aspects. The second question, through observation all five pupils were able to achieve the aspects that enable them to construct combined complex sentences, interviews all five pupils were able to answer all the questions is upgrading their abilities, document analysis all five pupils also able to complete the aspects in enhancing their abilities when constructing compound sentences. Cooperative learning has given positive impact on the pupils work when they worked through interaction discussion. For future research it is agreed that the techniques used must involved cooperative learning approached such as JIGSAW, Learning Together to give positive impact on bahasa Melayu subject.

Keywords :cooperative, compound sentences, picture, STAD

PENGENALAN

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), menulis merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi manusia. Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Penulisan ayat majmuk merupakan bahagian A dalam Kertas Penulisan yang meminta murid membina lima ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang dibina daripada dua ayat atau lebih yang menjadi satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan menggunakan kata hubung seperti “dan”, “atau”, “tetapi”, “lalu”, “maka” dan sebagainya.

Ayat majmuk gabungan ini hendaklah ditulis menggunakan kata hubung yang betul agar makna ayat tersebut jelas dan boleh difahami oleh pembaca. Penulisan ayat majmuk gabungan yang menepati pemarkahan yang telah ditetapkan mestilah mempunyai kriteria yang berikut. Pertama, murid mesti memastikan ayat majmuk yang dibina itu logik berdasarkan gambar, kedua pula ayat hendaklah ditulis secara gramatis iaitu mengandung nahu dan tatabahasa yang betul serta ketiga, membina ayat majmuk hendaklah ada perluasan ayat seperti ayat pertama digabungkan dengan ayat kedua menjadi satu yang bermakna menggunakan kata hubung yang betul.

FOKUS KAJIAN

Sepanjang menjalani latihan praktikum di dua buah sekolah di bandar Miri, saya telah diamanahkan mengajar tahun 5. Terdapat beberapa orang murid yang masih lagi lemah dalam subjek Bahasa Melayu ini terutamanya pada penulisan bahagian A yang berkaitan dengan membina ayat majmuk. Menurut Chow Foon Meng, Jaizah Mahamud (2011), konsep dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran juga kadang-kadang mempengaruhi kaedah pembelajaran murid. Melalui latihan yang saya berikan, saya mendapati bahawa terdapat beberapa orang murid yang tidak dapat menulis

ayat majmuk dengan betul. Menurut Azizi Ahmad, Mohd Isha bin Awang (2006) masalah dalam menguasai kemahiran menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka dalam menguasainya. Penguasaan yang kurang dalam kemahiran menulis akan menyebabkan murid-murid sukar untuk menulis jawapan dengan betul.

Hal ini demikian kerana, murid-murid ini tidak dapat menyatakan kata hubung yang patut atau perlu digunakan dalam ayat tersebut. Oleh itu, saya telah melaksanakan kajian ini bagi membantu murid menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar.

Saya telah memilih fokus kajian iaitu menulis ayat majmuk gabungan menggunakan kaedah pembelajaran koperatif model STAD kerana percaya bahawa pendekatan ini boleh membantu menangani masalah murid dalam menulis ayat majmuk berpandukan gambar. Kaedah ini merupakan satu pendekatan pembelajaran yang baik yang perlu diwujudkan dalam suasana pembelajaran di samping dapat mempertingkatkan lagi mutu prestasi murid dalam akademik terutamanya kaedah STAD. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sama ada penggunaan kaedah pembelajaran koperatif boleh meningkatkan pencapaian pelajar murid dalam menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Pengumpulan data kajian diperoleh melalui pelaksanaan tiga bentuk instrumen kajian iaitu pemerhatian,, temu bual dan analisis dokumen.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. membantu murid menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar menggunakan kata hubung yang betul berdasarkan penggunaan kaedah koperatif model stad; dan
- ii. meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar secara gramatis.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan kajian yang berikut:

- i. Adakah penggunaan kaedah koperatif model stad dapat membantu murid dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar menggunakan kata hubung dengan betul?
- ii. Adakah kaedah koperatif model stad dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar secara gramatis?


PESERTA KAJIAN

Bagi kajian ini, kumpulan peserta adalah terdiri daripada lima orang murid Tahun 5 di salah sebuah sekolah di Miri. Terdapat dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan dikenal pasti sebagai peserta kajian. Kajian dijalankan dalam sebuah kelas yang mempunyai tiga tahap kecerdasan iaitu baik, sederhana dan lemah. Umur peserta adalah dalam lingkungan sebelas tahun. Walaupun tahap kebolehan murid ini berbeza, namun susunan

tempat duduk tidak dipisahkan mengikut kebolehan, tetapi digabungkan secara keseluruhan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah memilih untuk melaksanakan kajian tindakan berdasarkan model kajian oleh Stephen Kemmis. Terdapat empat langkah pelaksanaan kajian tindakan seperti yang diusulkan oleh Stephen Kemmis yang boleh dirujuk dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK). Kitaran ini bermula dengan perancangan seterusnya tindakan, diikuti dengan pemerhatian dan diakhiri dengan refleksi. Teori Vygotsky turut menekankan tema bahawa psikologi manusia diselesaikan oleh budaya dan tuntutan. Oleh kerana itu, Vygotsky meletakkan tema interaksi sosial sebagai peranan utama dalam berlakunya pembangunan kognitif itu. Faktor inilah membawa kejayaan kepada pembelajaran koperatif yang boleh dikaitkan dengan teori Vygotsky. Ia mengenai kolaborasi seseorang murid dengan rakan sebaya yang berjaya membantu membolehkannya menyelesaikan masalah. Pembelajaran koperatif boleh membantu seseorang murid menyelesaikan masalah dengan baik kerana melalui perbincangan seseorang itu akan mendapat pelbagai cara dalam penyelesaian masalah. Lazimnya dalam perbincangan berkumpulan, murid akan bertanya kepada rakan mereka untuk memastikan kefahaman mereka selari dengan rakan-rakan lain dan mereka boleh membuat perubahan. Pembelajaran kaedah koperatif ini memberi peluang kepada murid untuk memikirkan semula serta membuat refleksi semasa perbincangan dan memperoleh kefahaman yang mendalam tentang sesuatu perkara. Murid boleh bertukar pendapat secara terbuka dan melahirkan pemikiran yang luas.



Rajah 1 : Pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif melalui model kajian tindakan Stephen Kemmis

Fasa perancangan ini saya telah merancang untuk membantu murid membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar menggunakan pembelajaran koperatif model STAD. Ini kerana saya telah mendapati sepanjang saya menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran membina ayat, murid mempunyai masalah dalam membina ayat majmuk gabungan

berpandukan gambar. Dalam fasa tindakan, saya telah melaksanakan pendekatan pembelajaran koperatif STAD melalui pendekatan pembelajaran koperatif STAD yang telah dirancang pada fasa perancangan. Fasa pemerhatian telah dijalankan oleh saya sepanjang fasa tindakan dijalankan dan saya telah memerhati pergerakan tingkah laku murid semasa sesi perbincangan dijalankan. Fasa refleksi merupakan fasa yang terakhir dalam kitaran tindakan kajian. Pada fasa ini, saya telah membuat analisis terhadap hasil dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kaedah ini, saya terjemahkan dalam bentuk instrumen pengumpulan data secara triangulasi iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Bagi menjawab dan mendapatkan data yang berkaitan dengan permasalahan ini, saya telah menggunakan senarai semak terhadap lima orang murid yang berbeza tahap kecerdasan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) analisis bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspek secara terperinci dan mendalam.

Bagi menjawab soalan kajian saya pertama “ Adakah penggunaan kaedah koperatif model STAD dapat membantu murid dalam menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar menggunakan kata hubung dengan betul?”, saya telah menggunakan tiga kaedah iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian ini, saya telah rumuskan dalam satu jadual agar boleh difahami.

Bagi kaedah pemerhatian, saya telah menjalani dua pemerhatian iaitu sebelum dan selepas.

Jadual 1

Analisis dapatan pemerhatian sebelum dan selepas

Bil	Aspek	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Mendengar penjelasan guru	√	√	√	X	X	√	√	√	√	√
2.	Melaksanakan aktiviti secara berkumpulan	X	X	√	X	X	√	√	√	√	√
3.	Membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
4.	Menyiapkan latihan pada tempoh yang ditetapkan	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
Jumlah		1	1	2	0	0	4	4	4	4	4

Nota : “X” = Tidak, “√” = Ya, “M1”= Murid 1, “M2”= Murid 2, “M3”= Murid 3, “M4”= Murid 4, “M5”= Murid 5

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Berdasarkan jadual 1, hasil daripada pemerhatian sebelum, saya mendapati murid belum menguasai menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dengan betul. Ini kerana murid belum memahami maksud ayat majmuk gabungan kerana murid kajian saya sering menganggap kata bantu “sedang” adalah kata hubung. Oleh itu, murid kajian saya sering menulis ayat tunggal dalam penulisan mereka. Saya melaksanakan pemerhatian 2 iaitu selepas saya menggunakan kaedah koperatif STAD. Hasil pemerhatian 2, saya mendapati murid kajian saya boleh menguasai membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dengan betul. Kaedah ini membantu murid membina ayat majmuk gabungan apabila mereka berada dalam kumpulan dan pembelajaran berlaku secara koperatif. Melalui kaedah ini, murid kajian saya telah berjaya mencapai 100%.

Jadual 2

Analisis dapatan temu bual sebelum dan selepas

Bil	Aspek	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Adakah kamu faham mengenai maksud ayat majmuk gabungan?	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Adakah kamu boleh membina ayat majmuk berpandukan gambar?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Adakah kamu yakin dalam membina ayat majmuk berpandukan gambar?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Adakah lebih mudah membina ayat majmuk gabungan secara berkumpulan?	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Jumlah		0	1	1	0	0	4	4	4	4	4

Nota : “X” = Tidak, “✓” = Ya, “M1”= Murid 1, “M2”= Murid 2, “M3”= Murid 3, “M4”= Murid 4, “M5”= Murid 5

Berdasarkan jadual 2, temu bual yang dijalankan sebelum penggunaan kaedah pembelajaran koperatif STAD, saya mendapati bahawa murid mengatakan membina ayat majmuk gabungan sukar dan murid kajian saya dan tidak yakin dalam membina ayat majmuk gabungan secara individu. Seterusnya, saya menjalankan temu bual selepas penggunaan kaedah koperatif STAD saya mendapati murid sudah boleh membina ayat majmuk

gabungan. Setelah menggunakan kaedah koperatif STAD, murid mengatakan menulis ayat majmuk gabungan tidak sukar seperti sebelumnya. Ini kerana terdapat perbincangan di antara murid.

Jadual 3

Analisis dapatan analisis dokumen sebelum dan selepas

Bil	Aspek	Latihan 1					Latihan 2				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Membina ayat secara tersusun	X	√	√	X	X	√	√	√	√	√
2.	Membina ayat majmuk yang lengkap	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
3.	Menggunakan kata hubung yang betul	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
4.	Membina ayat majmuk gabungan yang bersesuaian dengan gambar	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
Jumlah		0	1	1	0	0	4	4	4	4	4

Nota : "X" = Tidak, "√" = Ya, "M1"= Murid 1, "M2"= Murid 2, "M3"= Murid 3, "M4"= Murid 4, "M5"= Murid 5

Berdasarkan jadual 3, hasil dapatan analisis dokumen, saya telah melaksanakan dua latihan kepada murid. Hasil dapatan latihan 1 menunjukkan murid belum menguasai membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dengan betul. Ini kerana murid kajian saya tidak menggunakan kata hubung yang betul maka ayat yang dibina tidak lengkap. Hasil dapatan bagi latihan 2, murid kajian saya menunjukkan peningkatan yang ketara. Murid sudah menguasai penggunaan kata hubung yang betul sekali gus dapat membina ayat majmuk yang lengkap. Seramai lima orang murid berjaya membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dengan menggunakan kata hubung yang betul.

Bagi menjawab soalan kedua "Adakah kaedah koperatif model STAD dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar secara gramatis?", saya juga menggunakan kaedah yang sama iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 4

Analisis dapatan pemerhatian sebelum dan selepas

Bil	Aspek	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Murid boleh melibatkan diri secara aktif dalam membina ayat majmuk	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2.	Murid dapat menyiapkan tugas dalam masa yang telah ditetapkan.	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
3.	Murid menunjukkan keyakinan diri dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
4.	Murid dapat membina ayat majmuk gabungan secara berkumpulan	X	X	X	X	X	√	√	√	√	√
Jumlah		1	1	1	1	1	4	4	4	4	4

Nota : “

X” = Tidak, “√” = Ya, “M1”= Murid 1, “M2”= Murid 2, “M3”= Murid 3, “M4”= Murid 4, “M5”= Murid 5

Berdasarkan jadual 4, hasil dapatan pemerhatian, pemerhatian juga dijalankan sebelum dan selepas. Pemerhatian 1 telah menunjukkan murid belum menguasai kemahiran membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Murid belum dapat menghantar tugas yang diberikan pada masa yang telah ditetapkan. Bagi pemerhatian 2, pencapaian murid telah meningkat kepada 100% iaitu seramai lima orang murid kajian saya telah meningkat dalam kemahiran menulis ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Ini kerana murid telah menunjukkan keyakinan bahawa ayat majmuk gabungan yang dibina tepat kerana penggunaan kaedah koperatif dapat membantu meningkatkan kemahiran murid.

Jadual 5

Hasil dapatan temu bual sebelum dan selepas tindakan

Bil	Aspek	Sebelum					Selepas				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Adakah kamu lebih suka menjalankan aktiviti membina ayat majmuk secara berkumpulan berbanding secara individu?	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2.	Adakah hasil tugasan membina ayat kamu lebih gramatis jika bersama rakan-rakan kumpulan?	X	X	X	X	√	√	√	√	√	√
3.	Adakah kamu rasa lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti membina ayat majmuk yang gramatis apabila berada di dalam kumpulan?	X	X	X	X	√	√	√	√	√	√
4.	Adakah rakan-rakan di dalam kumpulan selalu membantu kamu untuk menghasilkan ayat majmuk yang gramatis?	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
JUMLAH		2	2	2	2	2	4	4	4	4	4

Nota : "X" = Tidak, "√" = Ya, "M1"= Murid 1, "M2"= Murid 2, "M3"= Murid 3, "M4"= Murid 4, "M5"= Murid 5

Berdasarkan jadual 5, Hasil dapatan temu bual sebelum saya mendapati murid belum mahir untuk membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Ini kerana murid belum menguasai sepenuhnya ayat majmuk. Saya menjalankan temu bual selepas menggunakan kaedah koperatif STAD. Saya mendapati bahawa peningkatan yang ketara telah berlaku dalam diri murid kajian saya. Ini kerana murid telah mencapai sebanyak 100% dalam kemahiran membina ayat majmuk gabungan. Murid

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

bersetuju bahawa kaedah pembelajaran koperatif STAD ini boleh membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk.

Berdasarkan jadual 6, dapatan analisis dokumen juga telah menunjukkan peningkatan. Ini kerana saya juga telah menjalankan analisis dokumen bagi latihan 1 dan latihan 2. Bagi latihan 1, murid kajian saya menunjukkan belum menguasai dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dan menggunakan kata hubung yang betul. Walaupun murid ini boleh membina ayat tetapi ayat tidak lengkap kerana tidak mempunyai kata hubung. Saya melaksanakan tindakan seterusnya dan didapati pada latihan 2 murid kajian saya menunjukkan peningkatan. Ini bermaksud kemahiran membina ayat majmuk murid kajian saya meningkat dan sekali gus menjawab soalan kajian saya.

Jadual 6

Hasil dapatan analisis dokumen bagi latihan 1 dan latihan 2

Bil	Aspek	Latihan 1					Latihan 2				
		M1	M2	M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4	M5
1.	Kemahiran membina ayat majmuk dengan betul.	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Dapat membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar.	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Menggunakan kata hubung yang betul	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar secara gramatis.	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
JUMLAH		0	1	1 0	0	4	4	4	4	4	4

Nota : "X" = Tidak, "✓" = Ya, "M1"= Murid 1, "M2"= Murid 2, "M3"= Murid 3, "M4"= Murid 4, "M5"= Murid 5

Peningkatan terhadap peratusan tahap kebolehan murid dapat dilihat dari penggunaan kaedah koperatif STAD ini. Murid sudah boleh membina ayat majmuk gabungan dengan betul. Pencapaian menulis ayat majmuk gabungan kelima-lima murid semakin meningkat. Murid sudah boleh menulis ayat majmuk gabungan tanpa bantuan guru. Ini kerana murid boleh mengingati kata hubung yang perlu digunakan dengan bantuan rakan mereka. Kaedah koperatif STAD ini berjaya membantu meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat majmuk gabungan dengan betul. Murid juga boleh menyampaikan ayat dengan susunan yang betul, kosa kata yang sesuai dan ayat yang gramatis.

REFLEKSI

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab dua soalan kajian yang dikemukakan. Hasil daripada analisis dapanan kajian, dapanan menunjukkan perancangan yang saya disediakan telah berjaya dicapai dan kumpulan sasaran berjaya menghasilkan ayat majmuk berpandukan gambar dengan lebih gramatis berbanding sebelumnya. Hasil kajian juga dapat dirumuskan serta mencapai objektif utama kajian saya iaitu membantu murid membina ayat majmuk berpandukan gambar dengan menggunakan kata hubung yang betul berdasarkan kaedah koperatif STAD dan meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat majmuk berpandukan gambar secara gramatis. Melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif ini, murid telah berjaya menghasilkan ayat majmuk yang gramatis.

Berdasarkan hasil dapanan kajian, didapati sikap saling mendorong dan kerjasama dalam pembelajaran koperatif menjadikan hasil kerja murid bertambah baik dan gramatis. Interaksi, kritikan, perbincangan serta situasi saling membantu menjadikan setiap ahli kumpulan dalam pendekatan pembelajaran koperatif akan lebih teliti. Hasil kajian juga mendapati bahawa, murid-murid yang pencapaian rendah dapat memperbaiki tahap kemahiran mereka dengan lebih cepat melalui kerjasama dan interaksi yang wujud dalam pendekatan pembelajaran koperatif. Mereka lebih mudah dan bermotivasi untuk mempelajari serta menguasai kemahiran bersama rakan-rakan ahli kumpulan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Untuk kajian lanjutan, dicadangkan penggunaan strategi atau teknik yang terdapat dalam pendekatan pembelajaran koperatif seperti *J/GSAW*, *Learning Together* untuk memberikan implikasi positif bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Kajian ini hanya menekankan tentang teknik pembelajaran koperatif dan telah terbukti melalui kajian ini bahawa ia dapat memberikan implikasi yang positif terhadap mutu hasil kerja murid. Cadangan kajian lanjutan, diharap kajian pembelajaran koperatif ini boleh digabungjalinkan dengan pendekatan dan teknik lain seperti pendekatan belajar sambil bermain untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah pada masa akan datang.

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Murid kajian saya boleh menggunakan kata hubung yang betul bagi menulis ayat majmuk gabungan. Hal ini kerana lima murid kajian saya telah menguasai kemahiran membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar dengan betul dan gramatis. Data yang dikumpulkan juga telah membuktikan bahawa murid kajian saya berjaya meningkatkan kemahiran mereka dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Berdasarkan dapanan kajian yang diperoleh, dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran koperatif STAD dapat meningkatkan kemahiran murid

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

ketika membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Setelah memahami konsep pembelajaran koperatif STAD, kini murid lebih yakin dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Respons yang ditunjukkan oleh murid berdasarkan item senarai semak yang dibuat jelas menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif model STAD dapat membantu murid dalam membina ayat majmuk gabungan berpandukan gambar. Secara rumusannya, dapatan kajian saya telah disokong dengan triangulasi kaedah yang saya gunakan dalam kajian saya

RUJUKAN

- Azizi Ahmad, Mohd Isha Awang (2006). *HBEF3203 Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan*, Open University Malaysia, Kuala Lumpur : Meteor Doc. Sdn Bhd.
- Chow, F. M., Jaizah Mahamud (2011). *Kajian tndakan : Konsep dan amalan dalam pengajaran*. Selangor: Multimedia Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
Email : 1noormuizzah@gmail.com, 2bujang_lalayang@yahoo.com

APLIKASI KAEDEAH KENAL DAN WARNA (KENA) DALAM MEMBINA AYAT TUNGGAL MENGGUNAKAN KATA PEMERI MURID TAHUN 5

**NORAJEERAH MASRI¹
AINAH JULHEE²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid membina ayat tunggal menggunakan kata pemerl dengan pengaplikasian kaedah kenal dan warna (KENA). Kajian ini mengandungi 2 objektif iaitu membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerl dan meningkatkan penguasaan murid menggunakan kata pemerl dalam membina ayat tunggal. Seramai 11 orang murid Tahun Lima telah dipilih untuk dijadikan peserta kajian berdasarkan kelemahan peserta kajian dalam membina ayat menggunakan kata pemerl. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model Kurt Lewin (1946) yang merangkumi empat peringkat iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Dapatkan kajian menunjukkan seramai 11 orang peserta kajian berjaya menggunakan kaedah KENA bagi mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerl. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan penggunaan kaedah KENA dapat membantu murid-murid membina ayat tunggal menggunakan kata pemerl dengan betul. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, kajian tindakan ini telah membantu guru menambahbaik amalan pengajaran sekaligus dapat meningkatkan tahap profesionalisme diri. Tindakan susulan yang dicadangkan ialah menggunakan kaedah KENA ini dalam pengajaran mengenal huruf besar pada pangkal ayat bagi murid tahap 1 dan menggunakan kaedah KENA dalam perisian slaid powerpoint.

Kata kunci: Kaedah kenal dan warna (KENA), membina ayat tunggal menggunakan kata pemerl, murid Tahun 5

ABSTRACT

This action research was conducted to help students construct sentences using “verb to be” with the application of recognize and colour method (KENA). This research consist 2 objectives that can help students to identify the phrase after “verb to be” and mastered the usage of the “verb to be” in creating sentences. A total of 11 Years Five students were selected as participants based on the weakness of the participants in constructing sentences using “verb to be”. This study was conducted based on the model of Kurt Lewin (1946) which includes four stages, namely planning, action, observation and reflection. Data collection methods used in this study was the observation, document analysis and interviews. The results showed a total of 11 participants have been successful using KENA

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

method to identify phrases after the “verb to be”. The results showed the use of KENA methods can help students construct sentences using “verb to be” properly. According to result obtain this research can help teachers improve teaching skills and gain their level of professionalism within themselves. This study also show that by using KENA method can help student in lower primary to identify first uppercase letter in each sentences. As a result it suggested the usage of KENA method in powerpoint software.

Keywords: *Recognize and colour method (KENA), construct sentences using “verb to be”, year 5 students*

PENGENALAN

Kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh setiap murid. Terdapat sebilangan murid sekolah rendah yang masih lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa, terutamanya kemahiran menulis (Kamaruddin Husin 2001). Penguasaan kemahiran menulis amat penting dan perlu diberikan penekanan melalui perancangan pengajaran yang sistematis (Yahya Othman, 2005). Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerlui di samping meningkatkan penguasaan mereka menggunakan kata pemerlui dalam membina ayat bagi murid Tahun 5.

Pengalaman Pengajaran Lepas

Semasa menjalani praktikum fasa III di sebuah sekolah di Miri, saya mendapati segelintir murid Tahun 5 masih keliru tentang penggunaan kata pemerlui dalam ayat. Murid juga tidak dapat membezakan penggunaan kata ‘ialah’ dan ‘adalah’. Kebanyakan mereka tidak pasti frasa yang mengikuti kata pemerlui tersebut. Berikutan daripada permasalahan ini, saya telah mengambil inisiatif untuk menggunakan kaedah kenal dan warna (KENA) bagi mengatasi masalah ini.

FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini berfokuskan kepada permasalahan penggunaan kata pemerlui dalam membina ayat di kalangan murid Tahun 5. Kaedah kenal dan warna (KENA) yang dilaksanakan ini dijangka dapat membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerlui di samping dapat meningkatkan penguasaan murid dalam aspek tatabahasa, khususnya penggunaan kata pemerlui “ialah” dan “adalah” dalam sesuatu ayat. Sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, pengkaji mendapati segelintir murid masih tidak boleh membezakan penggunaan kata pemerlui “ialah” dan “adalah” semasa membina ayat dalam penulisan karangan.

Pengumpulan Data Awal

Melalui pengumpulan data awal, saya membuat perhatian terhadap tingkah laku murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Didapati segelintir murid menunjukkan tingkah laku negatif semasa

sesi pembelajaran berlangsung.Tingkah laku yang ditunjukkan ialah seperti meniru jawapan rakan di sebelah dan sering melengah-lengahkan masa jika disuruh menghantar latihan.Selain itu, saya juga mengumpul data awal melalui analisis buku latihan dan ujian prestasi.Didapati murid masih melakukan kesalahan menggunakan kata ‘ialah’ dan ‘adalah’ dalam sesuatu ayat.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mengandungi 2 objektif dan 2 soalan kajian yang telah ditetapkan untuk dicapai diakhir kajian.

Objektif kajian :

1. membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri dalam sesuatu ayat dan;
2. meningkatkan penguasaan murid dalam menggunakan kata pemeri dalam membina ayat menggunakan kaedah KENA.

Soalan kajian :

1. Adakah kaedah KENA dapat membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri? dan;
2. Adakah kaedah KENA membantu meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 menggunakan kata pemeri dalam membina ayat tunggal?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian yang terlibat ialah seramai 11 orang yang terdiri daripada 5 orang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan. Murid yang dipilih inimerupakan murid Tahun 5. Berdasarkan butiran peribadi yang diperoleh, sebahagian murid iaitu seramai 7 orang berasal dari keluarga yang berpendidikan manakala 4 orang murid lagi berasal dari keluarga yang sederhana.Peserta kajian ini juga dipilih berdasarkan tahap prestasi akademik bagi mata pelajaran bahasa Malaysia Tahun 5 semasa peperiksaan akhir tahun 2016 iaitu seorang murid memperoleh gred A, 7 orang mendapat gred B dan 3 orang murid memperoleh gred C.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Tindakan yang dijalankan dalam kajian ini ialah berdasarkan Model kajian Kurt Lewin (1946).Terdapat 4 peringkat iaitu bermula dari peringkat merancang, bertindak, memerhati dan mereflek.

Merancang

Pada peringkat ini, saya merancang menggunakan warna jingga dan hijau untuk membezakan penggunaan dua kata pemeri ‘ialah’ dan ‘adalah’. Saya juga merancang untuk mengadakan 4 aktiviti iaitu;

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

- Aktiviti 1 : Mengenal pasti frasa dan menulis 'betul' untuk ayat yang betul, menandakan 'salah' untuk ayat yang salah. Bagi ayat yang salah, murid menulis ayat yang betul di ruang yang disediakan
- Aktiviti 2 : Mengisi tempat kosong menggunakan kata pemerlui berpandukan frasa yang telah diwarnakan.
- Aktiviti 3 : Mengisi tempat kosong menggunakan kata pemerlui dengan betul (frasa selepas kata pemerlui tidak diwarnakan)
- Aktiviti 4 : Membina 6 ayat yang menggunakan kata pemerlui.

Tempoh masa yang telah rancang untuk menyiapkan setiap aktiviti ialah selama 20 minit. Dalam peringkat ini juga, saya merancang untuk menggunakan kad ayat sebagai bahan bantu mengajar.

Bertindak

Pada peringkat permulaan, saya memperkenalkan terlebih dahulu kaedah KENA yang digunakan dalam kajian ini. Frasa yang berwarna jingga adalah untuk kata pemerlui 'ialah' manakala frasa yang diwarnakan dengan warna hijau adalah untuk kata pemerlui 'adalah'. Seterusnya saya menerangkan secara ringkas penggunaan kata pemerlui dalam ayat iaitu bagi kata pemerlui 'ialah' frasa yang mengikutinya ialah frasa nama sahaja manakala bagi kata pemerlui 'adalah' frasa yang mengikutinya terdiri daripada frasa adjektif dan frasa sendi nama. Antara tindakan yang dilakukan;

- Tindakan 1 : Mengedarkan lembaran kerja dan murid diminta untuk mengenal pasti penggunaan kata pemerlui dalam ayat. Murid diminta untuk menandakan 'betul' atau 'salah' di ruang yang disediakan. Bagi ayat yang ditandakan 'salah', murid dikehendaki membetulkan ayat tersebut di ruang yang disediakan.
- Tindakan 2 : Mengedarkan lembaran kerja, setiap frasa yang berada selepas kata pemerlui masing-masing diwarnakan dengan warna jingga dan warna hijau. Dalam aktiviti ini, murid diminta untuk mengenal pasti kata pemerlui kemudian, menulis kata pemerlui yang telah dikenal pasti itu di ruang yang telah disediakan.
- Tindakan 3 : Murid diminta untuk mengisi tempat kosong menggunakan kata pemerlui yang betul. Frasa yang berada selepas kata pemerlui tidak diwarnakan lagi.
- Tindakan 4 : Mengedarkan kertas bersaiz A4 dan meminta murid menulis 6 ayat yang mengandungi kata pemerlui.

Memerhati

Pada peringkat ini, pemerhatian dijalankan semasa murid menyiapkan lembaran kerja yang telah diedarkan. Pemerhatian dilakukan berdasarkan beberapa kod tingkah laku yang dijalankan sebanyak 4 kali sepanjang aktiviti 1 hingga aktiviti 4 dijalankan. Hasil pemerhatian dicatatkan dalam jadual senarai semak bagi setiap murid.

Mereflek

Dalam langkah ini, saya membuat refleksi tentang kaedah yang telah digunakan. Keberkesanannya dikaji melalui analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Melalui ketiga-tiga hasil dapatan ini saya membuat penilaian sama ada kaedah KENA ini boleh membantu murid mengenal pasti frasa dan meningkatkan penguasaan mereka membina ayat menggunakan kata pemeri.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah KENA membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, kaedah KENA ini dapat membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis latihan murid berdasarkan aktiviti 1 dan aktiviti 2 yang telah dijalankan;

Jadual 1
Hasil analisis aktiviti 1 dan aktiviti 2

Aktiviti 1		Aktiviti 2	
Jumlah murid	Markah (%)	Jumlah murid	Markah (%)
10	83%	9	100%
1	50%	2	83%

Berdasarkan Jadual 1 ini, dalam aktiviti 1 iaitu aktiviti menanda ‘betul’ atau ‘salah’ pada ayat berpandukan warna, seramai 10 orang berjaya mendapat markah sebanyak 83%, manakala hanya seorang yang mendapat markah sebanyak 50%. Dalam aktiviti 2 pula, iaitu aktiviti mengisi tempat kosong dengan kata pemeri berdasarkan warna frasa, rata-rata murid dapat menjawab soalan dengan betul iaitu seramai 9 orang yang mendapat markah 100%. Namun, terdapat 2 orang murid mendapat 83%. Secara keseluruhannya, melalui analisis dokumen aktiviti 1 dan aktiviti 2 ini jelas membuktikan kaedah KENA ini dapat membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri.

Dalam Jadual 2 pula menunjukkan hasil dapatan melalui pemerhatian. Pemerhatian ini dilakukan sebanyak 2 kali sepanjang aktiviti 1 dan aktiviti 2 dilaksanakan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 2

Rumusan pemerhatian bagi soalan kajian 1

Item	Pemerhatian 1		Pemerhatian 2	
	Jumlah Murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Mengenal pasti 3 frasa nama	8	73%	11	100%
Mengenal pasti 1 frasa adjektif dan 2 frasa sendi nama	7	64%	9	82%
Mengenal pasti 3 kata pemeri ‘ialah’	8	73%	11	100%
Mengenal pasti 3 kata pemeri ‘adalah’	8	73%	11	100%

Berdasarkan Jadual 2, semasa pemerhatian 1 dijalankan, seramai 8orang murid iaitu sebanyak 73% telah berjaya mengenal pasti 3 frasa nama. Bagi item mengenal pasti 1 frasa adjektif dan 2 frasa sendi nama seramai 7 orang murid atau 64% berjaya berbuat demikian. Bagi item mengenal pasti 3 kata pemeri ‘ialah’ seramai 8 orang murid iaitu sebanyak 73% daripada 11 orang. Manakala, bagi item terakhir iaitu mengenal pasti 3 kata pemeri ‘adalah’ juga seramai 8 orang murid telah berjaya iaitu yang diwakili 73%. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga item ini menunjukkan peningkatan semasa pemerhatian 2 dijalankan. Bagi item mengenal pasti 3 frasa nama, item mengenal pasti 3 kata pemeri ‘ialah’ dan item mengenal pasti 3 kata pemeri ‘adalah’ meningkat sebanyak 11 orang iaitu 100% berbanding dalam pemerhatian 1. Bagi item mengenal pasti 1 frasa adjektif dan 2 frasa sendi nama pula menunjukkan peningkatan dari 64% semasa pemerhatian 1 meningkat kepada 82% semasa pemerhatian 2 dilaksanakan. Hal ini menunjukkan murid sudah berjaya mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri menggunakan kaedah KENA yang telah diperkenalkan.

Hasil dapatan temu bual pula ditunjukkan dalam Jadual 3;

Jadual 3

Rumusan hasil dapatan temu bual

Aspek	YA		TIDAK	
	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Kaedah KENA dapat membantu saya mengenalpasti penggunaan kata pemeri dengan betul.	11	100%	0	0%
Saya boleh mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemeri.	11	100%	0	0%

Merujuk jadual 3 ini, seramai 11 orang murid iaitu sebanyak 100% telah menjawab ‘ya’ bagi aspek kaedah KENA dapat membantu saya mengenal pasti penggunaan kata pemerl dengan betul. Bagi aspek yang kedua iaitusaya boleh mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerl, kesemua murid iaitu 11 orang atau 100% memberikan jawapan ‘ya’. Jadi, data ini dapat membuktikan bahawa murid mengakui melalui penggunaan kaedah KENA ini mereka dapat mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerl.

Kaedah KENA membantu meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 menggunakan kata pemerl dalam membina ayat.

Berdasarkan soalan kajian 2 ini, penggunaan kaedah KENA ini dapat membantu murid meningkatkan penguasaan mereka menggunakan kata pemerl semasa membina ayat. Jadual 4 merupakan analisis latihan murid bagi aktiviti 3 dan aktiviti 4 yang telah dijalankan;

Jadual 4
Hasil analisis aktiviti 3 dan aktiviti 4

Aktiviti 3		Aktiviti 4	
Jumlah murid	Markah (%)	Jumlah murid	Markah (%)
6	100%	9	100%
3	83%	2	83%
2	67%		

Merujuk Jadual 4 ini, aktiviti 3 ialah aktiviti mengisi tempat kosong menggunakan kata pemerl yang betul. Berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam aktiviti 3, 6 orang murid mendapat markah sebanyak 100%, 3 orang murid mendapat markah 83% dan seramai 2 orang murid memperoleh markah 67%. Dalam aktiviti 4 pula iaitu aktiviti membina 6 ayat menggunakan kata pemerl seramai 9 orang murid berjaya mendapat markah 100% dan 2 orang murid mendapat markah 83%. Jumlah murid mendapat 100% meningkat dalam aktiviti 4 menunjukkan kaedah KENA ini berupaya membantu murid meningkatkan penguasaan mereka menggunakan kata pemerl dalam membina ayat tunggal.

Jadual 5 menunjukkan rumusan keseluruhan hasil dapatan data melalui perhatian semasa aktiviti 3 dan aktiviti 4 dilaksanakan;

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 5

Rumusan pemerhatian bagi soalan kajian 2

Item	Pemerhatian 1		Pemerhatian 2	
	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Mengenal pasti 3 ayat yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’	10	91%	11	100%
Mengenal pasti 3 ayat yang menggunakan kata pemeri ‘adalah’	9	82%	10	91%
Membina 3 ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’	9	82%	10	91%
Membina 3 ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘adalah’	9	82%	11	100%

Berdasarkan Jadual 5 ini, semasa pemerhatian 1 didapati 10 orang murid iaitu sebanyak 91% telah berjaya mengenal pasti 3 ayat yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’. Bagi item mengenal pasti 3 ayat yang menggunakan kata pemeri ‘adalah’, item membina 3 ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’ dan ‘adalah’ pula seramai 9 orang murid berjaya berbuat demikian yang diwakili sebanyak 82%. Namun, dalam pemerhatian 2 keempat-empat item ini menunjukkan peningkatan. Bagi item membina 3 ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’ dan item membina 3 ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘adalah’ meningkat kepada 100% iaitu seramai 11 orang murid berjaya berbuat demikian. Manakala bagi item mengenal pasti 3 ayat yang menggunakan kata pemeri ‘adalah’ dan item membina ayat tunggal yang menggunakan kata pemeri ‘ialah’ meningkat kepada 91% berbanding 82% semasa pemerhatian 1. Hal ini membuktikan, murid sudah mula menguasai penggunaan kata pemeri semasa membina ayat tunggal.

Melalui hasil dapatan temu bual pula ditunjukkan dalam Jadual 6;

Jadual 6

Rumusan hasil dapatan temu bual

Perkara	YA		TIDAK	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Lembaran kerja yang diedarkan sesuai dengan tahap keupayaan saya.	10	90.90%	1	9.09%
Penggunaan kaedah KENA dapat meningkatkan pengusaan saya dalam membina ayat tunggal menggunakan kata pemeri.	11	100%	0	0%

Merujuk jadual ini, seramai 10 orang iaitu 90.90% menjawab ‘ya’ bagi lembaran kerja yang diedarkan sesuai dengan tahap keupayaan saya. Manakala seorang menjawab ‘tidak’ yang diwakili sebanyak 9.09%. bagi soalan tentang penggunaan kaedah KENA dapat meningkatkan penguasaan saya dalam membina ayat menggunakan kata pemerlui pula seramai 11 orang murid iaitu sebanyak 100% menjawab ‘ya’. Oleh itu, melalui dapatan temu bual ini dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kaedah KENA ini dapat meningkatkan penguasaan murid menggunakan kata pemerlui dalam membina ayat tunggal.

REFLEKSI

Berdasarkan dapatan kajian, ternyata kaedah KENA yang saya gunakan ini dapat membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerlui sekaligus meningkatkan penguasaan mereka menggunakan kata pemerlui dalam ayat tunggal. Kajian ini juga memberi peluang kepada saya untuk membaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran agar lebih menarik berbanding dengan pengajaran saya sebelum ini.

Di samping itu juga, saya mendapati beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki pada masa akan datang. Saya sepatutnya menyediakan lembaran kerja yang mengandungi arahan dalam aktiviti 4 dan arahan yang disampaikan bukan sahaja secara lisan. Perkara ini bagi memudahkan murid untuk merujuk semula apa yang dikehendaki dalam soalan tanpa bertanya berulang kali kepada guru apa yang perlu dibuat. Selain itu, pada aktiviti yang akan datang, pengkaji perlu lebih berwaspada dan memberi penekanan terhadap struktur binaan ayat. Hal ini akan dapat membantu murid menghasilkan ayat yang gramatis dan bermakna mengikut konteks ayat yang betul.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya bercadang ingin menggunakan kaedah KENA ini dalam pengajaran mengenal huruf besar pada pangkal ayat bagi murid tahap 1. Kaedah ini difikirkan sangat sesuai kerana pada fitrahnya, kanak-kanak suka kepada benda yang berwarna-warni. Misalnya, guru menyediakan beberapa contoh kad ayat iaitu setiap huruf yang berada di pangkal ayat diwarnakan dengan warna kuning. Murid diminta membaca dan meneliti setiap ayat yang terdapat dalam kad ayat tersebut, kemudian menulis semula ayat tersebut ke dalam buku latihan.

Cadangan yang kedua ialah menggunakan kaedah KENA ini dalam perisian slaid *powerpoint* sejarah dengan pendapat Rashidi dan Abdul Razak (1995), yang mengatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan *powerpoint* ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baharu dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

PENUTUP

Kaedah KENA ini sangat sesuai digunakan untuk membantu murid mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerluri dan secara tidak langsung membantu murid membina ayat tunggal menggunakan kata pemerluri. Menurut kajian Hajijah (2008), dengan penggunaan kaedah warna dalam pengajaran dan pembelajaran, ditambah pula dengan kombinasi pelbagai aktiviti seperti mewarna sambil bermain, murid menunjukkan minat dan tidak mengantuk atau menunjukkan reaksi bosan ketika belajar. Penglibatan murid dalam pembelajaran juga adalah amat baik. Justeru itu, dalam kajian ini saya dapat melihat bagaimana warna dapat memberi kesan terhadap psikologi murid dalam mengenal pasti frasa yang berada selepas kata pemerluri sekaligus membantu mereka mengingat frasa yang sepatutnya berada selepas kata ‘ialah’ dan ‘adalah’. Oleh itu, kajian tindakan ini telah memberi satu pengalaman berharga kepada saya untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran sebelum melangkah ke dunia realiti pendidikan.

RUJUKAN

- Hajijah (2008). *Kajian tindakan: Kaedah mesra warna di kalangan murid tingkatan lima*. Sabah: SMK Majakir Papar.
- Kamaruddin Husin (2001). *Pedagogi bahasa: Pengkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Yahya Othman (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran dalam bilik darjah: Kaedah dan strategi*. Kajang: Masa Enterprise.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹norajeerah@gmail.com, ²ainahjulhee@hotmail.com

**RUMUS “subjek + kata kerja + keterangan + objek (SKKetO)”
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT
BERWACANA MURID TAHUN EMPAT**

**NURAINI ALIA ABDULLAH¹
ZAINAL KASSAN²**

ABSTRAK

Penyelidikan Tindakan ini dijalankan untuk membantu murid Tahun Empat meningkatkan kemahiran membina ayat berwacana menggunakan rumus ‘subjek + kata kerja + keterangan + objek’ (SKKetO). Penyelidikan Tindakan ini menggunakan model kajian tindakan oleh Kurt Lewin (1946). Tiga orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan pemerhatian temu bual, dan analisis dokumen yang telah dijalankan di bandar Miri. Kajian ini memfokuskan penggunaan rumus “subjek + kata kerja + keterangan + Objek” dalam meningkatkan kemahiran membina ayat dalam kalangan murid Tahun Empat. Data dikumpul menggunakan lembaran kerja, pemerhatian, dan temu bual. Dapatkan kajian ini menunjukkan penggunaan rumus ‘Subjek + Kata kerja + keterangan + Objek’ berjaya membantu ketiga-tiga orang peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran membina ayat berwacana. Dapatkan juga menunjukkan bahawa rumus (SKKetO) dapat memudahkan peserta kajian menguasai kemahiran membina ayat berwacana.

Kata Kunci: rumus (SKKetO), ayat berwacana, model Kurt Lewin (1946), murid Tahun Empat

ABSTRACT

This action research was conducted to assist students in the Year 4 in mastering skills discourses build sentences using the formula ‘Subject + verb + description + Object’ (SKKetO). This action research using an action research model of Kurt Lewin (1946). Three respondents were chosen based on observations, interviews, and document analysis have been carried out in the Miri city. This study focuses on the use of the formula ‘Subject + Verb + description + Object’ to improve skills among students making sentences in the Year 4. The data collected by using the worksheet, observations and interviews. These findings demonstrate the use of the formula ‘Subject + Verb + description + Object’ can help three of the respondents develop skills to build sentences. Findings showed that respondents can master the skills to build sentences by using the formula (SKKetO).

Key words: ‘SKKetO’ formula, sentences with discourses, Kurt Lewin Action Research Model (1946), Year 4 student

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih jurusan Bahasa Melayu Pendidikan Rendah. Saya telah menjalani beberapa bentuk latihan sepanjang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Kampus Sarawak. Pada masa ini saya sedang menjalani latihan mengajar di sebuah sekolah rendah di Bandaraya Miri. Saya ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia bagi kelas Tahun Empat Best. Kemahiran menulis ialah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar bersama-sama dengan kemahiran asas yang lain seperti kemahiran mendengar, bertutur, dan menulis. Dalam pendidikan bahasa terdapat empat kemahiran iaitu, mendengar, bertutur, membaca dan menulis. (Zamri Mahamod dan Yahya Othman, 2016) jelas disini menunjukkan kesemua kemahiran ini saling berkaitan dan saling bergantungan antara satu sama lain. Menurut Suhaimi Yunos, (2009) dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman, (2011) menyatakan bahawa kemahiran menulis dilihat begitu penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia mesti dikuasai oleh murid-murid untuk menduduki peperiksaan bertulis. Kemahiran menulis yang efektif amatlah penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia.

Refleksi pengajaran dan pembelajaran

Semasa mengajar kemahiran mendengar dan bertutur 1.5.2 menceritakan sesuatu perkara yang dilihat dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat yang mengandungi wacana, beberapa orang murid didapati telah menulis ayat yang tidak bermakna. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Oleh itu, saya telah mengambil inisiatif untuk membantu murid-murid saya menulis ayat yang gramatis dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian saya, semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas beberapa orang murid sering melakukan kesilapan semasa membina ayat. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini saya hanya memfokuskan kepada satu masalah sahaja kerana adanyakekangan masa untuk menjalankan kajian ini. Penyelidikan tindakan ini hanya memfokuskan kepada masalah membina ayat yang tidak bermakna.

Berdasarkan tinjauan literatur oleh Adrian Stewart Ngau, (2010) menggunakan rumus “pelaku + perbuatan + huriahan” berjaya membantu murid dalam pembinaan ayat. Manakala, A. Rahman Haron, (2012) menggunakan teknik “SALAK” untuk melihat keberkesanan dalam membina ayat berdasarkan grafik yang diberi dengan pendekatan didik hibur.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi membantu memudahkan dan meningkatkan kemahiran murid Tahun 4 membina ayat yang mengandungi wacana menggunakan Rumus “SKKetO” berbantuan bahan grafik berwarna.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang berikut:

- Adakah Rumus “SKKetO” dapat meningkatkan kemahiran murid Tahun Empat membina ayat yang mengandungi wacana?
- Adakah Rumus “SKKetO” membantu memudahkan murid Tahun Empat membina ayat yang mengandungi wacana?

PESERTA KAJIAN

Jumlah murid yang dipilih sebagai peserta kajian seramai tiga orang. Murid perempuan seramai dua orang, iaitu Kas, dan Dip. Seorang murid lelaki, iaitu Am.

Jadual 1

Butiran Peserta Kajian

Nama	Am	Kas	Dip
Jantina	Lelaki	Perempuan	
Perempuan			
Latar belakang			
Keluarga	Anak sulung, kedua,	Anak kedua,	Anak
	Pendapatan ibu bapa tetap	keluarga sederhana	keluarga agak susah

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Rumus “SKKetO” disesuaikan mengikut sebuah model oleh ahli psikologis, iaitu Model Kurt Lewin (1946). Kaedah kajian Kurt Lewin dimulakan dengan tindakan merancang, melakukan tindakan, membuat pemerhatian dan membuat refleksi untuk membuat penambahbaikan terhadap rancangan awal. Bagi saya, model ini sangat sesuai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian saya secara berperingkat-peringkat menggunakan prinsip ansur maju serta bersesuaian dengan tahap kebolehan murid. Oleh itu, saya telah mengambil tindakan membantu peserta kajian

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

menggunakan Rumus “SKKet0” bagi memudahkan murid membina ayat berwacana dengan terkawal dan secara berpandu berbantukan bahan grafik berwarna.

Pelaksanaan Tindakan

Rumus “SKKet0” berbantukan bahan grafik untuk memudahkan peserta kajian faham. Penggunaan Rumus “SKKet0” dibina dalam bentuk jadual dan dibahagi kepada empat bahagian yang berwarna untuk menceriakan dan menarik minat untuk belajar. Langkah 1 meminta peserta kajian memahami bahan rangsangan. Kemudian memahami setiap wacana yang disediakan. Langkah 3, peserta kajian diminta menulis ayat mengikut ruangan yang telah ditetapkan dalam rumus (SKKet0). Di samping itu, guru akan menggunakan teknik penyoalan untuk membimbing peserta kajian agar lebih berpandu dan terkawal. Pelaksanaan rumus (SKKet0) dijelaskan seperti di bawah.

Rumus “SKKet0”

S: Subjek (Pelaku atau watak di dalam gambar)

K: Kata Kerja (perbuatan yang sedang dilakukan dalam gambar)

Ket : Keterangan (menerangkan perihal)

O: Objek (objek bagi melengkapkan ayat)

Jadual 2

Contoh Ayat Yang Boleh Dibina Dengan Rumus “SKKet0”

Subjek	Kata Kerja	Keterangan	Objek	Jenis Ayat
Kita	belikan	jam tangan	untuk hari jadi ayah.	Ayat Penyata
Kita	membeli kek	paling sedap	untuk ayah.	Ayat Penyata

Pada peringkat permulaan, saya membimbing mereka menggunakan teknik penyoalan supaya jelas tentang langkah mengisi wacana ke dalam ruang dan tempat yang betul. Contohnya:

- Siapa yang boleh kamu lihat di dalam gambar?
- Apa perkerjaan yang dilakukan?
- Apa yang diterangkan dalam gambar?
- Apa objek yang ditunjukkan?

Selain itu, melalui teknik penyoalan ini guru berupaya mengawal penulisan secara berpandu dan menggunakan wacana dengan betul.

Contoh hasil kerja murid menggunakan rumus (SKKetO) ditunjukkan seperti di bawah.

Bahasa Malaysia Tahun 4			
Nama: Kas		Tarikh: 17/8/16	
A. Bina ayat menggunakan wacana yang diberikan.			
			
1. anak itik - ibunya - berenang - makanan - kolam			
Subjek anak itik dan ibunya	Kata Kerja berenang	Keterangan makanan	Objek kolam
			
2. ikan - timbul - makanan - kolam - teratai			
Subjek ikan	Kata Kerja timbul	Keterangan makanan	Objek kolam teratai

Rajah1. Hasil kerja murid

Teknik Mengumpul Data

Kajian tindakan memerlukan asas empirikal yang kukuh untuk membolehkan tindakan yang tepat dijalankan dengan telus. Malah, pengumpulan data yang sahih amat penting. Triangulasi merupakan proses mengkaji soalan kajian sekurang-kurangnya daripada tiga bentuk data dan tiga bentuk pandangan yang berlainan. (Othman Lebar, 2014) Oleh itu, saya telah menggunakan triangulasi kaedah. Triangulasi tersebut melibatkan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk memperoleh data tentang tindakan yang dijalankan.

Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan sebagai cara utama bagi menganalisis data dalam kajian ini. Saya menggunakan cara ini untuk menganalisis hasil lembaran kerja peserta kajian saya.

Analisis kandungan

Analisis melalui lembaran kerja menunjukkan peserta kajian menghadapi masalah dalam membina ayat berwacana. Bagi menyemak data yang telah dikumpul, saya telah menggunakan triangulasi data, iaitu kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mengenal pasti masalah dan seterusnya mengatasi masalah tersebut. Triangulasi data melibatkan penggunaan pelbagai sumber data atau maklumat yang berbeza. Amalan yang biasa digunakan adalah dengan membentuk bukti yang sama melalui maklumat yang dikumpul melalui pelbagai metod seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. (Othman Lebar, 2007)

DAPATAN KAJIAN

Rumus “SKKetO” membantu meningkatkan kemahiran murid Tahun 4 membina ayat yang mengandungi wacana

Objektif kajian pertama berjaya meningkatkan kemahiran peserta kajian dalam membina ayat yang mengandungi wacana dalam satu kitaran menggunakan triangulasi data. Triangulasi merupakan proses mengkaji soalan kajian sekurang-kurangnya daripada tiga bentuk data dan tiga bentuk pandangan yang berlainan. (Othman Lebar, 2014) Triangulasi data merangkumi tiga instrumen, iaitu analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual.

Analisis Dokumen

Jadual 3

Analisis peningkatan penguasaan peserta kajian sebelum dan selepas tindakan


Peserta	Penguasaan membina ayat berwacana				Pencapaian
	L1	L2	L3	L4	
M1	1/4	1/4	2/4	4/4	Meningkat
M2	1/4	1/4	2/4	4/4	Meningkat
*M3	1/4	2/4	3/4	4/4	Meningkat

Catatan: Skor Markah: 0 – 2 – Lemah

3 – 4 - Baik

*Peserta kajian diberi bimbingan dan tindakan susulan

Hasil analisis dalam Jadual 3 menunjukkan peningkatan positif bagi ketiga-tiga peserta kajian. M1 menunjukkan peningkatan daripada boleh menulis dua ayat menjadi empat ayat semasa latihan yang ke-empat. M2 juga berjaya membuktikan kebolehannya secara ansur maju daripada boleh menulis dua ayat kemudian meningkat kepada empat ayat yang dapat ditulis dengan tepat dan betul. Kemudian, M3 turut menunjukkan peningkatan yang baik dengan menulis dua ayat kemudian meningkat kepada empat ayat yang menepati struktur ayat.




Rajah 2: Analisis pencapaian murid sebelum dan selepas tindakan

Rajah di atas, menunjukkan perbandingan peningkatan penguasaan peserta kajian dalam kemahiran membina ayat berwacana setelah menggunakan rumus (SKKetO). M1 menunjukkan peningkatan daripada boleh menulis dua ayat menjadi empat ayat semasa latihan yang keempat. M2 juga berjaya menulis ayat dan meningkat kepada empat ayat ditulis dengan betul. Kemudian, M3 menunjukkan peningkatan yang baik dengan menulis dua ayat kemudian meningkat kepada empat ayat yang menepati struktur ayat.

Jadual 4
Peningkatan rekod pencapaian peserta kajian

Nama	Markah Bahasa Malaysia Kertas 1	
	Pertengahan Penggal	Akhir Tahun
M1	45/100	63/100
M2	40/100	48/100
M3	50/100	64/100

Jadual 4 menunjukkan peningkatan pencapaian ketiga-tiga orang peserta kajian saya dalam Penilaian Pertengahan Penggal dan Ujian Akhir Tahun. M1 berjaya meningkatkan gred daripada 46 menjadi 50 markah. M2 pula, meningkat sebanyak 10 markah semasa ujian akhir tahun 2016. Manakala, M3 turut menunjukkan peningkatan sebanyak 14 markah lebih daripada pencapaian semasa ujian Pertengahan Penggal. Pencapaian ketiga orang peserta kajian tersebut telah menyakinkan saya bahawa mereka boleh berjaya secara berperingkat-peringkat.



Rajah 3: Graf peningkatan pencapaian murid

Rajah 3 menunjukkan graf pencapaian peserta kajian melalui data yang dianalisis melalui rekod pencapaian murid. Rajah ini menunjukkan hasil peratusan markah murid dalam mata pelajaran bahasa Malaysia melalui rekod pencapaian murid semasa ujian akhir tahun 2016.

Pemerhatian

Jadual 5

Analisis senarai semak tingkah laku peserta kajian selepas tindakan

Butiran soalan temu bual	Senarai semak selepas tindakan		Jumlah		Peratus (%)	
	Ya (Y)	Tidak (T)	Ya (Y)	Tidak (T)	Ya (Y)	Tidak (T)
Adakah peserta kajian						
1. berminat mendengar penerangan guru?	5	0	100	0		
2. Adakah peserta kajian boleh membina ayat?	5	0	100	0		
3. Adakah peserta kajian lebih fokus semasa pembelajaran?	5	0	100	0		
4. Adakah peserta kajian faham situasi dalam gambar?	5	0	100	0		
5. Adakah peserta kajian dapat menulis tanpa bantuan guru?	5	0	100	0		

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa M1 berjaya memberikan sepenuh perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. M1 telah memenuhi kelima-lima kriteria yang dinilai oleh guru sepanjang proses pemerhatian. M2 juga menunjukkan perubahan positif jika dibandingkan sebelum pelaksanaan rumus (SKKetO) dijalankan. Seterusnya, M3 juga telah mengalami perubahan positif yang sangat jelas dengan mencapai seratus peratus markah penilaian terhadap aspek tingkah laku.

Temu Bual

Jadual 6

Senarai Semak Temu Bual Sebelum Rumus “SKKetO”

Butiran soalan temu bual	Analisis senarai semak sebelum tindakan			
	Jumlah	Peratus (%)	Ya (Y)	Tidak (T)
Saya tidak pandai membina ayat	1	25	3	75
Saya kurang pandai membina ayat	3	75	1	25
Ayat saya kurang tepat	2	50	2	50

Jadual 6 menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian saya belum menguasai kemahiran membina ayat dengan baik sebelum penggunaan rumus “SKKetO”. Seorang peserta kajian saya, M1 tidak pandai membina ayat. M1 hanya mendapat 25 markah semasa menjawab latihan sebelum tindakan. M2 hanya mendapat 75 markah sebelum tindakan dan M3 pula mendapat 50 markah sebelum penggunaan rumus (SKKetO).

Jadual 7

Senarai Semak Temu Bual Selepas Rumus “SKKetO”

Butiran soalan temu bual	Analisis temu bual selepas tindakan		Jumlah		Peratus (%)	
	Ya (Y)	Tidak (T)	Ya (Y)	Tidak (T)	Ya (Y)	Tidak (T)
Rumus “SKKetO” dapat membantu saya membina ayat	4	0	100	0	100	0
Rumus “SKKetO” memudahkan saya membina ayat	4	0	100	0	100	0
Ayat saya kurang tepat	4	0	100	0	100	0

Jadual 7 menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian saya menunjukkan peningkatan dan telah menguasai kemahiran membina ayat selepas menggunakan rumus “SKKetO”. Seorang peserta kajian saya, M1 mendapat 75 markah melalui analisis temu bual selepas tindakan. M2 mendapat 100 markah selepas tindakan dan M3 pula mendapat 100 markah selepas penggunaan rumus (SKKetO).

Rumus “SKKetO” membantu memudahkan murid Tahun Empat membina ayat berwacana secara gramatis.

Rumus ‘subjek + kata kerja + keterangan + Objek’ dapat memudahkan peserta kajian saya membina ayat berwacana secara gramatis. Untuk mencapai objektif ini, saya telah menggunakan tiga instrumen, iaitu analisis dokumen (lembaran kerja), Rekod Pencapaian Murid, Pemerhatian, dan Borang Temu Bual.

Analisis Dokumen

Jadual 8

Peningkatan penguasaan membina ayat berwacana

Peserta	Penguasaan membina ayat berwacana				Pencapaian
	L1	L2	L3	L4	
M1	1/4	1/4	2/4	4/4	Meningkat
M2	1/4	1/4	2/4	4/4	Meningkat
*M3	1/4	2/4	3/4	4/4	Meningkat

Catatan: Skor Markah: 0 – 2 – Lemah 3 – 4 - Baik

*Peserta kajian diberi bimbingan dan tindakan susulan yang bersesuaian

Jadual 8 menunjukkan peningkatan bagi ketiga-tiga peserta kajian saya. M1 dan M2 dapat menulis semua ayat dengan betul pada latihan keempat. M3 pula semakin mahir dalam menulis ayat setelah menggunakan rumus (SKKetO).

Pemerhatian

Jadual 9

Senarai semak tingkah laku sebelum dan selepas tindakan

Senarai Semak

Bi	Perkara yang I. diperhatikan	Sebelum			Selepas		
		M1	M2	M3	M1	M2	M3
1.	Menunjukkan minat	X	/	/	/	/	/
2.	Semangat berdikari	X	X	/	X	/	/
3.	Kerjasama	/	X	/	X	/	/
4.	Proses mendengar penerangan guru	X	/	/	/	/	/
5.	Penglibatan murid dalam kelas	/	X	/	/	/	/
6.	Kekerapan bertanya	X	/	X	X	/	/

Jadual 9 menunjukkan peningkatan beberapa aspek tingkah laku peserta kajian selepas menggunakan rumus semasa melakukan aktiviti penulisan ayat di dalam kelas. Melalui pemerhatian saya menunjukkan peserta kajian melibatkan diri dengan lebih aktif dengan adanya persaingan yang wujud di dalam kelas tersebut

Temu Bual

Jadual 10

Temu bual sebelum dan selepas tindakan

Bil.	Soalan	Temu bual sebelum dan selepas tindakan					
		Jawapan sebelum			Jawapan selepas		
		M1	M2	M3	M1	M2	M3
1.	Adakah kamu faham penerangan guru?	/	/	/	/	/	/
2.	Adakah kamu yakin boleh menulis ayat sendiri?	X	/	/	/	/	/
3.	:Bolehkah kamu menulis ayat tanpa penyoalan guru?	X	X	/	/	/	/

Jadual di atas boleh dirujuk untuk melihat adanya perbezaan yang ketara menunjukkan bahawa peserta kajian telah mempunyai keyakinan yang tinggi, berdikari dan mempunyai usaha untuk mempamerkan nilai kendiri yang tinggi dalam penulisan ayat. Malah, hasil analisis perbandingan temu bual sebelum dan selepas tindakan membuktikan bahawa murid semakin jelas, faham dan boleh menguasai kemahiran yang diajarkan oleh guru.

REFLEKSI DAPATAN

Rumus “SKKetO” membantu meningkatkan kemahiran murid Tahun Empat membina ayat yang mengandungi wacana

Hasil daptan menunjukkan pencapaian yang baik ditunjukkan oleh peserta kajian. Perubahan dalam penulisan ayat amat ketara semasa saya menyemak latihan yang dilaksanakan pada kali ketiga. Murid boleh menulis ayat menggunakan wacana secara tersusun walaupun tanpa menggunakan rumus “SKKetO”.

Rumus “SKKetO” membantu memudahkan murid Tahun Empat membina ayat berwacana secara gramatis

Murid-murid bersaing handak mencuba untuk menulis ayat dalam ruangan yang telah disediakan. Ini menunjukkan maklum balas yang positif daripada peserta kajian. Melalui temu bual, peserta kajian memberikan maklum balas yang positif. Mereka menyatakan bahawa mereka semakin faham dan jelas dengan adanya pendekatan guru dengan berbantuan rumus “SKKetO” semasa membina ayat yang mengandungi wacana.

CADANGAN TINDAKAN DAN KAJIAN LANJUTAN

Penggunaan rumus ini boleh diteruskan pada masa akan datang. Rumus ini boleh dilakukan penambahbaikan dengan membuat sedikit pengubahsuaian atau inovasi. Contohnya, rumus ini boleh disampaikan secara didik hibur melalui nyanyian menggunakan melodi lagu ‘Goreng pisang’. Rumus ini boleh dilakukan pengubahsuaian atau inovasi dengan menjadikan papan rumus bersaiz lebih kecil dan boleh dilipat serta fleksibel. Rumus “SKKetO” boleh diperluaskan untuk mengajarkan kemahiran lain, aspek tatabahasa dan menjawab soalan pemahaman.

RUMUSAN

Keseluruhannya, cadangan tindakan dan kajian lanjutan untuk terus mengembangkan rumus (SKKetO) untuk mengajar kemahiran-kemahiran lain seperti menjawab soalan pemahaman, tatabahasa dan sebagainya. Rumus yang diperkenalkan ini dapat membantu semua peserta kajian meningkatkan kemahiran dan memudahkan murid membina ayat yang mengandungi wacana. Terutama dalam kalangan murid Tahun Empat yang baru mengenal proses pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, teknik penyoalan mampu menjadikan ayat lebih lengkap. Kajian ini turut menambah baik amalan dan meningkatkan kemahiran di dalam diri seorang guru. Dapatan kajian memperlihatkan peranan yang harus dilakukan oleh guru dalam membimbing murid-murid menghasilkan ayat yang gramatis.

RUJUKAN

- A.Rahman Haron. (2012). Teknik ‘SALAK’ dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. November 2012. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia. 83-92
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Mei 2011*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. 67-87.
- Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). (2013). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia:
- Othman Lebar. (2007). *Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Malim
- Othman Lebar. (2014). *Teori dan amalan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pusat Pembangunan Akademik. (2008). *Buku panduan penyelidikan tindakan*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Zahratulnadirah Ibrahim. (2012). Kesan rumus “WAT” dalam membantu murid tahun lima membina ayat gambar tunggal Bahasa Melayu. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 27-28.
- Zamri Mahamod & Yahya Othman. (2016). *Penulisan akademik dalam bidang sains sosial*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: [1nurainialia@gmail.com](mailto:nurainialia@gmail.com), [2zkassan@gmail.com](mailto:zkassan@gmail.com)

PENGGUNAAN TEKNIK PENYOALAN “SiBuDAM” MENINGKATKAN PENGUASAAN MEMBINA AYAT YANG GRAMATIS DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3

**NURSHAIIDATUL AFINA YUSOF¹
SELINA AHMAD²**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan pencapaian murid membina ayat yang gramatis dengan menggunakan teknik penyoalan “SiBuDAM”. Selain itu, penyelidikan ini juga membantu menambah baik amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tinjauan awal untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid-murid dalam pembelajaran kemahiran membina ayat telah dijalankan dengan membuat pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran guru, analisis dokumen serta temu bual. Kajian ini dilaksanakan berpandukan Model Kurt Lewin (1946). Seramai 5 orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa teknik ini mampu meningkatkan kemahiran murid dalam membina ayat yang gramatis setelah teknik penyoalan “SiBuDAM” diperkenalkan. Teknik tersebut juga dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam membina ayat yang gramatis. Dapatan menunjukkan objektif kajian telah tercapai. Di samping itu, teknik ini telah menambah baik amalan pengajaran guru untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran dalam membina ayat gramatis.

Kata kunci : Membina ayat gramatis, Teknik Penyoalan “SiBuDAM”, Tahun 3, Model Kurt Lewin (1946)

ABSTRACT

This research was conducted to improve the skills and to enhance achievement of the pupil's in building a grammatical sentence by using "SiBuDAM" questioning techniques. This research also aimed to improve teacher's teaching practices in Malay Language. Initial survey to identify the problems faced by the pupil's in learning the skills to build sentences was carried out by making observations during teaching and learning, documents analysis and interviews. This action research utilized the model by Kurt Lewin (1946). A total of 5 pupils has been selected as the research participants. The results showed that this technique can improve pupil's skills in constructing grammatical sentences after "SiBuDAM" questioning techniques was being introduced. These techniques can also help to improve pupil's achievement in building a grammatical sentence. The findings showed that the objectives have been achieved. In addition, this technique has improved teacher's teaching practices to help pupils to master skills in building a grammatical sentence.

*Keywords: Grammatical sentences, Questioning techniques
“SiBuDAM”, Year 3, Kurt Lewin Model (1946)*

PENGENALAN


Dalam era globalisasi ini, sikap untuk memartabatkan Bahasa Malaysia perlu diberikan perhatian sepenuhnya. Justeru itu, langkah-langkah yang konkrit dan pragmatik perlulah diambil untuk memartabatkan Bahasa Malaysia. Hal ini demikian kerana bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan kita. Sepanjang melaksanakan latihan mengajar selama 12 minggu di sebuah sekolah rendah kebangsaan di bahagian Miri, saya telah mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia selaras dengan bidang major saya di kelas murid-murid Tahun 3. Pengalaman berinteraksi selama 12 minggu di sekolah sudah pasti memberi ruang serta peluang kepada saya untuk mengenal pasti setiap kelemahan dan kekuatan yang berlaku sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Melalui pemerhatian dan pengamatan yang dijalankan, saya mendapati bahawa murid-murid kurang menguasai dalam kemahiran menulis terutamanya membina ayat gramatis.

Justeru, setelah mengenal pasti masalah yang berlaku dalam kalangan murid-murid yang diajar, saya bertindak mencari inisiatif lain untuk menambah baik amalan profesion serta meningkatkan lagi kemahiran dan penguasaan dalam kalangan murid-murid membina ayat. Oleh itu, saya telah memilih satu teknik pengajaran iaitu teknik penyoalan untuk merangsang minda murid dan menambahkan lagi penggunaan kosa kata, frasa serta klausa seterusnya menghasilkan ayat yang lengkap dan sempurna selaras dengan pendapat Syed Ismail Syed Mustapa (2010). Abd. Aziz Abd. Talib (2000), menyatakan teknik penyoalan ini bukan sahaja bertujuan untuk menguji aras kognitif murid, malah bertujuan untuk menggalakkan murid terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya mereka dapat merasai keseronokan seterusnya melibatkan diri secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

FOKUS KAJIAN

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam membina ayat yang gramatis. Saya menggunakan teknik penyoalan iaitu “SiBuDAM” untuk memudahkan pemahaman murid terhadap kemahiran membina ayat yang betul dan gramatis. Saya telah mengenal pasti kelemahan murid-murid tersebut semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pada langkah penilaian yang memerlukan murid-murid tersebut membina ayat yang gramatis. Pemilihan fokus kajian ini disebabkan kemahiran menulis karangan merupakan satu daripada kemahiran penting yang harus dikuasai oleh murid-murid terutamanya murid-murid tahap satu. Pemilihan fokus kajian ini juga disebabkan atas menulis karangan harus diajar bermula daripada Tahun 3 supaya dapat membantu menjawab penulisan karangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Berdasarkan tinjauan awal berbentuk latihan bertulis, saya mendapati murid mempunyai masalah dalam penulisan ayat. Rajah 1

menunjukkan contoh jenis kesalahan membina ayat berpandukan gambar sebelum teknik "SiBuDAM" diperkenalkan.



Rajah 1. Contoh hasil kerja murid sebelum tindakan

Berdasarkan contoh tersebut, terbukti bahawa murid-murid masih lemah serta belum mahir dalam membina ayat yang gramatis kerana terdapat banyak kesalahan yang dilakukan dalam membina ayat. Kedua-dua contoh menunjukkan murid mempunyai masalah yang sama, iaitu cenderung membina ayat yang ringkas sahaja. Sekiranya dibiarkan, masalah ini akan mempengaruhi aspek penulisan seterusnya menjelaskan keputusan terutamanya dalam bahagian penulisan, iaitu Kertas 2 Bahasa Malaysia. Kewujudan masalah ini mencetuskan idea untuk melaksanakan strategi yang lebih berkesan bagi menangani masalah tersebut. Saya mencadangkan teknik penyoalan "SiBuDAM" untuk membantu murid membina ayat yang gramatis dalam penulisan mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran murid dalam membina ayat yang gramatis dengan menggunakan teknik penyoalan “sibudam”.
2. meningkatkan pencapaian murid dalam membina ayat yang gramatis setelah teknik penyoalan “sibudam” diperkenalkan.
3. menambah baik amalan pengajaran untuk membantu meningkatkan kemahiran membina ayat gramatis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga menggunakan teknik penyoalan “SiBuDAM”.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab tiga persoalan kajian berikut:

1. Adakah penggunaan teknik penyoalan “SiBuDAM” dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membina ayat yang gramatis?
2. Adakah terdapat peningkatan pencapaian murid dalam membina ayat yang gramatis setelah teknik penyoalan “SiBuDAM” diperkenalkan ?
3. Adakah saya dapat menambah baik amalan pengajaran untuk membantu meningkatkan kemahiran membina ayat gramatis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga menggunakan teknik penyoalan “SiBuDAM”?

PESERTA KAJIAN

Kajian tindakan ini dijalankan terhadap murid Tahun Tiga di sebuah Sekolah Kebangsaan di bandar Miri. Murid kajian terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan yang berbangsa Melayu dan Iban. Murid yang dipilih adalah murid yang dikenal pasti lemah dalam membina ayat yang gramatis berdasarkan latihan-latihan dan keputusan ujian terdahulu. Murid-murid juga dipilih berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki dalam melaksanakan kajian tindakan terutamanya mempunyai masalah dalam membina ayat yang gramatis. Somekh (1989) dalam Syed Ismail Syed Mustafa (2010) menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing. Saya selaku penyelidik dalam kajian ini turut menambah baik amalan pengajaran saya.

TINDAKAN

Model Kurt Lewin (1946) dalam Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014) sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan sepanjang tempoh pelaksanaan. Pelaksanaan tindakan ditunjukkan dalam jadual 1. Saya memfokuskan penggunaan teknik penyoalan “SiBuDAM” untuk membantu meningkatkan kemahiran membina ayat yang gramatis dalam kalangan murid Tahun 3.

Jadual 1
Pelaksanaan aktiviti

Bil.	Aktiviti	Penerangan Aktiviti
1	Tindakan 1: Tarikh: 25 Julai 2016	Guru menerangkan secara terperinci berkaitan dengan teknik “SiBuDAM”, cara pelaksanaan teknik tersebut serta tunjuk cara menggunakan jadual “SiBuDAM” dalam membina ayat gramatis.
2	Tindakan 2: Tarikh: 27 Julai 2016	Murid membuat latihan membina ayat menggunakan perkataan yang diberi oleh guru. Latihan ini memberi penekanan kepada penggunaan teknik “SiBuDAM” serta penggunaan jadual dalam membina ayat.
3	Tindakan 3: Tarikh: 8 Ogos 2016	Murid membuat latihan membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan oleh guru. Aktiviti ini memfokuskan kepada pembinaan ayat menggunakan teknik “SiBuDAM” berdasarkan situasi ataupun gambar.
4	Tindakan 4: Tarikh: 15 Ogos 2016	Latih tubi membuat latihan membina ayat menggunakan perkataan yang diberi oleh guru. Latihan ini merupakan latihan lanjutan penggunaan teknik “SiBuDAM” serta penggunaan jadual dalam membina ayat.
5	Tindakan 5: Tarikh: 17 Ogos 2016	Latih tubi latihan membina lima ayat berdasarkan gambar. Latihan ini merupakan latihan lanjutan penggunaan teknik “SiBuDAM” bagi memantapkan penguasaan murid.

Dengan mengambil kira tahap pencapaian murid yang masih lemah dalam membina ayat, maka saya telah melakukan satu inovasi teknik penyoalan yang dipanggil “SiBuDAM” yang merupakan singkatan suku kata akronim untuk kata tanya iaitu “SI” = “SIAPA?”, “BU” = “BUAT APA?”, “DI” = “DI MANA?”. “A”= “Alasan?” dan “M”= “Masa?.” Saya telah menyediakan empat lembaran kerja bagi melihat penguasaan murid membina ayat yang gramatis menggunakan teknik ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual dilakukan untuk menentukan keberkesanannya pelaksanaan tindakan. Tindakan tersebut dilaksanakan secara bersistematik dan teratur untuk memudahkan kefahaman murid memahami maklumat yang disampaikan seterusnya diaplikasikan dalam kemahiran menulis iaitu membina ayat yang gramatis.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Tiga cara pengumpulan data yang telah saya gunakan ialah analisis dokumen yang merupakan kaedah utama, iaitu melalui lembaran kerja dan hasil ujian murid. Seterusnya, disokong oleh pemerhatian berstruktur sebelum dan selepas tindakan menggunakan senarai semak. Akhir sekali, temu bual berstruktur dijalankan selepas tindakan untuk mengetahui perkembangan kemahiran mereka membina ayat menggunakan teknik ini.

ANALISIS DATA

Data analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual dirumuskan dalam bentuk jadual. Markah setiap lembaran kerja dicatat dalam bentuk jadual untuk melihat perbandingan peningkatan dalam setiap aktiviti.

CARA MENYEMAK DATA

Dalam penyemakan data, saya menggunakan triangulasi data untuk mengumpulkan data. Triangulasi data digunakan untuk mendapatkan kesahan data yang dikumpul sepanjang tempoh kajian dilaksanakan berdasarkan fenomena yang dikenal pasti. Triangulasi data ini melibatkan data yang diperoleh daripada hasil pemerhatian, hasil temu bual bersama peserta kajian dan data hasil analisis dokumen. Sehubungan itu, data yang dikumpul dikaji semula bagi mengesahkan dapatan kajian mengenai pelaksanaan teknik penyoalan “SiBuDAM” dalam membantu murid membina ayat yang gramatis.

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran murid membina ayat yang gramatis dengan menggunakan teknik penyoalan “SiBuDAM”

Data yang dikutip diperoleh daripada analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual. Dapatan ini adalah mengenai peningkatan dalam kemahiran membina ayat gramatis dengan menggunakan aplikasi teknik penyoalan “SiBuDAM.”

Jadual 2

Analisis lembaran kerja murid

Murid	Latihan 1 (/10)	Skor	Latihan 4 (/10)	Skor
M 1	5	Sederhana	7	Baik
M 2	6	Baik	8	Cemerlang
M 3	7	Baik	8	Cemerlang
M 4	7	Baik	9	Cemerlang
M 5	9	Cemerlang	9	Cemerlang

Nota: 'M1'=Murid, 'M2'=Murid 2, 'M3'=Murid 3, 'M4'=Murid 4, 'M5'=Murid 5

Merujuk Jadual 2, iaitu hasil analisis lembaran kerja murid mendapati murid-murid telah mahir dalam membina ayat yang gramatis. Dapatkan ini menunjukkan terdapat peningkatan markah pada latihan satu dan latihan empat. Dalam latihan satu, M1, M2 dan M4 menunjukkan peningkatan sebanyak dua markah. Peningkatan sebanyak satu markah bagi M4 dan M5 tidak menunjukkan sebarang peningkatan markah tetapi masih dalam skor yang cemerlang.

Jadual 3

Analisis markah ujian murid

Murid	Sebelum		Selepas	
	Markah (/10)		Markah (/10)	
M 1	5		7	
M 2	2		8	
M 3	6		8	
M 4	6		10	
M 5	5		10	

Nota: 'M1'=Murid 1, 'M2'=Murid 2, 'M3'=Murid 3, 'M4'=Murid 4, 'M5'=Murid 5

Merujuk jadual 3, analisis hasil ujian sebelum dan selepas menggunakan teknik penyoalan "SiBuDAM" menunjukkan tahap pencapaian murid semakin meningkat. M2 mendapat peningkatan markah yang paling tinggi, iaitu enam markah manakala M1 dan M3 meningkat sebanyak dua markah. M4 dan M5 masing-masing meningkat sebanyak empat dan lima markah. Berdasarkan dapatan analisis dokumen, menunjukkan terdapat perkaitan di antara perubahan tingkah laku murid dengan peningkatan kemahiran membina ayat yang gramatis dalam kalangan murid.

Jadual 4.

Dapatkan akhir item tingkah laku murid sebelum dan selepas tindakan dilaksanakan

Bi I.	Item Tingkah laku Murid	Sebelum		Selepas	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Murid mengambil masa yang lama untuk membina ayat secara lisan maupun bertulis.	4	1	0	5
2	Murid membina ayat mudah yang boleh dikembangkan lagi.	5	0	1	4
3	Kosa kata serta perbendaharaan kata murid sangat kurang.	5	0	0	5
4	Murid dapat menguasai teknik yang digunakan bagi meningkatkan kebolehan membina ayat .	0	5	5	0
5	Ayat yang dibina oleh murid tidak tersusun dan banyak kesalahan.	4	1	0	5

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

6	Merangsang minda murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis.	0	5	4	1
7	Murid membuat latihan dengan tekun dan tidak mengantuk di dalam kelas.	1	4	5	0
8	Murid dapat menyiapkan latihan dalam tempoh masa yang ditetapkan.	1	4	5	0
9	Menyedari kesilapan dan membuat pembetulan.	1	4	5	0

Dapatan kajian berdasarkan pemerhatian item tingkah laku murid menunjukkan tindak balas positif selepas tindakan dijalankan. Murid dapat menguasai teknik yang digunakan bagi meningkatkan kemahiran membina ayat. Dapatan pemerhatian menunjukkan terdapat peningkatan bilangan murid sebelum dan selepas tindakan. Ini menunjukkan bahawa murid kajian mencapai kesemua aspek pemerhatian tersebut.

Jadual 5.

Analisis dapatan temu bual

Murid	Soalan Temu Bual				Jumlah
	1	2	3	4	
M1	/	/	/	/	4
M2	/	/	/	/	4
M3	/	/	/	/	4
M4	/	/	/	/	4
M5	/	/	/	/	4

Nota: 'M1'= Murid 1, 'M2'=Murid 2, 'M3'=Murid 3, 'M4'=Murid 4, 'M5'=Murid 5, ' / ' = Ya

Saya juga telah menjalankan temu bual terhadap murid-murid yang dikaji. Terdapat empat soalan temu bual yang telah ditanya dalam temu bual tersebut. Hasil temu bual menunjukkan kelima-lima murid seronok membina ayat menggunakan teknik ini. Murid juga menyatakan, dengan teknik ini mereka dapat mengetahui cara membina ayat yang lebih panjang untuk mendapatkan markah yang lebih baik. Tambahan, penggunaan teknik "SiBuDAM" memudahkan mereka menjawab soalan dan seterusnya menghasilkan ayat yang lengkap. Murid juga menyatakan bahawa penggunaan teknik penyoalan "SiBuDAM" banyak membantu mereka dalam menghasilkan ayat yang gramatis selaras dengan dapatan pemerhatian aspek tingkah laku murid. Dapatan menunjukkan hasil temu bual bersama murid membuktikan bahawa mereka semakin mahir dalam membina ayat yang gramatis selari dengan hasil dapatan pemerhatian dan analisis dokumen.

Pencapaian murid dalam membina ayat yang gramatis dengan menggunakan teknik penyoalan “SiBuDAM”

Sebelum melaksanakan tindakan, markah penulisan bahagian A murid-murid yang dikaji menunjukkan tahap yang membimbangkan. Namun, setelah tindakan dijalankan terdapat peningkatan markah murid dalam Ujian Akhir Tahun. Jadual 6 menunjukkan analisis perbandingan markah Ujian Penilaian Semester Dua dan Ujian Akhir Tahun.

Jadual 6

Analisis perbandingan markah Ujian Penilaian Semester Dua dan Ujian Akhir Tahun

Markah Ujian Penilaian Semester Dua				Markah Peperiksaan Akhir Tahun			
Murid	MP	Bahagian A	MK	Murid	MP	Bahagian A	MK
Murid 1	10/10	5/10	40%	M 1	10/10	7/10	74%
Murid 2	10/10	2/10	40%	M 2	10/10	8/10	64%
Murid 3	10/10	6/10	46%	M 3	10/10	8/10	86%
Murid 4	10/10	6/10	50%	M 4	10/10	10/10	58%
Murid 5	10/10	5/10	52%	M 5	10/10	10/10	76%

Nota: ‘MP’=Markah Penuh, ‘MK’=Markah Keseluruhan

Berdasarkan Jadual 6, secara keseluruhan kelima-lima murid mempunyai peningkatan yang baik selepas tindakan dijalankan. Dapatkan secara tidak langsung menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari aspek kegramatisan dan pembinaan ayat yang lengkap serta memenuhi penskoran penandaan markah kertas peperiksaan Bahasa Malaysia Penulisan Bahagian A. Peningkatan paling tinggi ialah Murid 2, iaitu enam markah manakala Murid 1 dan Murid 3 meningkat sebanyak dua markah. Murid 4 dan Murid 5 masing-masing meningkat sebanyak empat dan lima markah. Peningkatan markah turut melibatkan markah keseluruhan murid bagi Ujian Akhir Tahun.

Kemahiran membina ayat gramatis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga dalam amalan pengajaran

Jadual 7 menunjukkan peningkatan kemahiran murid dalam membina ayat yang gramatis setelah saya melaksanakan tindakan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 7

Peningkatan kemahiran murid dalam membina ayat yang gramatis

Nama Murid	Lembaran Kerja Bertulis			
	Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3	Latihan 4
M 1	5/10	7/10	8/10	9/10
M 2	6/10	8/10	8/10	9/10
M 3	7/10	8/10	9/10	10/10
M 4	7/10	9/10	10/10	10/10
M 5	9/10	9/10	10/10	10/10

Nota: 'M1'=Murid 1, 'M2'=Murid 2, 'M3'=Murid 3, 'M4'=Murid 4, 'M5'=Murid 5

Berdasarkan hasil lembaran kerja bertulis murid, saya telah mengenal pasti bahawa amalan pengajaran saya dapat ditambah baik setelah memperkenalkan serta mengaplikasikan teknik penyoalan "SiBuDAM" ini. Peningkatan sebanyak empat markah bagi M1 dalam latihan empat menunjukkan peningkatan yang ketara. Bagi M2 pula, meningkat sebanyak 3 markah dalam latihan empat. Peningkatan markah turut melibatkan M3 dan M4 dalam latihan empat, iaitu peningkatan sebanyak 3 markah manakala sebanyak satu markah bagi M5. Berdasarkan keputusan pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual didapati murid-murid menunjukkan peningkatan markah dalam membina ayat yang gramatis.

REFLEKSI

Selepas menjalankan kajian tindakan ini, saya telah memperbaiki mutu dan penyampaian pengajaran saya di dalam kelas. Murid-murid juga bertambah mahir dalam membina ayat yang gramatis menggunakan teknik penyoalan "SiBuDAM" yang telah diperkenalkan. Berdasarkan hasil dapatan melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual menunjukkan kesan positif tindakan yang dijalankan. Penggunaan teknik penyoalan "SiBuDAM" membantu murid mengembangkan idea sehingga menghasilkan penulisan yang lebih baik. Kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa murid lebih bersemangat dan berkeyakinan dalam membina ayat yang gramatis. Malahan, berlaku perubahan tingkah laku yang positif serta kekerapan murid membina ayat yang gramatis semakin meningkat. Dapatkan kajian turut menunjukkan objektif kajian dapat dicapai.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Untuk tindakan susulan, saya mencadangkan beberapa cadangan. Pertama, guru boleh menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam mengaplikasikan teknik penyoalan "SiBuDAM" ini. Malahan, teknik penyoalan "SiBuDAM" juga boleh diaplikasikan dalam kemahiran lisan untuk membantu murid dalam membina ayat yang gramatis. Tambahan pula, teknik ini sesuai diaplikasikan dalam aktiviti permainan bahasa kerana dapat menarik minat dan kesediaan murid untuk belajar. Selain itu, teknik penyoalan "SiBuDAM" wajar diaplikasikan dalam pembelajaran koperatif agar proses

Nurshaidatul Afina Yusof & Selina Ahmad

pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan menggalakkan penglibatan murid secara aktif, mendorong murid berfikir secara kritis dan kreatif malah membangkitkan keinginan untuk belajar.

PENUTUP

Pelaksanaan kajian tindakan ini dapat membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat yang gramatis serta meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan. Pada masa yang sama, saya telah menambah baik amalan pengajaran serta memperluaskan kefahaman mengenai strategi pengajaran di dalam bilik darjah.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ho, H. T, Rahmah Murshidi, Gan, W. L., Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H. Y., John Brodi, Sapiee Saidi, & Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan: teori dan amalan*. Kuching: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Institut Bahasa. (1994). *Strategi Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Syed Ismail Syed Mustapa (2010). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri.
Email : 1shaidatulafina@gmail.com, 2selinahjahmad08@hotmail.com

PENGGUNAAN CARTA ALIR DAN KATA TANYA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGHURAI ISI KARANGAN MURID TAHUN 4

**NURUL DALILA SABRAN¹
NORAINAH MOHD. SALEH²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan carta alir dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan murid Tahun 4. Selain itu, kajian ini juga untuk membantu menambah baik amalan guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini telah melibatkan seramai tiga orang murid di salah sebuah sekolah di bandar Miri. Kajian ini dijalankan menggunakan Model Kurt Lewin(1946). Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Triangulasi antara kaedah digunakan untuk kesahan data. Guru juga dapat menambah baik amalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada kajian ini, saya mendapati ketiga-tiga murid telah berjaya menghurai isi karangan menggunakan carta alir dan kata tanya. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa kaedah carta alir boleh diaplikasikan dalam menulis pendahuluan dan penutup karangan Bahasa Melayu.

Kata kunci : Carta alir, kata tanya, huraian isi

ABSTRACT

This action research was conducted to identify the using of flowchart and question words in increasing the Year 4 pupils' skill to elaborate the content of the essay. Besides that, this research also used to help improve the teacher's skill in teaching and learning the Malay subject. Three pupils were involved in this research from one of the schools in Miri. This action research was conducted using the Kurt Lewin (1946) model. Data were collected through observation, interview and document analysis. The triangulation method was used to obtain the validity of the data. The teacher also improved the teaching and learning skill in Malay subject. The findings also indicate that the three pupils were successful in expanding the content of the essay using the flowchart and question words. Therefore, I suggested that the flowchart method can be applied in writing the introduction and closure of an essay in Malay subject.

Keywords: *flowchart, question words, contents elaboration*

PENGENALAN

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), menulis merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi manusia. Perkataan menulis merupakan jenis kata kerja yang bermaksud perbuatan mencatatkan kata-kata dengan huruf dan menggunakan alat tulis, melahirkan perasaan atau fikiran melalui tulisan dan catatan yang melibatkan huruf. Konsep menulis di sekolah merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas.

Don Bryne (1979) dalam Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011) mendefinisikan menulis ialah simbol-simbol grafik yang menggunakan huruf-huruf yang berkaitan dengan lambang-lambang bunyi semasa bercakap .

Manakala Maxwell dan Jordan (1993) dalam Zamri Mahamod dan Yahya Othman (2016), pula mengatakan bahawa kemahiran menulis merupakan suatu aspek kemahiran yang sukar dan kompleks. Oleh itu, pemilihan pendekatan yang sesuai dapat membantu guru dalam memenangi minat dan fokus murid terhadap aktiviti menulis.


Kemahiran mengarang pula merupakan salah satu cabang kemahiran yang terdapat dalam kemahiran menulis. Menurut Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011), kemahiran mengarang melibatkan pelbagai aspek kemahiran lain yang berkaitan antara satu sama lain. Ini termasuklah mencari isi, merangka isi, menyusun isi dan menyampaikan atau mempersempahkan susunan dalam bentuk tulisan yang terang, jelas, kemas, menarik dan senang dibaca.

FOKUS KAJIAN

Semasa menjalani praktikum Fasa I, II dan III saya telah mengajar kelas Tahun Empat dan Tahun Lima. Saya mendapati wujud masalah menghurai isi karangan dalam kalangan murid-murid tersebut. Berdasarkan Rajah 1, murid hanya dapat menulis satu dan dua ayat sahaja. Manakala dalam Rajah 2 pula, murid menggunakan perkataan yang sama bagi memulakan setiap ayat dalam setiap perenggan.

Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani (2012) mengatakan bahawa, cara terbaik mencari isi karangan adalah dengan menggunakan kaedah membuat peta minda. Baiziela binti Sapipi @ Shapiee (2012) telah menjalankan kajian penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta Bahasa Melayu murid Tahun 4. Saya pula bercadang hendak menggunakan carta alir dalam membimbing murid membina isi karangan. Penggunaan carta alir dalam pengajaran menulis karangan ini dapat membantu murid untuk menyusun sesuatu perkara mengikut urutan, manakala kata tanya pula adalah untuk membimbing murid menghurai isi karangan dengan lebih kreatif.


Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)



Rajah 1. Hasil kerja murid

Murid menggunakan perkataan ‘pada’ secara berulang untuk memulakan isi karangan.

Bilangan ayat yang terdapat dalam setiap perenggan juga tidak sama bagi setiap perenggan.



Rajah 2. Hasil kerja murid

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- i. meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan Bahasa Melayu Tahun 4 dengan menggunakan carta alir dan kata tanya, dan
- ii. menambah baik pengajaran saya tentang penulisan isi karangan dalam kalangan murid Tahun 4 dengan menggunakan carta alir dan kata tanya.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian berikut:


- i. Adakah penggunaan kata tanya dan carta alir dapat meningkatkan kemahiran penulisan isi karangan dalam kalangan murid Tahun 4, dan
- ii. Dapatkah penggunaan carta alir dan kata tanya menambah baik amalan pengajaran saya dalam menghurai isi karangan murid Tahun 4?

PESERTA KAJIAN

Saya telah memilih seramai tiga orang murid Tahun 4 daripada salah sebuah sekolah rendah di bandar raya Miri sebagai peserta kajian tindakan ini. Peserta kajian yang dipilih terdiri daripada dua orang murid perempuan dan seorang murid lelaki yang berbangsa Cina, Kenyah dan India. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan pemerhatian terhadap masalah mereka dalam menghurai isi karangan Bahasa Melayu.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya memilih Model Kurt Lewin (1946) bagi melaksanakan kajian tindakan saya ini. Lewin berpendapat bahawa, penyelidikan tindakan merupakan suatu lingkaran langkah-langkah yang merujuk kepada peringkat merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Setelah mengenal pasti masalah murid, saya bertindak menggunakan carta alir dan kata tanya bagi membantu murid meningkatkan kemahiran mereka dalam menghurai isi karangan. Sebelum aktiviti menulis karangan dijalankan, saya menerangkan tentang kehendak soalan karangan. Kemudian saya melukis carta alir dan menerangkan cara menggunakaninya. Kata tanya dimasukkan dalam setiap petak yang terdapat dalam carta alir. Bagi tahap ini, murid-murid telah dibiasakan membina sekurang-kurangnya empat ayat dalam setiap isi bagi setiap perenggan. Maka, empat petak tersebut mewakili satu isi seperti yang terdapat dalam Rajah 3. Penggunaan kata tanya dalam setiap petak tersebut bergantung kepada kesesuaian. Data untuk daptatan kajian dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.



Rajah 3. Carta alir dan kata tanya

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Bagi tujuan mendapatkan dapatan kajian ini, saya menggunakan pemerhatian tingkah laku murid, analisis lembaran kerja murid dan transkripsi temu bual bersama murid untuk melihat keberkesanan penggunaan carta alir dan kata tanya dalam membantu murid untuk meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan.

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran menghurai isi karangan dalam kalangan murid Tahun 4 melalui carta alir dan kata tanya

Jadual 1

Analisis pemerhatian tingkah laku murid (Pemerhatian 1)

Peserta kajian	Item Pemerhatian							Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	
Murid 1	/	/	x	/	/	x	x	3/7
Murid 2	x	/	x	/	/	x	x	3/7
Murid 3	x	/	x	x	/	x	x	2/7

Nota: '/' = Ya, 'X' = Tidak

Jadual 1 menunjukkan tiada peserta kajian yang menguasai item 3, 6 dan 7. Murid 1 dan Murid 2 hanya mendapat 3 daripada 7, manakala Murid 3 hanya mendapat 2 daripada 7. Pemerhatian 1 dijalankan sebelum saya menggunakan carta alir dan kata tanya dalam membantu murid menghurai isi karangan. Item 3 merujuk kepada minat murid dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Item 6 pula merujuk kepada kemampuan murid untuk menyiapkan karangan dalam masa yang ditetapkan dan item 7 pula dapat melukis carta alir tanpa bantuan guru.

Jadual 2

Analisis pemerhatian tingkah laku murid (Pemerhatian 3)

Peserta Kajian	Item Pemerhatian							Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	
Murid 1	/	x	/	x	x	/	/	4/7
Murid 2	/	x	/	x	x	/	/	4/7
Murid 3	/	x	/	x	x	/	/	4/7

Nota: '/' = Ya, 'X' = Tidak

Peningkatan pada tingkah laku murid ditunjukkan dalam Jadual 2 iaitu pemerhatian yang dilakukan selepas penggunaan carta alir dan kata tanya dalam menghurai isi karangan diajar kepada murid. Item 1 mewakili tingkah laku memberi tumpuan, item 2 merujuk tingkah laku bertanya soalan, item 4 tingkah laku membuat kerja lain, item 5 tingkah laku berbual dengan rakan.

Jadual 3

Analisis respons jawapan temu bual murid. (Sebelum)

Peserta Kajian	Item Soalan		
	1	2	3
Murid 1	1	2	5
Murid 2	1	2	5
Murid 3	1	2	5

Nota: 1= Tahu carta alir, 2= Tahu kata tanya, 3= selalu guna kaedah, 5= jarang, 6=dapat guna untuk hurai isi karangan, 7= berminat dan 8= Ya, akan guna kaedah itu

Jadual 3 menunjukkan jawapan temu bual bersama murid sebelum penggunaan carta alir dan kata tanya dalam menghurai isi karangan. Hanya tiga soalan yang dikemukakan iaitu mewakili item 1, 2 dan 3. Ketiga-tiga murid memberikan jawapan yang sama iaitu tahu tentang carta alir, tahu tentang kata tanya serta jarang menggunakan kaedah carta tanya dan carta alir dalam menghurai isi karangan mereka.

Jadual 4

Analisis respons jawapan temu bual murid. (Selepas)

Peserta	Item Soalan					
Kajian	1	2	3	4	5	6
Murid 1	1	2	3	6	7	8
Murid 2	1	2	3	6	7	8
Murid 3	1	2	3	6	7	8

Nota: 1= Tahu carta alir, 2= Tahu kata tanya, 3= selalu guna kaedah, 5= jarang, 6=dapat guna untuk hurai isi karangan, 7= berminat dan 8= Ya, akan guna kaedah itu

Jadual 4 pula merupakan temu bual selepas penggunaan carta alir dan kata tanya. Murid diajukan sebanyak enam soalan. Ketiga-tiga murid memberikan jawapan yang positif iaitu pada jawapan bagi item 6, 7 dan 8.

Jadual 5

Dapatkan analisis dokumen. (Latihan 1)

Isi Karangan	Kata Tanya	Jumlah Murid Menguasai
Isi 1	Apakah	2/3
	Bagaimanakah	3/3
	Mengapakah	3/3
	Apakah kesimpulan.	3/3
Isi 2	Apakah.	3/3
	Bagaimanakah.	3/3
	Mengapakah.	2/3
	Apakah kesimpulan.	2/3
Isi 3	Apakah.	3/3
	Bagaimanakah.	3/3
	Mengapakah.	3/3
	Apakah kesimpulan.	2/3

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Jadual 5 ialah analisis dokumen iaitu lembaran kerja murid dalam latihan pertama penggunaan carta alir dan kata tanya. Ketiga-tiga murid belum mencapai tahap yang ditetapkan dalam menghurai ketiga-tiga isi karangan mereka.

Jadual 6
Dapatkan analisis dokumen. (Latihan 3)

Isi Karangan	Kata Tanya	Jumlah Murid Menguasai
Isi 1	Apakah	3/3
	Bagaimanakah	3/3
	Mengapakah	3/3
	Apakah kesimpulan.	3/3
Isi 2	Apakah.	3/3
	Bagaimanakah.	3/3
	Mengapakah.	3/3
	Apakah kesimpulan.	3/3
Isi 3	Apakah.	3/3
	Bagaimanakah.	3/3
	Mengapakah.	3/3
	Apakah kesimpulan.	3/3

Jadual 6 pula menunjukkan peningkatan yang positif bagi ketiga-tiga orang murid dalam menghurai ketiga-tiga isi karangan mereka. Analisis tersebut menunjukkan penggunaan carta alir dan kata tanya dapat membantu murid dalam menghurai isi karangan.

Kemahiran menghurai isi karangan murid Tahun 4 dalam amalan pengajaran


Sebelum penggunaan carta alir dan kata tanya ini, murid menyatakan mereka jarang menggunakan carta alir dan kata tanya dalam aktiviti menulis karangan. Merujuk kepada dapatan analisis jawapan murid bagi soalan 4, 5 dan 6 yang terdapat dalam Jadual 7, kaedah ini dapat menambah baik amalan pengajaran saya. Selepas penggunaan kaedah ini, jawapan murid menunjukkan perubahan yang positif iaitu mereka selalu menggunakan kaedah ini dalam aktiviti menulis karangan bahasa Melayu. Malah murid juga menyatakan bahawa mereka akan menggunakan kaedah tersebut untuk aktiviti seterusnya. Penggunaan carta alir dan kata tanya ini juga dapat membantu murid menghurai isi karangan berdasarkan jawapan bagi soalan keempat.

Jadual 7

Analisis respons jawapan temu bual murid. (Selepas)


Peserta Kajian	Item Soalan					
	1	2	3	4	5	6
Murid 1	1	2	3	6	7	8
Murid 2	1	2	3	6	7	8
Murid 3	1	2	3	6	7	8

Nota: 1= Tahu carta alir, 2= Tahu kata tanya, 3= selalu guna kaedah, 5= jarang, 6=dapat guna untuk hurai isi karangan, 7= berminat dan 8= Ya, akan guna kaedah itu



Rajah 4: Hasil kerja murid selepas penggunaan carta alir dan kata tanya

Rajah 4 menunjukkan perenggan isi satu bagi latihan menulis karangan selepas penggunaan carta alir dan kata tanya. Murid dapat menghurai isi dengan baik berbanding sebelumnya. Terdapat empat ayat dalam setiap perenggan. Begitu juga dengan penulisan isi dua pada Rajah 5. Murid dapat menyusun isi karangan dengan teratur. Kajian saya berfokus kepada menghurai isi karangan sahaja. Maka, saya menumpukan perhatian terhadap penulisan isi karangan dalam kalangan peserta kajian saya.



Rajah 5: Hasil kerja murid selepas penggunaan carta alir dan kata tanya

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Rajah 4 dan Rajah 5 menunjukkan peningkatan murid dalam menghurai isi karangan mereka. Rajah 4 dan Rajah 5 merupakan latihan ketiga yang telah diberikan kepada murid. Murid didapati dapat menghurai isi karangan dengan baik. Murid juga tidak lagi kekurangan idea dalam menghurai isi karangan mereka.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan carta alir dan kata tanya dapat membantu murid dalam meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan Bahasa Melayu. Carta alir membantu murid menyusun isi karangan dengan baik manakala kata tanya membantu murid dalam menghurai isi karangan serta memberikan idea kepada murid untuk menulis dengan baik.

REFLEKSI

Hasil daripada kajian ini, saya mendapati murid menunjukkan perubahan yang positif kepada saya dan peserta kajian. Misalnya, tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan setelah penggunaan carta alir dan kata tanya. Murid dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa saya memberi penerangan tentang tajuk karangan yang perlu ditulis. Murid dapat menyiapkan latihan dalam masa yang ditetapkan berbanding sebelumnya, murid akan meminta kebenaran untuk membuat latihan tersebut di rumah. Kekurangan idea dan kurang jelas tentang cara menyusun isi juga merupakan faktor murid lambat menyiapkan latihan menulis karangan. Murid dapat menghurai isi karangan setelah menggunakan kaedah ini. Walaupun masih terdapat kesalahan tatabahasa yang lain dalam karangan yang dihasilkan, namun perubahan dari segi bilangan ayat menunjukkan kajian saya telah berjaya. Kesilapan lain yang perlu diperbaiki pada masa akan datang ialah, murid perlu digalakkan menjawab soalan kepada kata tanya dengan menggunakan ayat yang penuh. Penerangan yang diberikan juga hendaklah jelas dan mudah difahami oleh murid. Oleh sebab peserta kajian saya bukan penutur jati bahasa Melayu, penggunaan carta alir dan kata tanya ini boleh mengekalkan minat mereka untuk mempelajari bahasa Melayu. Kaedah ini boleh digunakan sebagai latih tubi untuk mereka menulis karangan yang pelbagai.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mencadangkan penggunaan carta alir dan kata tanya ini digunakan terhadap murid tahap satu. Hal ini kerana mereka perlu diberikan pendedahan tentang penggunaan bahan-bahan grafik yang sesuai bagi persediaan untuk ke peringkat selanjutnya. Cadangan kedua, carta alir dan kata tanya ini digunakan dalam menulis pendahuluan dan penutup karangan. Kaedah ini juga boleh digunakan untuk menulis karangan jenis cerita. Penggunaan bantu mengajar carta alir juga boleh dibuat. Carta alir dilukis dengan pelbagai warna untuk menarik perhatian murid.

PENUTUP

Penggunaan carta alir dan kata tanya ini dapat membantu murid Tahun 4 meningkatkan kemahiran menghurai isi karangan bahasa Melayu. Walaupun terdapat kesalahan lain dalam penulisan mereka, namun peningkatan bilangan ayat dalam setiap perenggan isi karangan menunjukkan perubahan positif. Guru perlu peka terhadap masalah yang dihadapi oleh murid. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, guru hendaklah sentiasa menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Baiziela Sapingi. (2012). Penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta Bahasa Melayu murid tahun empat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012 PISMP Bahasa Melayu ambilan Januari 2009*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 1-4.
- Husin Fateh Din & Nazariyah Sani. (2012). *Bahasa melayu II akademik*. Selangor: Penerbitan Multimedia. Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar sdn. Bhd.
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran kemahiran Bahasa Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: 1dalilasabran.1511@gmail.com, 2ainanms@yahoo.com.my

TEKNIK GARIS TIGA DAN TIGA WARNA: MENINGKATKAN PENGUASAAN HURUF BESAR DAN TANDA NOKTAH MURID TAHUN 2

**PAULINE HII¹
NORAINAH MOHD. SALEH²**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi murid Tahun 2 dalam penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Kajian ini telah melibatkan enam orang murid untuk menggunakan teknik garis tiga dan tiga warna bagi menguasai kemahiran menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dalam ayat. Pemerhatian di dalam kelas, penelitian dokumen melalui buku latihan murid dan ujian diagnostik yang telah dilaksanakan adalah untuk mengumpul data awal bagi mengenal pasti jumlah murid yang bermasalah. Hasil kajian ke atas enam orang murid mendapati mereka telah berjaya mendapat 100 peratus penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat dengan menggunakan teknik garis tiga dan tiga warna. Dapatkan kajian diperoleh melalui penelitian dokumen dengan berpandukan senarai semak, ujian 1 dan ujian 2 serta penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017).

Kata kunci: murid Tahun 2, huruf besar, tanda noktah (.), teknik garis tiga, teknik tiga warna

ABSTRACT

This research was carry out to upgrade the skills and performance of pupils in Year 2 in the mastery of punctuation and capitalization, periods (.) in the writing section of the Malay language. This research involved six Year 2 pupils using techniques of three lines and three colours to master the skills to write capital letters and period (.) in sentences. Observations in class, research document through pupils' exercise books and a diagnostic test are the preliminary data sources to gain insight into the effectiveness of teacher's teaching strategies. Results of findings indicates that 100 percent pupils were able to grasp the concept of writing capital letters and period (.) in sentences using three lines and three colours' techniques. The research findings obtained through research document guided by checklists, test 1 and test 2, progressive evaluation 2 (2016) and 1 (2017).

Keywords: Year 2 pupil, capital letters, period (.), techniques of three lines, techniques of three colours

PENGENALAN

Tulisan sebagai lambang-lambang bunyi bahasa yang dipindahkan dalam bentuk grafik bagi melahirkan perasaan, fikiran dan idea (Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faiziah Shamsudin, 2013). Dalam kemahiran menulis, aspek penggunaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat perlu dikuasai oleh murid bermula pada Tahap I lagi. Kata nama khas ialah kata yang ditulis dengan huruf besar membawa makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan, undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan seumpamanya (Siti Abdul Aziz, 2011). Huruf besar digunakan bagi huruf pertama kata awal ayat, unsur nama jawatan yang diikuti nama orang, nama bangsa, suku bangsa dan bahasa, unsur nama rasmi badan, lembaga pemerintah dan ketatanegaraan serta nama dokumen rasmi (Habibah Mohd. Samin & Hasnah Awang, 2010).

Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan Kepujian Bahasa Melayu Pendidikan Rendah ambilan Jun 2013 di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) telah menjalani praktikum Fasa III di Sekolah Kebangsaan Mesra untuk mengajar Bahasa Malaysia kelas Tahun 2 Hijau. Dalam tempoh pelaksanaan praktikum, saya telah mengesan masalah pembelajaran murid dalam penggunaan huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta tanda noktah (.). Mereka tidak dapat menulis ayat dengan lengkap, iaitu tidak menggunakan huruf besar dan tanda noktah (.) di tempat yang sepatutnya seperti menulis jawapan pemahaman dan menyalin ayat. Mereka hanya menulis huruf besar pada permulaan ayat tetapi tidak pada selepas tanda noktah (.) dan kata nama khas, selalu mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam satu perkataan serta lupa meletakkan tanda noktah (.) pada setiap akhir ayat.

Masalah ini dapat diperhatikan setelah saya membuat tinjauan serta analisis dokumen terhadap buku latihan murid, pemerhatian di dalam kelas serta mentadbirkan ujian diagnostik ke atas murid tersebut. Justeru, saya berharap agar dapat meningkatkan kemahiran murid Tahun 2 dalam penggunaan huruf besar dan tanda noktah (.) supaya kesalahan ini tidak akan berulang dan terbawa-bawa dalam penulisan ayat nanti.

FOKUS KAJIAN

Masalah penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 2 Hijau dapat dikesan melalui buku-buku latihan murid. Masalah ini boleh dibuktikan melalui Rajah 1.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

1. Bilakah Ekspo Beli Barang Malaysia diadakan?	<u>Ekspo Beli Barang Malaysia diadakan pada bulan 30 September hingga 1 Oktober.</u>
2. Di manakah Ekspo Beli Barang Malaysia diadakan?	<u>Ekspo Beli Barang Malaysia diadakan di Stadium Bukit Jalil.</u>
3. Apakah yang ingin dibeli oleh bapa Adam?	<u>Bapa Adam ingin membeli kasut.</u>
4. Berapakah harga kasut yang dibeli oleh bapa Adam?	<u>Harga kasut yang dibeli oleh Bapa Adam adalah RM 30.00.</u>
5. Pada pendapat kamu, apakah perasaan bapa Adam apabila memakai kasut itu?	<u>Bapa Adam berasa bangga memakai kasut punten Malaysia.</u> disenar 28/1

Rajah 1. Hasil kerja murid Tahun 2 Hijau

Masalah pembelajaran murid tersebut juga boleh diperlihatkan melalui pemerhatian di dalam kelas. Ini boleh dibuktikan melalui Jadual 1

Jadual 1

Jadual analisis dapatan kesilapan penggunaan huruf besar dan tanda noktah (.)

Bil.	Murid	Pemerhatian (dalam kelas)	Analisis Dokumen (buku latihan)
1	SO5	✓	✓
2	SO12	✓	✓
3	SO13	✓	✓
4	SO14	x	✓
5	SO18	x	✓
6	SO20	✓	✓

Manakala ujian diagnostik telah dijalankan ke atas semua murid Tahun 2 Hijau untuk mengenal pasti masalah mereka secara mendalam lagi. Jadual 2 merupakan keputusan ujian diagnostik.

Jadual 2

Jadual skor ujian diagnostik

Skor Ujian Diagnostik	Kekerapan Murid
10 (Penuh)	5
9	0
8	4
7	2
6	0
5	3
4	5
3	1
2	0
1	0
0	0

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk:

- (i) meningkatkan kemahiran murid menguasai huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat melalui penggunaan teknik garis tiga dan tiga warna; dan
- (ii) meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat bahasa Melayu melalui penggunaan teknik garis tiga dan tiga warna.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab dua persoalan kajian berikut.

- (i) Dapatkan penggunaan teknik garis tiga dan tiga warna meningkatkan kemahiran murid menguasai huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat?
- (ii) Adakah penggunaan teknik garis tiga dan tiga warna dapat meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat bahasa Melayu?

PESERTA KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian, semakan buku latihan murid dan ujian diagnostik yang dijalankan, saya telah mengenal pasti enam orang murid Tahun 2 Hijau menjadi peserta dalam kajian ini. Jadual 3 merupakan ciri-ciri peserta kajian.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Jadual 3

Jadual ciri-ciri peserta kajian penyelidikan kajian

Bil.	Murid	Ciri-ciri
1	SO5	Perempuan Pencapaian akademik sederhana Seorang yang suka bercakap Tidak menulis huruf besar pada permulaan ayat selepas tanda noktah (.) Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas
2	SO12	Lelaki Pencapaian akademik lemah Seorang yang pendiam Tidak menulis huruf besar pada permulaan ayat selepas tanda noktah (.) Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas Mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam satu perkataan Tidak meletakkan tanda noktah (.) pada akhir ayat
3	SO13	Lelaki Pencapaian akademik lemah Seorang yang suka bercakap Tidak menulis huruf besar pada permulaan ayat selepas tanda noktah (.) Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas
4	SO14	Lelaki Pencapaian akademik baik Seorang yang suka bercakap Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas Tidak meletakkan tanda noktah (.) pada akhir ayat
5	SO18	Perempuan Pencapaian akademik baik Seorang yang suka bercakap Tidak menulis huruf besar pada permulaan ayat selepas tanda noktah (.) Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas Mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam satu perkataan Tidak meletakkan tanda noktah (.) pada akhir ayat
6	SO20	Perempuan Pencapaian akademik sederhana Seorang yang pendiam Tidak menulis huruf besar pada permulaan ayat selepas tanda noktah (.) Tidak menulis huruf besar pada kata nama khas

Elliot dan Adelman (1976) seperti dalam petikan Akhbar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2015) menyatakan penyelidikan tindakan sebagai suatu pendekatan untuk meningkatkan mutu profesionalisme. Penyelidikan

tindakan bertujuan memperbaiki atau menambah baik kualiti amalan guru (Othman Lebar, 2014). Selari dengan definisi penyelidikan tindakan, saya juga merupakan seorang peserta kajian yang berperanan selaku penyelidik kerana terlibat secara langsung dalam penyelidikan tindakan ini untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam kemahiran huruf besar dan tanda noktah (.) Bahasa Malaysia Tahun 2.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Semasa mengajar Bahasa Malaysia, saya mendapati enam orang murid tidak menggunakan huruf besar dan tanda noktah (.) pada tempat yang sepatutnya. Ini dibuktikan melalui pemerhatian, hasil kerja murid dan keputusan ujian diagnostik.

Setelah mengenal pasti masalah pembelajaran murid, saya merancang menggunakan teknik garis tiga dan tiga warna untuk meningkatkan penguasaan murid menggunakan huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta tanda noktah (.) pada akhir ayat. Alat pengumpulan data yang sesuai digunakan telah dirancang seperti penelitian dokumen.

Ujian 1 ditadbirkan selepas pemilihan peserta kajian. Selepas itu, penggunaan huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta penggunaan tanda noktah (.) pada akhir ayat diterangkan. Maksud kata nama khas diterangkan dengan memberikan beberapa contoh agar peserta kajian memahami penggunaannya. Teknik garis tiga dan teknik tiga warna serta fungsinya juga diperkenalkan. Kemudian, setiap peserta kajian diberikan empat set latihan untuk mengaplikasikan teknik tersebut. Ujian 2 ditadbirkan setelah selesai sesi tindakan.

Seterusnya, kaedah analisis dokumen dibuat dengan mengumpul data daripada hasil kerja peserta kajian, ujian 1 dan ujian 2 serta penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017) untuk mengenal pasti keberkesanan tindakan yang telah dijalankan.

Pada langkah refleksi, saya menganalisis dan menilai data yang telah dikumpul. Saya membuat refleksi mengenai keberkesanan tindakan terhadap pencapaian objektif kajian serta menentukan tindakan susulan berdasarkan hasil analisis data yang dikumpul.

DAPATAN KAJIAN







Penggunaan Teknik Garis Tiga dan Tiga Warna Dapat Meningkatkan Kemahiran Murid Menguasai Huruf Besar dan Tanda Noktah (.) dalam Penulisan Ayat

Melalui analisis dokumen, buku latihan Bahasa Malaysia peserta kajian membuktikan mereka telah berjaya meningkatkan kemahiran menguasai huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul dalam penulisan ayat. Mereka hanya melakukan kesalahan ejaan dan kata sendi nama. Ini boleh dibuktikan dalam Rajah 2.

Dapatan analisis dokumen ke atas buku latihan peserta kajian ditrangulasi lagi dengan data soal selidik. Data soal selidik membuktikan teknik garis tiga dan tiga warna berjaya meningkatkan kemahiran mereka

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

menguasai huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta tanda noktah (.) dalam penulisan ayat. Semua peserta kajian berpuas hati dengan teknik baharu ini kerana dapat membantu mereka menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul di tempat yang betul. Daripada kajian-kajian lepas, teknik warna berjaya menyelesaikan masalah huruf besar dan tanda noktah (.) murid kerana pendekatan warna mampu menarik minat serta menguatkan fikiran mereka untuk mengingati fungsi dan aspek penggunaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan.

		
SO5	SO12	SO13
		
SO14	SO18	SO20

Rajah 2. Hasil kerja peserta kajian

Penggunaan Teknik Garis Tiga dan Tiga Warna Dapat Meningkatkan Prestasi Murid dalam Penguasaan Huruf Besar dan Tanda Noktah (.) dalam Penulisan Ayat Bahasa Melayu

Analisis dokumen ke atas ujian 1 dan ujian 2 untuk mencari perbezaan peratusan bagi melihat tahap peningkatan prestasi peserta kajian sebelum dan selepas diperkenalkan teknik tersebut. Dapatkan analisis dokumen menunjukkan semua peserta kajian mencapai peningkatan prestasi dalam menguasai huruf besar dan tanda noktah (.) dalam ayat bahasa Melayu dengan teknik garis tiga dan tiga warna. Buktinya dapat diperlihatkan pada Jadual 4.

Jadual 4

Jadual analisis skor ujian 1 dan ujian 2


Bil.	Murid	Skor		Perbezaan Peratusan (%)	Penilaian
		Ujian 1 (%)	Ujian 2 (%)		
1	SO5	30	100	+70	meningkat
2	SO12	40	100	+60	meningkat
3	SO13	35	100	+65	meningkat
4	SO14	40	100	+60	meningkat
5	SO18	15	100	+85	meningkat
6	SO20	30	100	+70	meningkat

Nota:

(+) bermaksud peningkatan berlaku antara skor ujian 1 dan 2

(-) bermaksud penurunan berlaku antara skor ujian 1 dan 2

Graf palang dibina untuk memaparkan peningkatan dan penurunan ujian 1 dan ujian 2 peserta kajian. Ini boleh diperlihatkan pada Rajah 3.



Rajah 3. Pencapaian peserta kajian bagi ujian 1 dan ujian 2

Dapatan analisis dokumen ke atas ujian 1 dan ujian 2 ditrangkulagi lagi dengan data penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017). Ini boleh diperlihatkan pada Jadual 5 menunjukkan semua peserta kajian mengalami peningkatan prestasi.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Jadual 5

Jadual penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017)

Murid	Penilaian Progresif 2 2016 (%)	Penilaian Progresif 1 2017 (%)	Perbezaan Peratusan (%)	Penilaian
SO1	72	68	-4	menurun
SO2	70	64	-6	menurun
SO3	62	66	+4	meningkat
SO4	60	58	-2	menurun
SO5	60	62	+2	meningkat
SO6	93	96	+3	meningkat
SO7	78	68	-10	menurun
SO8	72	74	+2	meningkat
SO9	42	40	-2	menurun
SO10	76	68	-8	menurun
SO11	74	62	-12	menurun
SO12	67	68	+1	meningkat
SO13	50	54	+4	meningkat
SO14	48	50	+2	meningkat
SO15	58	48	-10	menurun
SO16	48	44	-4	menurun
SO17	56	64	+8	meningkat
SO18	73	74	+1	meningkat
SO19	87	90	+3	meningkat
SO20	48	50	+2	meningkat

Nota:

(+) bermaksud peningkatan berlaku antara penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017)

(-) bermaksud penurunan berlaku antara penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017)

REFLEKSI

Setelah melaksanakan analisis dokumen, dapat dilihat keenam-enam peserta kajian berjaya menguasai kemahiran menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul di tempat yang betul. Ini terbukti melalui hasil kerja peserta kajian menunjukkan mereka berjaya menguasai kemahiran menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul walaupun terdapat kesalahan ejaan dan kata sendi nama. Mereka didapati jarang melakukan kesilapan tulisan huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta tanda noktah (.) selepas tindakan dijalankan.

Hasil analisis dokumen ke atas ujian 1 dan ujian 2 serta penilaian progresif 2 (2016) dan 1 (2017) berjaya menunjukkan peningkatan skor peserta kajian sebelum dan selepas diperkenalkan teknik garis tiga dan tiga warna. Semua peserta kajian mencapai peningkatan yang baik dalam nilai peratusan antara kedua-dua ujian dan penilaian progresif. Mereka bersetuju teknik ini dapat membantu mereka memahami seterusnya menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul dalam ayat.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Penambahbaikan kajian ini boleh dilakukan terhadap penguasaan tanda baca lain selain tanda noktah (.). Penguasaan semua jenis tanda baca mampu membantu murid membaca dengan sebutan dan intonasi yang tepat sesuai dengan situasi dan perasaan sewaktu mengujarkan sesuatu perkara. Ini dapat melahirkan murid yang lengkap dengan penguasaan kemahiran berbahasa.

Untuk menarik lagi minat murid terhadap teknik baharu ini, sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) perlu diterapkan. Ini dapat mengelakkan murid daripada jemu dengan teknik yang digunakan di samping mengekalkan minat dan tumpuan murid untuk terus mempelajari dan menguasai huruf besar pada permulaan ayat dan kata nama khas serta tanda noktah (.) dalam penulisan ayat.

Teknik garis tiga dan tiga warna boleh diaplิกasikan dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris. Ini dapat membantu murid mencapai peningkatan dalam Bahasa Malaysia dan mata pelajaran lain seterusnya memperoleh keputusan yang lebih cemerlang dalam akademik berbanding dengan sebelum ini.

PENUTUP

Kesimpulannya, teknik garis tiga dan tiga warna sememangnya dapat meningkatkan kemahiran murid menguasai seterusnya menulis huruf besar dan tanda noktah (.) dengan betul dalam ayat berdasarkan data-data yang telah dikumpul dan dianalisis. Teknik tersebut juga dapat meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan huruf besar dan tanda noktah (.) dalam penulisan ayat bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2015). *Pengantar penyelidikan tindakan edisi kedua*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Habibah Mohd. Samin & Hasnah Awang. (2010). *Siri pendidikan perguruan: Revisi Bahasa Melayu akademik I untuk Pra Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faiziah Shamsudin. (2013). *Siri pengajian Bahasa Melayu: Bahasa Melayu pemulihan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2014). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Siti Abdul Aziz. (2011). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu I edisi kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

KAEDAH MANIPULASI AYAT BERBANTUKAN CARTA POHON DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT PASIF DI-

SHEREENE TUAH¹
ZAINAL KASSAN²

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon. Carta pohon digunakan bagi memudahkan murid-murid memahami konsep binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-yang lebih mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Selain itu, murid-murid mudah untuk menyusun urutan kata bagi struktur binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-, iaitu ‘Objek – di – Kata Kerja – (oleh) – Frasa Nama’. Tiga orang murid Tahun 4 di sebuah sekolah bandar Miri telah terlibat sebagai peserta kajian. Data-data dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Kemudian, data dianalisis menggunakan pengekodan data dan analisis kandungan. Penyelidikan tindakan ini menggunakan Model adaptasi Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Dapatan kajian membuktikan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon berjaya meningkatkan kemahiran murid-murid menguasai struktur binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*. Hal ini bermakna, saya telah berjaya menambah baik amalan pedagogi melalui pelbagai aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid-murid serta menepati hasil pembelajaran. Saya mencadangkan penggunaan tapak pembelajaran khas untuk pengajaran kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-dijadikan sebagai kajian lanjutan pada masa hadapan.

Kata kunci: kaedah manipulasi ayat, carta pohon, ayat aktif, ayat pasif

ABSTRACT

*The main purpose of this action research is to improve the skill to make passive sentence with verb prefix *di*- of a few pupils in Malay language using sentence manipulation method assist with tree chart. Tree chart are used for pupils to easily understand passive sentence structure concept which descent object become main as a title or explanation element. Nevertheless, pupils also easy arrange words in sequence for passive sentence with verb prefix *di*-, which is ‘Object – *di* – verb – (by) – name phrase’. This research consisted of three pupils of Year 4 of a school in Miri. All data are gathered through observation, structured interviews and document analysis. Then, data were analysed using the data encoding and content analysis. This*

action research are performed based on adaptation of the Kurt Lewin(1946) and Laidlaw (1992) Model. The result had shown sentence manipulation method assist with tree chart succeed improved pupils skill in passive sentencewith verb prefix di-. Therefore, I had enhance my pedagogy practice using diverse activity according to pupil desire and ability also accurate to learning outcomes. I suggest to use exceptional education site to teach skill to make passive sentence for the future continuation research.

Keywords: sentence manipulation method, tree chart, active sentence,passivesentence

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan memandang serius isu berkaitan kepentingan penguasaan dan penggunaan tatabahasa yang betul bagi meningkatkan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Malaysia. Modul Tatabahasa merupakan salah satu modul yang baharu diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Standard Kandungan Aspek Tatabahasa digubal bertujuan untuk menentukan keupayaan murid menguasai asas kemahiran berbahasa dengan penggunaan nahu yang betul dan tepat. Tatabahasa diajar secara penyerapan atau sisipan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), senario berbeza dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) apabila tatabahasa diajar sepenuhnya.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2014) menyatakan bahawa ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- terbentuk asalnya daripada ayat aktif transitif dan mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh pakar bahasa dapatlah disimpulkan bahawa pembentukan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- perlulah melalui ayat aktif transitif. Ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- digunakan hanya dengan frasa nama objek orang ketiga. Hal ini bermakna, kata ganti nama diri orang pertama dan orang kedua dianggap tidak lazim dalam binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*.

FOKUS KAJIAN

Kesukaran murid-murid untuk membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- telah dikenal pasti semasa saya mengajar standard pembelajaran 5.3.2, iaitu memahami dan membina ayat aktif dan ayat pasif dengan betul dalam pelbagai situasi. Kekeliruan murid sangat ketara apabila murid-murid dikehendaki membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- bertepatan dengan kenyataan Wong Shio Ho (2011) dalam Normaizam Hamid (2016) yang menyatakan bahawa salah satu kesilapan yang kerap berlaku ialah penggunaan ragam ayat terutamanya ayat aktif transitif dan ayat pasif yang melibatkan pelaku yang terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama dan kedua serta ganti nama diri orang ketiga.

1. Pak Leman <u>membina</u> badan perahu daripada kayu jati.
Pak Leman dibina badan perahu daripada kayu jati.

Rajah 1. Lembaran kerja Murid 3

Dalam Rajah 1, Murid 3 tidak dapat membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-kerana masih mengekalkan frasa nama iaitu, 'Pak Leman' sebagai subjek dan 'badan perahu' sebagai objek. Hal ini bermakna, jawapan yang diberikan oleh Murid 3 kurang tepat kerana kedudukan kata ganti nama diri orang ketiga dan objek tidak berubah sedangkan dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-objek merupakan unsur yang diterangkan ataupun judul. Jelaslah bahawa kekeliruan murid-murid perlu dibimbing menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon untuk memudahkan murid-murid membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-secara berpandu mengikut struktur binaan ayat pasif yang betul dalam lembaran kerja.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon dalam kalangan murid Tahun 4. Kajian ini juga bertujuan membantu murid-murid membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-mengikut struktur binaan ayat pasif yang tepat menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang berikut, iaitu:

- Adakah kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon dapat meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- dalam kalangan murid Tahun 4?
- Adakah murid-murid dapat membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- mengikut struktur binaan ayat pasif yang tepat menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon?

PESERTA KAJIAN

Kajian saya ini melibatkan tiga orang murid yang tidak dibimbing dalam kelas pemulihan walaupun dikategorikan sebagai murid lemah kerana mereka sudah boleh membaca sambil mengeja dan menulis. Dua orang murid yang dipilih berbangsa Iban dan seorang lagi murid berbangsa Melayu. Perbezaan yang ketara pada semua murid ialah bahasa ibunda mereka yang banyak mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Penyelidikan tindakan ini menggunakan Model Adaptasi Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) (Ting Leng Siong, Ahmad Sabry Othman dan Ting Hun Yong 2013). Data-data dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual berstruktur dan analisis dokumen.

Menurut Normaizam Hamid (2016), penggunaan kaedah AKPA dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar Semester tiga Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Namun demikian, penggunaan kaedah AKPA tidak sesuai digunakan untuk mengajar murid-murid Tahun 4 kerana mereka sukar untuk mengingat rumus yang digunakan dalam kaedah AKPA.

Oleh yang demikian, saya memilih untuk mengaplikasikan kaedah manipulasi ayat yang berfokus kepada kemahiran menukar atau memanipulasi bentuk ayat. Seterusnya, saya menjelaskan hukum atau rumus susunan perkataan dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-menggunakan carta pohon untuk memudahkan murid-murid membina ayat pasif tersebut secara berstruktur.

Saya memilih kaedah ini kerana Abdul Aziz Abdul Talib (2000) menyatakan bahawa di Amerika Syarikat keberkesanan kaedah ini telah diuji kaji melalui penyelidikan di sekolah dan terbukti berjaya. Murid-murid yang telah membuat latihan memanipulasi ayat berjaya menghasilkan karangan yang lancar dan sedap dibaca, ayat yang lebih matang dan kompleks, ayat yang lebih beraneka dari segi strukturnya, serta ayat yang gramatis secara keseluruhannya.

Saya tidak boleh mengajar murid-murid sekolah rendah membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- seperti pelajar prauniversiti kerana mereka tidak dapat membayangkan konsep yang abstrak. Haliza Hamzah dan Joy N. Samuel (2009) menyarankan penggunaan bahan konkret terutama untuk mempelajari kemahiran yang baru. Oleh sebab itu, saya telah menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantuan carta pohon untuk memudahkan murid-murid membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- secara berpandu dalam lembaran kerja.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan kaedah manipulasi ayat berbantuan carta pohon dapat meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-serta memudahkan murid-murid memahami struktur binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-yang lebih mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Selain itu, murid-murid mudah untuk menyusun urutan kata bagi struktur binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-, iaitu ‘Objek – di – Kata Kerja – (oleh) – Frasa Nama’.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Jadual 1

Tahap pencapaian murid.

Peratusan Keseluruhan (%)	Tahap Pencapaian	Simbol
80 hingga 100	Cemerlang	C
61 hingga 80	Baik	B
41 hingga 60	Sederhana	S
21 hingga 40	Lemah	L
0 hingga 20	Belum menguasai	BM

Tahap pencapaian murid dibahagikan kepada lima kategori, iaitu belum menguasai, lemah, sederhana, baik dan cemerlang seperti yang terdapat dalam Jadual 1. Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof dan Zaridah Ramli (2014) menyatakan bahawa formula yang digunakan untuk mengira peratusan adalah seperti yang berikut:

$$\text{Peratus} = \frac{\text{Bilangan frekuensi}}{\text{Jumlah keseluruhan}} \times 100\%$$

Jadual 2


Analisis data pemerhatian pencapaian murid semasa Tindakan 1 dan Tindakan 2.

Pemerhatian Semasa Aktiviti	T1	T2	T1	T2	T1	T2
	M1	M1	M2	M2	M3	M3
Membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> -pada carta pohon	//	///-	/	///-	/	///
Latihan pengukuhan	//	///-	/	///-	/	///
Jumlah (/)	4	10	2	10	2	10
%	40	100	20	100	20	100
Tahap Pencapaian	L	C	BM	C	BM	C

Nota: '/'=Ya, 'X'=Tidak '%'=Peratusan, 'M'=Murid, T1=Tindakan 1, T2=Tindakan 2, 'C'=Cemerlang, 'L'=Lemah, 'BM'=Belum Menguasai

Sumber: Ubah suai daripada Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014)

Berdasarkan analisis data pemerhatian pada Jadual 2, Murid 1 mencatatkan pencapaian pada tahap lemah selepas Tindakan 1. Manakala, Murid 2 dan Murid 3 berada pada tahap belum menguasai selepas Tindakan 1. Namun demikian, semua murid mencatatkan pencapaian yang amat cemerlang selepas Tindakan 2. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan murid-murid tidak dapat membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-pada Tindakan 1 kerana mereka masih belum mahir menggunakan carta pohon.



Rajah 2. Pencapaian pembelajaran murid

Dalam pada itu, dapatan data pemerhatian juga disokong oleh data daripada analisis dokumen. Berdasarkan analisis dokumen dalam Rajah 2, Murid 1 dapat membina dua daripada lima ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-sebelum tindakan. Selepas kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon diperkenalkan, Murid 1 berjaya membina lima ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-mengikut struktur binaan ayat pasif yang betul dan tepat serta mencatatkan peningkatan sederhana.

Manakala, Murid 2 dan Murid 3 berjaya membina lima ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-mengikut struktur binaan ayat pasif yang betul dan tepat selepas tindakan serta mencatatkan peningkatan yang amat cemerlang dalam kemahiran membina ayat pasif selepas menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon. Hal ini bermakna, kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon sangat sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*- dalam kalangan murid Tahun 4.

Jadual 3

Analisis data temu bual Soalan Kajian 1.

Item Temu Bual	T1	T2	T1	T2	T1	T2
	M1	M1	M2	M2	M3	M3
Adakah anda dapat membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> - menggunakan carta pohon?	X	/	X	/	X	/
Adakah anda dapat membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> -tanpa bimbingan guru?	X	/	X	/	X	/
Jumlah (/)	0	2	0	2	0	2
%	0	100	0	100	0	100
Tahap Pencapaian	S	C	S	C	S	C

Nota: '/'=Ya, 'X'=Tidak '%'=Peratusan, 'M'=Murid, T1=Tindakan 1, T2=Tindakan 2, 'C'=Cemerlang, 'S'=Sederhana

Sumber: Ubah suai daripada Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014)

Dapatan data analisis dokumen juga disokong oleh data daripada transkripsi temu bual dalam Jadual 3. Semua murid menyatakan bahawa mereka tidak dapat membina ayat pasif pada Tindakan 1 kerana mereka

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

baharu pertama kali menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon. Setelah, menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon pada Tindakan 2 murid-murid dapat membina ayat pasif mengikut struktur binaan ayat pasif yang tepat. Hal ini bermakna, murid-murid semakin mahir dan cekap menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon selepas Tindakan 2. Perkara ini membuktikan bahawa kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon dapat meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-* dalam kalangan murid Tahun 4.

Jadual 4

Analisis data temu bual Soalan Kajian 2.

Item Temu Bual	T1	T2	T1	T2	T1	T2
	M1	M1	M2	M2	M3	M3
Adakah objek akan berubah menjadi subjek dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> ?	X	/	X	/	X	/
Adakah imbuhan pada kata kerja aktif transitif berubah dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> ?	/	/	/	/	/	/
Adakah kedudukan frasa nama berubah dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> ?	X	/	X	/	X	/
Adakah perkataan 'oleh' perlu ditulis sebelum frasa nama dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> ?	/	/	/	/	/	/
Adakah unsur keterangan perlu ditulis selepas frasa nama dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan <i>di</i> ?	/	/	X	/	X	/
Jumlah (J)	3	5	2	5	2	5
%	60	100	40	100	40	100
Tahap Pencapaian	S	C	L	C	L	C

Nota: '='=Ya, 'X'=Tidak '%'=Peratusan, 'M'=Murid, T1=Tindakan 1, T2=Tindakan 2, 'C'=Cemerlang, 'S'=Sederhana, 'L'=Lemah

Sumber: Ubah suai daripada Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014)

Seterusnya, kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon dapat membantu murid-murid membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-mengikut struktur binaan ayat pasif yang tepat. Perkara ini terbukti pada hasil dapatan melalui kaedah temu bual dalam Jadual 4, semua murid menyatakan bahawa kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon memudahkan mereka membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di*-secara berpandu mengikut struktur binaan ayat pasif yang tepat.

Sebelum tindakan, murid-murid tidak pasti sama ada objek akan berubah menjadi subjek dalam ayat pasif sedangkan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2014) menyatakan bahawa ayat pasif terbentuk asalnya daripada ayat aktif transitif dan

mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Selepas menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantuan carta pohon semua murid yakin bahawa objek berubah menjadi subjek dalam ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-*.

Jadual 5

Analisis data pemerhatian pencapaian murid semasa Tindakan 1 dan Tindakan 2.

Item Pemerhatian Aktiviti Membina Ayat Pasif Dengan Kata Kerja Yang Berimbuhan Awalan <i>di-</i>	T1	T2	T1	T2	T1	T2
	M1	M1	M2	M2	M3	M3
Objek	X	/	X	/	X	/
Imbuhan kata kerja	/	/	/	/	/	/
Perkataan oleh	/	/	/	/	/	/
Frasa nama	X	/	X	/	X	/
Unsur keterangan	/	/	X	/	X	/
Jumlah (/)	3	5	2	5	2	5
%	60	100	40	100	40	100
Tahap Pencapaian	S	C	L	C	L	C

Nota: '/'=Ya, 'X'=Tidak '%'=Peratusan, 'M'=Murid, T1=Tindakan 1, T2=Tindakan 2, 'C'=Cemerlang, 'S'=Sederhana, 'L'=Lemah

Sumber: Ubah suai daripada Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014)

Dalam pada itu, dapatan data pemerhatian juga disokong oleh data daripada analisis dokumen yang terkandung dalam Jadual 6, semua murid mencatatkan tahap pencapaian yang baik kerana mereka masih mengekalkan kedudukan frasa nama sebagai subjek, kedudukan objek juga dikekalkan dan unsur keterangan tidak ditulis selepas frasa nama pada Tindakan 1. Berbeza pula keputusan yang diperoleh pada Tindakan 2, murid-murid mencatatkan pencapaian yang amat cemerlang selepas mereka mahir menggunakan kaedah manipulasi ayat berbantuan carta pohon.

Jadual 6

*Analisis dokumen ayat berpandukan struktur binaan ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-**

Struktur Binaan Ayat Pasif Dengan Kata Kerja Yang Berimbuhan Awalan <i>di-</i>	T1	T2	T1	T2	T1	T2
	M1	M1	M2	M2	M3	M3
Objek	///	---	//	---	//	---
Imbuhan kata kerja	///	---	///	---	///	---
Perkataan oleh	///	---	///	---	///	---
Frasa nama	///	---	///	---	///	---
Unsur keterangan	///	---	///	---	///	---
Jumlah (/)	19	25	16	25	17	25
%	76	100	64	100	68	100
Tahap Pencapaian	B	C	B	C	B	C

Nota: '/'=Ya, 'X'=Tidak '%'=Peratusan, 'M'=Murid, T1=Tindakan 1, T2=Tindakan 2, 'C'=Cemerlang, 'B'=Baik

Sumber: Ubah suai daripada Ho Ho Tong dan rakan-rakan (2014)

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kaedah temu bual berstruktur, kaedah pemerhatian serta kaedah analisis dokumen jelaslah bahawa kaedah manipulasi ayat berbantukan carta pohon dapat meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-* dalam kalangan murid Tahun 4.

REFLEKSI

Sebelum kajian dijalankan susah untuk menarik minat murid-murid kerana kebanyakan mereka mempunyai latar belakang keluarga yang kurang mendapat perhatian daripada ibubapa serta tidak bermotivasi untuk berjaya dalam bidang akademik. Setelah melaksanakan kajian, saya mendapati sikap mereka telah berubah daripada pasif kepada aktif ketika aktiviti dijalankan. Semua lembaran kerja dijawab dengan betul dan tepat.

Saya muhasabah diri dan berusaha menambah baik amalan pedagogi dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran abad ke-21. Pembelajaran abad ke-21 lebih berpusatkan murid, kemahiran berfikir aras tinggi dan guru hanya berperanan sebagai fasilitator serta pemudah cara kepada murid-murid. Oleh sebab itu, saya telah menggunakan strategi berpusatkan murid dan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi melalui penggunaan carta pohon yang merupakan adaptasi daripada peta pokok serta mengaplikasikan kaedah manipulasi ayat untuk meningkatkan kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-* murid-murid Tahun 4.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mencadangkan penggunaan tapak pembelajaran khas untuk pengajaran kemahiran membina ayat pasif dengan kata kerja yang berimbuhan awalan *di-* dijadikan sebagai kajian lanjutan pada masa hadapan. Pengaplikasian tapak pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran berupaya meningkatkan kefahaman dan keupayaan murid dalam pelajaran dan memberikan peluang pembelajaran secara lebih berkesan dengan bimbingan minimum kepada semua murid yang mempunyai pelbagai keupayaan.

PENUTUP

Kesimpulannya, guru perlu memperlengkapkan diri dengan kemahiran kompetensi yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran guru dalam mendidik murid-muridnya. Seterusnya, guru perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi meransang minat dan semangat murid untuk terus belajar.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel.(2009). *Perkembangan kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Ho, H. T., Rahmah Murshidi, Gan, W.L., Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H.Y., Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan: Teori dan amalan*. Kota Samarahan: Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi Profesionalisme Keguruan.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli.(2014). *Penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood.(2014). *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normaizam Hamid. (2016). *Penggunaan AKPA untuk meningkatkan kemahiran menukar ayat aktif kepada ayat pasif*. Prosiding seminar penyelidikan tindakan pendidik guru 2016. 27 April 2016. Besut: Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan. 17-23.
- Ting, L.S., Ahmad Sabry Othman & Ting, H.Y. (2013).*Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email:¹shereenetuah@gmail.com, ²zainalkassan@gmail.com

PENGGUNAAN KAEDEH IMEJ VISUAL “JARI PINTAR” DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT MAJMUK GABUNGAN MURID TAHUN TIGA

**SITI KARTINI JEMAT¹
SELINA AHMAD²**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ dalam penulisan ayat murid Tahun Tiga menggunakan kaedah imej visual “Jari Pintar”. Selain itu, penyelidikan tindakan ini turut memberikan ruang penambahbaikan amalan pembelajaran dan pengajaran saya bagi membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ dalam penulisan ayat melalui penggunaan kaedah imej visual “Jari Pintar”. Dua jenis kata hubung yang difokuskan dalam penyelidikan ini, iaitu ‘dan’ serta ‘tetapi’. Saya telah menggunakan Model Kajian Stephen Kemmis (1983) dalam penyelidikan ini. Seramai lima orang murid Tahun 3 yang berada di salah sebuah sekolah bandar Miri telah terlibat sebagai peserta kajian. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan kaedah imej visual “Jari Pintar” dapat membantu murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ dalam penulisan ayat. Di samping itu, kaedah ini juga telah menambah baik amalan pengajaran saya untuk membantu murid-murid membina ayat majmuk gabungan dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: imej visual, ayat majmuk, kata hubung, penulisan

ABSTRACT

This action research was conducted to help to increase the pupils' ability to make compound sentences by using conjunctions 'dan' and 'tetapi' in sentence writing among pupils in Year 3 by visual image "Jari Pintar". In addition, this action research also encouraged the improvement of the teaching of the researcher to help pupils to increase the pupils' ability to make compound sentences by using conjunctions 'dan' and 'tetapi' in sentence writing by using visual images "Jari Pintar". Two types of conjunction that were focused in this research were 'dan' and 'tetapi'. I used the model of Stephen Kemmis (1983) in this research. This research consisted of five pupils of Year 3 of a school in Miri. The data were gathered through observation, interview and document analysis. The result had shown the visual image "Jari Pintar" could help pupils to increase the pupils' ability to make compound sentences by using conjunctions 'dan' and 'tetapi' in sentence writing. In addition, the method too had improved my teaching practice to help pupils to increase the pupils' ability to make compound sentences by using conjunctions in Malay language.

Keywords: visual image, compound sentences, conjunction, writing

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Melayu melibatkan tiga kemahiran asas bahasa, iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis. Khairuddin Mohamad dan rakan-rakan (2013) menjelaskan bahawa kurangnya penguasaan sesuatu kemahiran asas bahasa akan menjelaskan penguasaan kemahiran asas bahasa yang lain. Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011) menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling kompleks berbanding kemahiran lain. Binaan ayat khususnya ayat majmuk hendaklah dikuasai oleh murid untuk menghasilkan penulisan yang baik.


Praktikum sebanyak tiga fasa yang saya jalani telah memberi pelbagai pendedahan kepada saya berkaitan masalah murid-murid semasa mempelajari bahasa Melayu. Pada Fasa I dan II, saya mengajar kelas Tahun Tiga, Empat dan Lima manakala pada Fasa III, saya mengajar kelas Tahun Tiga. Saya menyedari wujudnya masalah kemahiran menulis terutama membina ayat majmuk gabungan. Murid-murid tersebut mempunyai tahap kognitif yang berbeza. Masalah paling ketara ialah murid kurang berupaya mengembangkan idea dalam membina ayat. Murid cenderung membina ayat tunggal sahaja. Masalah ini akan berlarutan jika murid tidak diberi bimbingan.

Saya telah menggunakan kaedah imej visual “Jari Pintar” dalam membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ bagi menghasilkan penulisan yang lebih baik.


FOKUS KAJIAN

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, saya mendapati masalah membina ayat wujud dalam kalangan murid-murid. Mereka sering mengatakan tidak tahu membina ayat yang panjang. Melalui pemerhatian, saya mendapati murid tidak atau kurang berminat belajar tentang ayat majmuk gabungan sekali gus menyebabkan tidak memberi perhatian, tidak aktif dan tidak menghantar latihan. Oleh itu, saya mendapati masalah utama yang perlu difokuskan ialah binaan ayat majmuk menggunakan kata hubung gabungan, iaitu ‘dan’ serta ‘tetapi’. Rajah 1 menunjukkan hasil jawapan murid A dan Rajah 2 menunjukkan hasil jawapan murid B.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)



Rajah 1. Hasil jawapan murid A



Rajah 2. Hasil jawapan murid B

Merujuk Rajah 1 dan Rajah 2, murid A dan murid B mempunyai masalah yang sama, iaitu cenderung membina ayat tunggal. Masalah ini akan mempengaruhi aspek penulisan seterusnya menjelaskan keputusan terutamanya dalam bahagian penulisan, iaitu Kertas 2. Murid yang membina ayat tunggal sahaja tidak akan mendapat markah penuh. Kewujudan masalah ini telah mencetuskan idea untuk melaksanakan strategi yang lebih berkesan.

Saya mencadangkan kaedah imej visual untuk membantu murid membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ dalam penulisan ayat mereka.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- i. membantu murid Tahun Tiga meningkatkan kemahiran murid membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ menggunakan kaedah imej visual “Jari Pintar”, dan
- ii. menambah baik amalan pengajaran untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian berikut;

- i. Dapatkah kaedah imej visual “Jari Pintar” membantu murid Tahun Tiga meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’, da
- ii. Adakah saya dapat menambah baik amalan pengajaran untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’?.

PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian, iaitu dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan Tahun 3 daripada sebuah sekolah di bahagian Miri. Peserta kajian terdiri daripada golongan majoritinya kaum Melayu. Tiga orang peserta kajian merupakan kaum Melayu, seorang peserta daripada kaum Iban dan seorang peserta kajian lagi merupakan kaum Bidayuh. Kebanyakan peserta kajian tinggal di sekitar bandar Miri. Murid-murid ini dipilih menjadi peserta kajian adalah berdasarkan beberapa ciri yang dikehendaki untuk kajian tindakan ini.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya menggunakan Model Stephen Kemmis yang melibatkan dua kitaran sebagai panduan. Georgina Chabu (2014) telah menggunakan imej visual “Tangan Saya” sebagai bahan bantu untuk mengajar enam jenis tanda baca. Saya telah menggunakan imej visual “Jari Pintar” sebagai bahan bantu untuk mengajar murid membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’. Terdapat empat simbol visual, iaitu kumpulan Subjek, Predikat, Kata Hubung dan Ayat. Saya memperkenalkan kaedah imej visual “Jari Pintar” terlebih dahulu. Ini dapat dilihat dalam Rajah 3, Rajah 4, Rajah 5, dan Rajah 6.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)



Rajah 3. Simbol visual bagi kumpulan Subjek



Rajah 4. Simbol visual bagi kumpulan Predikat



Rajah 5. Simbol visual bagi kumpulan Kata Hubung



Rajah 6. Simbol visual bagi kumpulan Ayat

Pelaksanaan kajian dapat dilihat daripada Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1

Pelaksanaan Aktiviti Kitaran 1

Aktiviti	Penerangan Aktiviti
Aktiviti 1 (Sebelum Tindakan) Tarikh : 27 Julai 2016	Murid membuat latihan membina ayat.
Aktiviti 2 Tarikh : 1 Ogos 2016	Pelaksanaan aktiviti latihan membina dan menulis ayat majmuk tanpa bantuan gerakan simbol visual “Jari Pintar” ulangan maksimum sebanyak dua kali.
Aktiviti 3 Tarikh : 1 Ogos 2016	Pelaksanaan aktiviti latihan membina dan menulis ayat majmuk gabungan dengan bantuan gerakan simbol visual “Jari Pintar” dengan ulangan maksimum sebanyak dua kali.
Aktiviti 4 (Selepas Tindakan) Tarikh : 15 Ogos 2016	Latihan tanpa simbol visual “Jari Pintar” dalam membina ayat majmuk gabungan.

Jadual 2

Pelaksanaan Aktiviti Kitaran 2

Aktiviti	Penerangan Aktiviti
Aktiviti 1 Tarikh : 24 Ogos 2016	Peserta kajian membuat latihan membina ayat majmuk gabungan menggunakan imej visual. Latihan ini memfokuskan kepada dua kata hubung iaitu ‘dan’ serta ‘tetapi’.
Aktiviti 2 Tarikh : 29 Ogos 2016	Peserta kajian membuat latihan membina ayat majmuk gabungan tanpa imej visual dengan bantuan panduan imej visual simbol “Jari Pintar”. Peserta kajian merujuk panduan.
Aktiviti 3 Tarikh : 19 September 2016	Peserta kajian membuat latihan membina ayat majmuk gabungan tanpa imej visual. Tiada lagi panduan imej visual ditunjukkan sebagai rujukan. Aktiviti dilaksanakan secara koperatif.
Aktiviti 4 Tarikh : 3 Oktober 2016	Latihan membina ayat majmuk gabungan tanpa imej visual dalam bentuk perenggan pendek. Aktiviti dilaksanakan secara koperatif.

Tiga cara pengumpulan data, iaitu pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Saya membuat pemerhatian untuk memastikan masalah ini wujud. Saya menjalankan temu bual untuk mengetahui perkembangan kemahiran mereka membina ayat majmuk gabungan. Saya telah menyediakan lapan lembaran bagi melihat penguasaan peserta kajian

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

membina ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kaedah ini. Saya menganalisis data dalam bentuk jadual.

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ melalui kaedah imej visual “Jari Pintar” dalam kalangan murid Tahun Tiga

Penggunaan kaedah ini dapat membantu meningkatkan kemahiran peserta kajian membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’. Aktiviti dalam Kitaran 2 telah diubah suai dengan menerapkan kaedah pembelajaran secara koperatif. Jadual 3 dan Jadual 4 memperlihatkan hasil analisis lembaran kerja bertulis.

Jadual 3

Peratusan keseluruhan analisis lembaran kerja bertulis Kitaran 1

Peserta Kajian	Lembaran Kerja Bertulis				Jumlah Peratus	Jumlah Keseluruhan (%)
	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)		
PK1	40	25	60	75	200	50
PK2	20	50	60	75	210	52.5
PK3	0	25	40	50	115	28.75
PK4	0	50	60	75	185	46.25
PK5	20	50	60	75	205	51.25

Nota: ‘%’ = Peratusan, ‘PK’ = Peserta Kajian

Berdasarkan Jadual 3, peningkatan dilihat pada Peserta Kajian 2, 4 dan 5. Peserta Kajian 2 mendapat jumlah peratus keseluruhan yang paling tinggi, iaitu 52.5% manakala Peserta Kajian 3 adalah paling rendah, iaitu 28.75%. Peserta Kajian 3 masih lemah dalam pembinaan ayat majmuk gabungan walaupun menggunakan kaedah imej visual “Jari Pintar”. Aktiviti dalam Kitaran 2 telah diubah suai. Saya menambah baik aktiviti saya dengan menerapkan kaedah pembelajaran secara koperatif.

Jadual 4

Peratusan keseluruhan analisis lembaran kerja bertulis Kitaran 2

Peserta Kajian	Lembaran Kerja Bertulis				Jumlah Peratus	Jumlah Keseluruhan (%)
	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)		
PK1	50	75	75	100	300	75
PK2	50	75	75	100	300	75
PK3	25	50	75	75	225	56.25
PK4	50	50	75	100	275	68.75
PK5	75	75	75	100	325	81.25

Nota: ‘%’ = Peratusan, ‘PK’ = Peserta Kajian

Merujuk Jadual 4, peratusan keseluruhan paling tinggi adalah 81.25% yang diperoleh oleh Peserta Kajian 5. Peratusan keseluruhan Peserta Kajian 1 dan 2 adalah sama, iaitu 75%. Peratusan keseluruhan Peserta Kajian 3 meningkat daripada 28.75% dalam Kitaran 1 kepada 56.25% dalam Kitaran 2. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif dapat membantu Peserta Kajian 3 berjaya mencapai tahap sederhana. Seterusnya, dapatan Pemerhatian 1 dimuatkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Dapatkan senarai semak pemerhatian tingkah laku bagi 5 orang peserta kajian (Pemerhatian 1)

Peserta Kajian	Item Pemerhatian					Jumlah 'I'	%
	1	2	3	4	5		
PK1	X	X	/	X	X	2	40
PK2	X	X	X	/	X	1	20
PK3	X	X	/	/	X	2	40
PK4	X	X	X	/	X	1	20
PK5	/	X	X	X	X	1	20

Nota: 'I' = Ya, 'X' = Tidak, '%' = Peratusan, 'PK' = Peserta Kajian

Berdasarkan Jadual 5, tiada peserta kajian yang mendapat 100%. Peserta Kajian 1 dan 3 memperoleh 40% dan peserta kajian yang lain pula hanya memperoleh 20%. Namun, setelah saya memperkenalkan kaedah imej visual "Jari Pintar", semua peserta kajian menunjukkan peningkatan dalam tingkah laku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Analisis dapatan Pemerhatian 2 pula dalam dimuatkan Jadual 6

Jadual 6

Dapatkan senarai semak pemerhatian tingkah laku bagi 5 orang peserta kajian (Pemerhatian 2)

Peserta Kajian	Item Pemerhatian					Jumlah 'I'	%
	1	2	3	4	5		
PK1	/	/	/	/	/	5	100
PK2	/	/	/	/	/	5	100
PK3	/	/	/	X	X	3	60
PK4	/	/	/	/	/	5	100
PK5	/	/	/	/	/	5	100

Nota: 'I' = Ya, 'X' = Tidak, '%' = Peratusan, 'PK' = Peserta Kajian

Jadual 6 menunjukkan empat orang peserta kajian, iaitu Peserta Kajian 1, 2, 4 dan 5 mendapat 100%. Peserta Kajian 3 memperoleh 60%. Ini menunjukkan kaedah imej visual "Jari Pintar" mampu menarik minat dan meningkatkan kemahiran peserta kajian membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'dan' serta 'tetapi'. Kemudian, dapatan temu bual diperincikan dalam Jadual 7 dan Jadual 8.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Jadual 7

Dapatan temu bual bagi 5 orang peserta kajian (Sebelum)

Peserta Kajian	Soalan					Jumlah	%
	S1	S2	S3	S4	S5		
PK1	X	X	/	/	/	3	60
PK2	/	X	/	/	X	3	60
PK3	X	X	X	/	X	2	20
PK4	X	X	/	/	X	2	40
PK5	X	X	X	/	X	1	20

Nota: '/' = Ya, 'X' = Tidak, '%' = Peratusan, 'S' = Soalan, 'PK' = Peserta Kajian

Jadual 7 menunjukkan Peserta Kajian 1 dan 2 memperoleh 60%. Manakala Peserta Kajian 4 memperoleh 40%, Peserta Kajian 3 dan 5 pula mendapat 20%. Peningkatan dapat dilihat setelah saya memperkenalkan kaedah imej visual “Jari Pintar”.

Jadual 8

Dapatan temu bual bagi 5 orang peserta kajian (Selepas)

Peserta Kajian	Soalan					Jumlah	%
	S1	S2	S3	S4	S5		
PK1	/	/	/	/	/	5	100
PK2	/	/	/	/	/	5	100
PK3	/	X	/	/	X	2	40
PK4	/	/	/	/	/	5	100
PK5	/	/	/	/	/	5	100

Nota: '/' = Ya, 'X' = Tidak, '%' = Peratusan, 'S' = Soalan, 'PK' = Peserta Kajian

Merujuk Jadual 8, Peserta Kajian 1, 2, 4 dan 5 memperoleh 100% manakala Peserta Kajian 3 memperoleh 40%. Hasil analisis dapatan yang diperoleh melalui analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual jelas menunjukkan penggunaan kaedah imej visual “Jari Pintar” mempu meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’.

Kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ dalam amalan pengajaran

Sebelum kaedah ini diperkenalkan, saya mendapati murid sering membina ayat tunggal sahaja dan tidak berminat untuk membina ayat majmuk gabungan. Untuk menambah baik amalan, saya telah menggunakan kaedah imej visual “Jari Pintar” sebagai rangsangan dalam setiap pembelajaran membina ayat majmuk dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’. Imej visual jari digunakan melambangkan maksud-maksud tersendiri. Saya juga menambah baik aktiviti dengan menerapkan pembelajaran secara koperatif pada Kitaran 2. Hasil dapatan analisis dokumen dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2 ini dapat dirumuskan dalam Jadual 9.

Jadual 9

Hasil dapatan analisis dokumen dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Peserta Kajian	Kitaran 1 (%)	Kitaran 2 (%)
PK1	50	75
PK2	52.5	75
PK3	28.75	56.25
PK4	46.25	68.75
PK5	51.25	81.25

Nota: '%' = Peratusan, 'PK' = Peserta Kajian

Berpandukan Jadual 9, peratusan keseluruhan analisis dokumen, iaitu lembaran kerja bertulis dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2 bagi semua peserta kajian telah meningkat. Penambahbaikan terhadap aktiviti dalam Kitaran 2 telah membantu amalan pengajaran saya untuk membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'dan' serta 'tetapi'.

Berdasarkan hasil temu bual, hampir semua peserta kajian menyatakan bahawa mereka suka membina ayat majmuk gabungan selepas menggunakan imej visual "Jari Pintar". Hasil dapatan pemerhatian 2 memperlihatkan hampir kesemua peserta kajian melibatkan diri secara aktif semasa membuat aktiviti membina ayat majmuk gabungan. Hal ini menunjukkan amalan pengajaran saya dalam membantu murid-murid membina ayat majmuk dengan kata hubung 'dan' serta 'tetapi' dapat dipertingkatkan menerusi penggunaan kaedah imej visual "Jari Pintar" ini.

REFLEKSI

Pelaksanaan kajian tindakan ini memberikan kesan positif kepada saya dan peserta kajian. Pada mulanya, murid-murid menunjukkan sikap yang kurang berminat dan tidak memberi perhatian sehingga saya menggunakan kaedah imej visual. Saya telah menggunakan kaedah ini dalam membantu murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan. Hasil temu bual menunjukkan imej visual simbol tangan, iaitu "Jari Pintar" yang digunakan dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan. Penggunaan kaedah imej visual sebagai bahan bantu mengajar mampu menarik minat murid memberi perhatian semasa guru menerangkan isi pembelajaran.

Peserta kajian mula menunjukkan minat dengan memberikan perhatian semasa guru menerangkan isi pelajaran, menyiapkan latihan secara individu, dan aktif semasa membina ayat majmuk gabungan. Kekerapan membina ayat tunggal semakin kurang. Hampir semua peserta kajian memperoleh peningkatan peratusan berdasarkan lembaran kerja bertulis yang diberikan. Perkara ini memberi kesedaran kepada saya bahawa setiap murid berpeluang memperbaiki kelemahan jika diberi bimbingan berterusan. Kaedah ini bukan sahaja menarik minat dan perhatian peserta kajian malah telah meningkatkan lagi prestasi peserta kajian dalam penulisan bahasa Melayu.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan pertama ialah penggunaan kaedah imej visual “Jari Pintar” dalam membina ayat majmuk pancangan menggunakan kata hubung pancangan komplemen ‘bahawa’. Kedua, penggunaannya dalam membina ayat majmuk keterangan menggunakan kata hubung keterangan ‘kerana’. Ketiga, penggunaannya dalam membina ayat majmuk keterangan menggunakan kata hubung keterangan ‘sebab’. Keempat, penggunaannya dalam aktiviti permainan bahasa. Permainan bahasa dapat menarik minat dan perhatian murid terhadap isi pelajaran. Ini dibuktikan dengan kajian Ilangko Subramaniam (2014) yang menyatakan bahawa permainan bahasa dapat menarik minat dan penglibatan murid secara aktif, mendorong murid berfikir secara kritis serta membangkitkan keinginan untuk belajar. Kelima, penggunaannya dalam kemahiran membaca ayat majmuk. Murid dapat mengenal pasti bahagian frasa yang mewakili subjek, predikat dan kata hubung dalam ayat yang dibaca.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah imej visual “Jari Pintar” dapat membantu murid Tahun Tiga meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk gabungan dengan kata hubung ‘dan’ serta ‘tetapi’ serta menambah baik amalan pengajaran binaan ayat majmuk gabungan. Walaupun dapatkan kajian yang diperoleh bukanlah 100% mencapai tahap cemerlang, namun kemahiran membina ayat majmuk dalam kalangan peserta kajian adalah meningkat. Justeru itu, seorang guru perlulah menguasai pelbagai teknik dan kaedah pengajaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

RUJUKAN

- Georgina Chabu. (2014). *Kaedah imej visual “Tangan Saya” untuk meningkatkan penguasaan murid Tahun Empat terhadap tanda baca*. Miri: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ilangko Subramaniam. (2014). *Aktiviti permainan bahasa, wahana penguasaan kosa kata*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 1-9.
- Khairuddin Mohamad, Mariah Alias & Faiziah Hj. Shamsuddin. (2013). *Bahasa Melayu pemulihan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran kemahiran bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

PENGGUNAAN “SET KEMAS” MEMBANTU MURID TAHUN DUA MENULIS DENGAN KEMAS

**SITI NORMARNI ADZMI¹
AINAH JULHEE²**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid tahun dua di sebuah sekolah di daerah Miri untuk menulis dengan kemas. Kajian tindakan ini menggunakan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946). Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan seorang murid perempuan. Kajian ini memfokuskan penggunaan “Set Kemas–Buku Garis Tiga” bagi meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menulis huruf a dan k serta penggunaan “Set Kemas–Pensel Penanda Jarak” bagi meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual untuk tujuan triangulasi data. Analisis data daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual bersama murid telah menunjukkan penggunaan “Set Kemas–Buku Garis Tiga” dan “Set Kemas–Pensel Penanda Jarak” dapat meningkatkan kekemasan tulisan peserta kajian.

Kata Kunci: “Set Kemas”, buku garis tiga, pensel penanda jarak, penulisan huruf a dan k, penjarakan yang sesuai antara perkataan

ABSTRACT

This action research was conducted to help Year 2 pupils in one of the schools in Miri to write neatly. This action research utilised an action research model by Kurt Lewin (1946). Respondents were selected for this study consists of three boys and one girl. This action research focused on the use of “Neat Kit–Three Lines Book” to improve the pupils’ handwriting in writing letter a and k and also the use of “Neat Kit–Distance Measures Pencil” in improving the pupils’ handwriting to produce a suitable distance between words. Data were collected using document analysis, observation and interview for data triangulation purpose. Data analysis from document analysis, observation and interview with the pupils showed the use of “Neat Kit–Three Lines Book” and “Neat Kit–Distance Measures Pencil” can improve the respondents’ handwriting.

Keywords: “Neat Set”, three lines book, distance measures pencil, writing letter a and k, suitable distance between words

PENGENALAN

Menulis merupakan kata kerja yang bermaksud perbuatan mencatat dengan menggunakan alat tulis dan merupakan proses penyaluran maklumat Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). Oleh hal demikian, keupayaan menulis merupakan salah satu kemahiran yang menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah.

Penguasaan dalam kemahiran menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan dalam mata pelajaran yang lain Chow Fook Meng dan Jaizah Mahmud (2011).

Sehubungan itu, tulisan yang tidak kemas akan menyebabkan ketidakfahaman berlaku serta dapat menyulitkan proses pembacaan. Oleh hal yang demikian, penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bagi membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan.

FOKUS KAJIAN

Menyedari sebahagian besar murid Tahun 2 A mempunyai masalah tulisan yang kurang kemas dan sukar dibaca, maka fokus kajian yang difokuskan oleh saya adalah untuk membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan iaitu dari segi penulisan huruf a dan k serta dari segi penjarakan yang sesuai di antara perkataan.

Masalah penulisan huruf a dan k dapat diperhatikan oleh saya apabila saya menyemak latihan dalam lembaran kerja penulisan. Dalam lembaran kerja tersebut, murid-murid tidak dapat menulis huruf a dan k dengan bentuk yang betul, saiz huruf a dan k yang terlalu besar dan terlalu kecil serta huruf-huruf tersebut juga ditulis diluar garisan.

Selain itu, masalah penjarakan yang tidak sesuai antara perkataan juga kerap dilakukan oleh murid-murid. Penjarakan yang tidak sesuai di antara perkataan ini menyebabkan sesuatu hasil tulisan tidak dapat dibaca dengan jelas. Hal ini disokong Suhaimi Yunus (2009), yang menyatakan bahawa masalah penjarakan di antara perkataan akan memberi kesan kepada kekemasan tulisan. Oleh itu, sesuatu tindakan haruslah dilaksanakan dari awal lagi, agar masalah ini dapat diatasi.

Sehubungan itu, "Set Kemas" digunakan bagi membantu murid menulis dengan tulisan. "Set Kemas" merupakan kit pembelajaran yang diperbuat daripada kotak. "Set Kemas" terdiri daripada dua set utama iaitu "Set Kemas-Buku Garis Tiga" yang digunakan bagi meningkatkan kekemasan tulisan dalam menulis huruf a dan k, serta "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak" yang digunakan bagi meningkatkan kekemasan tulisan dalam menghasilkan jarak yang sesuai di antara perkataan.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk (a) membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menulis huruf a dan k dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga"; dan (b) membantu murid meningkatkan

kekemasan tulisan murid dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan dengan menggunakan "Set Kemas–Pensel Penanda Jarak".

Selaras dengan objektif tersebut, soalan kajian ini ialah (a) Adakah penggunaan "Set Kemas–Buku Garis Tiga" dapat membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menulis huruf a dan k?; dan (b) Adakah penggunaan "Set Kemas–Pensel Penanda Jarak" dapat meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan dengan menggunakan "Set Kemas–Pensel Penanda Jarak"?

PESERTA KAJIAN

Empat orang murid Tahun 2 A yang terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan seorang murid perempuan telah terpilih sebagai peserta kajian. Peserta kajian ini telah dikenal pasti kerana mereka tidak dapat menulis dengan kemas iaitu dari segi penulisan huruf a dan k serta dari segi penghasilan jarak yang sesuai di antara perkataan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelaksanaan kajian tindakan ini dilaksanakan dengan merujuk kepada Model Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin (1946). Terdapat dua langkah yang telah dilaksanakan dalam menjalankan kajian tindakan ini. Langkah-langkah tersebut adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Jadual 1

Langkah yang dilaksanakan dalam menjalankan kajian tindakan

Langkah	Latihan	Tindakan	Tarikh Pelaksanaan
A	Menulis huruf a dan k	Latihan menulis huruf a dan k dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga". (Sebelum latihan dimulakan, guru mengedarkan lembaran penulisan huruf besar dan kecil kepada murid-murid. Kemudian guru menerangkan cara yang betul bagi menulis huruf-huruf tersebut berdasarkan lembaran yang diberikan)	08 Februari 2017
B		Latihan menulis perkataan dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga"	9 Februari 2017
C		Latihan menulis ayat dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga".	10 Februari 2017

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)


	A	Latihan menulis ayat dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	13 Februari 2017
Menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan	B	Latihan menulis Petikan 1 dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	14 Februari 2017
	C	Latihan menulis Petikan 2 dalam lembaran garis satu dan tanpa menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	15 Februari 2017

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan "Set Kemas–Buku Garis Tiga" dapat membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menulis huruf a dan k.


a) Analisis Dokumen

Rajah 1 dan Rajah 2 merupakan graf analisis dokumen, iaitu bagi menguji keberkesanan penggunaan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dalam meningkatkan kekemasan tulisan bagi menulis huruf a dan k. Terdapat tiga aspek yang telah digariskan dalam menentukan sama ada peningkatan dalam kekemasan tulisan bagi menulis huruf a dan k tercapai atau tidak. Aspek tersebut terdiri daripada aspek saiz huruf yang sesuai, aspek menulis huruf pada garis dan aspek menulis huruf dengan bentuk yang betul.



Rajah 1. Graf Analisis Dokumen (Meningkatkan Kekemasan Tulisan Dalam Menulis Huruf a)

Berdasarkan Rajah 1 dan Rajah 2, penggunaan Set Kemas-Buku Garis Tiga” terbukti dapat meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menulis huruf a dan k. Hal ini terbukti apabila bilangan murid yang dapat menguasai Aspek 1, 2 dan 3 semakin bertambah, iaitu dari pelaksanaan Latihan A sehingga kepada pelaksanaan Latihan C.



Rajah 2. Graf Analisis Dokumen (Meningkatkan Kekemasan Tulisan Dalam Menulis Huruf k)

b) Pemerhatian

Jadual 2 merupakan jadual analisis hasil pemerhatian iaitu bagi menguji keberkesanan penggunaan “Set Kemas-Buku Garis Tiga” dalam meningkatkan kekemasan tulisan dalam menulis huruf a dan k. Berdasarkan jadual tersebut, terdapat tiga tingkah laku yang diperhatikan sepanjang Latihan A, Latihan B dan Latihan C dijalankan.

*Jadual 2
Analisis Hasil Pemerhatian*

Tingkah Laku	Menulis huruf a dan k					
	Latihan A		Latihan B		Latihan C	
	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Bercakap sambil menulis	2	50	0	0	0	0
Kerap Keluar Kelas	2	50	1	25	0	0
Tidak memberi perhatian kepada latihan yang diberikan	2	50	1	25	0	0

Latihan A = Menulis huruf.

Latihan B = Menulis perkataan.

Latihan C = Menulis ayat.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Berdasarkan Jadual 2, jumlah murid yang melakukan tingkah laku negatif adalah berkurang, iaitu dari pelaksanaan Latihan A sehingga ke pelaksanaan Langkah C. Contohnya, jumlah murid yang tidak memberi perhatian kepada latihan yang diberikan semasa Latihan A dilaksanakan adalah sebanyak 2 orang murid iaitu sebanyak 50%. Jumlah tersebut berkurang kepada seorang murid iaitu sebanyak 25% semasa Latihan B dilaksanakan. Dalam Latihan C pula, tiada seorang murid pun yang tidak memberi perhatian kepada latihan yang diberikan.

Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa penggunaan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dapat mengurangkan jumlah murid yang melakukan tingkah laku negatif semasa latihan penulisan dilaksanakan, dan sekali gus membuktikan bahawa penggunaan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" berupaya menarik minat murid untuk menulis dengan kemas iaitu dalam menulis huruf a dan k.

c) Temu Bual

Jadual 3 dan Jadual 4 merupakan jadual hasil temu bual sebelum kajian tindakan dan selepas kajian tindakan.

Jadual 3

Analisis Hasil Temu Bual Sebelum Kajian Tindakan

Aspek	Jawapan			
	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Berasa seronok semasa latihan menulis dilaksanakan.	0	0	4	100
Tahu cara menulis huruf a dan k pada buku garis tiga.	0	0	4	100
Dapat membaca apa yang telah ditulis dalam hasil kerja penulisan sendiri.	0	0	4	100

Jadual 4

Analisis Hasil Temu Bual Selepas Kajian Tindakan

Aspek	Jawapan			
	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Berasa seronok semasa menulis dengan menggunakan "Set Kemas-Buku Garis Tiga".	4	100	0	0


Tahu cara menulis huruf a dan k dengan menggunakan “Set Kemas-Buku Garis Tiga”.	4	100	0	0
Dapat membaca apa yang telah ditulis dalam hasil kerja penulisan sendiri (Latihan C) dengan menggunakan “Set Kemas-Buku Garis Tiga”.	4	100	0	0

Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4, dapat dirumuskan bahawa jumlah murid yang berasa seronok semasa latihan menulis dilaksanakan, jumlah murid yang mengetahui cara menulis huruf a dan k serta jumlah murid yang dapat membaca apa yang telah ditulis dalam hasil kerja penulisan sendiri adalah meningkat iaitu daripada 0% kepada 100%. Jumlah peningkatan ini berlaku apabila murid menggunakan “Set Kemas-Buku Garis Tiga” dalam menulis huruf a dan k.

Penggunaan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” dapat membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan

a) Analisis Dokumen

Rajah 3 merupakan graf analisis dokumen, iaitu bagi menguji keberkesanan penggunaan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Terdapat dua aspek yang telah digariskan dalam menentukan sama ada tercapai atau tidak peningkatan kekemasan tulisan dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Aspek tersebut terdiri daripada Aspek 1 iaitu menghasilkan jarak yang rapat antara perkataan dan Aspek 2 iaitu menghasilkan jarak yang jauh antara perkataan.



Rajah 3. Graf Analisis Dokumen (Meningkatkan Kekemasan Tulisan Dalam Menghasilkan Jarak Yang Sesuai Antara Perkataan)

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Berdasarkan Rajah 3, penggunaan “Set Kemas–Pensel Penanda Jarak” dapat meningkatkan kekemasan tulisan murid dalam menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Hal ini terbukti apabila jumlah murid yang melakukan kedua-dua aspek kesalahan iaitu aspek “menghasilkan jarak yang rapat antara perkataan” dan aspek “menghasilkan jarak yang jauh antara perkataan” adalah berkurangan dan pada akhirnya tiada seorang murid pun yang melakukan kesalahan tersebut.

b) Pemerhatian

Jadual 5 merupakan jadual analisis hasil pemerhatian iaitu bagi menguji keberkesanan penggunaan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” dalam meningkatkan kekemasan tulisan iaitu bagi menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Berdasarkan Jadual 5, jumlah murid yang melakukan tingkah laku negatif adalah berkurangan, iaitu daripada pelaksanaan Latihan A sehingga kepada pelaksanaan Langkah C. Contohnya, jumlah murid yang tidak menggunakan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” secara sepenuhnya semasa Latihan A dilaksanakan adalah sebanyak 2 orang murid iaitu sebanyak 50%. Jumlah tersebut berkurang kepada seorang murid iaitu sebanyak 25% semasa Latihan B dilaksanakan. Dalam Latihan C pula, tiada seorang murid pun yang tidak menggunakan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” secara sepenuhnya. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa penggunaan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” berupaya menarik minat murid untuk menulis dengan kemas iaitu dari segi penghasilan jarak yang sesuai antara perkataan.

Jadual 5
Analisis Hasil Pemerhatian

Tingkah Laku	Menghasilkan Jarak yang sesuai antara perkataan					
	Latihan A		Latihan B		Latihan C	
	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)	Jumlah murid	Peratus (%)
Bercakap sambil menulis	2	50	0	0	0	0
Kerap Keluar Kelas	2	50	1	25	0	0
Tidak memberi perhatian kepada latihan yang diberikan	2	50	1	25	0	0
Tidak menggunakan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” secara sepenuhnya	2	50	1	25	0	0

Latihan A = Menulis ayat.

Latihan B = Menulis Petikan 1.

Latihan C = Menulis Petikan 2.

c) Temu Bual

Jadual 6 dan Jadual 7 merupakan jadual hasil temu bual sebelum kajian tindakan dan selepas kajian tindakan.

Jadual 6

Analisis Hasil Temu Bual Sebelum Kajian Tindakan

Aspek	Jawapan			
	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Tahu bagaimana hendak menjarakkan perkataan semasa menulis.	0	0	4	100
Berasa seronok semasa latihan menulis dilaksanakan.	0	0	4	100
Nampak jarak antara perkataan dalam hasil kerja penulisan sendiri.	0	0	4	100

Jadual 7

Analisis Hasil Temu Bual Selepas Kajian Tindakan

Aspek	Jawapan			
	Ya		Tidak	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
Tahu bagaimana hendak menjarakkan perkataan selepas menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	4	100	0	0
Berasa seronok apabila menulis dengan menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	4	100	0	0
Dapat membaca apa yang telah ditulis dalam hasil kerja penulisan sendiri (Latihan C) dengan menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak".	4	100	0	0

Secara kesimpulannya, jumlah murid yang tahu bagaimana hendak menjarakkan perkataan selepas menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak", jumlah murid yang berasa seronok apabila menulis dengan menggunakan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak", serta jumlah murid yang

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

dapat membaca apa yang telah ditulis dalam hasil kerja penulisan sendiri (Latihan C) dengan menggunakan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak” adalah meningkat iaitu daripada 0% kepada 100%.

REFLEKSI

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang terdapat dalam Rajah 1, Rajah 2, Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4, penggunaan Set Kemas-Buku Garis Tiga dapat meningkatkan kekemasan tulisan murid-murid, iaitu dari segi penulisan huruf a dan k. Hasil dapatan ini adalah selari dengan hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian Hapni Abang (2012) yang bertajuk “Kesan Penggunaan Latihan Garis Tiga Secara Latih Tubi Terhadap Murid Tahun Empat Semasa Menulis Huruf Besar dan Huruf Kecil”. Dalam kajian tersebut, penggunaan buku garis tiga mampu membantu peserta kajiannya menulis huruf dengan bentuk betul, menulis huruf pada garis dan menghasilkan huruf yang mempunyai saiz yang sesuai .

Berdasarkan hasil dapatan dalam Rajah 3, Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7, dapat dibuktikan bahawa kesemua murid dapat menghasilkan penjarakan yang sesuai di antara perkataan selepas dilatih menghasilkan jarak yang sesuai dengan menggunakan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak”. Hal ini juga disokong oleh hasil dapatan yang diperoleh oleh Normasheeda Salleh (2012) dalam kajian yang bertajuk “Penggunaan Sebatang Pensel Dalam Membantu Murid Pemulihan Menjarakkan Ruang Antara Perkataan”. Dalam kajian tersebut, peserta kajian dapat menghasilkan jarak antara perkataan dengan menggunakan sebatang pensel.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan hasil yang memberangsangkan dalam hasil dapatan kajian, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini ke kitaran yang seterusnya. Saya bercadang untuk menggunakan buku garis tiga berwarna bagi membantu murid menulis huruf dengan betul. Buku garis tiga berwarna ini mampu menarik minat murid seperti yang dinyatakan oleh Hayati Sallehuddin (2015), dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Buku Pelbagai Garis dan Batang Aiskrim Dalam Meningkatkan Kekemasan Tulisan”.

Selain itu, saya juga bercadang untuk menggunakan arahan “Jarak” bersama-sama dengan “Set Kemas-Pensel Penanda Jarak”. Rasional arahan “Jarak” aktiviti ini digunakan adalah supaya murid ingat dan faham apakah tindakan yang harus diambil apabila menyebut arahan “Jarak” pada setiap hujung perkataan yang ditulis. Penggunaan arahan “Jarak” ini dapat mengukuhkan lagi kefahaman murid terhadap maksud jarak. Hal ini adalah bertepatan dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Maria Macdalín Nyokien(2009), dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan “Set Lompat” Dalam Membantu Menjarakkan Tulisan Murid Pemulihan Tahun 2”. Dalam kajian tersebut, peserta kajian berjaya menjarakkan perkataan dengan menggunakan arahan “Set Lompat” yang diselaraskan dengan penggunaan sebatang pensel.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang telah diperoleh telah menunjukkan bahawa penggunaan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak" dapat membantu murid menulis dengan kemas iaitu dari segi menulis huruf a dan k serta dari segi menghasilkan jarak yang sesuai antara perkataan. Selain itu, penggunaan "Set Kemas-Buku Garis Tiga" dan "Set Kemas-Pensel Penanda Jarak" juga dilihat dapat meningkatkan minat murid dalam melaksanakan aktiviti menulis.

RUJUKAN

- Chow, F. M. & Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan: konsep dan amalan dalam pengajaran*. Shah Alam: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Hapni Abang. (2012). Kesan penggunaan latihan garis tiga secara latih tubi terhadap murid tahun empat semasa menulis huruf besar dan huruf kecil. *Seminar Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2012*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (Bahasa Melayu Pendidikan Rendah). Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 139-151.
- Hayati Sallehuddin. (2015). *Penggunaan buku pelbagai garis dan batang aiskrim dalam meningkatkan kekemasan tulisan*: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Maria Macdeline. (2012). Penggunaan "Set Lompat" dalam membantu menjarakkan tulisan murid pemulihan Tahun 2. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2012*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (Pemulihan Pendidikan Rendah). Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 191-202.
- Normasheeda Salleh. (2012). Penggunaan sebatang pensel dalam membantu murid pemulihan menjarakkan ruang antara perkataan. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2012*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (Pemulihan Pendidikan Rendah). 203-215.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Suhaimi Yunus. (2009). *Projek master sains: Permasalahan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

PENGGUNAAN KAD PERKATAAN UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 2 DALAM MEMBACA PERKATAAN BERIMBUHAN

**TING MEE WEE¹
SELINA AHMAD²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengaji keberkesanan penggunaan kad perkataan demi meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan dalam kalangan murid-murid Tahun Dua. Lima orang murid Tahun Dua dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan Model Kurt Lewin (1946) yang merangkumi empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Dalam kajian ini, kaedah untuk mengumpul data ialah kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan dianalisis dan dihuraikan dengan secara deskriptif. Refleksi pengajaran dan pembelajaran sebelum ini telah menunjukkan kelima-lima orang murid ini tidak dapat menguasai kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan dengan baik. Implikasi daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kad perkataan memberi kesan yang baik untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan. Cadangan tindakan susulan daripada hasil kajian ini adalah seperti penggunaan kad perkataan bukan sahaja boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu malah juga boleh diguna secara meluas dalam subjek lain dengan pengubahsuaian mengikut kesesuaian. Selain itu, gabungan teknik bermain dengan penggunaan kad perkataan juga membawa implikasi yang baik bagi membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan.

Kata kunci: Kad perkataan, temu bual, pemerhatian, analisis dokumen

ABSTRACT

This research was conducted to analyze the effectiveness of word cards in pursuit of improving the skills in reading words with affixes among Standard Two pupils. Five students had been selected as participants in the study. This implementation of this research was based on Kurt Lewin Model (1946) which comprises of four stages such as planning, action, observation and reflection. Researcher used several methods for data collection. These methods include observation, interview and document analysis. The outcomes were analysed and elaborated in descriptive manners. Reflection on teaching and learning has previously shown the five students could not grasp well enough the skills in reading words with affixes. Implications of the findings have indicated that the use of word cards positively enhancing students skills to read words with affixes. A proposed follow-up of the results of this study is to broadly

Ting Mee Wee & Selina Ahmad

implement the application of word cards across subjects with modifications as and when necessary. In addition, incorporating games into the use of word cards resulted in an improved skills reading words with affixes.

Keywords: word cards, observation, interview, document analysis

PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan kesinambungan daripada kemahiran asas yang lain, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur. Menurut Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani (2012), membaca merupakan proses dinamik tetapi kompleks. Kemampuan murid membaca dan memahami sesuatu bahan sangat berkait dengan kerjaya dan keberkesanan sistem pendidikan kita pada masa kini. Bagi murid tahap satu terutamanya murid Tahun 1 dan 2, kesediaan membaca merupakan satu proses yang sangat penting bagi mereka untuk menerima pengajaran dan pembelajaran dari segi mental, emosi dan fizikal (Khairuddin Mohamad, 2011). Oleh itu, pada peringkat ini murid perlu bersedia untuk membaca huruf, suku kata, perkataan maupun frasa.

Sepanjang perlaksanaan Pratikum Fasa 3 di Sekolah Kebangsaan Cemerlang (bukan nama sebenar), saya telah mengenal pasti lima orang murid Tahun 2 mempunyai masalah pembelajaran kemahiran membaca terutamanya membaca perkataan berimbuhan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Terdapat ramai murid sekolah yang mempunyai masalah dalam membaca perkataan berimbuhan dengan betul seperti membaca perkataan berimbuhan secara terpisah. Sebagai contoh, terdapat sebahagian murid sukar untuk membaca perkataan seperti "menghadapi" dan "penggunaan". Selain itu, sekiranya disuruh untuk mengeja perkataan tersebut, murid akan mengeja secara berpisah. Contohnya perkataan "menghadapi" akan dieja menjadi "me+ng+ha+da+pi".

Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk membantu murid-murid tersebut dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan dengan berpandukan bahan bantu belajar iaitu kad perkataan.

Untuk mengumpul data awal, saya telah menggunakan kaedah temubual dengan guru mata pelajaran untuk mendapatkan maklumat awal. Di samping itu, saya juga mengadakan satu ujian untuk menguji tahap penguasaan kemahiran membaca perkataan berdasarkan perkataan yang telah saya kemukakan.

FOKUS KAJIAN

Fokus utama kajian ini ialah mengkaji penggunaan kad perkataan sebagai bahan bantu belajar untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan. Di samping itu, saya juga ingin menambah baik amalan pengajaran saya supaya murid dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Objektif umum pada kajian tindakan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan dalam kalangan murid. Manakala objektif khusus pula mempunyai dua iaitu:

1. Membantu murid Tahun 2 meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan berpandukan kad perkataan dengan betul.
2. Menambah baik amalan pengajaran saya untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, maka dua persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Adakah murid Tahun 2 dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan berpandukan kad perkataan dengan betul?
2. Adakah amalan pengajaran saya dapat ditambah baik untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan lima orang murid Tahun 2 atas sebab murid-murid ini mempunyai masalah yang sama iaitu kesukaran untuk membaca perkataan yang berimbuhan. Di samping itu, pengkaji turut sebagai salah seorang peserta kajian untuk menambah baik amalan pengajarannya. Jadual 1 menunjukkan ringkasan bagi peserta kajian dalam sepanjang penyelidikan kajian yang saya lakukan.

Jadual 1

Senarai peserta kajian

BIL.	MURID	JAN.	KAUM	Tahap		Catatan
				Prestasi	Akademik	
1.	A	P	Iban	Lemah		<ul style="list-style-type: none">• Pasif semasa disuruh membaca.• Perlu memerlukan masa yang panjang untuk membaca satu perkataan.• Suka membantu guru untuk mengemas bahan pengajaran dan pembelajaran.
2.	B	L	Melayu	Sederhana		<ul style="list-style-type: none">• Memerlukan masa yang panjang untuk membaca satu ayat.• Suka bercakap semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.• Suka membantu guru untuk mengumpul buku aktiviti.

Ting Mee Wee & Selina Ahmad

3.	C	L	Iban	Lemah	<ul style="list-style-type: none">• Pasif semasa disuruh membaca.• Sikap keyakinan sangat rendah.• Sekiranya disuruh membaca, suaranya amat kecil dan tersekat-sekat.
4.	D	P	Melayu	Lemah	<ul style="list-style-type: none">• Pasif sekiranya disuruh membaca perkataan.• Suka bercakap di dalam kelas.• Suaranya lantang.
5.	E	L	Iban	Sederhana	<ul style="list-style-type: none">• Agak aktif sekiranya disuruh membaca.• Sikapnya pendiam.

(Pertunjuk: L – Lelaki, P – Perempuan)

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menjalankan penyelidikan tindakan dengan berpandukan Model Kurt Lewin (1946) yang mempunyai empat peringkat iaitu peringkat perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Menurut Rosinah Edinin (2011), model ini menekankan sesuatu penyelidikan bermula dengan penghasilan idea umum. Idea umum merujuk kepada sesuatu masalah ataupun isu untuk dikenal pasti punca masalah berkenaan.

Pada peringkat perancangan, saya perlu menentukan tajuk kajian serta masalah murid terlebih dahulu. Setelah masalah murid dikenal pasti, maka saya pun mula menyediakan kerangka objektif kajian, membentuk soalan kajian, menyediakan instrumen yang sesuai ataupun bahan serta merancang tindakan. Instrumen yang saya sediakan seperti kad perkataan yang telah dicerakinkan, senarai semak serta soalan-soalan temu bual untuk pihak guru dan murid.

Pada peringkat tindakan, saya telah mengadakan ujian 1 untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam kemahiran membaca. Di samping itu, saya bermula dengan pembinaan bahan bantu iaitu kad perkataan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan.

Pada peringkat pemerhatian, saya telah menyediakan senarai semak untuk mencatat perkembangan murid. Menurut Ho Ho Tong dan rakan-rakannya (2013), senarai semak merupakan satu senarai yang berhubung sesuatu ciri seperti tingkah laku, kemahiran dan sebagainya. Pada peringkat ini juga aktiviti temu bual dilakukan untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Peringkat refleksi terbahagi kepada tiga tahap iaitu awal, semasa dan selepas penyelidikan. Pada peringkat awal, refleksi mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dilakukan untuk mengesan masalah murid. Pada peringkat semasa pula, penilaian kekuatan dan kelemahan bahan bantu iaitu kad perkataan untuk membantu murid membaca perkataan berimbuhan dengan betul. Pada peringkat ini juga saya akan menguji murid untuk

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

mengetahui tahap perkembangan murid berdasarkan bahan tersebut. Seterusnya pada peringkat selepas penyelidikan, refleksi tentang tahap pencapaian objektif akan dilakukan.

Kaedah mengumpul data

1. Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan dengan menyediakan senarai semak untuk mencatat perkembangan kelima-lima orang murid. Tujuan saya memilih kaedah ini sebagai kaedah utama adalah untuk mengenal pasti masalah murid semasa membaca perkataan berimbuhan serta merekod perkembangan murid. Pemerhatian dijalankan sebanyak empat kali dengan penyediaan kad perkataan untuk membantu murid membaca perkataan berimbuhan.

2. Temu Bual

Saya telah mengadakan sesi temu bual dengan kelima-lima orang murid itu. Sesi temu bual dijalankan bertujuan untuk mengesan perasaan serta keberkesanan murid-murid terhadap penggunaan kad perkataan dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan.

3. Analisis Dokumen

Penggunaan ujian dilakukan sebelum dan selepas penggunaan kad perkataan. Tujuannya adalah untuk mengesan perkembangan murid sebelum dan selepas penggunaan kad perkataan. Sebanyak sepuluh perkataan yang berbeza sebagai bahan utama untuk menguji murid. Keputusan tersebut akan dicatat dalam senarai.

Menganalisis Data

1. Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sebanyak empat kali bagi menentukan kemajuan atau peningkatan murid terhadap bahan bantu belajar iaitu membaca perkataan berimbuhan dengan menggunakan kad perkataan. Setiap kali pemerhatian akan disediakan 10 keping kad perkataan yang telah dicerakinkan untuk setiap murid. Perkataan untuk dibaca oleh murid adalah berbeza bagi setiap kali pemerhatian dijalankan. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan murid mempunyai peningkatan walaupun perkataan yang dibaca adalah berbeza untuk setiap kali sesi pemerhatian dijalankan.

2. Temu Bual

Bagi kaedah temu bual, lima soalan ditanya kepada murid untuk mengetahui perasaan serta keberkesanan penggunaan bahan dalam peningkatan kemahiran membaca. Hasil temu bual dianalisis dalam bentuk frekuensi jawapan murid.

3. Analisis Dokumen

Ujian merupakan bahan utama bagi kaedah ini. Ujian dilaksanakan dua kali iaitu sebelum dan selepas murid menggunakan kad perkataan untuk membaca perkataan berimbuhan. Ujian ini dilabel sebagai ujian 1 dan ujian 2. Hasil ujian 1 dan ujian 2 dibanding untuk mengenal pasti perkembangan murid setelah penggunaan kad perkataan dalam membaca perkataan berimbuhan.

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran membaca perkataan berimbuhan berpandukan kad perkataan dalam kalangan murid Tahun 2.

Sepanjang pengumpulan data dengan menggunakan kaedah pemerhatian, jenis pemerhatian yang dipilih ialah pemerhatian tidak turut serta. Pemerhatian tidak turut serta ini terbahagi kepada dua jenis iaitu pemerhatian berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Dalam kajian penyelidikan saya, pemerhatian berstruktur diberi keutamaan untuk saya mengumpul data. Kaedah ini mengutamakan penggunaan senarai semak untuk mengumpul data.

Penyediaan senarai semak untuk empat kali sesi pemerhatian bertujuan untuk mencatat perkembangan murid. Terdapat peningkatan bagi kelima-lima orang murid untuk setiap kali sesi pemerhatian dilakukan. Jadual 2 menunjukkan perbandingan empat kali pemerhatian yang telah dilakukan.

Jadual 2

Empat kali sesi pemerhatian

Murid	Jumlah perkataan yang boleh dibaca oleh murid			
	Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
A	2	4	7	9
B	3	6	8	9
C	1	2	3	5
D	2	4	5	8
E	4	6	8	10

Setiap kali sesi pemerhatian dilakukan, saya telah menyediakan 10 perkataan berimbuhan untuk dibaca oleh murid-murid. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan, semua murid telah menunjukkan peningkatan setelah penggunaan kad perkataan. Antara semua murid, murid C mempunyai perkembangan yang kurang jika dibanding dengan murid lain. Namun begitu, murid C masih mempunyai peningkatan dalam membaca perkataan kerana murid ini dapat membaca sebanyak lima perkataan pada pemerhatian kali keempat.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan empat kali pemerhatian dalam bentuk peratusan.

Jadual 3

Perbandingan sesi pemerhatian untuk empat kali

Murid	Pemerhatian (%)				Kesimpulan
	1	2	3	4	
A	20	40	70	90	Meningkat
B	30	60	80	90	Meningkat
C	10	20	30	50	Meningkat
D	20	40	50	80	Meningkat
E	40	60	80	100	Meningkat

Berdasarkan Jadual 3 yang ditunjukkan, semua murid mempunyai peningkatan setelah penggunaan kad perkataan.

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

Selain itu, kaedah temu bual juga digunakan menyokong dapatan hasil pemerhatian. Soalan yang dikemukakan bertujuan untuk mengesan perasaan serta keberkesanan murid terhadap pembacaan perkataan berimbuhan. Jadual 4 menunjukkan hasil temu bual dengan kelima-lima orang murid.

Jadual 4

Keputusan dan jumlah peratus hasil temu bual

Bil.	Soalan	Peratus	
		Ya	Tidak
1.	Adakah anda suka mata pelajaran bahasa Malaysia?	100%	0%
2.	Adakah anda berasa susah untuk membaca perkataan berimbuhan ini?	60%	40%
3.	Adakah anda berasa sukar untuk memahami perkataan yang berimbuhan?	100%	0%
4.	Adakah anda berasa seronok apabila menggunakan kad perkataan ini untuk belajar?	100%	0%
5.	Adakah anda mempunyai peningkatan selepas penggunaan kad perkataan dalam membaca perkataan yang mempunyai imbuhan?	100%	0%

Berdasarkan hasil temu bual, terdapat 60% murid menjawab "Ya" semasa disuruh membaca perkataan berimbuhan kerana murid tersebut tidak memahami perkataan yang telah dibaca menyebabkannya berasa susah untuk membaca perkataan yang telah diberi. Selain itu, kelima-lima orang murid berpendapat bahawa penggunaan kad perkataan dapat membantu mereka mencapai peningkatan dalam membaca perkataan berimbuhan.

Secara kesimpulannya, penggunaan kad perkataan dapat memberi kesan yang baik untuk membantu murid membaca perkataan yang berimbuhan.

Kemahiran membaca perkataan berimbuhan dalam amalan pengajaran.

Seterusnya, untuk memastikan penggunaan kad perkataan dapat menambah baik amalan pengajaran saya, ujian 2 telah diadakan bagi mengesan kemajuan atau perkembangan murid dalam pembacaan perkataan yang berimbuhan. Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian 1 dan ujian 2.

Jadual 5

Keputusan ujian 1 dan ujian 2

Murid	Ujian 1	Ujian 2	Peningkatan
A	$\frac{1}{10}$	$\frac{10}{10}$	90%
B	$\frac{2}{10}$	$\frac{10}{10}$	80%
C	$\frac{1}{10}$	$\frac{6}{10}$	50%
D	$\frac{1}{10}$	$\frac{8}{10}$	70%
E	$\frac{3}{10}$	$\frac{10}{10}$	70%

Ujian 1 dilakukan sebelum penggunaan kad perkataan manakala ujian 2 dijalankan selepas penggunaan kad perkataan dalam kemahiran membaca perkataan berimbuhan. Jika berbanding dengan keputusan ujian 1, keputusan ujian 2 telah menunjukkan murid mempunyai peningkatan setelah penggunaan kad perkataan dalam membaca perkataan berimbuhan.

Berdasarkan hasil ujian 1 dan ujian 2, penggunaan kad perkataan memberi kesan yang amat baik kepada murid-murid. Hal ini telah ditunjuk pada markah yang diperoleh oleh kelima-lima murid yang telah mencapai perkembangan yang baik. iaitu murid A mempunyai peningkatan sebanyak 90%, manakala murid B mempunyai peningkatan sebanyak 80%. Murid C mempunyai peningkatan 50% sebaliknya murid D dan murid E mempunyai peningkatan 70%.

Maka kesimpulannya ialah penggunaan kad perkataan dapat menambah baik amalan pengajaran saya serta meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan.

REFLEKSI

Demi mencapai objektif pertama, saya telah menggunakan kaedah pemerhatian untuk membantu saya menguji keberkesanan penggunaan bahan bantu belajar iaitu kad perkataan dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan. Saya telah menjalankan sebanyak empat kali pemerhatian dan setiap kali hasil pemerhatian menunjukkan penggunaan kad perkataan membawa kesan yang baik kepada murid dalam menguasai kemahiran membaca dengan baik. Berdasarkan hasil pemerhatian itu, maka dapatlah menjawab soalan kajian pertama iaitu penggunaan kad perkataan dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang berimbuhan.

Seterusnya, untuk mencapai objektif kedua iaitu penggunaan kad perkataan dapat menambah baik amalan pengajaran guru, saya telah menjalankan ujian 2 untuk memastikan murid-murid ini mempunyai peningkatan setelah penggunaan kad perkataan dalam membaca perkataan berimbuhan. Berdasarkan hasil keputusan ujian 2, saya dapatkan murid-murid ini mempunyai peningkatan yang ketara sekiranya berbanding dengan ujian 1.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Penggunaan kad perkataan dalam mempertingkatkan kemahiran membaca bukan hanya diguna pakai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, malah ia juga dapat memberi kesan yang baik dalam mata pelajaran lain terutamanya bidang bahasa seperti Bahasa Inggeris mengikut pengubahsuaian sendiri. Selain daripada penggunaan kad perkataan, pembelajaran dengan menggunakan teknik bermain juga merupakan satu kaedah yang boleh memberi manfaat dalam membantu murid untuk menguasai cara pembacaan perkataan berimbuhan yang betul. Menurut Mok Soon Sang (2010), bermain merupakan aktiviti yang utama dalam perkembangan kanak-kanak dari aspek fizikal, intelek, sosial dan emosi. Oleh itu, penggabungan kad perkataan dan pendekatan bermain merupakan satu

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM2017)

cara yang dapat memberi manfaat kepada murid supaya penguasaan kemahiran membaca perkataan berimbuhan menjadi lebih mantap lagi.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian yang saya lakukan telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu penggunaan kad perkataan dapat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan berimbuhan serta menambahbaik amalan pengajaran saya.

RUJUKAN

- Ho, H. T., Rahmah Murshidi, Gan, W. L., Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H. Y., John Brodi, Sapiee Saidi & Stanley Abang. (2013). *Asas penyelidikan tindakan: teori dan amalan*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
- Husin Fateh Din & Nazariyah Sani. (2012). *Bahasa Melayu II akademik*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Khairuddin Mohamad. (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2010). *Psikologi pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Jabatan Pengajian Melayu

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

Email: ¹tingmeewee87@gmail.com, ²selinahjahmad08@hotmail.com

MENINGKATKAN PENGUASAAN KATA SENDI NAMA ‘DI’ DAN IMBUHAN AWALAN ‘DI-’ DENGAN MENGGUNAKAN JADUAL

**WONG SIEW WEI¹
MAGDELINE NOR²**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di-’ dalam ayat bahasa Melayu. Terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu kenal pasti kesan penggunaan jadual dalam meningkatkan penguasaan ‘di’ dalam kalangan murid dan membantu murid menguasai kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di-’ melalui penggunaan jadual. Peserta kajian ini terdiri daripada sepuluh orang murid Tahun lima yang mempunyai masalah dalam menulis kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di-’ dalam ayat bahasa Melayu. Kajian dilaksanakan dalam satu kitaran kajian dengan menjadikan Model Kurt Lewin sebagai panduan kajian. Data penyelidikan telah dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan jadual dapat membantu murid menggunakan ‘di’ dengan betul dalam ayat bahasa Melayu. Cadangan tindakan lanjut adalah dengan menggunakan teknik nyanyian.

Kata Kunci: kata sendi nama ‘di’ , imbuhan awalan ‘di-’, penggunaan jadual

ABSTRACT

The purpose of this action research was to increase the mastery of preposition ‘di’ and prefix ‘di-’ in Malay sentences. There were two objectives in this research which were to identify the effect of using table to increase the mastery of preposition ‘di’ among the students and to help the students to master the preposition ‘di’ and prefix ‘di-’ by using table. The participants of this research consist of six students from year five students who were unable to use the preposition ‘di’ and prefix ‘di-’ in Malay sentences correctly. This action research was conducted based on Kurt Lewin Model. The data were collected through observation, interviews and document analysis. The results of the research showed that the use of table is effective in helping the students to use the preposition ‘di’ in Malay sentences correctly. For further research singing technique will be used to master the use of preposition ‘di’ and the prefix ‘di-’.

Key words: preposition ‘di’, prefix ‘di-’, use of the table

PENGENALAN

Bahasa Malaysia telah menjadi salah satu asas pembinaan negara yang penting melalui tiga fungsi, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. (Faridah binti Nazir dan Tuan Jah binti Tuan Yusof, 2011). Terdapat banyak kesalahan bahasa sering dilakukan oleh pengguna bahasa. Oleh yang demikian, kajian tentang kesalahan penggunaan bahasa dari aspek morfologi wajar dikaji kerana timbulnya masalah kecelaruan bahasa yang menyebabkan martabat bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan menjadi rendah dan dipandang sepi. Salah satu kesalahan umum dalam penggunaan bahasa ialah kekeliruan dalam penggunaan kata sendi nama 'di' (Fauzi Amir Gur, 2010).

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya ialah untuk meningkatkan penguasaan kata sendi nama 'di' dan imbuhan awalan 'di' dalam ayat dengan menggunakan kaedah jadual. Pemilihan fokus kajian ini disebabkan masalah yang dihadapi oleh murid merupakan salah satu masalah dalam penggunaan tatabahasa. Dalam bahasa Malaysia, sistem bahasa dianggap amat penting kerana sistem bahasa yang mantap akan menjadi sesuatu bahasa itu relevan dan sesuai digunakan di sepanjang masa. Data awal dikumpul melalui analisis lembaran kerja murid. Kewujudan kekeliruan penggunaan 'di' telah membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang dilaksanakan sebelum ini kurang berkesan. Pembelajaran yang menarik dapat mencetuskan minat dan penglibatan aktif murid untuk belajar (Omardin, 2011). Sehubungan itu, kaedah pengajaran guru haruslah kreatif dan menarik minat pembelajaran murid.

OBJEKTIF

- Objektif-objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- mengenal pasti kesan penggunaan jadual dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama 'di' dan imbuhan awalan 'di-' dalam kalangan murid.
 - membantu murid menguasai kata sendi nama 'di' dan imbuhan awalan 'di-' melalui penggunaan jadual.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini ialah:

- Apakah kesan penggunaan jadual dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama 'di' dan imbuhan awalan 'di' dalam kalangan murid?
- Adakah penggunaan jadual membantu murid menguasai kata sendi nama 'di' dan imbuhan awalan 'di-'?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik dan enam orang murid Tahun Lima Kuning sebagai peserta kajian. Saya juga terlibat secara langsung dalam kajian ini kerana menurut Kemmis dan McTaggart (1988), proses kajian tindakan melibatkan refleksi ke atas isu pengajaran dan pembelajaran yang hendak ditangani. Enam orang murid dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka mempunyai masalah dalam mengenal pasti penggunaan ‘di’ yang betul dalam ayat seperti yang dikenal pasti semasa tinjauan awal.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah melaksanakan tindakan saya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan semasa luar pengajaran dan pembelajaran. Saya telah menerangkan tentang fungsi ‘di’ berdasarkan kad fungsi ‘di’ yang disediakan seperti dalam Jadual 1 dan perbezaan antara kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’ secara terperinci kepada murid. Tindakan ini dilaksanakan supaya murid mengetahui lebih lanjut tentang fungsi ‘di’ dan mengelakkan mereka keliru lagi tentang penggunaan ‘di’ dalam ayat.

Jadual 1

Kad fungsi ‘di’

Kata Sendi Nama ‘di’	Imbuhan Awalan ‘di’
✓ guna di depan frasa nama / kata nama	✓ guna dengan kata kerja
✓ boleh berdiri sendiri	✓ tidak boleh berdiri sendiri
✓ dieja terpisah	✓ dieja rapat

Tindakan seterusnya saya telah memperkenalkan dan menerangkan kegunaan jadual kepada murid. Ketika menggunakan jadual ini, saya telah menyediakan kad frasa dan kata perkataan yang berwarna-warni agar dapat menarik minat murid untuk belajar. Kemudian, saya telah membimbing murid menggunakan jadual tersebut dalam menyelesaikan set soalan yang diberikan seperti dalam Rajah 1. Berdasarkan jadual seperti Rajah 1 yang dibina dapat membantu murid melihat dengan jelas kedudukan ‘di’, iaitu berada di depan frasa nama atau bersama kata kerja. Dengan itu, melalui jadual tersebut memudahkan murid mengenal pasti fungsi ‘di’ dan seterusnya dapat membantu murid menulis ‘di’ dengan betul sama ada dieja rapat atau dieja terpisah. Langkah ini dilaksanakan adalah supaya melalui penggunaan jadual, murid dapat menggunakan dan menulis ‘di’ dengan betul dalam ayat bahasa Malaysia.

FN	KK	FS + FN
Baju itu di jahit oleh ibu.		
	di jahit	

Rajah 1. Gambar jadual

Langkah seterusnya, saya telah memberi beberapa lembaran kerja kepada murid saya. Tujuannya adalah untuk melihat tahap penguasaan murid ketika kaedah jadual diaplikasikan. Langkah terakhir saya jalankan ialah lembaran kerja tentang isi tempat kosong tanpa menggunakan jadual. Tindakan ini dirancang dengan mengambil kira rasional dan kepentingan terhadap tahap penguasaan murid.

DAPATAN KAJIAN

Kesan Penggunaan Jadual Meningkatkan Penguasaan ‘di’ Dalam Kalangan Murid

Penggunaan jadual membawa kesan positif terhadap peningkatan penguasaan kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’ dalam kalangan murid. Dua soalan telah ditujukan kepada murid untuk melihat kesan penggunaan jadual dalam meningkatkan penguasaan ‘di’ dalam kalangan murid. Soalan pertama ialah “Adakah anda suka menggunakan jadual?”, manakala soalan kedua ialah “Adakah anda gembira ketika menggunakan jadual?”. Berpandukan kepada hasil dapatan data temu bual didapati murid suka menggunakan jadual. Hal ini disebabkan mereka dapat menulis ‘di’ yang betul dalam ayat. Mereka juga berasa gembira kerana kesalahan tatabahasa dalam ayat berkurangan. Oleh itu, Jadual 2 adalah rumusan hasil data temu bual yang dijalankan bersama murid.

Jadual 2

Rumusan hasil temu bual

Soalan	Bilangan	
	Ya	Tidak
1	6	0
2	6	0

Melalui pemerhatian juga didapati bahawa tingkah laku negatif murid berkurang ketika pengajaran dan pembelajaran ekoran mereka suka kaedah yang digunakan oleh guru. Jadual 3 menunjukkan tingkah laku negatif murid berkurangan pada aktiviti empat.

Jadual 3
Tingkah laku negatif

Aspek	Bilangan	
	Aktiviti 1	Aktiviti 4
Bertanya kawan	2/6	0/6
Kurang Tumpuan	3/6	0/6
Berbual- bual	2/6	0/6
Tengok jawapan kawan	1/6	0/6
Mengganggu kawan lain	1/6	0/6

Selain itu, penggunaan jadual juga menunjukkan kefahaman murid yang positif terhadap penggunaan ‘di’ dalam ayat. Melalui temu bual mendapati murid lebih faham menggunakan jadual dalam mempelajari ‘di’. Soalan temu bual saya ialah “Adakah jadual memudahkan kamu memahami penggunaan ‘di’?”. Berikut merupakan hasil dapatan temu bual.

Jadual 4
Rumusan hasil temu bual

Soalan	Bilangan	
	Ya	Tidak
1	6	0

Melalui analisis dokumen juga mendapat hasil dapatan yang sama, iaitu menunjukkan penggunaan jadual dapat membantu murid saya dalam mengenal pasti penggunaan ‘di’ yang betul dalam ayat. Namun, terdapat juga murid yang menunjukkan prestasi yang tidak konsisten, misalnya P.F. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis lembaran kerja murid.

Jadual 5
Hasil analisis lembaran kerja murid


Aktiviti murid	Bilangan Soalan yang Betul			
	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3	Aktiviti 4
P. A	3/5	4/6	4/5	6/6
P. B	4/5	6/6	5/5	6/6
P. C	2/5	6/6	5/5	6/6
P. D	4/5	6/6	5/5	6/6
P. E	4/5	5/6	4/5	5/6
P. F	5/5	6/6	5/5	5/6

Kesimpulannya, penggunaan jadual menunjukkan kesan positif terhadap peningkatan penguasaan KSN ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’ dalam kalangan murid.

Penggunaan jadual membantu murid dalam menguasai kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’-


Penggunaan jadual ini merupakan medan untuk saya menambah baik amalan kendiri dalam P&P secara umumnya di samping saya memfokuskan kepada membantu murid saya untuk meningkatkan penguasaan penggunaan ‘di’ dalam ayat.

Melalui hasil dapatan daripada analisis dokumen telah membuktikan bahawa penggunaan jadual sememangnya mampu membantu murid saya dalam menguasai penggunaan ‘di’. Murid telah menunjukkan peningkatan penguasaan penggunaan ‘di’. Ini dapat dilihat melalui graf garis dalam Rajah 2.



Rajah 2. Prestasi murid

Penguasaan murid tentang ‘di’ dapat dibuktikan lagi melalui lembaran kerja yang dilaksanakan pada 15 Februari 2017. Dalam lembaran kerja ini, murid diminta menulis ‘di’ berdasarkan ayat dan tanpa jadual digunakan seperti dalam lampiran G. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa murid P.A, P.B, P.C dan P.D telah menguasai penggunaan ‘di’. Manakala murid P.E dan P.F masih belum menguasai dengan sepenuhnya. Rajah 3 menunjukkan hasil dapatan aktiviti lima.



Rajah 3. Hasil dapatan aktiviti lima

Hasil dapatan analisis dokumen selaras dengan hasil dapatan pemerhatian. Melalui pemerhatian juga mendapati bahawa tingkah laku negatif murid telah menurun secara mendadak pada aktiviti empat. Hal ini disebabkan kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran menarik minat mereka untuk mengikuti p&p yang disampaikan oleh guru dalam bilik darjah. Jadual 6 menunjukkan penurunan tingkah laku negatif peserta kajian.

Jadual 6
Penurunan tingkah laku negatif

Aspek	Bilangan			
	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3	Aktiviti 4
Bertanya kawan	2/6	1/6	1/6	0/6
Kurang tumpuan	3/6	2/6	0/6	0/6
Berbual-bual	2/6	1/6	1/6	0/6
Tengok jawapan kawan	1/6	0/6	1/6	0/6
Mengganggu kawan lain	1/6	1/6	0/6	0/6

Kesimpulannya, penggunaan jadual dapat membantu murid meningkatkan penguasaan KSN ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’. Dengan erti kata lain, penggunaan jadual merupakan salah satu kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah kekeliruan murid tentang ‘di’.

REFLEKSI

Hasil dapatan kajian tindakan ini telah menunjukkan bahawa jadual merupakan salah satu cara yang baik dalam membantu murid membezakan penggunaan ‘di’ yang betul dalam ayat. Peningkatan penguasaan ini berlaku ini menunjukkan dengan jelas bahawa murid-murid yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran dapat dibantu jika menggunakan satu kaedah atau teknik yang mudah dan sesuai. Sebagai seorang guru juga haruslah bijak memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai agar mencapai objektif p&p. Hal ini kerana faktor pengajaran guru memberi sumbangan yang besar dalam membantu meningkatkan kefahaman murid. Jika pengajaran guru yang sukar difahami oleh murid akan menyebabkan murid sukar untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan. Ini dibuktikan melalui kajian Abdul Rasid Jamian (2001) ke atas sekumpulan murid cina di sebuah sekolah di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa hampir 70 peratus daripada responden mengakui bahawa mereka gagal memahami apa yang diajar oleh guru.

Kajian ini juga menyatakan bahawa murid yang lemah dapat diperingkatkan lagi kefahaman jika menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan kemampuannya. Hasil kajian Zainudin Abu Bakar dan Mohd. Rashidi (2007) dan hasil kajian Baba dan Ishak (2009) menyokong dapatan ini, iaitu dapatan mereka menyatakan bahawa murid-murid yang lemah dapat meningkatkan tahap kemahiran jika sesuatu kaedah bersesuaian dengan kemampuan murid diperkenalkan. Selain itu, kajian ini juga mendapati

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

bahawa tingkah laku negatif murid akan berkurangan jika kaedah pengajaran yang digunakan menarik minat murid untuk belajar. Kesannya, tumpuan mereka kepada sesuatu perkara menjadi semakin baik. Aktiviti sebegini mampu menarik perhatian murid serta menarik minat murid untuk bersama-sama dalam P&P sehingga tamat waktu belajar.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Dalam kajian ini, kaedah jadual telah digunakan bagi meningkatkan penguasaan murid terhadap penggunaan ‘di’ yang betul dalam ayat. Berdasarkan hasil dapatan kajian, mendapati bahawa kaedah jadual sememangnya dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap penggunaan ‘di’ dalam ayat. Namun, kaedah ini terdapat kelemahan, iaitu kaedah ini tidak sesuai kepada murid yang mempunyai ingatan jangka pendek. Bagi mengatasi masalah ini, teknik nyanyian boleh diaplikasikan. Teknik nyanyian merupakan salah satu cara yang diaplikasikan bagi tujuan mengingat sesuatu perkara dalam pembelajaran. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nur Farhanah bt. Mohd Amin (2011) dan kajian Goh (2011). Teknik ini juga mampu menarik dan mengekalkan minat murid untuk belajar (Mohamad Lutfi bin Mat Saad, 2011).

PENUTUP

Dalam bidang pendidikan, kajian tindakan dilaksanakan bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran guru seterusnya membangunkan profesionalisme keguruan melalui peningkatan kefahaman serta kesedaran kendiri. Inovasi dan pembaharuan yang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berupaya membantu murid menyelesaikan masalah pembelajaran. Pelaksanaan kajian tindakan yang berpandukan model penyelidikan tindakan, iaitu Model Kurt Lewin (1978) telah berjaya meningkatkan penguasaan kata sendi nama ‘di’ dan imbuhan awalan ‘di’ dalam kalangan murid Tahun Lima Kuning dengan menggunakan jadual.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2001). Pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu: masalah dalam kalangan pelajar bukan melayu. *Jurnal Bahasa*. Diperoleh daripada: <http://www.jurnalbahasa.dbp.my/>
- Baba & Ishak. (2009). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM. Universiti Tun Hussein Onn. Diperoleh daripada: <http://eprints.utm.edu.my/>
- Faridah Nazir & Tuan Jah Tuan Yusof. (2013). *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fauzi Amir Gur. (2010). *Kesalahan bahasa dan cara mengatasinya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wong Siew Wei & Magdeline Nor

- Goh, M.L. (2011). Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid tahun tiga. *Jurnal Penyelidikan Tindakan*. IPG KBL Tahun 2011, 5, 24-35. Diperoleh daripada: <http://www.ipbl.edu.my/>
- Mohamad Lutfi Mat Saad. (2011). Penggunaan kaedah nyanyian dapat menarik minat dan meningkatkan kemahiran membaca perkataan (vkv, kvkv, vkvk, kvvk) murid prasekolah. *Seminar Penyelidikan Tindakan*. IPG Kampus Sultan Abdul Halim. Diperoleh daripada: <http://www.ipsah.edu.my/>
- Nur Farhanah Mohd Amin. (2011). Keberkesanan kaedah nyanyian dalam meningkatkan ingatan murid tahun 5 bagi tajuk 'kitaran air'. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Perguruan (dengan Kepujian)*, Kuala Terengganu, Terengganu: Institut Pendidikan Guru Dato' Razali Ismail. Diperoleh daripada: <http://www.ipdri.edu.my/>
- Ormardin Ashaari. (2011). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainudin Abu Bakar & Mohd. Rashidi Mat Jalil. (2007). Keberkesanan kaedah petak sifir dalam penguasaan fakta asas darab dalam matematik tahun 4: *satu kajian di Sekolah Kebangsaan Mersing Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada: <http://www.eprints.utm.edu.my/>

Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: [1xiuweiemily@gmail.com](mailto:xiuweiemily@gmail.com), [2magsmks@yahoo.com.my](mailto:magsmks@yahoo.com.my)

PENGGUNAAN KATA TANYA MENINGKATKAN HURAIAN ISI KARANGAN JENIS FAKTA MURID TAHUN 4

**YEO GEK CHIENG¹
MAGDELINE NOR²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid Tahun 4 menghuraikan isi karangan jenis fakta dengan menggunakan kata tanya. Model kajian yang digunakan ialah Model Kemmis. Lima orang murid tahun 4 dipilih sebagai subjek kajian berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan subjek kajian tidak dapat menghuraikan isi karangan jenis fakta. Cara mengumpul data ialah melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan kelima-lima subjek kajian bersetuju bahawa penggunaan kata tanya dapat membantu mereka untuk menghuraikan isi karangan jenis fakta. Sebagai penyelidik, kajian ini juga membantu untuk meningkatkan prestasi murid-murid. Cadangan tindakan lanjut ialah menggunakan kata tanya untuk menulis karangan jenis lain dan mencari isi-isi penting dalam soalan pemahaman.

Kata kunci: kata tanya, huraihan isi karangan jenis fakta.

ABSTRACT

This action research conducted to help Year 4 pupil to elaborate the expository essay by using question words. Model Stephen Kemmis is used in this action research. Five of year 4 pupils chosen to be subject of study based on reflection of teaching and learning which show that subject of study couldn't elaborate expository essay. Method of collecting data are observation, interviews and document analysis. The result research showed all five subjects agreed that using question words can help them to elaborate expository essay. As a researcher, this action research also can help to improve pupils achievement. Further reasearch plans are by using question words to write expository essay and to find the main point in comprehension question.

Keywords: questions word,elaborate the expository essay

PENGENALAN

Kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid. Sebuah karangan dianggap baik jika memenuhi sekurang-kurangnya 3 aspek dalam penulisan iaitu isi yang cukup, logik, huraihan yang tepat, penyusunan yang baik dan gaya bahasa yang menarik. (Lembaga Peperiksaan, 2008). Penguasaan dalam kemahiran menulis

membolehkan murid-murid melahirkan idea dan pendapat serta pandangan mereka melalui penulisan. Penggunaan pengurusan grafik seperti peta minda masih di tahap rendah di Malaysia dan ini tidak menggalakkan murid untuk lebih kreatif dan kritis. Menurut Tee dan rakan-rakan (2009), peta minda adalah suatu lakaran yang mempunyai tajuk atau tema di bahagian tengahnya dan beberapa garisan yang dikembangkan dari sekelilingnya untuk menggambarkan idea-idea penting serta dengan cabang-cabang kecil ini sebagai huraianya. Menurut Tatabahasa Dewan, kata tanya bermaksud perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu. Fungsi kata tanya ialah untuk mengemukakan soalan atau membuat pertanyaan.

FOKUS KAJIAN

Kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai murid-murid terutamanya murid-murid tahap II. Berdasarkan pengalaman praktikum, saya mendapati murid-murid Tahun 4A lemah dalam penulisan jenis fakta bahasa Melayu. Dalam proses pengumpulan data awal, saya mendapati bahawa murid-murid lemah dalam menulis isi dan menghuraikan isi karangan jenis fakta bahasa Melayu. Murid-murid didapati dapat memahami tajuk karangan yang diberikan. Murid juga dapat menulis isi yang menepati tajuk yang diberikan. Penggunaan peta minda dan kata tanya telah saya gunakan untuk membantu murid-murid bagi meningkatkan kemahiran huraian isi karangan. Pemilihan fokus kajian saya ini adalah bagi membantu seterusnya meningkatkan prestasi murid-murid dalam ujian penulisan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) meningkatkan kemahiran murid-murid untuk menghuraikan isi karangan jenis fakta melalui penggunaan kata tanya.
- b) mengenal pasti kesan penggunaan kata tanya dalam mengurai isi karangan jenis fakta bagi murid tahun 4.

Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- a) Dapatkah penggunaan kata tanya dapat meningkatkan kemahiran mengurai isi karangan jenis fakta?
- b) Apakah kesan penggunaan kata tanya dalam mengurai isi karangan jenis fakta bagi murid tahun 4?

PESERTA KAJIAN

Murid yang terlibat adalah 5 orang murid tahun 4 yang tidak dapat menguasai penulisan karangan jenis fakta bahasa Melayu. Pemilihan murid tersebut dilakukan berdasarkan penilaian terhadap hasil kerja murid melalui lembaran kerja yang diberikan sebelum kajian dijalankan. Murid-murid yang

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

dipilih terdiri daripada tiga orang perempuan dan dua orang lelaki. Tiga orang murid berbangsa Iban, manakala dua orang lagi masing-masing berbangsa Kayan dan Melayu.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menggunakan Model Kemmis dan McTaggart sebagai panduan sepanjang melaksanakan kajian tindakan ini. Dalam Model Kemmis dan McTaggart, terdapat empat langkah utama, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pada permulaannya, saya telah meminta murid-murid menulis karangan jenis fakta. Saya akan memberi idea terhadap isi yang perlu disampaikan dalam karangan tersebut. Kemudian, saya meminta murid-murid untuk mengembangkan idea masing-masing. Pada peringkat awal, saya telah membimbing murid-murid untuk mengetahui format karangan dengan betul, iaitu mempunyai pengenalan, isi dan penutup. Peta minda adalah suatu lakaran yang mempunyai tajuk atau tema di bahagian tengahnya dan beberapa garisan yang dikembangkan dari sekelilingnya untuk menggambarkan idea-idea penting serta dengan cabang-cabang kecil ini sebagai huraianya.

Pada mulanya memperkenalkan konsep dan cara menggunakan kata tanya untuk menghuraikan isi karangan. Pada peringkat awal, saya membimbing murid-murid ketika melakukan aktiviti penulisan. Apabila murid mula mahir, saya bertindak sebagai pemerhati. Zalekha Binti Hj Elie (2005) telah mengaplikasikan peta minda dan kata soal dalam sesi pengajaran dan pembelajarannya untuk membantu murid-murid mencari isi utama karangan mereka. Oleh itu, saya telah merancang satu tindakan menggunakan peta minda dan kata tanya untuk membantu murid-murid saya meningkatkan kemahiran menghuraikan isi karangan.

Teknik pengumpulan data yang saya gunakan dalam kajian tindakan ini ialah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Melalui kaedah analisis dokumen, saya akan dapat informasi-informasi benar berdasarkan dokumen yang dikumpul. Selain itu, kaedah analisis dokumen ini juga membolehkan saya membandingkan data yang terdapat dalam sesuatu dokumen dengan data daripada sumber lain (Lambert, 2012). Saya telah menganalisis latihan karangan murid-murid. Peta minda juga digunakan untuk memudahkan murid-murid menyusun isi karangan. Akan tetapi, peta minda tidak dianalisis sebaliknya berfungsi sebagai panduan kepada murid-murid untuk menghuraikan isi karangan. Analisis kandungan karangan bermula dengan aspek isi karangan sama ada memenuhi tajuk karangan. Memeriksa latihan karangan murid secepat mungkin perlu agar murid-murid tahu tentang kelemahan atau pencapaian mereka.

Kaedah pemerhatian dibuat ketika aktiviti menulis dijalankan. Kaedah pemerhatian lebih menumpukan kepada pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. David Lim Chong Lim dan rakan-rakan (2011) yang menyatakan bahawa pemerhatian merupakan satu teknik pengutipan data dengan memerhati tingkah laku subjek kajian secara langsung. Pemerhatian yang dijalankan dapat mengetahui kebolehan murid-murid membina peta minda dan

kesesuaian kata tanya yang digunakan untuk menhuraikan isi karangan. Pengekodan data juga saya lakukan bagi menganalisis tentang tingkah laku murid-murid ketika kajian dijalankan. Melalui analisis data dari borang pemerhatian, saya akan dapat mengetahui tingkah laku murid-murid sama ada berubah atau tidak berubah. Perbandingan antara sikap sebelum dan selepas kajian juga saya lakukan.

Teknik temu bual pula digunakan untuk mengetahui respon atau pandangan murid terhadap kaedah yang digunakan oleh saya. Responden boleh mengutarakan sama ada kaedah yang digunakan oleh saya membantu mereka untuk meningkatkan penulisan. Penggunaan peta minda dapat menarik minat mereka untuk menulis karangan ataupun tidak. Saya juga telah menjalankan sesi temu bual secara bersemuka dengan responden-responden setelah segala lembaran kerja diselesaikan oleh murid-murid.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan kata tanya dalam menghurai isi karangan jenis fakta murid tahun 4

Penggunaan kata tanya terbukti dapat meningkatkan huraian isi karangan murid-murid. Isi karangan murid-murid juga lebih tersusun dan kemas. Dari segi isi karangan didapati murid-murid menunjukkan peningkatan. Peta minda berfungsi menjadi panduan untuk murid-murid bagi menyusun idea-idea utama.

Murid-murid telah memberi contoh dan membuat huraian yang bersesuaian berdasarkan kata tanya yang digunakan bagi menghuraikan isi utama. Penggunaan peta minda dan kata tanya dapat meningkatkan huraian isi karangan jenis fakta bahasa Melayu Tahun 4 adalah terbukti berdasarkan kajian yang telah saya jalankan. Ini terbukti melalui latihan yang dijalankan oleh murid-murid yang menunjukkan perubahan positif dalam menghurai isi karangan. Berikut merupakan analisis peningkatan bilangan huraian isi yang berjaya dilakukan oleh murid-murid.

Jadual 1

Jadual analisis bilangan huraian isi karangan

Murid	Latihan 1		Latihan 2		Catatan
	Isi	Huraian	Isi	Huraian	
R1	Isi 1	1	Isi 1	1	Huraian bertambah
			Isi 2	2	
R2	Isi 1	1	Isi 1	2	Huraian bertambah
			Isi 2	1	
R3	Isi 1	0	Isi 1	2	Huraian bertambah
	Isi 2	0	Isi 2	2	
R4	Isi 1	0	Isi 1	2	Huraian bertambah
	Isi 2	1	Isi 2	1	
R5	Isi 1	0	Isi 1	1	Huraian bertambah

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Melalui Jadual 1, latihan 1menunjukkan hasil penulisan murid-murid sebelum penggunaan kata tanya diperkenalkan. Murid-murid lemah dalam menghurai isi karangan jenis fakta. Namun, selepas pengajaran penggunaan kata tanya untuk menghuraikan isi karangan jenis fakta, murid-murid dapat menghuraikan isi karangan. Huraian murid-murid bertambah bagi setiap isi yang disenaraikan.

Walaupun murid-murid menunjukkan prestasi yang tidak konsisten, namun penggunaan kata tanya berjaya memperbaiki penulisan murid-murid terutama dalam menghuraikan isi karangan. Isi karangan murid-murid lebih tersusun dan sistematik. Penghuraian isi murid-murid juga bertambah baik. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas Zalekha Haji Elie (2005) dan Freddy Xaviers Jamil (2010). Kedua-dua kajian ini menunjukkan hasil positif dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu penggunaan peta minda dan kata tanya. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dan kata tanya dapat memperbaiki pengolahan isi karangan dan meningkatkan markah penulisan murid-murid.

Manakala dari segi susunan isi pula, murid-murid menggunakan peta minda untuk menyatakan isi utama dan huraian isi. Isi pertama berserta huraian ditulis dalam satu perenggan. Ini dapat mengelakkan murid keliru dan menulis contoh yang tidak bersesuaian dengan isi utama yang diberikan. Selain itu, melalui pemerhatian, saya juga mendapati penggunaan peta minda memudahkan murid-murid untuk menyusun isi dan menghuraikan isi utama. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dan kata tanya berjaya membolehkan murid-murid menghuraikan isi karangan dengan lebih baik. Dari segi susunan isi pula, murid-murid dapat menyusun isi karangan dengan baik. Ini membolehkan pembaca atau penyemak penulisan murid-murid lebih senang untuk membaca seterusnya memahami hasil penulisan mereka.

Hasil data analisis latihan murid yang menunjukkan bahawa penggunaan kata tanya untuk menghurai isi karangan jenis fakta disokong dengan data temu bual bersama murid-murid. Dalam temu bual yang dijalankan, didapati murid-murid lebih senang untuk menyusun isi berbanding sebelum ini. Huraian isi yang ingin disampaikan juga lebih tersusun. Dalam temu bual yang dijalankan, saya telah bertanya tentang kebaikan menulis karangan jenis fakta dengan menggunakan peta minda dan kata tanya. Berikut merupakan hasil temu bual yang dijalankan.

Banyak kebaikan juga. Saya dapat fikir isi dulu dan catat pada peta minda. Tapi kadang-kadang saya keliru nak guna kata tanya.

(TBR1)

Saya dapat bina peta minda. *Pastu* hurai isi. Kemudian, karangan saya lebih panjang.

(TBR2)

Banyak...hrmm..susun isi mudah. Nak hurai isi pun senang.

(TBR3)

Dapat hurai isi. Susun pada peta minda.

(TBR4)

Dapat fikir banyak isi. *pastu* hurai.

(TBR5)

Melalui temu bual ini, murid-murid menyatakan bahawa penggunaan kata tanya untuk huraian isi memberi banyak kebaikan kepada mereka ketika menulis karangan jenis fakta. Dengan menggunakan kata tanya, murid-murid berpendapat bahawa huraian isi karangan dapat dilakukan. Selain itu, susunan isi karangan murid-murid juga lebih kemas dan teratur. Ini bermakna murid-murid berjaya menghuraikan isi karangan berdasarkan penggunaan peta minda dan kata tanya.

Kesan penggunaan peta minda dan kata tanya untuk menghurai isi karangan jenis fakta bagi murid tahun 4

Penggunaan kata tanya amat berkesan dalam menghurai isi karangan jenis fakta murid-murid. Murid-murid dapat menghuraikan isi karangan dengan lebih baik, tersusun dan kemas. Melalui pengalaman sepanjang praktikum, saya menyedari bahawa hubungan guru dan murid amat penting bagi mewujudkan komunikasi dan kerjasama yang baik semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ketika mengajar tentang penulisan, didapati murid-murid menunjukkan tingkah laku yang negatif. Justeru saya cuba untuk menarik perhatian murid-murid menerusi penggunaan peta minda menyusun isi dan menggunakan kata tanya ketika menghuraikan isi karangan jenis fakta. Melalui peta minda, murid-murid diberi kebebasan untuk mencorakkan, tetapi isi utama yang ditulis pada peta minda mestilah jelas. Kemudian barulah murid-murid menggunakan kata tanya yang bersesuaian bagi menghuraikan isi karangan.

Melalui pemerhatian yang saya lakukan dari segi tingkah laku, murid-murid mula menunjukkan minat ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung berbanding sebelumnya. Selepas penggunaan peta minda dan kata tanya dijalankan, didapati murid-murid berubah dari segi tingkah laku. Sebelum saya mengajar tentang penggunaan kata tanya kepada murid-murid, mereka menunjukkan sikap yang negatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Jadual 2 menunjukkan pemerhatian berstruktur yang saya jalankan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2

Pemerhatian tingkah laku (sebelum)

M	Berbual semasa pengajaran dan pembelajaran	Membuat kerja lain	Menganggu rakan lain	Bertanya mengenai aktiviti yang dijalankan	Meniru	CATATAN
R1	/	/	/			
R2	/	/			/	
R3		/	/		/	
R4		/			/	
R5	/	/			/	

Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Saya telah menjalankan pemerhatian berstruktur sebelum dan selepas kajian ini. Saya telah membuat pemerhatian terhadap tingkah laku murid-murid sama ada menumpukan perhatian atau tidak semasa guru mengajar. Saya telah menyediakan senarai semak untuk digunakan ketika pemerhatian dijalankan. Aspek yang saya nilai ialah berbual semasa pengajaran dan pembelajaran, membuat kerja lain, menganggu rakan lain, bertanya mengenai aktiviti yang dijalankan dan meniru. Sebelum kajian dijalankan, saya mendapati murid-murid tidak fokus dalam kelas. Mereka kerap kali berbual dan membuat kerja lain. Selain itu, murid-murid tidak pernah bertanya tentang tugas yang diberikan. Kebanyakkan mereka meniru ketika membuat latihan. Namun selepas saya mengajar tentang penggunaan kata tanya untuk menghuraikan isi karangan, perubahan tingkah laku murid dapat dikenal pasti. Jadual 3 menunjukkan perubahan tingkah laku murid.

Jadual 3

Pemerhatian tingkah laku (selepas)

M	Berbual Semasa Pengajaran Dan pembelajaran	Membuat Kerja lain	Menganggu rakan lain	Bertanya mengenai aktiviti yang dijalankan	Meniru	CATATAN
R1	/					Bercakap untuk bertanya dengan rakan tentang latihan.
R2				/		
R3	/			/		
R4				/	/	Meniru hasil peta minda orang lain.
R5	/				/	Meniru hasil peta minda orang lain.

Selepas mengajar tentang penggunaan peta minda dan kata tanya, murid-murid mula menunjukkan perubahan tingkah laku apabila mereka bertanya tentang aktiviti yang dijalankan. Ini menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif. Murid-murid (R4 dan R5) juga meniru hasil kerja murid-murid lain. "meniru" dalam situasi tersebut adalah kerana mereka ingin melihat hasil peta minda rakan-rakan lain. Manakala berlainan pula dengan R1, R2 dan R3, mereka berbual ketika aktiviti dijalankan. Menerusi pemerhatian saya, perbualan mereka berkaitan dengan kata tanya yang harus digunakan untuk menghuraikan isi karangan. Ianya bukan berbual kosong tetapi perbincangan yang melibatkan latihan penulisan yang dijalankan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dan kata tanya memberi kesan positif kepada murid-murid.

Esah (2003) menyatakan bahawa guru hendaklah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran semasa menyediakan aktiviti untuk mereka. Sikap murid berubah apabila saya telah menggunakan peta minda dan kata tanya untuk mengajar tentang karangan jenis fakta. Murid-

murid mula berminat untuk melukis peta minda. Perubahan sikap ini membolehkan saya lebih yakin dan lebih bersemangat untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, melalui analisis latihan murid-murid juga mendapati murid-murid dapat menghuraikan isi karangan jenis faktar dengan baik berbanding sebelum ini.

Melalui temu bual pula saya telah menanyakan tentang kefahaman murid-murid tentang penggunaan kata tanya. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Mmm ... faham.

(TBR1)

Agak faham cikgu.

(TBR2)

Ya cikgu. Saya faham.

(TBR3)

Faham.

(TBR4)



...faham cikgu...

(TBR5)

Hasil daripada temu bual bersama murid-murid mendapati bahawa mereka faham tentang penggunaan kata tanya. Ini disokong melalui hasil latihan murid yang menunjukkan mereka telah berjaya meningkatkan huraian isi karangan dengan menggunakan peta minda dan kata tanya. Hasil karangan murid adalah seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4

Huraian isi karangan murid



Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTBMM 2017)

Jadual 4 menunjukkan hasil penulisan selepas menggunakan kata tanya untuk menulis karangan jenis fakta. Murid-murid didapati dapat menghuraikan isi karangan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan kata tanya dapat membantu meningkatkan huraian isi karangan jenis fakta.

REFLEKSI

Penyelidikan Tindakan ini telah banyak membantu saya dalam memperbaiki mutu dan gaya pengajaran saya. Suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan dinamik telah membuatkan murid-murid lebih berminat seterusnya menguasai ilmu yang diajarkan. Kajian Tindakan ini juga membantu saya mempelbagaikan cara pengajaran saya bagi karangan berpandukan kata tanya sebagai langkah untuk meningkatkan kemahiran menulis murid-murid. Selain itu, penggunaan peta minda dapat meningkatkan kemahiran menganalisis seseorang. Saya telah mempelajari perkara baharu yang pelbagai berkaitan dengan kemahiran mengarang dan menjadikan saya lebih yakin untuk mengajar karangan selain dapat menambah baik amalan pengajaran saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Pengalaman dalam penyelidikan tindakan ini juga menyedarkan saya sebagai guru Bahasa Melayu agar prihatin akan masalah murid-murid.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini kepada kitaran yang seterusnya. Saya mendapati kaedah penggunaan peta minda dan kata tanya dapat membantu murid-murid menulis karangan jenis fakta dalam bilik darjah. Saya ingin menggunakan kaedah ini untuk menulis karangan jenis lain seperti keperihalan, perbahasan dan surat rasmi. Selain itu, saya mendapati bahan bantu belajar seperti permainan dapat meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu konsep. Bahan bantu belajar yang menarik dan pelbagai dan sesuai dengan aras murid juga bertindak sebagai bahan perangsang kepada murid-murid untuk memahami sesuatu konsep.

PENUTUP

Guru seharusnya sentiasa memantau pemahaman dan pencapaian murid dari semasa ke semasa. Oleh itu, tahap pencapaian murid perlu dinilai dengan tepat dan teliti serta direkod secara berterusan untuk membolehkan guru melihat perkembangan selanjutnya. Namun, untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, penggunaan bahan bantu mengajar yang realistik dan nyata serta berbentuk audio visual perlu lebih kerap digunakan supaya murid dapat memahami sesuatu konsep dengan jelas. Hal ini perlu terutama kepada murid-murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran menulis, iaitu lemah dalam pengamatandan sukar membuat perkaitan dengan konsep pembelajaran. Penguasaan murid yang pandai pula dapat diperkuuh dan diperkaya lagi. Penggunaan internet dan komputer dengan perisian yang menarik dan interaktif oleh guru amat digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

RUJUKAN

- David Chong, L. C. (2011). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Meteor Doc. Sdn Bhd.
- Freddy Xaviers Jamil. (2010). Kesan penggunaan peta minda berunsurkan "Kata Tanya" dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan jenis keperihalan Bahasa Melayu Tahun Lima. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 140-156.
- Haris Fadzilah Kassim.(2002). Masalah menulis karangan di kalangan pelajar tingkatan empat: Satu kajian kes. Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamarudin Haji Husin & Siti Hajar. (1997). *Perkaedah Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Lembaga Peperiksaan Malaysia* (2008). Skema pemarkahan karangan respons terbuka.
- Morrission Jement Jonathan Kibing. (2010). Kesan peta minda dalam meningkatkan kemahiran mengenal pasti isi utama dan isi huraihan karangan Bahasa Melayu murid Tahun lima. *Prosiding seminar penyelidikan tindakan tahun 2010*. IPG KBL, (BM Pendidikan Rendah). Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 211-223.
- Tee, Widad & Yee (2009). Pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi menerusi peta minda bagi meta pelajaran kemahiran hidup. *Persidangan kebangsaan pendidikan sains dan teknologi 2009*. Ms 114-121.
- Wong, P. C. (2009). Penggunaan peta minda dalam meningkatkan prestasi Penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 135-145.
- Yahya Othman. 2005. *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*: Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Zalekha Haji Elle. 2005. Meningkatkan prestasi murid Tahun 5 Jaya dalam penulisan Bahasa Melayu menggunakan Kaedah Minda dan Kata Soal. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan IPBL tahun 2005*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 160-166.

Jabatan Pengajian Melayu

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

Email: ¹yeogekchieng88@gmail.com, ²magsmks@yahoo.com.my

ISBN 978-967-0162-57-7



A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-0162-57-7.

9 789670 162577